



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 56

Khamis

14 November 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 14)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 39)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.31	(Halaman 46)
Maksud B.25	(Halaman 135)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 40)
Anggaran Pembangunan 2020	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.31	(Halaman 46)
Maksud P.25	(Halaman 135)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 14 November 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak berpantun sedikit.

*'Ahli-ahli Yang Berhormat, berbahaslah dengan fakta yang tulen,
Jangan lupa pada malam ini, bola Malaysia lawan Thailand'.*

1. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah yang telah diambil kementerian bagi menangani insiden kebocoran data peribadi (*data breach*) yang dilaporkan berlaku dan sejauh mana keberkesanan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam menangani masalah ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memandang serius isu penyalahgunaan data pengguna oleh individu dan organisasi yang tidak bertanggungjawab. Sebagai langkah kawalan dan pencegahan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menguatkuasakan peruntukan-peruntukan berikut bagi melindungi data pengguna di Malaysia.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua Arahan 24, Majlis Keselamatan Negara telah mewajibkan semua agensi kerajaan dan organisasi yang dikenal pasti sebagai Infrastruktur Maklumat Kritikal Nasional ataupun *Critical National Information Infrastructure* (CNII), termasuk syarikat-syarikat telco untuk mematuhi Standard ISO 27001, *Information Security Management System* yang menekankan perkara-perkara *confidentiality*, *integrity* dan *availability* terhadap sistem maklumat.

Ini bagi memastikan semua agensi dan organisasi kritikal negara mencapai tahap keselamatan yang tertinggi bagi melindungi data mereka daripada dicerobohi. Di peringkat industri telekomunikasi Tuan Yang di-Pertua, Kod Amalan Am Pengeluar Untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia turut menekankan aspek keselamatan data supaya penyedia perkhidmatan dapat mengambil langkah-langkah yang ketat untuk memastikan perlindungan data peribadi pengguna berada di tahap yang tinggi.

Akta Perlindungan Data Peribadi Tahun 2010 ataupun dikenali sebagai Akta 709 di bawah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) bertujuan untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial oleh pengguna data untuk mengelakkan dari salah guna atau disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Akta 709 Tuan Yang di-Pertua, yang berkuat kuasa mulai 15 November 2013 telah mewajibkan pendaftaran pengguna data yang tergolong di bawah 13 golongan pengguna data sebagai salah satu mekanisme pematuhan di dalam pelaksanaan ini.

Selain itu, JPDP juga telah mengeluarkan Standard Pelindungan Data Peribadi yang menetapkan kehendak minimum yang perlu dipatuhi oleh pengguna data iaitu Standard Keselamatan, Standard Penyimpanan dan juga Standard Integriti Data.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, JPDP telah membangunkan Lima Data Amalan ataupun *code of practice* mengikut golongan pengguna data iaitu utiliti, perbankan dan institusi kewangan, insurans, pengangkutan dan telekomunikasi bagi memastikan pematuhan terhadap tujuh prinsip PDP yang menyeluruh dan mengikut kesesuaian operasi dan amalan terbaik perniagaan pengguna data mengikut sektor.

JPDP juga secara terus menerus menganjurkan persidangan perlindungan data peribadi kepada pengguna data berdaftar dan badan berkanun di seluruh negara. Persidangan tersebut telah merangkumi pematuhan tujuh prinsip PDP, standard PDP dan hal-hal berkaitan penguatkuasaan serta sesi perkongsian ilmu oleh pengguna data.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai aktiviti penguatkuasaan terhadap pengguna data seperti mengadakan lawatan pemantauan dan mengadakan pemeriksaan sistem perlindungan data peribadi di bawah seksyen 101, Akta 709 telah dan sedang giat dilaksanakan bagi memantapkan dan meningkatkan sistem tadbir urus dalam mengendalikan data peribadi oleh pengguna data.

Bermula tahun 2017, JPDP telah menggunakan ataupun memulakan dan melaksanakan tindakan pendakwaan dan juga pengkompaunan bagi sesiapa yang melibatkan pelanggaran Akta 709. Sehingga 30 Oktober tahun ini, kes yang telah berjaya diselesaikan adalah seperti berikut di mana lima orang kena saman telah didakwa di mahkamah dengan jumlah denda sebanyak RM54,000 dan seterusnya tujuh orang telah dikompaun dengan jumlah kompaun sebanyak RM80,000.

Tuan Yang di-Pertua, promosi dan publisiti secara berterusan dan meluas bagi memberi kesedaran dan juga kefahaman kepada orang ramai mengenai Akta 709 turut dilaksanakan oleh JPDP melalui pelbagai saluran media cetak dan juga elektronik serta kolaborasi bersama persatuan pengguna.

Bagi menambah baik dan memantapkan lagi Akta 709, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan perkembangan semasa, pada masa ini JPDP sedang dalam proses membuat kajian semula Akta 709 dengan mengambil kira perkembangan ekonomi digital dan kepentingan e-Dagang Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penggunaan secara tidak *legal* terhadap data-data daripada *telco* adalah merupakan satu aspek *data security*. Aspek lain seperti yang dilaporkan yang berlaku di Kementerian Kesihatan, *almost 20,000 radiological report* daripada Malaysia digodam. Seperti yang dilaporkan juga, data penumpang Thai Airways, Thai AirAsia, Malindo Air yang melibatkan 46 juta data *passenger* digodam, diakses secara *illegal*. Itu merupakan satu aspek *security, data security* yang harus dilihat oleh kementerian.

Adakah kementerian bercadang, melalui undang-undang, untuk *penalized the organizations that cybercriminal access* kepada data itu? Maknanya, aspek sekuriti itu diletakkan di atas *burden on the organization*. Maknanya, jika ada seperti begini, *data breach* yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan, oleh sistem penerbangan digodam, maknanya organisasi itu akan *dipenalized*. Kita tahu bahawa *data security, data breach* merupakan satu perkara yang sukar dikawal. Tiada *firewalls* yang boleh mengawal *data breach* seperti yang berlaku di sini dan juga berlaku di luar negara— *Panama Paper, Weekly News* dan sebagainya. Itu menunjukkan kepada kita bahawa tiada *firewalls* boleh meletakkan *stop to security breach, data breach*.

Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat Menteri akan menggubal undang-undang untuk meletakkan *burden of security* itu terhadap organisasi? Maknanya, jika ada *data breach* terhadap organisasi, mereka harus *dipenalized* di samping *penalizing the cybercriminal themselves*. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya faham soalan Yang Berhormat Beluran. Sama ada, ada ataupun tidak, kita akan lihat kepada semua pihak yang mempunyai milikan data-data yang dikatakan hasil daripada *data breach*, sama ada kita akan mengambil tindakan, supaya ia lebih luas daripada kita lihat kepada *cybercriminal* yang terlibat.

Saya telah pun menyatakan Yang Berhormat— terlebih dahulu, itu soalan yang cukup baik. Saya telah menyatakan di akhir jawapan saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita dalam proses melihat bagaimana kita boleh memperkuatkan dan juga memperkasakan lagi akta-akta yang berkaitan. Kita dalam proses mendapatkan maklumat daripada pihak-pihak yang berkaitan. Kita masih dalam proses dialog dan sebagainya. Kita lihat daripada banyak sudut.

Ini adalah satu perkara yang juga, pada saya, sangat penting. Ini kerana kita dapat lihat bahawa apabila adanya kebocoran berlaku, maka kita boleh lihat kepada pihak-pihak yang terlibat secara terus dalam isu kebocoran itu. Kebanyakan kali, kalau kita buat siasatan, kita boleh melalui sistem yang sedia ada, kita boleh *trace* bagaimana ia berlaku dan sebagainya.

Akan tetapi, soal berkenaan dengan mereka yang mendapat ataupun memperoleh atau dalam milikan data itu dan data itu sebenarnya adalah data yang diperoleh secara tidak sah, soal ya ataupun tidak, undang-undang juga seharusnya terpakai untuk mereka-mereka tersebut. Ini adalah satu perkara yang kita lihat kerana, pada saya, data itu cukup penting. Kita kena pastikan bahawa apa jua data yang kita gunakan dan kita dapat, kita kena pastikan bahawa ia adalah

daripada proses yang sah. Akan tetapi, dalam masa yang sama, kita lihat bagaimana pergerakan data ini sangat cepat dan ia sangat luas. Jadi, isu ini adalah satu perkara yang kita kena pertimbangkan.

Akan tetapi, saya setuju secara dasar bahawa kita kena perketatkannya. Kalau kita hendak perketatkannya, Yang Berhormat, kita kena lihat kepada semua sudut khususnya lebih luas daripada apa yang berlaku di sekeliling pihak-pihak yang menyebabkan kebocoran itu. Ia juga seharusnya diperkembangkan kepada mereka yang menggunakan data dan sebagainya. Akan tetapi, sebelum keputusan itu dibuat, kita akan mengambil pendapat daripada semua pihak yang terlibat dan kita akan kemudian menimbangkan apakah pindaan ataupun cadangan-cadangan baharu yang kita hendak bawa untuk masalah ini.

Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan kedua, saya jemput Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Saya memandang tinggi data peribadi ini harus ada keselamatannya supaya pengguna dan rakyat Malaysia rasa selamat. Yang Berhormat Menteri sebut tadi pengguna data, orang yang mengambil data dan orang-orang yang menerima data.

Akan tetapi, apa yang saya hendak bangkitkan dan hendak bertanya kepada usaha kementerian ialah bagaimana kita hendak mengawal *cross boundary hackers* ini? Ini kerana *hackers* di Malaysia memang ramai yang menggunakan data-data ini sebagai punca rezeki kepada mereka. Adakah kementerian ada mengambil pegawai-pegawai yang memang *background* mereka adalah penggodam yang terbaik? Kerana apa, kita ada *firewall* macam mana pun, Yang Berhormat Menteri, tetapi kalau kita ada *hackers* yang sangat baik, saya rasa ia tidak akan memberikan kesan kepada *firewall*. Sebab, kes penggodaman ini bukan kali pertama berlaku. Terbaru di Universiti Malaya.

Jadi, saya mengharapkan sangat bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat rang undang-undang yang akan digubal nanti mengambil kira *cross boundary hackers*. Bukan sahaja Malaysia, tetapi satu dunia. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Ini juga satu perkara yang kita lihat. Saya setuju bahawa kita lihat kepada isu *data breach*, ia satu perkara yang bukan boleh kita lihat dari sudut dalam negara kita sahaja. Ia memang satu perkara yang berlaku secara luas. *It's without barriers*. Ia memang boleh dikatakan akan *stretch*, dengan izin, *across barriers*.

Ini adalah satu perkara yang kerap kali kita juga bincang apabila kita sebagai menteri-menteri khususnya di peringkat ASEAN, apabila ada persidangan-persidangan, Tuan Yang di-Pertua, di luar negara, ini adalah satu perkara yang kita berikan fokus. Bagaimana kita ini boleh mewujudkan satu sistem di mana semua negara khususnya dalam rantau ini dan juga lebih luas daripada itu, boleh membantu satu sama lain untuk kita mencegah daripada berlakunya masalah

ini ataupun apabila berlaku masalah sedemikian, bagaimana kita bertindak dengan pantas supaya ia dapat kita sekat dengan cepat. So, ini adalah satu perkara yang kita bincang bukan sahaja di sini tetapi juga di peringkat-peringkat antarabangsa.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan perlunya kepakaran, ini adalah satu perkara yang memang betul, Yang Berhormat. Ini kerana kalau kita lihat kepada bagaimana berlakunya kebocoran dan sebagainya, ini adalah satu perkara yang memerlukan kepakaran yang luar daripada biasa. Memang kita di dalam SKMM kita ada melihat kepada bagaimana kita boleh memastikan bahawa kita ada kepakaran dan juga dalam JPDP yang ada di dalam kementerian saya, memang mereka ini sekarang ada mewujudkan sistem-sistem yang membolehkan mereka melaksanakan siasatan.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, saya akan cadangkan supaya ia diperkukuhkan lagi. Kita perlukan lebih daripada pakar-pakar ini. Kita juga perlukan lebih bantuan dari segi makmal supaya kita dapat memproses bukti-bukti yang ada supaya kita boleh dengan cepat dan pantas menjuru kepada di mana berlakunya masalah itu, bagaimana kita boleh sekat masalah itu daripada terus berlaku dan juga mengelakkannya daripada menjadi lebih besar. Itu adalah satu perkara yang saya rasa perlu diberikan sebagai jaminan kepada orang awam.

Dua perkara, Yang Berhormat. Satu, kita hendak sejauh mana boleh kita sekat daripada berlakunya kebocoran. Akan tetapi, perkara keduanya, kalau berlaku pun kebocoran, kita hendak satu sistem yang memberikan jaminan *and inspires the public* bahawa kita boleh bertindak dengan pantas dan berkesan. So, ini adalah dua perkara yang kita lihat.

Jadi dalam keadaan itu, memang perkara-perkara yang dibincangkan ini meluas. Saya harap bahawa dalam bulan Jun tahun hadapan kita boleh datang ke Dewan ini dan kita boleh bentangkan untuk mendapat pendapat daripada semua Ahli Yang Berhormat bagaimana kita hendak bergerak ke hadapan dalam kita semua menghadapi ancaman kebocoran data ini.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

2. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta Perdana Menteri menyatakan apakah justifikasi kerajaan dalam menetapkan bahawa program tinjauan mesra (*walkabout*) yang turut dianggap sebagai kempen bergerak, perlu memohon permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu memandangkan ianya amalan biasa dalam pilihan raya-pilihan raya umum dan pilihan raya-pilihan raya kecil sebelum ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang di atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerang, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa komited dalam memastikan urusan kempen pilihan raya dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan mengenai keperluan permohonan permit bagi program ataupun aktiviti kempen pilihan raya, seksyen 24B(3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] antara lain telah memperuntukkan seperti berikut:

“Seseorang calon atau ejen pilihan raya boleh, semasa tempoh berkempen—

- (a) mengadakan, memanggil atau mengatur apa-apa perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka; atau*
- (b) memberikan apa-apa ucapan awam terbuka atau syarahan awam terbuka.*

di dalam bahagian pilihan raya yang baginya calon itu bertanding tetapi hanya jika dia memegang suatu permit untuk berbuat demikian yang dikeluarkan kepadanya oleh pegawai polis yang menjaga daerah di mana perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan atau hiburan itu hendak diadakan atau ucapan atau syarahan itu hendak diberikan.”

■1020

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tersebut, ia secara jelas menyatakan bahawa apa-apa perjumpaan awam, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka atau memberikan apa-apa ucapan awam atau syarahan awam terbuka di dalam bahagian pilihan raya di mana calon itu bertanding perlu mendapatkan permit yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meneruskan aktiviti tersebut. Ini memandangkan permit untuk berkempen dan apa-apa syarat permit adalah di bawah bidang kuasa PDRM.

Tujuan permohonan permit tersebut adalah untuk memudahkan urusan pemantauan kempen pilihan raya serta memastikan perkara berkaitan keselamatan dititikberatkan. Walaupun tiada kuasa khusus berkaitan dengan penetapan syarat kepada permit yang dikeluarkan di bawah seksyen 24B(3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, pihak PDRM mempunyai kuasa tersirat ataupun *implied power*, Tuan Yang di-Pertua untuk menetapkan syarat kepada permit tersebut di bawah seksyen 40, Akta Tafsiran 1948/1967, Akta 388 iaitu pihak berkuasa yang mengeluarkan permit iaitu pihak polis boleh mengenakan syarat-syarat yang munasabah, *reasonable*.

Syarat-syarat ini termasuklah syarat yang ditetapkan berkaitan dengan urusan ketenteraman dan juga keselamatan serta memastikan kelancaran aktiviti kempen pilihan raya yang dibuat oleh calon yang bertanding. Syarat-syarat yang ditetapkan dalam permit polis tersebut bukanlah suatu peraturan baru yang dibuat oleh SPR di bawah seksyen 16 dan juga seksyen 17, Akta Pilihan Raya 1958.

Dalam menyelaraskan permohonan permit kempen pilihan raya, SPR percaya bahawa pihak PDRM sentiasa memudah cara setiap permohonan permit kempen pilihan raya yang diterima daripada semua calon atau parti yang bertanding termasuklah semasa pilihan raya kecil (PRK) Parlimen P.165 Tanjong Piai yang sedang berlangsung. Dalam meluluskan sesuatu permohonan ini, pihak polis akan meneliti semua aspek terutama berkaitan dengan soal keselamatan dan juga kepentingan semua pihak yang terlibat.

Syarat-syarat yang ditetapkan berkaitan dengan permit kempen pilihan raya adalah bergantung kepada situasi dan juga keperluan semasa pilihan raya. Ini adalah perlu bagi memastikan proses kempen berjalan dengan lancar, teratur serta terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penyelarasan aktiviti kempen pilihan raya bagi PRK Parlimen P.165 Tanjung Piai ini, keperluan permohonan permit kempen pilihan raya telah dinyatakan bermula daripada mesyuarat penyelarasan pegawai pengurus dan ejen pilihan raya bagi calon parti yang bertanding yang telah diadakan sebaik sahaja selesai proses penamaan calon pada 2 November 2019. Penerangan oleh pihak PDRM semasa mesyuarat menyatakan bahawa apa-apa bentuk kempen pilihan raya hendaklah mendapat permit kempen pilihan raya daripada polis.

Setiap calon parti yang bertanding juga telah dimaklumkan untuk menyatakan jenis program ataupun aktiviti secara jelas di ruangan borang permohonan permit kempen pilihan raya yang disediakan oleh pihak polis. Selain itu, pemakluman permohonan permit kempen pilihan raya telah diberikan penekanan semula khususnya berkaitan aktiviti kempen *walkabout* semasa sesi perjumpaan Ketua Polis Daerah Pontian bersama semua anggota pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya pada 9 November 2019 yang turut dihadiri oleh wakil parti dan juga calon bebas. Perkara ini telah diterima dan difahami oleh wakil parti calon bebas untuk disampaikan kepada calon atau parti mereka masing-masing.

Penekanan berkaitan aktiviti kempen *walkabout* telah disampaikan sekali lagi semasa sesi perjumpaan SPR dengan PDRM, Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) serta semua wakil parti calon bebas dan turut dihadiri oleh calon bebas yang berkaitan pada 11 November 2019. Semasa perjumpaan tersebut, pihak PDRM telah menjelaskan sekali lagi mengenai keperluan permohonan permit aktiviti kempen *walkabout* bagi PRK tersebut. Berhubung dengan perkara ini, sehingga 13 November 2019, parti-parti politik calon bebas yang bertanding bagi PRK Parlimen P.165 Tanjung Piai telah memohon sebanyak 562 permit. Di mana sebanyak 101 permit merupakan permohonan untuk kempen *walkabout* melibatkan semua calon parti bagi PRK tersebut.

Sebahagian daripada permohonan permit *walkabout* ini dibuat dan diluluskan sejak hari pertama kempen pilihan raya bagi PRK Parlimen P.165 Tanjung Piai atau sebelum isu ini berbangkit. Pada hari pertama berkempen, sebanyak 42 permit kempen *walkabout* telah pun diluluskan oleh pihak PDRM.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kenyataan oleh pihak Pengerusi SPR pada dua hari yang lalu iaitu pada 12 November 2019, hanya satu peringatan berkempen kepada calon bertanding di Tanjung Piai susulan perjumpaan dengan pegawai SPR dan juga dengan pihak polis yang telah pun saya sebutkan tadi. Jadi, apabila media telah pun mengeluarkan kenyataan ataupun *press statement* yang telah pun dikeluarkan oleh pihak Pengerusi SPR, maka ramai yang terkejut termasuk Yang Berhormat Pengerang, saya dan ramai Ahli Dewan di sini terkejut dengan kenyataan yang menyatakan pihak SPR telah pun meminta permit-permit itu dipohonkan.

Akan tetapi yang sebenarnya itu adalah terserah kepada pihak polis untuk meluluskan permit tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang soalan tambahan pertama.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri jawapan yang cukup panjang. Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat Menteri tidak menjawab kepada soalan saya sebab bersetuju kah Yang Berhormat Menteri bahawa arahan yang dikeluarkan dibuat dengan niat jahat, *mala fide* kerana dikeluarkan tengah-tengah kempen pilihan raya Tanjong Piai. Malah, Bersih sendiri sebagai *watchdog* pada pilihan raya dan bekas anggota SPR juga menolak logik kepada arahan ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pertama, tentang niat jahat. Kedua, ialah tentang seksyen 24B yang mana Yang Berhormat Menteri kata dalam Akta 5, tentang isu terbuka tetapi rumah itu tertutup. Jadi, interpretasi itu agak salah. Ketiga, Akta Tafsiran Yang Berhormat Menteri katakan itu, ditafsirkan bagi saya ialah pentafsiran penakut. Oleh sebab, mungkin kerajaan takut kalah pada hari Sabtu ini saya tidak tahulah. Akan tetapi, tidak pernah dari segi logik masuk rumah orang hendak buat apa-apa kena minta permit polis ataupun ini negara ke arah komunis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang yang saya rasa tidak mendengar jawapan saya tadi. [*Dewan riuh*] Saya telah pun menjelaskan begitu terang sekali bahawa pada hari pertama apabila pengumuman penamaan calon telah diumumkan, pihak polis dan pihak SPR telah pun mengadakan mesyuarat pada hari pertama bersamaan dengan semua ejen calon, wakil calon di mana pada hari itu 42 permit kempen *walkabout* telah pun diluluskan oleh PDRM.

Jadi itu bukanlah perkara baharu. *On the first day* telah pun diumumkan dan bukan pada masa pertengahan kempen seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat Pengerang. Jadi, kita ada undang-undang yang telah pun ditetapkan dan undang-undang ini telah pun berjalan sejak kemerdekaan lagi.

Jadi, setiap pilihan raya ataupun PRK yang diadakan kita kena pantau dengan undang-undang yang telah pun ditetapkan dan telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Jadi, tuduhan-tuduhan *mala fide* ini saya rasa tidak berasaslah. Yang Berhormat Pengerang, saya rasa kita dalam pilihan raya kecil (PRK) ini, *we are all on the same equal playing field*, di mana kita berkempen untuk merayu undi untuk memastikan parti calon kita menang dalam PRK ini. Itu sahaja. Terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Di sebelah sini, saya jemput **Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Yang Berhormat Bagan Serai, sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi tiga soalan nanti? Ini soalan penting ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bagan Serai, 30 saat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini penting kerana esok Bagan Serai akan turun melakukan *walkabout* khusus kesihatan di kawasan PRK Tanjong Piai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kena ada permit, kena mohon permit.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apakah permit ini diuar-uarkan dikenakan pada lapan PRK yang lepas? Adakah pernah tindakan diambil ke atas mereka yang membuat *walkabout* tanpa permit? Apakah kesan kepada calon? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Daripada rekod yang dimiliki oleh pihak SPR, dalam lapan PRK yang telah pun diadakan tidak ada kesalahan yang telah pun dilakukan terhadap *walkabout* ini. Jadi setakat ini jawapannya ialah tidak ada. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Soalan tambahan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ada masa lagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta, minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan, MQT hanya ada dua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Soalan ini penting.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Akan tetapi ada masa lagi ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Persoalan ini penting ini sebab kita sudah beratus kali sudah pilihan raya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 10.30 pagi MQT sepatutnya sudah habis sudah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tiba-tiba Tanjong Piai ini ia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ada undang-undang semasa pilihan raya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Saya jemput Yang Berhormat...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Semasa merdeka sampai sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Yang Berhormat...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Kenapa baru sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Ledang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Dikeluarkan, yang pertama...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Untuk mengemukakan soalan

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Soalan kedua kenapa SPR yang membuat kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Fasal apa polis tidak buat kenyataan?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...SPR yang buat kenyataan. Undang-undang ini sudah lama berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang kalau tidak mendapat izin daripada saya, duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Sebelum mengemukakan soalan, ada dua pantun ringkas alu-aluan.

'Dalam pantun ada seloka,

Mari alu-alukan wanita DUN Serkam, Melaka.

Kalau ke Tanjung Piai singgah di Kahang,

Mari alu-alukan Skuad Sukarelawan Maran Pahang.'

3. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kementerian bagi mengawal penjualan *vape* atau rokok elektronik yang kini menjadi trend serta tarikan terutama remaja dan budak sekolah dan apakah status kempen larangan merokok di premis makanan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Ya, masalah rokok elektronik atau *vape* telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak mutakhir ini termasuklah di Malaysia. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, *is a global phenomenon*, satu epidemik global yang hari ini kalau dengan izin saya gunakan satu istilah baharu yang dinamakan *vaping-related illnesses* (EVALI) ataupun penyakit-penyakit pencetus *vape* di paru-paru, organ paru-paru yang dikemukakan oleh *Centres for Disease Control and Prevention* dan FDA Amerika Syarikat.

Rokok elektronik yang menggunakan cecair bernikotin adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952 Yang Berhormat. Di bawah akta ini, sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik adalah dilarang penjualannya kecuali oleh farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar.

Pengedarannya pula dan pembekalannya akan sebarang persediaan mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada pihak berkuasa, kawalan

dadah ataupun *drug control agency* di mana peruntukan itu adalah di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan juga Akta Jualan Dadah 1952. Sesiapapun yang mengedar atau membekalkan sebarang persediaan yang mengandungi nikotin tanpa kelulusan adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang, pihak Kementerian Kesihatan telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membincangkan strategi dan langkah-langkah untuk memastikan masalah penggunaan rokok elektronik atau *vape* di kalangan pelajar sekolah dapat kita bendung. Di antara langkah yang telah diambil KKM adalah aktiviti penguatkuasaan terhadap penjualan rokok elektronik yang mengandungi cecair nikotin dan penggunaan rokok elektronik di kalangan mereka yang berumur 18 tahun dan ke bawah.

Di bawah peruntukan Akta Racun 1952, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM telah menjalankan tindakan penguatkuasaan di seluruh Malaysia pada 31 Oktober yang lalu. Penguatkuasaan ini adalah menumpu kepada kedai-kedai penjualan rokok elektronik atau *vape* berhampiran sekolah terutamanya serta yang mendapat akses kepada pelajar-pelajar seperti kedai-kedai runcit, kedai gajet dan kedai peralatan rokok elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua mengenai penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan, KKM sedang giat menjalankan penguatkuasaan pendidikan dan sehingga kini, sebanyak 146,607 buah premis makanan telah diperiksa dan 31,422 notis telah dikeluarkan sebagai amaran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27,759 buah premis telah diberikan amaran kerana gagal meletakkan tanda larangan merokok serta 3,889 notis dikeluarkan bagi orang yang didapati merokok di kawasan kedai makan.

Sejumlah 23,805 aduan pula telah diterima semenjak Januari 2019 sehingga 3 November tahun ini. Tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap perokok yang ingkar akan larangan merokok di semua premis makanan akan bermula pada 1 Januari 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang cukup menjelaskan tadi. Saya percaya sebenarnya apa yang kita bimbangkan ialah berkenaan dengan remaja dan pelajar sekolah, itu yang terutamanya dari segi kesan daripada *vape* dan juga rokok elektronik.

Pada masa yang sama juga, kita juga ingin bertanya sebagai soalan tambahan saya iaitu apakah statistik kejayaan perkhidmatan klinik berhenti merokok dalam membantu perokok untuk meninggalkan aktiviti merokok? Pada masa yang sama, apakah tindakan pihak kementerian dalam memastikan supaya tidak pula bertambah premis tambahan di mana kebanyakan daripada premis makanan mungkin telah mengehadkan larangan merokok tetapi mereka merokok tiga meter dan di luar tiga meter itu pula telah bertambah dengan mereka yang merokok.

Pada masa yang sama, saya faham dan sedar ada kemungkinan persatuan-persatuan juga membangkitkan tentang isu *vape* sebagai ekonomi, boleh menjejaskan ekonomi anak muda.

Jadi, perkara-perkara ini saya ini saya harap dapat perhatian daripada pihak kementerian supaya diurus dengan sebaik-baiknya tanpa menjejaskan mana-mana pihak, khususnya kita ambil kira risiko dan bahaya kepada sekunder, mereka yang pasif merokok dan kepada anak-anak muda dan remaja. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Walaupun ada di sana beberapa aspek kepada soalan yang saya kira lebih panjang daripada soalan asal sebenarnya. Adapun kalau mahukan statistik saya boleh berikan tetapi tidaklah dapat saya ungkapkan segera kerana itu adalah merupakan satu yang spesifik mungkin saya jawab dengan panjang, pegawai-pegawai saya boleh ataupun menghantarnya sekarang ataupun saya berikan dalam jawapan bertulis.

Apa-apa pun saya ingin sebutkan bahawa dari segi sambutan dan golongan yang menyambut program mQuit kami di KKM adalah sangat baik. Sehingga kini kalau boleh saya sebutkan yang berdaftar untuk mQuit adalah seramai 20,800 orang sejak kita mulakan. Ini adalah program mQuit dengan kejayaan 32 peratus yang kita *target*.

Ya, kita memang sangat bimbang dengan remaja dan pelajar-pelajar di sekolah. Persoalannya adalah hari ini dalam persoalan *vaping* ini dan kesan-kesan keracunan ataupun *toxicity*nya masih lagi dalam kajian betul tetapi telah terbukti bahawa *offending chemical* ataupun yang paling terkini adalah satu bahan yang didapati ia terdapat dalam *chest X-ray which an oily component* yang telah dikenal pasti sebagai vitamin E *acetate*.

Ini merupakan bahan yang berada pada hampir keseluruhan *chest X-ray* yang dibuat penyelidikan ke atas *patient*. Ini adalah satu yang sangat mencemaskan walaupun bahan itu berada pada satu *foods and supplement* dan juga kepada krim penggunaan secara dermatologi, secara kulit tetapi ia dari sudut *inhaling toxicity*, ia membuat apa yang diistilahkan hari ini sebagai EVALI or the a lung induce diseases kerana *vape*.

■1040

Secara lebih tepat soalan tadi yang *expect* bagaimana tadi yang ketiganya tadi adalah apa ya Yang Berhormat Ledang kalau boleh diulangi. Saya sudah jawab *mQuit*, saya sudah jawab...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: *Extended* premis makanan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Kesemuanya ini ketika kita telah membuat larangan ke atas tempat-tempat makan awam itu akan kita kuatkuasakan berdasarkan sebaik sahaja pada 1 Januari 2020 Tuan Yang di-Pertua dan *insya-Allah* yang pentingnya adalah penguatkuasaan dan kita merasakan pilihan tiga meter ataupun 10 meter itu atas dasar kajian ia bukan secara *arbitrary* macam itu.

Sebagai *passive smoker* jarak yang akan dapat mengurangkan secara signifikan kesan keracunan *passive smoker* ataupun perokok sekunder itu adalah 10 meter. Jadi kita sedang bekerjasama dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan (KPKT) untuk memastikan bagaimana untuk kita laksanakan sebaiknya

penguatkuasaan larangan merokok di tempat-tempat makan awam ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak merujuk kepada Program mQuit yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sasarannya ialah 20,800 yang berdaftar dan sasaran ialah 32 peratus. Soalan saya ialah sejauh mana yang telah berjaya, berapa peratus yang telah berjaya dalam program ini.

Keduanya, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk mengadakan kerjasama dan minta pandangan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung dengan penggunaan *vape* dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya selalu diingatkan oleh pihak sahabat-sahabat daripada pembangkang khususnya daripada Parti Islam Se-Malaysia untuk saya gembelngkan dan rangkumkan penyertaan libat urus bersama ulama-ulama dan Majlis Fatwa.

Sebenarnya saya sentiasa dalam apa pun tindakan saya merujuk kepada mufti khususnya Mufti Wilayah Persekutuan dan perkara-perkara ini adalah kerana ia bersangkutan dengan persoalan kemaslahatan, penjagaan nyawa, akal dan sebagainya sebab *maqasid syariah* itu adalah satu yang sentiasa kami ambil kira dan sentiasa melibatkan golongan agamawan khususnya mufti-mufti yang memberikan pandangan-pandangan mereka.

Saya yakin kita akan terus mendapat sokongan dan dukungan daripada semua pihak kerana ini yang dimaksudkan dengan tindakan-tindakan yang bersifat *whole of government* atau hari ini dalam bahasanya WOG (*whole of government*) dan juga *whole of society*, penglibatan seluruh masyarakat. Kita hanya akan berjaya apabila kita melibatkan bukan saja semua agensi dan kementerian tetapi lebih penting juga apa yang dikatakan sebagai *the whole of society*, libat urus dan penglibatan, keterlibatan semua pihak terutama dari segi sini adalah yang dimaksudkan tadi adalah peranannya agamawan khususnya Majlis Fatwa, khususnya mufti-mufti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri Tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]** minta Menteri Kewangan menyatakan peruntukan tahunan disediakan kerajaan untuk menyelenggarakan aset kerajaan seperti jalan raya, sekolah, hospital, rumah kos rendah di seluruh negara dari tahun 2015 hingga 2019 dan apakah kerajaan bercadang memberi keutamaan lebih tinggi bagi menyelenggarakan aset-aset ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jeli. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan yang sebahagian besarnya merangkumi pelbagai keperluan penyelenggaraan dan pembaikan termasuk menyelenggarakan aset kerajaan seperti jalan raya, sekolah, hospital dan rumah kos rendah di seluruh negara.

Berikut merupakan peruntukan mengurus yang disediakan bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan dari tahun 2015 sehingga 2019.

Tahun	Peruntukan (RM)
2015	999 juta /9.9 hampir 10 bilion
2016	8.219 bilion
2017	7.554 bilion
2018	7.688 bilion
2019	6.344 bilion

Kadang-kadang kita memfokuskan kepada pembinaan projek-projek baharu tanpa menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk penyelenggaraan aset sedia ada yang menyebabkan aset-aset kerajaan akan berada dalam keadaan teruk dan uzur. Walau bagaimanapun, kerajaan akan tetap komited untuk memberi penumpuan dalam aspek penyelenggaraan dan pembaikan melalui dasar 3R iaitu *repair, replace and restore* ataupun pembaikan, penggantian dan pemulihan.

Sehubungan dengan ini, peruntukan perbelanjaan mengurus untuk membaiki dan menyelenggarakan aset awam sedia ada ditingkatkan kepada RM10.57 bilion bagi tahun 2020 berbanding dengan hanya RM6.34 bilion pada tahun 2019. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita alu-alukan peruntukan tambahan untuk tahun 2020. Umumnya beberapa aset kerajaan seperti sekolah, universiti, hospital, klinik, balai polis, jalan raya, jambatan, rumah PPR umumnya memerlukan peruntukan yang lebih besar untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan audit komprehensif bagi mengetahui jumlah kewangan yang diperlukan bagi memanjangkan jangka hayat bangunan dan juga untuk mewujudkan persekitaran yang lebih selesa bagi penjawat awam, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya ingat itu satu cadangan yang amat baik sebab biasanya kementerian akan membuat permohonan dalam bajet *inspection* itu, mereka akan mohon berapa banyak yang diperlukan untuk membuat pembaikan, pemulihan, penggantian dan sebagainya.

Akan tetapi kalau dapat kita lakukan audit yang menyeluruh, jadi kita tahu bukan sahaja berapa banyak yang diperlukan tetapi kita juga tahu tahap aset tersebut. Contohnya kalau di Kementerian Pendidikan mereka untuk bangunan sekolah contohnya, mereka ada membuat penilaian berdasarkan kedaifan ataupun berdasarkan bangunan itu mereka bagi macam juga kalau untuk *earthquake* skala *richtemya*. Jadi yang peringkat enam dan tujuh itu yang memang memerlukan tindakan segera.

Jadi saya ingat cadangan daripada Yang Berhormat Jeli itu adalah amat baik selain daripada hanya mendapat maklumat daripada kementerian dalam bajet *inspection* berapa yang mereka perlukan. Jadi kita tahu dan dapat merancang secara yang lebih dalam bentuk jangka panjang peruntukan-peruntukan yang diperlukan bagi tahun-tahun yang mendatang. Terima kasih Yang Berhormat Jeli.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan aset-aset dan *property* kerajaan. Adakah kerajaan telah membuat penilaian kepada aset dan *property* kerajaan.

Di mana di situ juga ada *depreciation* ataupun susut nilainya di situ dan adakah kerajaan hanya mengambil indikator daripada susut nilai sahaja untuk mereka membuat peruntukan bagi untuk *maintenance*, baik pulih dan juga segala aset kerajaan. Saya minta penjelasan kalau tidak kerajaan perlu membuat penilaian semula kerana ada harta-harta kerajaan yang melebihi 30 tahun, 40 tahun sudah *abandoned* yang perlu kita baik pulih semula dengan kos yang tinggi. Jadi berapakah peruntukan *miscellaneous* yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan untuk kerajaan membaik pulih semua harta-harta termasuk semua di kementerian-kementerian yang lain.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Ya, di dalam kita membuat *accrual accounting* yang akan bermula sepenuhnya pada tahun 2021 ini, jadi memang akan ada penilaian bagi setiap aset dan harta kerajaan itu sendiri. Cumanya kadang-kadang dari segi penilaian, dari segi kebolehpakaian, kebolegunaan aset itu masih okey cumanya dibuat *valuation* dari segi nilainya itu ada susut nilai dan sebagainya.

■1050

Akan tetapi saya ingat itu juga boleh digunakan sebagai salah satu daripada perkara yang boleh memberi *indication* kepada kita tentang berapa banyak dan perancangan secara jangka panjang untuk kita berikan peruntukan penyelenggaraan, pembaikan, pemulihan dan juga

dapat kita merancang dengan lebih baik dengan semua aset yang ada di setiap kementerian itu sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Timbalan Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, Jerantut.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun.

'Tuan Yang di-Pertua tegas dalam sopan,

Buat MP tidak keruan,

Yang Berhormat Timbalan Menteri datang daripada depan,

Sila jawab soalan dua tanpa kekeliruan'

Terima kasih.

2. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan keberkesanan Program Desa Harapan bagi membebaskan masyarakat luar bandar daripada kepompong kemiskinan dan sejauh manakah program ini mampu merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerantut. Jawapan yang amat jelas akan diberikan sekejap lagi. Yang Berhormat tanya tentang keberkesanan Program Desa Harapan untuk membebaskan masyarakat luar bandar daripada kepompong kemiskinan dan sejauh mana program ini mampu merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini termasuk Yang Berhormat, Program Desa Harapan merupakan inisiatif baru Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang melibatkan penyertaan sektor swasta dan korporat dalam proses pembangunan desa, khususnya berkaitan dengan sosioekonomi penduduk luar bandar berdasarkan konsep dengan izin *corporate social responsibility* (CSR). Program ini akan memberi peluang kepada masyarakat luar bandar untuk meningkatkan sumber aktiviti ekonomi melalui perkongsian strategik dengan syarikat swasta dan korporat.

Sehingga kini, Program Desa Harapan telah dan sedang berjalan secara rintis di tiga buah lokasi iaitu:

- (i) Kampung Kinjang, Chenderiang, Perak;
- (ii) Kampung Kuala Temoyong, Langkawi, Kedah; dan
- (iii) Kampung Weng di Baling, Kedah.

Bagi Kampung Kinjang, sebanyak enam buah syarikat telah dan sedang melaksanakan program dan aktiviti seperti pembinaan bangunan tabika oleh *Hume Cemboard Industries*, Program Jom Kitar Semula oleh Berjaya Corporation Berhad dan Program Latihan Keusahawanan Digital oleh Axiata Berhad. Ini contoh ya, program-program yang dilancarkan, antara contohnya.

Bagi Kampung Kuala Temoyong, Langkawi, sebanyak 16 buah syarikat telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti sumbangan komputer dan peralatan audio visual untuk Sekolah Kebangsaan Temoyong dan Pusat Sumber KEMAS Temoyong oleh EXIM Bank, Program Latihan Jahitan oleh *SriKandi Skills College*, Siti Khadijah Holdings Sdn. Bhd. adalah syarikat terlibat melalui sumbangan 18 buah mesin jahit daripada Berjaya Corporation Berhad. Juga Program Latihan Keusahawanan Digital oleh Axiata Berhad, Program Peningkatan Pendapatan oleh Tenaga Nasional Berhad dan DRB-Hicom Berhad serta program-program lain daripada syarikat-syarikat lain yang turut terlibat dalam program ini.

Manakala bagi Kampung Weng, Baling pula, program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan oleh rakan strategik seperti Axiata Berhad ialah Program Latihan Keusahawanan Digital, Bengkel Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembuatan Baja Kompos oleh tenaga pakar daripada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Program Latihan Jahitan oleh syarikat yang saya sebut tadi melalui sumbangan 18 buah mesin jahit daripada Berjaya Corporation Berhad.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, program ini yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat ini secara dasarnya adalah untuk membantu penduduk kampung mengembangkan perusahaan sedia ada dan juga untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk kampung di sana dan akhirnya dapat meningkatkan pendapatan sedia ada.

Memandangkan pelaksanaan Program Desa Harapan ini masih lagi dalam peringkat awal, keberkesanan program ini masih belum lagi dapat dipastikan kerana rakan strategik masih lagi rancak melaksanakan program dan aktiviti di kampung-kampung berkenaan. Tempoh pelaksanaan program ini di setiap lokasi adalah selama dua tahun. Kementerian mensasarkan sekurang-kurangnya tiga buah lagi kawasan akan dipilih untuk menyertai program ini bagi tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah keyakinan pihak kementerian bahawa Program Pembangunan Ekonomi melalui pelaksanaan Program Desa Harapan ini berupaya merubah landskap ekonomi dan sosial penduduk setempat terutamanya dalam aspek menangani keperitan kos sara hidup. Apakah indikator yang diguna pakai oleh pihak kementerian dalam menentukan program ini mampu memberikan impak yang terbaik kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut atas soalan tambahan itu. Program Desa Harapan bukan disasarkan untuk kurangkan kos sara hidup seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Seperti yang saya terangkan tadi, matlamat kita atau tujuan kita ialah untuk menjalinkan hubungan strategik di antara penduduk kampung dengan pihak swasta dan korporat, untuk menggunakan jalinan strategik ini untuk mengembangkan aktiviti ekonomi yang sedia ada ataupun memulakan aktiviti ekonomi yang baru dan akhirnya untuk menambahkan peluang pekerjaan.

Dengan semua aktiviti ekonomi ini, kita harapkan itulah matlamat kita untuk meningkatkan pendapatan secara umum di kawasan kampung itu. Akan tetapi, kita perlu masa untuk menilai keberkesanannya dan pada tempoh lepas dua tahun ini kita akan buat penilaian dan melihat bagaimana kita berjaya dalam aspek ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri KPLB pernah menyebutkan syarikat swasta banyak membantu dari segi pembangunan ke arah, antaranya melalui Projek Penanaman Serai dan Cili untuk dijual kepada pengilang produk serta khidmat tukang jahit oleh pengeluar telekung seperti Siti Khadijah dan lain-lain.

Soalan saya, masih ramai lagi penanam-penanam serai khususnya di kawasan saya di Beranang mengadu tentang hasil tanaman kampung mereka seperti serai gagal dijual dengan harga yang sepatutnya. Sejauh mana KPLB bekerjasama dengan agensi-agens kerajaan seperti FAMA, Peladang dan lain-lain untuk memastikan hasil tanaman itu benar-benar dapat dipasarkan dengan baik di bawah Program Desa Harapan seperti ini. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Buat masa sekarang, Program Desa Harapan yang saya terangkan tadi tidak melibatkan tanaman serai. Memang tanam serai berlaku di bawah agensi lain di bawah KPLB khususnya Lembaga Kemajuan Wilayah dan ada tempat di mana kita ada membuka projek ataupun memulakan projek atau program tanaman serai dan sebagainya.

Setahu saya di Hulu Langat, KPLB tidak terlibat dalam apa-apa projek yang melibatkan tanaman serai di kawasan itu. Kalau berlaku mungkin di bawah agensi dan kementerian lain yang saya kurang tahu buat masa sekarang. Apa yang kita lakukan di bawah KPLB memang nampak cukup berjaya dan dapat meningkatkan pendapatan penduduk kampung di kawasan itu tetapi itu bukan melibatkan kawasan Hulu Langat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bertanya, saya ingin mengalu-alukan kehadiran para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Panchor, Seremban, Negeri Sembilan. *[Tepuk] Alhamdulillah*, pagi ini agak baik semua Ahli Parlimen. Jadi, saya hendak tanya soalan nombor tiga.

3. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil ekoran daripada berlakunya peningkatan keluaran produk-produk kosmetik dan kesihatan jenama buatan sendiri di pasaran sejak kebelakangan ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, secara amalan atau prinsip amalan, aktiviti pengilangan produk-produk kesihatan (*health product*) dengan izin dan kosmetik dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 (*Sales of Drug Act 1952*) dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Itu dari segi pengilangan.

■1100

Dari segi undang-undang yang memperuntukkan bahawa produk-produk kesihatan perlu berdaftar dan kosmetik perlu bernetifikasi adalah di bawah Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) ataupun *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) KKM sebelum dikilangkan sebelum dijual kepada orang awam, so itu adalah dua dari segi undang-undangnya. Pendaftaran, pengilangan dan penjualan dan produk kosmetik perlu diberikan notifikasi kepada NPRA.

Pengilangan produk-produk kesihatan dan kosmetik hanya dibenarkan dilakukan di kilang-kilang yang dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan, bagi menjamin keselamatan produk-produk tersebut digunakan oleh pihak awam. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan produk-produk kesihatan dan kosmetik yang dipasarkan di Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, NPRA tadi sebelum dijual kepada orang awam. Kawalan ini bertujuan untuk memastikan hanya produk yang berkualiti, selamat dan berkesan sahaja dijual kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekang pengilangan dan penjualan produk kesihatan tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi, tindakan pemeriksaan dan operasi serbuan secara berterusan dijalankan ke atas premis-premis pengeluar ataupun penjual berdasarkan pengesahan ke atas aduan yang diterima dari orang awam. Syarikat atau individu yang didapati mengilang dan menjual produk-produk kesihatan yang tidak berdaftar dan kosmetik yang tidak diberikan notifikasi ataupun tidak bernetifikasi akan disiasat dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

Berdasarkan statistik dari tahun 2018 hingga tahun 2019, sebanyak 34,787 unit produk kesihatan tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi telah dirampas dengan nilai rampasan sebanyak RM63.1 juta. Manakala, notifikasi penurunan iklan dan sekatan ke atas laman sesawang dan platform e-Dagang juga telah diambil bagi kosmetik dan produk kesihatan yang melanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah dijalankan bagi mempertingkatkan kesedaran orang awam berkenaan produk kesihatan berdaftar serta kosmetik bernetifikasi melalui pameran, dialog awam, *town hall*, ceramah dan Kempen Kenali Ubat Anda di seluruh negara. Orang awam juga adalah dinasihatkan agar menyemak produk yang ingin dibeli, sama ada ia berdaftar atau bernetifikasi. Semakan status pendaftaran atau notifikasi sesuatu produk boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang www.npra.gov.my atau memuat turun aplikasi *NPRA product status* dari *Google Playstore*.

Dalam usaha untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa membuat pemantauan secara berterusan. Orang ramai turut amat digalakkan untuk mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan produk kesihatan yang disyaki tidak berdaftar dan kosmetik yang disyaki tidak bernetifikasi kepada BPF, KKM melalui laman sesawang kami

www.farmasi.gov.my ataupun di mana-mana cawangan penguatkuasaan farmasi yang berkenaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baik jawapan beliau, cuma pada masa yang sama, kalau kita lihat keadaan pada masa sekarang, memang terdapat penjualan berleluasa produk-produk yang dikira haram ataupun tidak dikawal. Cuma persoalan saya sebagai contoh, usahawan yang berjaya dalam kosmetik mungkin memaparkan kemewahan ataupun hasil penjualan itu sebagai seorang yang berjaya.

Akan tetapi, kerisauannya, apabila ada produk-produk yang dijual oleh stokis ataupun *reseller* yang mana pengguna tidak boleh menyemak kesahihan bahawa produk ini didapati daripada pihak yang sewajarnya. Kita tahu, ada juga barang-barang yang di kitar semula. Tahun lepas dibatalkan, tukar jenama, masih lagi dijual benda yang sama tetapi nama yang lain. Perkara ini ada dikongsikan dalam laporan-laporan yang dikeluarkan dan yang menjadi persoalan di luar sana ada barang-barang yang telah melanggar kesalahan bertahun-tahun, tiga tahun berturut-turut masih lagi menjual, dia bayar kompaun tetapi dia masih lagi melaksanakan ataupun menjual produk tersebut.

Akhir sekali, bagi bidang kuasa penguatkuasaan, memang masih terdapat banyak label-label KKM yang di ciplak. Jadi, bagaimana langkah yang lebih khusus boleh diambil oleh pihak kementerian supaya pengguna, rakyat di luar sana terselamat daripada produk-produk yang agak membahayakan ataupun beracun. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat menyanjungi kepekaan Yang Berhormat Johor Bahru yang pastinya adalah amat peka dengan kegiatan-kegiatan e-Dagang di atas platform e-Dagang ini seperti *Lazada*, *Shopee* dan sebagainya yang hari ini boleh dikatakan sarat ataupun tidak adalah saya hendak sebut lambakan tetapi jualannya di situ dan sangat penting untuk bahagian kami di Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) dan juga dari segi pihak berkuasa yang membuat penguatkuasaan kawalan dadah dan kosmetik ini untuk sentiasa— sebab itu saya katakan sebentar tadi.

Kalau apa pun yang tidak perlu mereka pastikan ya atau tidak, kalau ada yang dikatakan sebagai mengesyaki kosmetik yang tidak bernotifikasi ataupun bahan-bahan produk-produk kesihatan yang juga kalau ada disyaki tidak berdaftar ataupun ditukar pendaftaran ataupun *labeling* dan sebagainya, kami sangat menyanjungi akan segala maklumat, biar pun maklumat itu masih lagi belum dapat kita sahkan tetapi andainya kalau dapat dikemukakan kepada kami, akan tindakan-tindakan cawangan penguat kuasa farmasi ini adalah sangat membantu kami. Apa pun *we are already*, kita ada platform-platform yang sentiasa *on the digital* aspek kebolehan kami untuk terus memantau akan keselamatan dan notifikasi bahan-bahan *food supplement* dan juga keselamatan dan juga apa yang dikatakan *safety cosmetic*.

Dengan rampasan-rampasan ini pun kita nampak sebanyak 6.2 juta pada 27 Mac 2019 baru-baru ini. Inilah dia cara kita bertindak sama ada *tip off*, sama ada apa pun maklumat daripada pihak awam dan pengguna saya perhatikan memang kalau kita lihat kepada racun-racun yang dimasukkan ke dalam krim terutama krim-krim pencerah, bahan-bahan itu adalah sangat tidak boleh digunakan sama ada *mercury*, sama ada *hydroquinone* dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Terus memantau dan mempertingkatkan keupayaan kami, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebanjiran produk kosmetik dan produk kesihatan ini begitu banyak sekali dalam pasaran. Adanya menggunakan selebriti yang hebat-hebat dan cara pengedaran melalui sistem jualan *online*. Jadi, di mana kawalan kementerian untuk memastikan bahawa mereka ini tidak terlepas daripada sistem ataupun daripada peraturan-peraturan yang telah digunakan oleh kementerian supaya rakyat merasa bahawa produk yang dibeli secara *online* ini selamat.

Ada kalanya meletakkan benda-benda yang lucah. Jikalau ubat kuat contohnya, diletakkan pelbagai. Saya tahu kementerian pun tahu bagaimana kawalan daripada Komunikasi mengawal menunjukkan begitu hebat, orang tua berumur 80 tahun mampu untuk empat kali, lima kali sehari menggunakan satu produk. Jadi, produk ini bahaya, jadi apakah kawalan...[*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Macam marah nampaknya itu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Rupanya ramai yang minat soalan saya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Macam marah nampak.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tidak marah, sebab semangat baru makan ubat tadi dari *online* tadi, jadi bagaimana kementerian. Satu lagi saya hendak tanya, sejauh mana keberkesanan sistem Q3 ini untuk menyemak produk-produk. Adakah syarikat yang dikawal ataupun *out source* kepada sistem Q3 ini? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

■1110

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya. Semua memahami bahawa yang menjadi penting akhirnya adalah pendidikan pengguna yang tidak mudah secara emotif dan bertindak dengan tidak ada maklumat dan pengetahuan. Itu adalah *marketing*. *Marketing* itu memang sifatnya begitu, terutamanya ubat kuat, pencerah kulit yang wanita ingin cantik, yang lelaki ingin kuat. Itu adalah salah satu yang menjadi sebab mengapa produk-produk ini menular. Ini kerana kita lebih senang dengan cara *marketing* yang sebegini.

Jadi, akhirnya saya kira apa pun penguatkuasaan, apa pun larangan, apa pun peraturan, selagi pengguna tidak mengambil tanggungjawab diri untuk memastikan bahawa keselamatan dan keberkesanan itu tidak dapat kita tentukan dengan kembali kepada kami untuk mendapat maklumat, saya kira begitulah akan berterusan berleluasanya lambakan produk-produk seumpama ini. Jadi, kalau kita hendak ambil dari segi tindakan penguatkuasaan ke atas laman

sesawang, itu saya telah sebutkan notifikasi iklan yang kita ambil tindakan kosmetik sama ada sekatan yang kita lakukan.

Saya memerhatikan semua ini. Saya kira bolehlah tindakan penguatkuasaan ke atas laman sesawang dan platform e-dagang bagi kosmetik dan produk kesihatan yang melanggar undang-undang, sehingga kini, saya kira adalah baik. Kalau kita tengok, bilangan sekatan pun ada dan produk-produk kesihatan merangkumi produk racun kepada jumlah 2,325 dan notifikasi penularan iklan itu sahaja, bahagian kosmetik produknya sahaja adalah 6,656.

Jadi, begitu rancaknya, begitu aktifnya bahagian penguatkuasaan menjalankan sama ada saringan *online* ataupun *offline* khususnya dalam platform-platform jualan secara *online* itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 4 – YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu) tidak hadir]

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan *assalamualaikum* dan selamat pagi. Saya ingin juga mengalu-alukan kedatangan pelawat daripada *Management and Science University (MSU) Shah Alam* dan juga tetamu Tuan Yang di-Pertua sendiri daripada Batu Pahat yang ada bersama-sama kita pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selamat datang.

5. Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan jumlah hasil pendapatan diperoleh Kerajaan daripada industri pelancongan sepanjang tahun lalu sehingga September tahun ini.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh kementerian, jumlah hasil pendapatan daripada perbelanjaan pelancong asing bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM84.14 bilion, meningkat sebanyak 2.4 peratus berbanding tahun 2017 iaitu RM82.17 bilion. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak RM41.69 bilion telah dibelanjakan oleh pelancong asing, meningkat sebanyak 6.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu iaitu sebanyak RM39 bilion. Membeli-belah merupakan komponen perbelanjaan terbesar yang mewakili 35.3 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan.

Bagi pelancongan domestik pula, sejumlah RM92.6 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2018 berbanding RM83.1 bilion pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 11.4 peratus.

Industri pelancongan terus mencatatkan pertumbuhan yang positif pada tahun 2018 di mana ia menyumbang sebanyak RM220.6 bilion ataupun 15.2 peratus kepada KDNK, berbanding tahun 2017 iaitu RM200.4 bilion iaitu 14.6 peratus.

Di samping itu, guna tenaga industri telah mewujudkan sebanyak 3.5 juta pekerjaan atau satu bagi empat pekerjaan yang mewakili 23.5 peratus daripada jumlah guna tenaga keseluruhan di Malaysia.

*'Sepingga daun sirih,
Sekian terima kasih'.*

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas perkongsian angka-angka tersebut. Saya rasa semua kita di dalam Dewan ini ambil maklum kepentingan industri pelancongan terutama sekali dalam memainkan peranan utama pertumbuhan ekonomi negara. Kita mengharapkan agar angka ini akan bertambah pada tahun depan memandangkan tahun depan adalah Tahun Melawat Malaysia 2020.

Kita ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah peruntukan diperlukan bagi memastikan Tahun Melawat Malaysia 2020 ini berjaya kita adakan? Juga, ramalan atau jangkaan hasil pulangan daripada Tahun Melawat Malaysia 2020 ini yang bakal kita peroleh dan impaknya kepada pertumbuhan ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang atas soalan tambahan tersebut.

Sebenarnya, pada tahun 2019 ini, kita telah pun diperuntukkan sebanyak RM110 juta untuk Tourism Malaysia menjalankan aktiviti *advertising and promotion*, dengan izin, dan pada tahun 2020, kita mendapat sebanyak RM140 juta iaitu RM50 juta untuk *advertising*, RM50 juta untuk *promotion* dan RM40 juta *specifically* ataupun khususnya untuk *Visit Malaysia Year 2020 (VMY)*.

Jadi, jumlah ini kita sasarkan pendapatan iaitu kalau tahun 2018 sebanyak RM84.1 bilion, kita menyasarkan kenaikan kepada RM92.9 bilion pada tahun ini dan sasaran untuk tahun 2020 ialah sebanyak RM100 bilion daripada jumlah pendapatan pelancong asing. Juga, sukacita saya nyatakan jumlah kedatangan pelancong asing juga kita sasarkan pada tahun depan iaitu sebanyak 30 juta pelancong asing. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan penurunan penarafan yang dikenakan oleh FAA terhadap *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)*.

Sebab, *downgrading* ini dilihat telah meninggalkan kesan yang cukup mendalam terhadap *Malaysian carriers* dan ini tentu sekali akan meninggalkan kesan kepada industri pelancongan juga sebab *the end user* dia adalah sektor pelancongan. Antara kesan yang akan dihadapi adalah akan ada *route* dan mungkin *code sharing* yang akan terkesan. Malahan, MAS sekarang ini dilihat sebagai *second class premium jetliners*. Dan *review*, saya difahamkan akan mengambil masa setahun dan *reinstatement* mengambil masa dua tahun.

Apakah perancangan, berdasarkan keadaan fenomena yang berlaku ini yang bakal meninggalkan kesan kepada sektor penerbangan Malaysia, dilakukan oleh Kementerian

Pelancongan bagi memastikan RM90 bilion kutipan tadi tidak akan terjejas dengan apa yang berlaku berkaitan dengan *downgrading* oleh FAA terhadap CAAM ini? Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kepala Batas. Memang kita akui bahawa ia secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kedatangan pelancong asing dengan penurunan taraf CAAM itu kepada kategori dua. Namun, saya juga telah pun *check* dengan beberapa *airlines* mengatakan bahawa kebanyakan mereka ini tidak terkesan melainkan jika ada *code sharing* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi. Seperti *Malaysia Airlines*, mereka ada *code sharing* dengan *American Airlines*. Maka, *route* tersebut akan juga terjejas.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita dari segi jumlah kedatangan pelancong asing ke negara kita, 91 peratus datang daripada Asia. Cuma sembilan peratus daripada *Europe*, Australia dan juga Amerika Syarikat. Jadi, saya dengan beberapa staf, pegawai-pegawai kami di kementerian akan bekerjasama dengan MAHB dan juga bersama beberapa *airlines* untuk monitor keadaan ini dan kita akan laporkan kembali apakah langkah yang kita ambil untuk menangani fenomena *downgrading* daripada FAA itu. Sekian, terima kasih.

■1120

6. Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan status Jalan Nanga Melekun ke Rumah Panjang Tungku Sungai Gaat, Baleh, Kapit.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Rajang terhadap soalnya. Soalan Yang Berhormat Hulu Rajang meminta menyatakan status sebuah jalan, inilah jawapan daripada KPLB.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan Jalan Nanga Melekun ke Rumah Panjang Tungku Sungai Gaat, Baleh, Kapit iaitu dengan tajuk projek membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat terus ke Rumah Tungku, Nanga Sebaru Sungai Gaat bahagian Kapit telah dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Keempat tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas.

Walau bagaimanapun, saya dukacita maklumkan projek ini tidak diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dilaksanakan pada tahun 2020. Sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk projek ini dilaksanakan, Yang Berhormat boleh memohon semula kepada kerajaan negeri untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri ataupun memohon terus kepada kementerian secara terus sebelum diangkat kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, kelulusan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagai Ahli Parlimen daripada pedalaman kawasan tersebut adalah kawasan rumah panjang

saya Yang Berhormat. Kalaulah jalan itu dibina, ia akan memberi manfaat kepada sebuah klinik desa, jabatan pertanian, Sekolah Menengah Baleh yang mempunyai 800 penduduk, atau 800 pengundi ataupun murid. Selain daripada itu, dua buah sekolah rendah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kurang lebih antara 20 rumah panjang dalam 3,000 penduduk.

Jadi saya mintalah sebagai wakil rakyat daripada pedalaman Hulu Rajang yang terbesar Parlimen di Malaysia ini, ke kawasan rumah panjang saya pun tidak ada jalan Yang Berhormat. Saya minta pegawai Yang Berhormat kalau hendak pergi ke kawasan itu tolong beritahu, saya akan bawakan supaya mereka akan tahu. Sejauh mana dan sesusah mana untuk datang ke kawasan Parlimen saya Yang Berhormat. Tolong angkatkan peruntukan ataupun jalan itu kepada tahun hadapan ataupun dengan berfasalah, *phase by phase* untuk membina jalan tersebut.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Rajang saya dengar dan terima, *I mean* hujah yang disebut tadi iaitu jalan ini perlu dan akan memberi manfaat kepada penduduk tempatan atas alasan tertentu, ia akan membantu menghubungi klinik, sekolah dan banyak kawasan rumah panjang.

Akan tetapi, seperti saya sebut penolakan sudah berlaku dan prosedur yang saya sebut tadi ialah permohonan semula perlu dibuat, seperti saya cadangkan tadi buat permohonan semula kepada kerajaan negeri dan juga terus kepada kementerian. Boleh hantar terus kepada saya dan kita akan rujuk semula kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk dipertimbangkan semula. Itu kita boleh buat. Lawatan memang, saya sedia buat lawatan tapi saya bukan penentu dan pembuat keputusan itu. Akan tetapi saya akan bantu dari segi prosedur. Itu kita minta buat permohonan semula. Sekian, terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Timbalan Menteri berkenaan dengan peruntukan yang disalurkan kepada Sarawak daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, elektrik, jalan raya dan bekalan air.

Soalan saya di sini adalah dalam perbahasan dulu pun saya telah menyebut ingin kementerian menyenaraikan projek-projek yang lulus. Berapakah peruntukan yang telah diguna dalam 2018 dan 2019? Oleh kerana saya melihat peruntukan memang ada, 2019 untuk elektrik kita ada RM230 juta, untuk bekalan air kita ada dekat RM200 juta dan sebagainya, untuk jalan RM780 juta untuk seluruh negeri Sarawak.

Apa yang saya khawatir di sini ini adalah mungkin '*hot air*' sahaja. Cakap ada, projek tidak terbuat. Ini yang jadi masalah sebab dari awal perbahasan di Dewan ini, saya telah menyebut perkara ini sebab bajet pembangunan Sarawak yang RM4.6 bilion itu pun, saya tidak tahu ke mana pergi? Apa yang jadi masalah lagi bila projek itu tidak dilaksanakan. Mohon penjelasan, Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kanowit atas soalan tambahan itu. Saya tidak ada dengan saya angka-angka Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk jalan, api dan air untuk di kawasan luar bandar dan untuk di Sarawak secara keseluruhan. Akan tetapi angka itu memang saya boleh hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat Kanowit.

Tentang soalan Yang Berhormat bahawa adakah ini angka-angka macam wayang sahaja, angka ada tetapi tidak ada projek seperti yang dicadangkan. Saya ingin tegaskan di sini memang apa-apa peruntukan digunakan untuk projek dan sebagai contoh sebab secara kebetulan saya ada angka dengan saya di sini untuk Sarawak untuk tahun 2020, tahun depan.

Peruntukan untuk jalan sahaja sebab saya ada saya boleh bagi tahu sekarang. Jumlah peruntukan ialah RM180 juta untuk 46 projek, sembilan projek baru dan 37 projek sambungan dan senarai projek pun ada. Jadi memang projek ini akan dilaksanakan seperti dalam senarai saya. Saya yakin itu pun telah dibuat atau dilaksanakan untuk tahun 2018 dan 2019.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Boleh bagi *list* kepada saya?

Tuan Sivarasa Rasiah: Nanti kita hantar angka itu, angka itu penting.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Beri secara bertulis.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih.

7. Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan kadar ketersambungan bukan internet, surat-menyurat, siaran radio dan televisyen dan telefon talian tetap di penempatan Orang Asli.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri yang membangkitkan soalan untuk menyatakan kadar ketersambungan bukan internet, surat-menyurat, siaran radio dan televisyen dan telefon talian tetap di penempatan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri, izinkan saya menjelaskannya berdasarkan daripada jenis-jenis perkhidmatan yang berkaitan bagi perkampungan Orang Asli. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua ialah perkhidmatan pos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang telah pun dibuat bersama Pos Malaysia terdapat satu perkampungan Orang Asli di kawasan Iskandar Puteri iaitu Kampung Orang Asli Simpang Arang dan jaraknya Tuan Yang di-Pertua dengan pejabat pos terdekat untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan adalah seperti berikut, *post office* Gelang Patang yang saya dimaklumkan di jalan besar dengan jarak 5.1 kilometer daripada perkampungan Orang Asli. Kemudiannya kita ada *post office* Nusajaya, JAWHAR bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar Nusajaya yang berjarak 11.6 kilometer daripada perkampungan Orang Asli tersebut.

Bagi serahan mel Tuan Yang di-Pertua, ia dilakukan kepada pusat serahan kelompok ataupun *call point* Yang Berhormat di rumah ketua masyarakat di kawasan tersebut iaitu, saya dimaklumkan Yang Berhormat, Batin Norin Kasi. Serahan dilakukan sebanyak tiga kali seminggu berdasarkan kekerapan jumlah surat-menyurat.

Manakala Tuan Yang di-Pertua, bagi serahan item pos laju pula ia dilakukan secara terus kepada penerima kerana terdapat nombor telefon penerima yang boleh hubungi melalui nota *consignment* yang dihantar. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkhidmatan

telekomunikasi pula pihak kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif Yang Berhormat, untuk meningkatkan liputan telekomunikasi di kawasan luar bandar dan termasuklah di kawasan perkampungan Orang Asli.

■1130

Sehingga kini ya Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah pun membina sebanyak 92 buah menara komunikasi baharu yang beroperasi di sekitar kawasan perkampungan Orang Asli seluruh negara. Selain daripada itu, tambahan enam buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan dan saya dimaklumkan ia dijangka disiapkan ya Tuan Yang di-Pertua sepenuhnya pada suku keempat tahun ini yang terletak di sekitar perkampungan Orang Asli. Proses penambahbaikan kualiti perkhidmatan komunikasi di kawasan luar bandar termasuklah perkampungan Orang Asli adalah proses yang berterusan, daripada semasa ke semasa, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian bagi siaran radio dan televisyen pula, bagi akses platform ataupun siaran platform di Radio Televisyen Malaysia pula, masyarakat Orang Asli telah mula menerima siaran radio sejak Siaran Orang Asli ditubuhkan pada 3 Februari 1959 lagi menerusi Gelombang Pendek Kebangsaan yang boleh diakses di seluruh negara. Daripada siaran setengah jam Tuan Yang di-Pertua, Siaran Orang Asli yang kini dikenali sebagai Asyik FM bersiaran selama 15 jam setiap hari dan RTM sentiasa menambah baik kadar tembusan akses radio ini. Asyik FM kini boleh didengari melalui enam frekuensi FM meliputi kawasan Ulu Tembeling, Lembah Klang, Johor, Pahang Barat dan juga Cameron Highlands.

Selain frekuensi FM, RTM turut menawarkan siaran Asyik FM melalui aplikasi RTM mobil, *Internet radio streaming* dan siaran radio menerusi TV NJOI ASTRO di saluran 875 serta saluran *myFreeView*. Dengan adanya akses menerusi saluran ASTRO NJOI dan *myFreeView* ini, siaran Asyik FM kini telah meliputi seluruh negara, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi akses siaran TV, saluran-saluran RTM seperti TV1, TV2, TV OK dan saluran percubaan berita kini boleh diakses secara 100 peratus di seluruh negara menerusi platform digital *myFreeView* melalui inisiatif pendigitalan penyiaran nasional. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah rancangan KKM untuk menambah baik sistem perhubungan terutamanya sistem surat-menyurat yang kini dikendalikan oleh Tok Batin yang kadangkala menyebabkan berlakunya kes-kes surat tawaran universiti atau biasiswa sampai lambat kepada penerimanya.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah soalan yang baik kerana ianya memfokuskan kepada keadaan-keadaan di mana kita ada ramai yang duduk bersama tetapi tidak ada *postal address* yang tertentu dan ini kerap kali menyebabkan berlakunya kelambatan dalam surat-surat akan sampai kepada penerima yang tertentu. Jadi untuk kawasan perkampungan Orang Asli, kita bercadang supaya latihan diberikan secara berterusan. Bagaimana kita boleh mewujudkan satu sistem yang lebih mantap khususnya

di tempat-tempat di mana mereka tinggal dengan adanya bantuan dan kerjasama daripada Tok Batin.

Ini adalah satu proses di mana kita boleh lihat bagaimana kita boleh pastikan dengan tentunya siapakah yang duduk di tempat-tempat tertentu dan bagaimana kita boleh pastikan bahawa tidak ada kelambatan dalam serahan surat-menyurat kepada mereka termasuk borang-borang sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan ini adalah satu perkara yang penting kerana kita ini kerap kali menggunakan pos untuk kita hantarkan notis-notis Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah sangat penting kerana notis-notis itu juga menetapkan masa untuk ianya dibalas dan sebagainya dan ianya perlu diselaraskan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, satu inisiatif baharu yang dicadangkan oleh POS Malaysia adalah untuk apa yang dikenali sebagai sistem AFA ataupun *Address For All* di mana kita akan mewujudkan apa yang disebut sebagai satu sistem di mana kita menggunakan *digital address* ataupun *geo code* untuk setiap orang di mana kita akan dapat mengenal pasti sebenarnya setiap orang ada *address geo code* tersendiri dan itu akan memudahkan cara kita ini dapat mencari dengan tepatnya penerima-penerima dan kita boleh pastikan bahawa apa yang dihantar kepada mereka itu dihantar tanpa ada kelewatan. Akan tetapi itu masih dalam proses. Ianya sebahagian daripada proses pendigitalan POS Malaysia dan saya harap bahawa saya akan dapat membuat pengumuman berkenaan dengan perkara itu dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, pada 1 November 2019 yang lepas, siaran TV analog telah ditamatkan di seluruh negara. Ini telah menimbulkan banyak kesulitan kepada ramai orang terutamanya masyarakat luar bandar. Ramai di kawasan saya bertanya apa yang terjadi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan mengenai perkara ini? Apakah opsyen-opsyen yang ada kepada mereka? Apakah insentif atau bantuan kepada orang kampung yang layak ataupun tidak layak menerima *decoder* baharu ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sila jelaskan? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memang wujudnya masalah apabila kita ingin mengadakan proses peralihan dan itu satu perkara yang kita lihat dan pandang serius. Akan tetapi saya minta supaya kita dapat faham bahawa oleh kerana ianya melibatkan seluruh negara, maka memang kita dalam proses untuk kita cuba selesaikan masalah itu tetapi ianya akan mengambil masa. Banyak daripada masalah yang timbul khususnya berkaitan dengan masalah *decoder*, Yang Berhormat. Ianya telah pun kita cuba untuk selesaikan tetapi masih ada lagi tempat-tempat tertentu yang ada masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengadakan satu *briefing* untuk semua Ahli Parlimen dalam minggu depan saya rasa untuk projek NSCP. Dalam keadaan tersebut, saya juga telah pun dan saya boleh sekali lagi memberitahu SKMM supaya sekiranya ada aduan-aduan yang boleh dibawa melalui Ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan isu ini juga boleh dikemukakan kepada kita.

Selain daripada itu, saya telah pun meminta supaya SKMM ini menghubungi setiap kawasan khususnya ada pejabat-pejabat pos di situ supaya kita dapat lihat sekiranya ada aduan, boleh dibawa ke situ dan kita di pihak SKMM, kita akan memantau dan kita akan lihat kepada setiap aduan ini dan cuba untuk selesaikan dalam masa yang secepat boleh. So, saya minta kerjasama daripada semua, kita memang akan cuba untuk selesaikan. Ini ialah proses peralihan yang besar dan saya harap bahawa ianya dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah satu lagi tak? Boleh tambah satu sahaja lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi peluang satu ringkas kepada Yang Berhormat Jelebu. Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkas, satu soalan sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, hari itu Yang Berhormat Menteri jawab 82 peratus daripada penempatan Orang Asli sudah dapat liputan tetapi daripada itu Yang Berhormat, 42 peratus cuma dapat 4G, selebihnya 3G. 5G langsung *out of topic*. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat, apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan lagi ataupun menambah baik perkhidmatan jalur lebar ini supaya tidak ada lagi 3G ini, *at least* 4G. Jadi, masalah penyampaian maklumat daripada pihak kementerian kepada pelajar-pelajar generasi muda ini dapat kita mempercepatkan melalui e-mel dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelebu. Saya faham masalah itu. Ini bukan sahaja di kawasan Orang Asli, masalah ini berkenaan dengan di mana tempat-tempat tertentu hanya ada perkhidmatan 3G atau 4G dan juga kualiti perkhidmatan dia berbeza dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang dalam perhatian SKMM. Sebenarnya ini adalah sebab sebenar kenapa kita adakan *task force*, diwujudkan supaya kita boleh kaji bagaimana kita boleh pastikan bahawa tempat-tempat di mana ada 3G dipertingkatkan kepada 4G. Tempat-tempat di mana ada 3G dan 4G tetapi kualiti dia tak begitu baik, kita boleh selesaikan masalah itu dan kemudiannya bagaimana kita boleh teruskan dengan membina infrastruktur-infrastruktur.

Kerap kali Yang Berhormat, ada orang yang tanya saya kenapa kalau kita nak fokus kepada 5G di mana kita lihat 3G pun belum ada kualiti ataupun belum ada infrastruktur yang memadai ataupun 4G tetapi pada saya, kita kena lihat bagaimana kita melaksanakan kesemuanya secara serentak dan kita boleh pastikan bahawa kita ini meningkatkan kualiti. Akan tetapi itu adalah satu sebab kenapa saya adakan mesyuarat yang kita akan adakan minggu depan. Soalan-soalan ini semua boleh dibangkitkan kerana saya hendak satu keadaan di mana semua Ahli-ahli Parlimen boleh terus menghubungi pihak SKMM untuk menjaga ataupun menyelesaikan masalah-masalah tertentu di kawasan-kawasan mereka.

Oleh itu kita buat di mana kita ada mesyuarat itu dan kita harap bahawa semua perkara ini dapat diselesaikan khususnya di Sabah dan Sarawak dan di kawasan-kawasan terpencil dan luar bandar, Yang Berhormat. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua.

Tanjung Dawai ke Pekan Batu,

Pergi memancing membawa umpan,

Rakyat Tanjung Piai sudah bersetuju,

Untuk tolak Pakatan Harapan.

Soalan saya nombor lapan.

8. Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing dan berapa banyak rizab wang asing yang telah digunakan untuk mempertahankan nilai ringgit pada tahun ini.

■1140

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tidak tahu hendak jawab yang mana *hat* yang pantun itu kah?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pantun itu terima sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jawab pantun dahulu.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Mana boleh terima sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 6 November 2019 nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.1 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau yang lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan minus empat peratus dan positif 6.7 peratus berbanding Dolar Amerika Syarikat.

Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada World Government Bond Index (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Namun begitu, *volatility* ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan

memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan, dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi memudahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai iaitu *hedging instrument* dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Paras *reserved* antarabangsa negara pula mengalami peningkatan semula selepas pasaran dunia kembali pulih dan sentimen pelabur bertambah baik. Peningkatan *reserved* antarabangsa negara akan dijana melalui lebih penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi oleh kegiatan teras ekonomi negara yang berterusan serta kekukuhan pasaran kewangan domestik dan antarabangsa. Sekiranya pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh dan kekusaran pelabur asing terhadap faktor luaran kembali reda, lebih penerimaan pertukaran wang asing akan terhasil melalui perkara seperti berikut:

- (i) peningkatan hasil barangan eksport negara yang akan menambahkan lebih dagangan;
- (ii) peningkatan pelaburan langsung asing dalam sektor ekonomi negara yang akan membawa masuk aliran modal daripada pertukaran wang asing; dan
- (iii) pelaburan portfolio pelabur-pelabur asing yang didorong oleh pertumbuhan dan kestabilan ekonomi global dan domestik.

Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur dan cekap, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia mengurus aliran dana keluar masuk negara supaya kekal dalam keadaan yang stabil di samping memastikan *reserved* antarabangsa negara berada paras yang mencukupi.

Langkah ini akan mendorong peningkatan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia sebagai salah satu daripada destinasi pilihan untuk pelaburan. Paras *reserved* antarabangsa pada akhir Januari 2018 berjumlah USD103.6 bilion dan mencatat penurunan sebanyak USD2.2 bilion kepada USD101.4 bilion pada 31 Disember 2018.

Sementara itu pada 31 Oktober 2019 baharu-baharu ini paras rizab antarabangsa telah meningkat kepada USD103.2 bilion mencukupi untuk membiayai 7.6 bulan import tertanggung dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit dan *reserved* negara akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi, dan kedudukan fiskal negara. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita melihat ketidaktentuan ekonomi global antara alasan yang sering kita dengar menjadi penyumbang utama kepada penyusutan nilai ringgit ketika ini. Faktor ini didorong perang perdagangan US-China yang memasuki fasa baharu selepas masing-masing mengumumkan peningkatan terhadap tarif import pada Ogos yang lalu. Justeru ramai penganalisis ekonomi meramalkan bahawa nilai ringgit akan kekal lemah bagi tempoh yang panjang.

Soalan saya apakah usaha yang diambil kerajaan menghadapi situasi penyusutan nilai ringgit yang berterusan ini serta langkah strategik menyerap impak yang berterusan terhadap ekonomi domestik khususnya kedudukan inflasi semasa. Kedua, Yang Berhormat dahulu bila disebut nilai ringgit dikatakan kalau Najib turun, ringgit naik sekarang Najib sudah turun, ringgit pun ikut turun. *[Dewan ketawa]* Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Seperti yang saya sebutkan tadi kalau kita lihat nilai ringgit berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat, seperti yang disebut tadi penyusutannya adalah 0.1 peratus. Saya ingat kalau kita hendak sebut 0.1 peratus kalau hendak dibundarkan hampir-hampir macam dia kekal tidak berlaku penurunan atau peningkatan yang besar berbanding dengan negara-negara lain contohnya Won Korea berlaku penyusutan sebanyak -4.0 peratus. Rupee India, 1.7 peratus.

Ini saya ingat perkara yang walaupun sedemikian, penyusutan yang sedikit itu kita memberikan tumpuan yang khusus untuk memastikan bahawa apa yang disebutkan tadi walaupun *trade* antara Amerika dan China ini sedang masih lagi berlangsung akan tetapi kita lihat mungkin ada cahaya di hujung terowonglah. Mereka akan tandatangani perjanjian yang pertama tidak lama lagi dan kita harap ini akan juga memberikan sedikit kelegaan kepada kita untuk memastikan bahawa ekonomi kita akan terus berkembang...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cahaya itu terang benderang ke redup-redup?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Dan pasaran domestik kita akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti untuk memperkembangkan ekonomi. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Adakah kejatuhan harga minyak mentah dunia satu sebab utama kejatuhan nilai ringgit Malaysia dan apakah langkah-langkah kerajaan yang untuk mengatasi ini? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya kira harga minyak mentah dunia tidak banyak memberi kesan kepada nilai ringgit kita akan tetapi ia lebih kepada apa yang kita sebutkan tadilah yang *trade conflict bright seed* dan sebagainya. Jadi saya ingat Yang Berhormat Kepong dari segi penurunan harga minyak mentah tersebut tidak memberikan kesan yang besar dan kita harap ekonomi kita akan terus kukuh dan berkembang dengan memastikan bahawa terdapatnya *foreign direct investment* yang masuk dan kita lihat trendnya pada awal tahun ini adalah cukup menggalakkan cuma kita hendak kenal pastikan bahawa pelaburan asing yang diluluskan itu kita

buat *follow up* dengan rapat dan teliti untuk memastikan bahawa yang diluluskan itu akan direalisasikan *will be realized, insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat soalan tambahan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin teruskan kepada pertanyaan jawab lisan seterusnya menjemput Yang Berhormat Tuan Karupaiya a/l Mutusami, Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya bermula dengan sebuah pantun;

*'Pergi ke muara mencari kepah,
Jual seraga di pasar tani,
Apa guna kita berpecah,
Marilah kita bersatu hati.*

Soalan saya nombor sembilan.'

9. Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] minta Menteri Kesihatan menyatakan untuk membuat satu kajian penyelidikan terhadap klinik-klinik desa untuk menaikkan taraf, menyediakan kelengkapan peralatan perubatan dan bilik-bilik rawatan yang khas bagi kegunaan pegawai-pegawai perubatan untuk merawat pesakit. Bilik perubatan dan rawatan harus diperbesarkan khususnya bagi setiap klinik desa kerana bilangan pesakit semakin bertambah dari hari ke hari.

■1150

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Padang Serai. Banyak sangat pantun hari ini. Ya, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau keperluan untuk menaik taraf klinik-klinik desa. Ini kerana klinik desa pun punya peranan dari semasa ke semasa dan ia dibuat secara berfasa bergantung kepada keperluan, populasi atau penduduk setempat.

Kependudukan di kawasan Padang Serai adalah seramai 77,000 kurang lebih meliputi tiga klinik desa di bawah penyeliaan Klinik Kesihatan Padang Serai. Klinik desa di sekitar Padang Serai mempunyai purata jarak di antara enam kilometer hingga sembilan kilometer dengan klinik-klinik kesihatan seperti Klinik Kesihatan Padang Serai.

Penduduk setempat boleh mendapatkan perkhidmatan di KK Padang Serai yang mempunyai seorang pakar perubatan keluarga (FMS) dan sembilan orang pegawai perubatan, lima orang penolong pegawai perubatan, tiga belas orang jururawat terlatih dan sepuluh jururawat masyarakat (JM). Manakala di klinik desa pula KKM menempatkan sejumlah dua orang jururawat masyarakat (JM) yang bertugas untuk memberi perkhidmatan ibu dan anak-anak atau *maternal and child care*.

Purata kedatangan KD Gua Lobak antara 15 hingga 16 orang sehari. KD Sidam Kanan seramai 10 hingga 11 orang sehari dan KD Permatang Durian pula seramai 46 hingga— ialah

kurang lebih 46 hingga 47 orang sehari yang merangkumi kes-kes antenatal, kanak-kanak, perancangan keluarga dan pesakit luar atau *outpatient*.

Pembesaran bilik-bilik rawatan dan keperluan kepada peralatan perubatan adalah berdasarkan kepada keperluan klinik desa yang berkaitan yang kita sedia maklum kedudukan dan posisi klinik-klinik desa ini memang diakui uzur ataupun sudah berusia. Pertambahan peralatan perubatan amat penting dan mengimbangi pertambahan populasi. Kedatangan pesakit di klinik desa dan pertambahan perkhidmatan yang disediakan.

Sehubungan dengan itu, KKM sentiasa akan dapat menambah baik, prihatin untuk keperluan meningkatkan fasiliti di KK, di klinik kesihatan selari dengan hasrat KKM untuk memastikan rakyat dapat menikmati kemudahan kesihatan yang sempurna. Adalah sangat penting Tuan Yang di-Pertua untuk kami sentiasa memperbaiki dan mengatasi kekurangan-kekurangan di klinik desa. Ini kerana klinik desa yang berperanan bersama dengan klinik-klinik kesihatan kami adalah merupakan sebenarnya tunggak kepada apa yang diistilahkan sebagai *primary care* ataupun sebagai *gate keeping role* sebagai pangkalan pertama dalam menangani kesihatan rakyat khususnya dalam menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit ataupun *the NCDs*, darah tinggi, kencing manis dan sebagainya. Itu sangat penting dan sebab itu kami perkukuhkan peranan KD iaitu klinik desa dan juga KK kita, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri yang budiman. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penduduk telah mencecah hampir sejumlah 77,000. Penduduk ramai berhijrah daripada Pulau Pinang ke Padang Serai. Hospital Kulim terletak 30 kilometer daripada Padang Serai. Soalan saya, adakah pihak kementerian merancang untuk menaik taraf klinik ke hospital biasa untuk memberi rawatan sepenuh masa.

Soalan kedua, ambulan hanya beroperasi di waktu pejabat sahaja. Kalau dipanggil pun ambulan perlu dipanggil daripada Hospital Kulim. Ramai penduduk mengeluarkan perasaan mereka. Mohon beri penjelasan.

Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih. Soalan ini lebih khusus ya Yang Berhormat Padang Serai. Kalau saya perhatikan dari segi kependudukan dan juga kalau boleh saya merujuk kepada perancangan ke depan saya tidak ada maklumat yang terkini untuk memberikan perancangannya. Akan tetapi, saya yakin andainya keperluan ini kita kenal pasti saya akan dapat menyusuli permohonan Yang Berhormat Padang Serai untuk peningkatan fasiliti dan kemudahan ini diangkat seterusnya.

Di sini ada sedikit maklumat seperti mana yang saya sebutkan tadi untuk perancangan membina sebuah klinik KK Jenis 3 ini Yang Berhormat Padang Serai bagi gantian klinik sedia ada supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih menyeluruh kepada masyarakat setempat. Klinik KK Jenis 3 ini agak besar di klinik itu ada tujuh jenis daripada sekecil tujuh dan yang pertama adalah Klinik Jenis 1 mungkin sejumlah 2,000 atau lebih dari segi pesakit *outpatient* sehari.

Klinik Jenis 3 adalah dalam kurang lebih 300 hingga 500 sehari. Jadi itu adalah *response* yang dapat saya berikan dapat kita tambahkan kemudahan di Klinik Kesihatan Jenis 3 yang akan kita gantikan yang sedia ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah perancangan kementerian Yang Berhormat untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Dabong dengan mewujudkan doktor pakar tetap. Ini kerana sekarang ini doktor pakar yang ada berulang-alik daripada Hospital Kuala Krai, wad-wad yang selesa dan juga Pusat Hemodialisis kerana jarak Dabong yang paling dekat dengan Hospital Jeli 50 kilometer dan Hospital Kuala Krai 75 kilometer. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad: Saya perlu merujuk kepada perancangan untuk Klinik Kesihatan Dabong. Saya memahami hospital yang terdekat adalah Kuala Krai dan Jeli dan klinik kesihatan selalunya adalah berperanan sebagai sebenarnya mengurangkan *congestion* di hospital-hospital. Jadi, andainya kalau kami pastikan keperluan di Klinik Kesihatan Dabong dan saya yakin Klinik Kesihatan Dabong ini juga adalah sibuk. Apa yang boleh saya sebutkan tanpa maklumat yang terkini ataupun tanpa maklumat saya boleh jawab soalan ini dengan lebih khusus ketika mendapat perancangannya di sana. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum ini nisbah berkaitan dengan doktor dengan rakyat seramai 520 orang. Untuk satu doktor kena jaga seramai 520 pesakit. Padahal, kalau ikutkan perundangan seramai 450 pesakit.

Jadi, kalau kita tengok hari ini ramai siswazah-siswazah kita masih menganggur lebih dua tahun pun tidak ada pekerjaan. Apakah tindakan proaktif kementerian untuk memastikan dapat diisikan, ini soalan pertama. Ini saya yakin Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Kedua, lari sedikit tetapi ada berkaitan dengan kementerian. Baru-baru ini saya tanya dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berkaitan dengan baru-baru ini ada mogok oleh pemandu-pemandu lori yang besar di mana GDL dan PSP dia tidak dapat dihidupkan kerana untuk tiga bulan kerana mereka menghidap kencing manis dan juga darah tinggi dan sebagainya. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata ini adalah berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Jadi soalan saya, bagaimana kaedah yang Yang Berhormat Menteri sendiri boleh fikirkan untuk membantu mereka-mereka ini khususnya di kawasan luar bandar, pemandu lori ini sebab pemandu lori ini beritahu untuk makluman Yang Berhormat Menteri, RM70 hingga RM80 untuk mereka bayar kos untuk pergi rawat kencing manis, untuk dapatkan insulin dan sebagainya. Jadi, kalaulah klinik-klinik desa dan sebagainya di bawah kerajaan boleh membantu mereka sudah semestinya dapat manfaat kepada pemandu-pemandu lori tidak perlulah mereka mogok. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat, saya jawab soalan yang kedua tadi sebab saya yakin kalaulah pemandu lori yang rata-ratanya di bawah julat pendapatan dalam golongan bawah 40 ataupun

Bottom 40, B40 sekali gus saya yakin kalau mereka adalah juga penerima bantuan sara hidup (BSH) maka mereka sekali gus adalah terangkum dalam golongan yang layak mendapat sama ada saringan, rawatan dan juga ubat-ubatan.

Itu adalah sekali gus akan menjadi seperti mana fi perubatan kita sama ada ke hospital mahupun ke klinik-klinik itu adalah RM1.00 dan RM5.00, RM1.00 untuk jumpa doktor dan RM5.00 untuk jumpa pakar. Jadi, saya tidak nampak perkara itu adalah besar bahkan... [Disampuk]

■1200

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Menteri. Menteri, maaf. Kalau boleh kementerian buat pengumuman khas sebab isu ini besar. Pengumuman khas khususnya untuk pemandu-pemandu lori ini.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya akan susuli perkara itu.

Keduanya, soalan pertama tadi. Soalan pertama ini sedang sebenarnya dalam pemerhatian saya mutakhir kerana ada isu tentang MO kontrak selepas HO itu. Kita tahu nisbah 1 hingga 520 itu adalah kedudukannya masa kini. Nisbah yang bukan ada undang-undang tetapi nisbah yang disarankan oleh WHO sebagai satu negara yang bersifat *upper-middle income economy*, kita wajar ke nisbah 1 hingga 420. Kita terpaksa buat *catch up*, usaha-usaha untuk memperbanyakkan lagi doktor kita supaya nisbah itu adalah dapat kita capai paling tidak nya *towards* satu doktor kepada *population* 420.

Akan tetapi yang lebih penting daripada hanya memenuhi nisbah-nisbah perimeter dan *indices* seperti ini adalah kualiti, adalah bagaimana mereka berperanan dan juga hari ini saya berdepan dengan satu tekanan untuk diangkat moratorium selama kerajaan yang lama kenakan dan ini sudah sikit mengendalakan dari sudut *the flow of training of House Officer (HO) dan Housemanship*.

Jadi, perkara ini adalah sifatnya *seismic*, dia tidak boleh ditangani secara runcit-runcit begitu. *Cannot be done piecemeal*. Dia ada kesan, contohnya kalau kita memperbanyakkan *student graduate* tetapi kita tidak cukup *facilities*, kita tidak cukup hospital latihan siswazah contohnya, *so you can have graduate but they still got to queue and they queue for* maaf, dia menunggu selama kadangkala setahun dan mungkin lebih daripada setahun.

Jadi, kesemua ini hendak saya lihat dalam satu *commissioning*, satu skema perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh. Saya rasa kena begitu akhirnya penyelesaian. Tidak boleh kita lakukan secara runcit-runcit. Meskipun ada yang *quick wins*, ada yang orang kata *low hanging fruits*, yang saya boleh selesaikan secara respons cepat ataupun *short term* tetapi ia mesti melihat kepada perancangan yang lebih jauh.

Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula saya mengalu-alukan kehadiran para pelajar daripada SMK Bukit Kuching Tengah dan Sekolah Agama Menengah Jeram yang semuanya dari Parlimen Kuala Selangor. Selamat datang semua... [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua.

*Cantik pantun penuh bersuluh;
Cantik lagi soalan saya nombor sepuluh.*

10. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, sejauh mana laman web *sebenarnya.my* diakses oleh rakyat di negara ini bagi mengesahkan sesuatu isu sama ada palsu atau tidak.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Bachok yang minta saya untuk menyatakan sejauh mana laman web *sebenarnya.my* diakses oleh rakyat Malaysia bagi mengesahkan sesuatu isu sama ada palsu atau tidak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, portal *Sebenarnya.my* yang telah pun dilancarkan oleh SKMM pada bulan Mac 2017 sehingga kini masih menjadi salah satu sumber rujukan bagi orang ramai bagi menentukan kesahihan atau pun tidak sesuatu berita yang tular. Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, portal tersebut telah pun menerima lebih daripada 70 juta layaran semenjak dilancarkan dan secara purata Tuan Yang di-Pertua, menerima sekitar 2.4 juta *hits* setiap bulan.

Selain daripada itu, portal *sebenarnya.my* juga telah menerima sebanyak 3,361 penyaluran maklumat daripada awam iaitu maklumat berkenaan ataupun mengenai berita yang tidak ditentu sahkan kesahihannya. Aduan awam berkenaan kandungan berita ataupun kandungan palsu juga telah pun meningkat Tuan Yang di-Pertua sebanyak 55 peratus dari tahun yang lalu iaitu sebanyak 340 aduan dan 527 aduan pada tahun ini sehingga bulan September yang lalu.

Peningkatan aduan yang diterima menunjukkan masyarakat awam lebih peka dan kesedaran dengan sebaran-sebaran maklumat yang tidak pasti ataupun tidak disahkan kesahihannya. Pemerhatian dari aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal *sebenarnya.my* oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi Tuan Yang di-Pertua yang positif dari segi keberkesanan portal dalam membantu menangani masalah penularan maklumat serta berita yang tidak sahih atau palsu dalam talian.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui SKMM baru-baru ini juga telah menghubungkan semula jalinan kerjasama antara berbilang agensi melalui Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang tidak ditentu sahkan dalam talian yang telah ditubuhkan bagi menyelaras koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Melalui jalinan kerjasama tersebut Tuan Yang di-Pertua, agensi yang terlibat telah memainkan peranan dengan mengesan dan juga memantau penularan berita-berita dan maklumat-maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular ataupun disebut dalam bahasa Inggeris *viral*.

Seterusnya, mengeluarkan kenyataan bagi menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu dan mengelirukan melibatkan agensi dan kementerian masing-masing. Kenyataan-kenyataan penafian atau penjelasan Tuan Yang di-Pertua yang dibuat akan diterbitkan dalam

portal tersebut sebagai *repository* kepada berita-berita yang telah pun ditentusahkan untuk menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentukan sahkan sesuatu berita yang tular.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program advokasi dan kesedaran telah dijalankan oleh pihak SKMM di media dan di lapangan bagi menyokong inisiatif portal *sebenarnya.my*. memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu serta Tuan Yang di-Pertua pembudayaan amalan menyemak dan menentu sahkan sesuatu berita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usaha kerajaan mewujudkan laman web *sebenarnya.my* sebagai salah satu inisiatif bagi menentu sahkan sesuatu berita. Ia adalah pendekatan literasi media yang bersifat mendidik dan mendorong rakyat untuk lebih memahami bahaya berita palsu selain pendekatan *punitive* yang menumpu kepada kuat kuasa undang-undang. Cuma kemusykilan saya sebagai sebuah portal kerajaan, ia adalah berkaitan dengan capaiannya yang Menteri sebut tadi yang bagi saya masih lagi di peringkat rendah.

Laman web ini tidak berada di *mainstream* media seperti *Facebook*, *Twitter*, *IG* dan sebagainya. Saya masih tidak melihat laman web ini tular dalam masyarakat.

Jadi, soalan saya apakah usaha kerajaan bagi memajukan lagi portal ini melalui pendekatan lebih interaktif dan menarik minat rakyat untuk merujuk kepadanya dan adakah wujud usaha lain yang melibatkan pendekatan literasi media yang diketengahkan oleh kerajaan supaya kita dapat mengurangkan lambakan berita palsu yang bersifat separa benar ini. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Bachok. Kita memang ada pada peringkat kerajaan menyediakan beberapa pendekatan, khususnya program-program advokasi Yang Berhormat, kempen kesedaran dan juga jangkauan yang diadakan di seluruh negara supaya kita boleh menyampaikan mesej-mesej utama berkaitan dengan penggunaan internet secara bijak dan berhemah. Saya rasa ini adalah satu perkara yang penting kerana kita semua tahu dalam usaha kita hendak perkembangan infra, hendak kita pastikan semua rakyat menggunakan internet dan sebagainya, maka dalam masa depan kita boleh lihat bagaimana kita perlu pastikan bahawa semua maklumat yang disalurkan melalui infra ini, melalui internet ini boleh kita sahkan kandungan dia, sebelum ianya disebarkan ataupun dikongsi dengan semua.

Jadi, ini satu perkara yang penting. Saya cukup setuju dengan Yang Berhormat, kita perlu mengambil pendekatan yang serius untuk kita menangani masalah ini. Satu daripada perkara yang kita laksanakan adalah kita ada perbincangan dengan media-media massa yang sedia ada sekarang untuk dua perkara.

Satu Yang Berhormat untuk mereka ini cuba juga bantu dari segi menyebarkan bahawa wujudnya portal ini supaya ianya dapat kesedaran di peringkat kalangan rakyat dan masyarakat ramai.

Keduanya Yang Berhormat juga kalau mereka boleh setiap portal ini ada apa yang disebut sebagai *fact checker* di mana kalau kita ada melayari satu portal itu, bila kita lihat satu perkara dan kita ini tidak pasti, maka ada sistem dari mana kita boleh siasat dan kita boleh tentukan keesahannya berita tersebut daripada mana ianya datang, sumbernya dan sebagainya. Akan tetapi ini dalam proses perancangan dan satu perkara yang kepada saya Yang Berhormat *I'm taking a personal interest in this*, kerana saya rasa ini adalah satu tanggungjawab yang cukup besar dan tanggungjawab bukan sahaja pihak kerajaan tetapi tanggungjawab semua yang terlibat dalam proses penulisan atau pengeluaran berita-berita termasuk portal-portal termasuk semua pengguna media sosial. Jadi, perkara itu dalam perhatian saya.

Saya cukup berterima kasih Yang Berhormat yang telah pun membangkitkannya. Saya akan kembali ke Dewan ini untuk memaklumkan selepas daripada ini, apakah sebenarnya yang kita hendak laksanakan. Saya harap kita dapat lihat perbezaan ini dalam masa yang akan datang tetapi memang dalam perhatian saya. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat, masa pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1210

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (PEMBUBARAN) 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 [Akta 651], untuk membubarkan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah akta itu, untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan hartanya pada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.10 tgh.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 18 November 2019.”

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini adalah perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 untuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Had tempoh masa perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dihadkan selama 10 minit sahaja bagi setiap Ahli Yang Berhormat untuk berbahas.

Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan juga bahawa tempoh masa Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjawab ke atas perbahasan Belanjawan 2020 di peringkat Jawatankuasa adalah dihadkan masanya selama 60 minit. Sekian, terima kasih.

Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum masuk ke peringkat Jawatankuasa, saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat iaitu Peraturan Mesyuarat 18(1) mengenai usul yang tertentu, untuk kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan.

Bahawa saya telah pun menghantar usul terhadap arahan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya berkaitan dengan kempen pilihan raya yang dibuat daripada rumah ke rumah yang perlu mendapat permit daripada Polis Diraja Malaysia terlebih dahulu, hendaklah arahan ini kita minta dibatalkan. Jadi dengan itu, kita kena bahaskan usul ini kerana saya lihat arahan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia bertentangan dengan tiga prinsip undang-undang di dalam negara kita.

Ini kerana daripada segi prinsipnya, kita sedia maklum bahawa undang-undang ini ataupun arahan ini sebenarnya telah pun bercanggah dengan seksyen 16 dan juga seksyen 17 Akta Pilihan Raya. Ini jelas kita sudah baca bahawa seksyen 17 mengatakan bahawa peraturan-peraturan hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dulu dan seksyen 16, mestilah mendapat kelulusan Agong. Tapi yang ini peraturan-peraturannya telah pun diumumkan tanpa melalui kita. Itu yang pertama iaitu bercanggah dengan Akta Pilihan Raya dan juga Akta Kesalahan Pilihan Raya.

Yang kedua, ia juga bercanggah dengan Artikel 9 Perlembagaan Persekutuan kerana daripada— walaupun jawapan Yang Berhormat Menteri telah pun diberi tadi, yang saya pun ada dapat surat daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan isu usul yang saya bawa ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi saya hendak nyatakan bahawa jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri ini tadi ialah amat mengelirukan Dewan kerana dikaitkan tadi bahawa kempen rumah ke rumah ini dengan seksyen 24B(3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang mana kita sedia maklum bahawa di bawah seksyen ini, ini hanya untuk perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka dan ini semuanya program-program yang terbuka, syarahan awam yang terbuka. Tidak ada kaitan dengan kempen rumah ke rumah. Begitu juga dengan seksyen 24B(4), ianya berkaitan dengan risalah, brosur, bendera dan lain-lain pada waktu kempen yang tidak ada kaitan dengan kempen rumah ke rumah.

Tuan Yang di-Pertua, *walkabout* di pasar malam ataupun kempen rumah ke rumah ini tidak disebut dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya. Maka, kempen rumah ke rumah ini adalah *private arrangement* di antara tuan rumah dan juga ejen kempen.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi, SPR tidak ada kuasa untuk menyekat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Kerana ianya adalah kebebasan bergerak yang dijamin oleh Perlembagaan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Melaka...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nanti dulu. Tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa, tidak apa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk. Saya sudah dengar.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini *private arrangement*.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau kata...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak. Bagi saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti. Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Bukit Bendera, semua dijemput duduk. Di depan saya... *[Disampuk]* Ya, sila duduk, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Peraturan 18(1), Yang Berhormat Tanjong Karang memang faham ia kena menepati tiga syarat. Tan Sri Yang di-Pertua telah menerima usul daripada Yang Berhormat Tanjong Karang dan sebenarnya saya telah pun berikan Yang Berhormat Tanjong Karang ruang dan peluang untuk berhujah panjang lebar. Tapi, oleh kerana usul itu tidak menepati syarat Peraturan Mesyuarat, usul itu telah pun ditolak.

Dan faktanya pun sebenarnya Yang Berhormat Tanjong Karang silap. Saya telah dapat maklumat daripada Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa arahan bukan dikeluarkan oleh SPR tetapi oleh pihak polis. So, sebab itu fakta pun tidak tepat. Walau bagaimanapun, di bawah Perkara 43, keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad. Sekian, terima kasih.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Cakap fasal Peraturan Mesyuarat lagi. Betul, kalau Yang Berhormat kata tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya pada...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Apa yang saya beri tapi jawapan yang saya dapat daripada Yang di-Pertua tadi ini, dia kata jawapan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan jawapan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ini tadi saya sudah kata jawapannya itu mengelirukan Dewan dan kerana itu saya bangkit lagi di bawah Peraturan 90 ini. Saya hendak minta P.M. 90, budi bicara Tuan Yang di-Pertua yang kalau kata saya tidak ikut peraturan, tapi Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk kita memberhentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat. Ini budi bicara. Kerana ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Walaupun kata fakta tidak betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tan Sri Yang di-Pertua telah pun buat keputusan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Walaupun fakta tak betul tapi kena ingat, yang buat *statement* ialah Pengerusi SPR yang minta polis. Ini kena ingat bahawa kita tahu ini pilihan raya. Pilihan raya ini polis ini patutnya dia mengikut arahan-arahan yang ditentukan oleh SPR. Sebab itu Pengerusi SPR yang membuat pengumuman. Jadi, jangan kata saya salah fakta. Tuan Yang di-Pertua pun mungkin salah fakta.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rakan saya Yang Berhormat Tanjong Karang sebab dalam Akta Pilihan Raya, kita lihat pun bahawa pihak polis cuma boleh memberi pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sebab itu.....

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang berkuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan patut baca surat yang dibalas oleh Tan Sri Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah saya baca. Yang berkuasa ialah SPR.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan bazir masa Dewan yang mulia ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab pilihan raya....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Polis telah katakan tidak akan kuatkuasakan peraturan tersebut dan arahan itu bukan dikeluarkan daripada SPR. Itu adalah fakta.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekarang ini kita hendak persoalkan, di mana kuasa SPR?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mengapa kita hendak berhujah atas fakta yang tidak tepat?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa SPR sudah tidak bertanggungjawab dalam soal ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sebab itu SPR telah pun membuat penjelasan. Mereka tidak mengeluarkan arahan itu. Maka, mana ada timbul soal relevannya usul ini?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa, okey. Baik, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya pun tidak hendak kecoh. Ini ialah tujuan usul ini dibawa iaitu supaya pihak polis dan juga SPR menarik balik penguatkuasaan peraturan ini. Mengikut surat yang saya terima daripada Yang di-Pertua— saya hendak baca ya. *“Selain itu, saya juga difahamkan oleh pihak kerajaan bahawa pihak polis tidak akan menguatkuasakan peraturan ini.”*

Adakah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh memberi jaminan bahawa mulai sekarang bahawa peraturan baru ini tidak dikuatkuasakan sewaktu pilihan raya kecil yang sedang berjalan di Tanjong Piai? Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kena umumkan dalam Dewan ini. Itu sahaja usul kita. Kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berani mengumumkan polis akan menarik balik dan tidak kuatkuasakan peraturan ini, kita bersetuju. Yang Berhormat kena betul-betul berani untuk membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang.

■1220

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kapala batas]: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tambah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tuan Yang di-Pertua memang berani, adil dan tegas tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak boleh guna kuasa Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang faham. Saya duduk di sini sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Mana boleh saya keluarkan arahan kepada polis dan yang boleh keluarkan arahan – Yang Berhormat Tanjong Karang sebagai mantan Menteri faham, cukup faham.

Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah pun memberikan jawapan bahawa pihak polis tidak akan menguatkuasakan peraturan dan SPR tidak pernah keluarkan peraturan tersebut. Maka usul itu tidak timbul. Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang cukup faham sebagai orang lama di Dewan yang mulia ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan. Tidak, sebab saya tahu. Oleh sebab saya tahu peraturanlah saya bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Janganlah membazir masa. Semalam sudah bersidang sampai pukul 10.30.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan dua. Pertama, saya hendak rakamkan jawapan Menteri tadi ialah mengelirukan. Kedua, kalau Tuan Yang di-Pertua kata Parlimen tidak ada kuasa saya hendak ulang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jika Yang Berhormat Tanjong Karang mendapati jawapan Yang Berhormat Menteri mengelirukan, maka boleh buat usul tetapi bukannya dengan cara ini menggunakan Usul 18(1) kemudian kaitkan dengan Usul 36(12). Itu tidak betul. Cara itu salah. Yang Berhormat Tanjong Karang tahu tetapi sengaja tidak tahu. Itu sebabnya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berdasarkan fakta. Dua benda saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pertama, Tuan Yang di-Pertua dengar baik-baik apa jawapan, surat yang ditulis kepada saya. Dia kata tadi bahawa "*Saya telah meneliti usul yang dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua dan mendapati perkara yang dibangkitkan telah diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada hari Khamis, 14 November 2019.*" Ini jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Saya kata jawapan Yang Berhormat Menteri tidak betul. Itu yang pertama. Kedua, apa lagi Tuan Yang di-Pertua tulis surat dengan saya. "*Selain itu saya juga...*"

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dengar dahulu. “*Selain itu saya juga difahamkan oleh pihak kerajaan...*”

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Diamlah, duduk lah. Nanti bagi saya habis baru bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang tidak payah berulang-ulang. Saya cukup faham.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak. Saya hendak cari balik Yang Berhormat punya *statement* tadi bahawa...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua Peraturan 18.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Melaka, apa peraturan mesyuarat?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18(1) tidak membenarkan Yang Berhormat Tanjong Karang untuk bahas dengan sedemikian. Dia hanya boleh baca teks usul sahaja tetapi sekarang dia bahas. Dia cuba hendak pancing undi untuk Tanjong Piai. Itu hasrat dia Tuan Yang di-Pertua. Kita... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sebenarnya memanglah Ahli Yang Berhormat semua ada mesej tersurat dan tersirat. Saya cukup faham. Oleh sebab itu saya kata Yang Berhormat Tanjong Karang, jangan bazir masa Dewan yang mulia ini. Sekarang saya gunakan kuasa di bawah Perkara 43 keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort. Ya, Setiausaha Dewan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap yang tersurat, bukan yang tersirat. Yang Berhormat tidak menghormati kah surat yang saya dapat daripada Tuan Yang di-Pertua? Bermakna Timbalan Yang di-Pertua pun tidak hormat kepada Tuan Yang di-Pertua, surat yang dibuat. [*Disampuk*] Yang Berhormat boleh beri jaminan bahawa kalau kata esok tidak dikuatkuasakan peraturan ini seperti yang saya dapat, maka tindakan kepada Timbalan Yang di-Pertua memang tidak layaklah duduk di situ.

Ini saya baca dalam surat. Macam mana Timbalan Yang di-Pertua boleh tidak menghormati surat yang dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya jemput Yang Berhormat Tanjong Karang duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bermakna Timbalan Yang di-Pertua memang tidak hormat surat yang dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh baca...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya faham...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua kata, ini surat yang saya baca, dua sebab. Itu sebab saya hendak beri jaminan bahawa surat yang mengatakan

bahawa polis akan menarik balik ini. sila beri jaminan dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya telah pun memberikan peluang untuk Yang Berhormat Tanjong Karang berhujah panjang lebar tetapi saya dapati hujahnya tidak berasas.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020 Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketujuh]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.31 [Jadual] -
Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2020]**

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Perbincangan Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Seni dan Budaya terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat Beaufort. Sila.

12.24 tgh.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Beaufort adalah merupakan kawasan pelancongan kedua-dua daerah dalam Parlimen Beaufort iaitu Beaufort dan Kuala Penyu adalah kawasan pelancongan yang sudah pun terkenal. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 31, Butiran 030500, Butiran 030600, Butiran 040500.

Tuan Pengerusi, saya telah beberapa kali mengucapkan dalam Parlimen ini bahawa untuk memastikan kawasan pelancongan itu benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat yang duduk di sana, maka perlulah para pelancong itu berada dalam kawasan itu bukan sahaja singgah sekejap menjadikan penduduk di sana sebagai orang yang tengok sahaja atau *witnessing* sahaja kehadiran mereka tetapi mereka perlu juga mendapat hasil daripadanya.

Oleh kerana itu saya minta supaya kementerian menimbangkan untuk mewujudkan galeri kebudayaan dan kesenian di Beaufort. Ini sudah lama saya kemukakan bagi memastikan seni budaya tradisi pelbagai suku kaum di daerah Beaufort dan Kuala Penyu dapat dijaga dan

juga diabdikan untuk generasi akan datang dan juga untuk dilihat oleh pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara yang berkunjung ke daerah Beaufort dan Kuala Penyu setiap hari.

Di galeri ini nanti juga seni budaya pelbagai suku kaum etnik boleh dipertontonkan kepada para pengunjung khususnya pelancong daripada luar negara. Saya yakin dengan adanya galeri ini nanti maka pengusaha produk seni budaya di luar bandar khususnya di kawasan Parlimen Beaufort dan para penggiat seni akan mendapat manfaat ekonomi dengan wujudnya galeri ini nanti.

Sungguh indah dan cantik sebenarnya seni budaya kami di dalam kawasan Parlimen Beaufort ini. Ada pelbagai suku kaum etnik yang bersatu padu. Inilah yang kami ingin kalau boleh pihak yang lain khususnya daripada Semenanjung Malaysia ini datang melihat bagaimana cantiknya budaya dan bagaimana berpadunya kami yang daripada berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang budaya ini. Tidak perlu kita membina bangunan yang baru. Kita gunakan bangunan yang terbiar ataupun kita sewa sahaja bangunan yang sedia ada untuk mewujudkan galeri ini. Saya juga meminta supaya kementerian membantu untuk mewujudkan galeri kecil sejarah warisan negara di Mempakul. Ini di daerah kecil Menumbok.

Ini adalah penting untuk mengekalkan ingatan generasi yang ada sekarang, generasi yang akan datang kepada warisan sejarah daripada zaman berzaman, sebelum lagi British dan seterusnya. Mempakul merupakan pusat pentadbiran pada zaman British dan ia mempunyai sejarahnya sendiri berkaitan dengan zaman British, berkaitan dengan perang dunia dan juga terdapat di sana telaga garam ataupun sirap yang seperti kami sebut di negeri Sabah, yang sudah lama wujud di sana dan sudah tidak wujud lagi di mana-mana.

Baru-baru ini saya dapat maklum bahawa di situ terletaknya juga Tanjong Kelias yang dikatakan *the westernmost point* dengan izin di Malaysia ini yang cukup indah. Maka sesuai sebagai tarikan pelancong untuk kawasan dalam Parlimen Beaufort khususnya untuk daerah kecil Menumbok. Foto-foto dan dokumen bersejarah berkaitan boleh dipamerkan di galeri kecil itu untuk semua melihatnya. Premis sudah tersedia.

Maka saya amat berharap pihak kementerian akan sudi membantu mengekalkan warisan sejarah negara ini. Ini sekali gus membantu merancakkan ekonomi daerah kecil Menumbok dan juga Mempakul itu sendiri. Jemputlah datang kepada wakil kementerian untuk melihat sendiri tempat ini dan apa yang saya sebutkan ini kalau tidak percaya kepada saya. Akan tetapi tidak mungkin saya bercakap bohong dalam Dewan Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 040300 – Program Penggalakan Pemasaran, Promosi dan Acara-acara Pelancongan, Seni dan Budaya dan juga Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Bagaimanakah caranya kementerian boleh membantu program-program seni dan budaya etnik Sabah termasuklah dalam kawasan saya di Parlimen Beaufort dari sudut menggalakkan pemasaran dan juga promosi agar pelancong-pelancong daripada luar negara berkunjung ke acara-acara untuk kami anjurkan setiap tahun ini.

Di kawasan saya sahaja ada Festival Bagandang Beaufort. Ini adalah unik kepada daerah Beaufort yang melibatkan pelbagai kaum yang ada di sana. Pesta Rumbia dan juga

terbaru Bakanjar di daerah Kuala Penyu juga adalah perkara-perkara yang unik kepada kami di dalam Parlimen Beaufort. Bagandang adalah bagandang yang dikenali oleh orang ramai tetapi di Beaufort kami membawa semua kaum etnik yang ada termasuk juga suku kaum Cina untuk bersama-sama kami bagandang. Akan tetapi kami sebut 'bagandang' mengikut cara kami bercakap di daerah Beaufort dan juga di negeri Sabah.

■1230

Pesta Rumbia pula kita akan dapat melihat makanan budaya kami dari sagu, ada juga makanan daripada – apa yang disebut, kalau kami sebut di sana 'giuk' lah – ini boleh dimakan hidup-hidup ataupun digoreng tanpa minyak. Ini semua adalah kebudayaan kami yang ada di negeri Sabah. Yang Berhormat Bagan Serai takut? Jangan takut, kata mereka *protein very good*, dengan izin.

Oudou Bakanjar pula adalah tarian budaya Kaum Tatana di Kuala Penyu yang menunjukkan cara-cara membela diri dan juga kepahlawanan suku kaum Tatana. Ini juga adalah unik kepada kami sahaja, tengoklah kepada kawan-kawan di sana betapa indahnya kami di sana boleh duduk bersama dalam keadaan yang cukup harmoni sekali tanpa gaduh-gaduhlah. Kesemua acara ini adalah unik kepada kawasan saya yang populasinya terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dengan budaya seni tradisi yang pelbagai serta sungguh menarik. Jemputlah datang ke acara-acara kami.

Untuk menonjolkan lagi budaya seni tradisi yang cantik dan penyatu kepada kaum-kaum di Sabah ini, khususnya di kawasan saya, saya minta pihak kementerian membantu memasarkan, mempromosikan dan membantu kami dengan sumbangan bantuan geran setiap tahun. Ini kerana, kalau tidak kami sendiri yang mencari kewangan untuk memastikan program-program ini berjaya. Kami sendiri yang berusaha untuk memastikan yang kami tidak ketinggalan untuk kesinambungan budaya tradisi kami di daerah Beaufort dan di daerah Kuala Penyu. Maka, kami ingin mengambil kesempatan di sini supaya pihak kementerian mengambil tindakan membantu kami khususnya untuk tahun melawat Malaysia pada tahun hadapan, tahun 2020.

Butiran 031100 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, sebanyak RM57 juta diperuntukkan. Ini juga ada kaitan dengan pelancongan. Apakah di antara usaha kementerian untuk membantu usahawan desa yang menghasilkan kraf tangan tradisi dan lain-lain yang boleh menjadi produk yang boleh membantu mereka *sustain* sebagai usahawan dan juga produk mereka dapat dipasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Produk seperti anyaman yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyarankan supaya diusahakan oleh penduduk-penduduk luar bandar khususnya kaum wanita.

Saya sarankan agar pihak kementerian datang memantau produk-produk yang sesuai untuk terus dibangunkan, di tambah nilai, direka bentuk dengan *design* baharu dan sesuai untuk dipasarkan kepada para pelancong seperti anyaman tikar pandan yang boleh kita kecilkan sebagai *frame* gambar dan dihadiahkan kepada pelancong daripada luar negara, kepada pengunjung yang datang daripada luar negara serta lain-lain lagi yang sesuai. Ini supaya dapat menjadi hasil yang berterusan, *sustainable* kepada pengusaha-pengusaha desa kita yang

memerlukan kita membantu mereka ini seperti di hotel-hotel misalnya, ini semua boleh digunakan.

Jangan gunakan produk dari negara lain, gunakan produk dari kampung-kampung kita sendiri. 'Tekiding' ini adalah seperti *bag pack* yang digunakan pada zaman dahulu untuk mengangkut hasil padi. Sekarang ini boleh diubah menjadi *bag pack* yang cantik, *colourful* dan juga ada ciri-ciri kebudayaan tradisinya yang boleh juga kita sesuaikan dengan zaman sekarang ini serta boleh dipasarkan kepada semua termasuklah para pelancong.

Saya amat berharap kerana apabila kita bangunkan – kita mungkin di sini melihat perkara ini sebagai perkara kecil sahaja, tetapi bagi saya dan orang-orang di kawasan saya ini adalah amat penting kerana kita mahu membantu orang luar bandar mencapai kejayaan. Ini bersesuaian dengan tahun hadapan, tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia maka marilah sama-sama kita jayakan dengan membantu kami dari kawasan-kawasan yang sudah dikenali sebagai kawasan pelancongan untuk lebih berjaya, lebih maju sekali gus kita tolong rakyat yang ada di sana. Bukan sebagai penonton, tetapi mereka juga merasai nikmat kawasan mereka sebagai kawasan pelancongan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Mengikuti perbincangan Yang Berhormat Beaufort seperti menonton iklan promosi pelancongan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Beaufort, khusus untuk Beaufort sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keningau, selepas itu Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Wah, Jelebu lambat lagi?

12.34 tgh.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertama, Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa dan Butiran 020400 - Pembangunan Industri.

Kementerian Pelancongan telah beberapa tahun ini mengenakan dua jenis cukai pelancongan. Satu adalah cukai bilik atau *room tax*. Kedua, baru-baru ini diperkenalkan ialah cukai *exit tax*. Saya ingin bertanya apakah impak kepada industri pelancongan dengan adanya cukai-cukai ini setakat ini? Berapakah pungutan cukai sejak cukai-cukai ini telah diperkenalkan? Adakah ia membantu ataupun mengurangkan kedatangan pelancong-pelancong di negara kita?

Saya juga ingin bertanya dan bersetuju dengan Yang Berhormat Beaufort tadi, bahawa kita mempunyai banyak produk tetapi dalam Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia – saya ingin bertanya, kerana terdapat peruntukan sebanyak RM40 juta. Apakah penekanan produk-produk pelancongan yang diperkenalkan dan dipromosikan di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak? Ini kerana kita di Sabah dan Sarawak memang mempunyai banyak produk pelancongan yang belum lagi dipromosikan dan diperkenalkan kepada dunia.

Saya juga ingin bertanya, di dalam Butiran 01100 – Program Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan, sejumlah RM7.6 juta dan Butiran 01900 – Pembangunan Ekotourism yang berjumlah sebanyak RM13 juta serta Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay* berjumlah RM437,000. Nampaknya, peruntukan ini tidak meningkat malah ia menurun. Sepatutnya dalam Tahun Melawat Malaysia ini peruntukan untuk mempromosikan fasiliti-fasiliti dan kemudahan-kemudahan di dalam negara kita ini dipertingkatkan dan peruntukan harus ditambah. Akan tetapi, saya melihat promosi kemudahan *homestay* ini berkurangan pula.

Di Sabah, mempunyai banyak tarikan, banyak lagi potensi yang belum lagi diperkenalkan termasuklah Gunung Trusmadi yang masih memerlukan kemudahan-kemudahan untuk melancong. Gunung Alab, Gunung Alab adalah gunung ketiga tertinggi di Malaysia. Ini adalah terdapat di kawasan saya. Begitu juga Gunung Wakid yang terdapat di Tambunan tetapi tidak ada kemudahan dan tidak ada jalan yang selamat untuk mendaki gunung itu.

Terdapat juga hutan-hutan rimba dan juga air-air terjun termasuklah air terjun yang kedua tertinggi di Malaysia iaitu di Gunung Kinabalu dan satu lagi di perhutanan Telupid iaitu Air Terjun Tawai, sejauh 17 kilometer tetapi tidak ada jalan dan untuk mendaki dan memasuki hutan itu ke kawasan air terjun perlu berjalan kaki selama dua jam.

■1240

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya kemudahan jalan yang selesa dan juga kemudahan-kemudahan di tempatkan di kawasan-kawasan ini. *Homestay* yang mana peruntukan telah berkurangan. Pada tahun lalu, sebanyak RM500,000 dan tahun ini hanya sebanyak RM437 ribu tidak selaras dengan Tahun Melawat Malaysia. Di Sabah sahaja memerlukan banyak *homestay* kerana ia melibatkan masyarakat yang akan menguntungkan masyarakat kita dan juga ia akan meningkatkan produk-produk pelancongan di kawasan-kawasan tertentu.

Butiran 050000 – “ONE-OFF”. Satu peruntukan yang berjumlah RM50 juta tetapi tidak dijelaskan apakah peruntukan ini dan saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjelaskan dan mungkin antara tujuan sejumlah RM50 juta ini adalah untuk promosi tetapi kalau belum terikat ataupun diperuntukkan sebagai khas untuk projek, bolehlah saya meminta supaya sebahagian daripada itu peruntukan *one-off* ini diperuntukkan untuk kemudahan-kemudahan dan jalan-jalan menuju ke Gunung Trus Madi, Gunung Alab dan Gunung Wakid...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan selepas itu, Yang Berhormat Kalabakan.

12.42 tgh.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 050100. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Tahun Melawat Malaysia menjadi misi nasional. Walaupun Menteri Kewangan memperuntukkan sejumlah RM1.1 bilion kepada kementerian untuk menjenamakan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan, namun hanya sebanyak RM40 juta sahaja diperuntukkan khusus untuk butiran Tahun Melawat Malaysia 2020 berbanding sejumlah RM100 juta yang diperuntukkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk projek kereta kabel di Bukit Bendera.

Saya mohon pihak kementerian memperincikan bagaimana agihan sebenar yang diperuntukkan untuk Tahun Melawat Malaysia 2020. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, adakah Tahun Melawat Malaysia 2020 telah dipromosikan di luar negara sepanjang tahun 2019? Ini kerana pelancaran logo pun baru diadakan daripada bulan Julai yang lalu. Sekiranya sudah, di mana dan berapa peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Sementara itu, adakah kementerian akan menyertai pameran pelancongan terbesar dunia iaitu di ITB Berlin yang akan diadakan pada 4 hingga 8 Mac 2020.

Saya juga difahamkan kerajaan akan menganjurkan Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020 untuk mengisi program dalam Tahun Melawat Malaysia 2020. Subsektor ini adalah menjana pendapatan sebanyak RM1.5 bilion daripada sejumlah 1.2 juta pelancong kesihatan. Kementerian Kewangan telah memaklumkan pada bulan Oktober lalu sejumlah 25 juta akan diperuntukkan kepada Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia. Adakah MHTC di bawah kementerian ini dan pelancongan- persoalannya, di manakah butiran peruntukan tersebut dimasukkan?

Kemudian Butiran 050200. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian untuk memperincikan butiran ini, apakah bangunan yang ingin diselenggarakan dan dibaiki bagi maksud peruntukan tersebut. Adakah diteliti dalam perbelanjaan pembangunan di muka surat 328? Kita akan dapati beberapa peruntukan yang juga dikhususkan untuk naik taraf, ubah suai dan selenggara bangunan-bangunan di bawah kementerian contohnya Butiran 40600 – Program Pemuliharaan/ Pemugaran Tinggalan Sejarah sebanyak RM13.9 juta. Butiran 42700 – Naiktaraf Bangunan-bangunan Arkib Negara Malaysia sebanyak RM15 juta. Butiran 43205 – Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak dan Butiran 45100 – Ubahsuai dan Naiktaraf Muzium sebanyak RM5 juta. Oleh itu, saya mohon perincian, apakah peruntukan bagi Butiran 050200 yang berjumlah RM10 juta tersebut?

Seterusnya, saya merujuk kepada kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian pada 16 Ogos 2019 yang lalu mengatakan bahawa Carcosa Seri Negara sebuah bangunan ikonik sejarah telah dimandatkan kepada kementerian untuk dibangunkan semula dan dijadikan tarikan pelancongan. Saya difahamkan bahawa bangunan ini telah diserahkan kepada sebuah syarikat untuk diuruskan tetapi pihak kerajaan telah meminta syarikat tersebut berkenaan mengosongkan

premis tersebut kerana gagal menjelaskan sewaan sejak tahun 2017. Saya minta penjelasan kementerian berhubung perkara ini.

Selain itu, saya juga ingin pihak kementerian untuk membentangkan laporan forensik dan kajian yang telah dijalankan untuk membangunkan semula bangunan ikonik sejarah ini termasuk kos yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Kemudian Tuan Pengerusi, saya ingin minta perincian terhadap Butiran 020200. Pihak kementerian mengenai jumlah permohonan dan kelulusan bagi Program Malaysia Rumah Kedua Ku daripada tahun 2018 hingga 2019, berapakah jumlah pendapatan yang diperoleh oleh kerajaan daripada visa pelbagai kemasukan, pas sosial dan *Journey Perform Visa*. Program Malaysia Rumah Kedua Ku juga menyasarkan pemilikan rumah oleh warga asing setelah pihak kerajaan bersetuju untuk menurunkan had kelayakan pembelian warga asing kepada sebanyak RM600,000 berapakah jumlah penjualan rumah yang disasarkan pada tahun 2020?

Seterusnya saya ingin mendapatkan penjelasan sejak Program Malaysia Rumah Kedua Ku diperkenalkan pada tahun 2002, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperbaharui syarat-syaratnya? Contohnya dengan mengenakan kuota bagi jenis permohonan, kuota untuk pesara, kuota untuk ahli perniagaan dan kuota untuk awam. Berdasarkan proses saringan yang telah dilakukan terhadap permohonan, apakah faktor yang menyebabkan permohonan ditolak dan berapakah tempoh yang diperlukan untuk meluluskan setiap permohonan?

Kemudian berkaitan dengan promosi pelancongan. Saya ingin sentuh berkaitan dengan pelancongan Islam. Saya sering membangkitkan dalam Dewan ini iaitu antara instrumen pelancongan yang boleh menarik pelancong asing datang ke negara kita terutama pelancong Timur Tengah ini, mereka inginkan kepada privasi khasnya golongan wanita. Saya juga pernah mencadangkan untuk diadakan *ladies friendly beach* yang sebagaimana di Pantai Marina di Mesir yang sangat mesra kepada golongan wanita dan ini sangat bertepatan dengan kehendak pelancong-pelancong daripada Timur Tengah.

Kemudian saya ingin juga, soal yang pernah dibangkitkan ialah kalau boleh berkesempatan dan berkemampuan dengan bajet kerajaan selepas daripada ini, Kementerian Pelancongan. Kita perlu menjadikan antaranya Dubai sebagai *benchmark* yang telah menambah satu produk pelancongan baru iaitu mengadakan taman tema tumbuhan dalam al-Quran. Ada lebih sejumlah 50 spesies tumbuhan yang disebut dalam al-Quran yang boleh kita bina taman tema berdasarkan kepada tumbuhan-tumbuhan ini kecuali buah zaqqum. Buah zaqqum itu duduk dalam neraka yang tidak boleh kita hendak buat di sini.

Kemudian saya juga rasa Malaysia ini ada taman tema dan kita boleh *upgrade* taman tema seperti ini untuk dijadikan sebagai instrumen tarikan kepada pelancong. Yang Berhormat Tumpat ada hendak? Yang Berhormat Tumpat tidak ada hendak mencelah. Okey Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya ingin sebutkan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. *Safe flight back*. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kalabakan dan selepas itu Yang Berhormat Jelebu.

12.49 tgh.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan 020000 – Pembangunan dan Promosi Pelancongan, Butiran 020400 – Pembangunan Industri. Terdapat begitu ramai pelancong setiap hari dari negara China dan Korea yang datang ke Lapangan Terbang Tawau dan terus ke Semporna tetapi tidak singgah bermalam di bandar Tawau apa lagi untuk melawat Kalabakan.

■1250

Tiada usaha yang konkrit dilakukan untuk menarik pelancong datang melawat tempat-tempat menarik di Kalabakan seperti Tawau Hills Park dan The Lost World of Maliau Basin yang boleh mempamerkan pokok-pokok tua, hutan dara, flora dan fauna dan hidupan liar seperti gajah pygmy dan badak yang semakin pupus akibat ancaman pembukaan hutan.

Disebabkan kekangan di atas kita seolah-olah terlepas pandang dengan potensi pasaran pelancongan yang tidak diterokai di kalangan penduduk Indonesia yang bermastautin di Kalimantan. Hubungan Tawau, Kalabakan dan Kalimantan Utara sudah berlangsung ratusan tahun. Melalui siri-siri lawatan saya sendiri ke Kalimantan Utara jelas terbukti perekonomian masyarakat di sana sangat rancak dan kuasa beli mereka sudah meningkat dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini.

Respond yang saya dapati mereka lebih senang untuk melawat Tawau untuk berbelanja, berubat dan melancong. Tawau harus dibuka seluas-luasnya untuk pelancong Kalimantan Utara dan Sulawesi agar industri pelancongan dapat dirancarkan di kalangan pemain-pemain pelancongan tempatan seperti operator-operator hotel dan peniaga-peniaga pengangkutan serta restoran. Pelancong dari Kalimantan ingin sekali gunakan Tawau sebagai pintu masuk ke Malaysia untuk mereka melawat Sabah dan Kuala Lumpur dan akan kembali ke tanah air mereka melalui Tawau.

Oleh yang demikian Kementerian Pelancongan adalah dicadangkan untuk bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri terutamanya Jabatan Imigresen Malaysia dalam merangka satu dasar yang boleh memudah cara kemasukan bakal-bakal pelancong dari Kalimantan Utara. Operator konsesi pengendali terminal feri Tawau terutamanya harus bekerjasama dalam usaha ini.

Saya juga memohon Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Negeri Sabah untuk membuat kajian menyeluruh terhadap kawasan-kawasan berpotensi negara untuk menaik taraf prasarana dan promosi-promosi kenaikan pelancongan dengan lebih agresif.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Yang Berhormat Kalabakan, tahu kah Yang Berhormat Kalabakan kalau saya merujuk kepada Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Di negeri Selangor terdapat sebuah gunung yang tertinggi di negeri ini iaitu Gunung Nuang. Saya sangat mengharapkan agar kementerian ini mempertingkatkan lagi kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menggalakkan para pelancong luar dan dalam negara untuk ke gunung yang tertinggi di negeri Selangor ini.

Hal ini kerana kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor cuma kita mengharapkan kempen dan galakan supaya rakyat Malaysia sendiri yang gunung ini terletak tidak jauh daripada Kuala Lumpur dan Putrajaya, senang dicapai agar dapat menambahkan aktiviti pelancongan di Gunung Nuang ini.

Keduanya, saya ingin juga dalam Butiran 020600 ini, apa yang telah dibangkitkan di Dewan Undangan Negeri Selangor di mana Yang Berhormat Dusun Tua telah mencadangkan supaya satu *track* jalan basikal dimajukan, dibina di Jalan Sungai Lui ke simpang Jalan Sungai Lalang di Hulu Langat. Ini adalah kerana pada setiap Sabtu dan Ahad akan dapati pelancong-pelancong dan juga orang ramai berbasikal berbondong-bondong ke sana dan sekiranya Kementerian Pelancongan memberikan peruntukan dengan membina *track* basikal di situ ia akan lebih menguntungkan tarikan pelancong ke sana.

Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Alangkah baiknya kalau kementerian ini menambahkan peruntukan untuk menggalakkan aktiviti organisasi silat Melayu, seni mempertahankan diri India, kaum Cina dan juga Sabah dan Sarawak supaya anak-anak muda kita diberikan galakan untuk menguasai ilmu-ilmu seni yang ada pada kaum masing-masing. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta laluan Yang Berhormat Kalabakan. Sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Demi untuk mengekalkan kebudayaan dan kesenian kaum-kaum di Malaysia, adakah Yang Berhormat Kalabakan bersetuju dengan saya untuk mencadangkan supaya kementerian dapat memberi peruntukan untuk kampung-kampung seperti pembelian set kulintangan, pembelian kompartemen-kompartemen supaya anak-anak kita dan orang-orang dewasa dapat belajar cara penggunaan barang-barangan ini. Barangan ini akan dapat digunakan sewaktu kita mengadakan perayaan seperti perkahwinan dan apa-apa acara yang besar untuk negeri ataupun negara kita. Terima kasih.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Papar, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya rasa sudah sampai masanya kementerian membuat satu kajian yang menyeluruh untuk mengenal pasti kelebihan-kelebihan yang terdapat di Malaysia untuk kita pameran.

Saya baru melawat Belgrade baru-baru ini dan duta kita di sana ada menulis surat untuk saya sampaikan kepada kementerian agar mereka juga diberikan peruntukan untuk membeli kostum dan menghantar satu jurulatih untuk mengajar masyarakat Eropah menari tarian-tarian Malaysia untuk mempromosikan Malaysia. Ini adalah satu cadangan yang baik, semoga dapat ditunaikan permintaan mereka supaya kita dapat mengutarakan budaya kita di Eropah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu, selepas itu Yang Berhormat Hulu Selangor. Sila.

12.56 tgh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada butiran Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Sebelum itu Tuan Pengerusi, untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini saya ingin memetik sedikit jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di dalam Dewan ini semasa beliau menjawab berkaitan isu inap desa dan *homestay* semasa sesi soal jawab lisan pada 27 November 2018.

Antara jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah menggalakkan penduduk luar bandar menjadi usahawan desa dengan terlibat di dalam industri kecil dan sederhana sebagai pengusaha *homestay*. Kedua, ialah untuk menyediakan Program Pembangunan Keupayaan atau *Capacity Building* bagi peningkatan kemahiran seperti Kursus Asas *Homestay*, pembangunan pakej, pemasaran melalui media sosial, pengendalian makanan dan *tourism awareness* kepada peserta-peserta *homestay* bagi tahun 2016 dan 2018.

Saya hendak sebut bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam antara dua yang telah saya bacakan ialah antara dalam jawapan beliau tempoh hari menyebut pelbagai inisiatif dan program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan berkaitan dengan inap desa dan juga *homestay*. Saya tidak menolak antara jawapan dan saya memberikan sokongan secara peribadi dan sebagai Ahli Parlimen memberikan sokongan kepada usaha yang dibuat oleh kementerian 100 peratus tapi apa yang saya ingin kemukakan pada kali ini ialah peruntukan yang diberikan untuk tahun 2020 hanya RM473 ribu sahaja yang diperuntukkan.

Ia bukan satu angka yang besar Tuan Pengerusi kalau kita bahagikan RM500 ribu atau RM473 ribu ini kepada 13 negeri. Kalau kita bahagi, *be fair* kepada 13 negeri satu negeri hanya dapat RM36,384 untuk menaik taraf atau membangunkan penginapan *homestay*. Saya hendak baca sedikit statistik Tuan Pengerusi. Statistik yang terkini aktiviti utama tarikan pelancong ke Malaysia tahun 2017, yang ini tahun 2017. Antara statistiknya ialah pelancong yang menjadikan Malaysia sebagai pusat *shopping* 60.8 peratus, untuk bersiar-siar 49.9 peratus, melawat tempat bersejarah 33.9 peratus dan melawat kampung, Tuan Pengerusi hanya 27.1 peratus.

Ini menunjukkan bahawa kita ada produk, kita laut, kita ada kampung, kita ada air terjun, kita ada *homestay*, kita ada gua, kita ada pelbagai tempat bersejarah yang boleh di naik taraf,

yang boleh dijadikan sebahagian daripada produk atau aset besar bagi menarik pelancong luar negara dan juga pelancong domestik terutamanya untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia (TMM 2020).

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sila.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya setuju sangat dengan pandangan daripada Yang Berhormat Jelebu dan kebanyakan *homestay* ini kita perlu perkasakan mereka sebab kadang-kadang ada yang sudah pergi jauh tiba-tiba apabila tidak mendapat sokongan mereka merudum. Jadi program-program yang sentiasa harus diberikan pada pengusaha-pengusaha *homestay* ini supaya dapat terus mereka berkembang dengan lebih baik dan juga dapat mencipta nama di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Apa pendapat Yang Berhormat Jelebu?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya setuju Yang Berhormat Masjid Tanah, kerana ini yang sepatutnya dijalankan oleh pihak kementerian. Fasal apa selain daripada pelancong domestik yang tidak tahu produk *homestay* yang berkualiti, *the beauty of our village*. Contohnya di Kampung Sungai Buloh lah, di kawasan Parlimen Jelebu kita sudah bagi sijil kelulusan *homestay* pada tahun 2018 tapi sampai hari ini tidak *take off*. Fasal apa tidak *take off* kerana tidak ada peruntukan.

Walhal itu ada kawasan sawah, ada kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan untuk pelancong-pelancong luar negara. Kita jangan tumpu kepada bandar, jangan tumpu kepada kawasan yang tipikal atau tempat yang menjadi tumpuan biasa oleh pelancong luar negara. Kita beri tumpuan kepada penduduk luar bandar kerana ini juga akan mendatangkan pendapatan sampingan dan pendapatan tambahan kepada masyarakat luar bandar terutamanya bagi Parlimen-parlimen seperti saya, seperti di Masjid Tanah, Bagan Serai, Padang Serai dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 40600 – Program Pemuliharaan atau Pemugaran Tinggalan Sejarah, jumlah peruntukan RM13,879,000. Di kawasan Parlimen Tuan Pengerusi, saya hendak sebut fasal masa sudah singkat. Saya hendak sebut di kawasan Parlimen saya ada sebuah gua yang dinamakan Gua Pelangi yang terletak di dalam Hutan Rizab Felda Pasoh 4.

Gua ini adalah merupakan satu kawasan pelancongan yang unik dan mempunyai nilai arkeologi yang sangat tinggi. Panjang gua ini sekitar kira-kira 150 meter, yang saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak maklum tentang kewujudan gua ini walaupun telah lama dan juga ia boleh mencapai ketinggian sehingga 140 meter. Ia berubah-ubah dari semasa ke semasa dan saya hendak sebut perkara yang sangat penting dalam perkara ini ialah Gua Pelangi ini adalah merupakan gugusan gua-gua batu kapur.

Kalau di kawasan Tuan Pengerusi, gua batu kapur orang sudah kenal dan biasa pergi ke kawasan Gopeng, kawasan Perak dan sebagainya tapi yang ini ada di dalam kawasan Parlimen Jelebu di dalam kawasan Felda Pasoh 4 Tuan Pengerusi. Gua ini saya hendak

maklumkan juga bahawa ia unik kerana hutan simpan Pasoh di mana gua ini ada adalah merupakan satu kawasan hutan yang terasing dari Banjaran Titiwangsa ataupun yang selalu kita panggil sebagai tulang hutan di Semenanjung Malaysia.

Saya hendak sebut dalam statistik sedikit Tuan Pengerusi, satu kajian arkeologi terhadap gua ini telah dijalankan sejak tahun 2014 oleh pakar penyelidikan arkeologi global PPAG Malaysia, Universiti Sains Malaysia yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin. Kajian yang dijalankan juga membuktikan bahawa Gua Pelangi ini merupakan tapak zaman Paleolitik pertama ditemui di Negeri Sembilan. Tapak Paleolitik paling selatan di Semenanjung Malaysia dan juga gua batu kapur paling selatan di Semenanjung Malaysia.

Dianggarkan gua ini telah dijadikan sebagai kawasan penempatan masyarakat Paleolitik seawal kira-kira 14,000 tahun yang lalu. Sebelum itu bukti mengenai penempatan Paleolitik hanya ditemui di Utara Semenanjung Malaysia iaitu di Perak dan tiga negeri di Pantai Timur. Masyarakat tempatan juga percaya bahawa gua ini telah dijadikan tempat persembunyian pengganas komunis pada zaman pendudukan Jepun dahulu.

Mungkin ini adalah merupakan satu lagi tempat ataupun warisan sejarah. Namun begitu kajian ini tidak dapat dilengkapkan atas faktor kekurangan sokongan daripada pihak kementerian terutamanya dari segi bantuan geran. Jadi, saya amat berharap agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan kepada kumpulan pengkaji sejarah agar kajian dan penemuan lanjut dilakukan.

Tuan Pengerusi, kajian yang dimulakan pada tahun 2014 adalah hasil usaha daripada operator ataupun pengusaha tempatan yang menjalankan usaha untuk memajukan gua ini. Jadi saya hendak minta kementerian terutamanya dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti saya secara peribadinya, saya lihat kawasan ini adalah mempunyai potensi yang sangat baik untuk sektor ekopelancongan dan juga *geopark* yang berorientasikan kepada aktiviti *outdoor* dan juga perkara-perkara yang lain.

Saya berpandangan Gua Pelangi ini mempunyai potensi yang sangat besar khususnya bagi menambah produk pelancongan yang berada di dalam kawasan luar bandar terutamanya di dalam kawasan Parlimen Jelebu khususnya di Negeri Sembilan. Khusus untuk kita jadikan ia sebagai satu tempat penemuan artifak yang lebih bermakna dan memberi dimensi baharu bagi sejarah Negeri Sembilan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan juga kerajaan supaya gua ini dapat diisytiharkan ataupun dapat dibangunkan sebagai salah satu daripada tapak warisan sejarah Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih, sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Jam menunjukkan pukul 1.05 tengah hari. Mesyuarat ditangguhkan pukul 2.30 petang. Mesyuarat bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Senarai, selepas ini siapa yang bercakap?

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Beritahu senarai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Hulu Selangor selepas itu Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Rasah.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor, saya bercadang di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri mula menjawab pada pukul 4.30 petang. Sekarang Yang Berhormat Hulu Selangor. Sila.

2.34 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuba sentuh dua, tiga butiran sahaja.

Terus Kepala Bekalan 31, Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Apakah dasar pelancongan kini dapat mencapai sasaran seramai 30 juta orang pelancong antarabangsa bagi tahun 2020? Diharapkan kementerian dapat menjalinkan hubungan rapat terutamanya dengan negara-negara ASEAN bagi menarik lebih ramai lagi pelancong dari negara tersebut.

Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Apakah fungsi dan peranan lembaga ini? Apakah perancangan yang dirangka oleh LPPM untuk mencapai sasaran kemasukan pelancong ke negara kita?

Butiran 030500 – Warisan Negara serta Butiran 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Apakah perkembangan terkini dalam mengangkat bandar warisan Kuala Kubu Bharu sebagai satu warisan negara? Kuala Kubu Bharu pada mulanya dikenali sebagai Kuala Kubu diletak di dalam pentadbiran Residen-residen British yang pertama iaitu Sir Frank Athelstane Swettenham. Oleh sebab banjir besar yang melanda, pihak British telah memindahkan pusat pentadbiran ke Kuala Kubu Bharu pada tahun 1931. Bandar Kuala Kubu Bharu juga merupakan bandar hijau yang pertama di Malaysia.

Dipohon agar pihak kementerian membantu untuk memelihara dan memulihara bangunan-bangunan lama di luar bandar yang mempunyai nilai tinggalan sejarah yang berharga buat generasi masa hadapan.

Butiran 040300 – Program Penggalakan Pemasaran, Promosi dan Acara-acara Pelancongan, Seni dan Budaya. Apakah perancangan kementerian untuk menguruskan peruntukan sebanyak RM155 juta ini? Bagaimanakah ia diagihkan dan apakah fokus bagi program atau promosi yang akan dijalankan?

Butiran 040500 – Pemeraksanaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan. Mohon pencerahan, apakah pemeraksanaan yang akan dilaksanakan bagi menggunakan peruntukan sebanyak RM25 juta ini? Hulu Selangor mohon kementerian untuk membantu daerah ini dalam memperkasakan ekopelancongan yang ada di Hulu Selangor.

Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Dengan berbekalkan sebanyak RM40 juta, adakah sebarang peruntukan khusus bagi kawasan Hulu Selangor bagi mempromosikan hab ekopelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020? Jika ada, berapakah jumlahnya? Hulu Selangor bercadang agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan Hulu Selangor sebagai satu prospek tarikan pelancongan di negara kita.

Akhir sekali, iaitu beralih kepada Kepala Pembangunan 31, Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Hulu Selangor merupakan daerah yang masih mengekalkan keindahan ekosistem alam sekitar di samping mempunyai lebih daripada 20 buah kawasan tumpuan pelancongan yang majoritinya berkonsep ekopelancongan dan agropelancongan. Oleh itu, adakah sebarang peruntukan di bawah butiran ini untuk membantu membangunkan *ecotourism* di Hulu Selangor?

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Yang Berhormat Sibuti, sila.

2.38 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Bekalan 31, Butiran 030200 – Hubungan Antarabangsa Kebudayaan, Butiran 030500 – Warisan Negara dan Butiran – 030600 Kebudayaan dan Kesenian.

Saya sangat tertarik dengan perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Beaufort. Sangat dekat di hati saya. Juga, perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Beaufort juga sangat berhubung kait dengan produk-produk pelancongan di kawasan Parlimen Sibuti.

Juga, saya ingin mengetahui, apakah usaha-usaha kerajaan untuk mempromosikan kesenian dan kebudayaan di peringkat kebangsaan? Sebagai contoh, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Beaufort, di kawasan Parlimen Sibuti juga kaya dengan program-program berbentuk bergendang. Adakah kumpulan-kumpulan gendang ini dapat dibawa ke peringkat antarabangsa untuk dipromosikan sebagai produk untuk menarik perhatian pelancong-pelancong asing untuk datang ke Sabah ataupun ke Sarawak?

■1440

Kami juga di Parlimen Sibuti turut mempunyai keramaian yang dikenali sebagai Makan Tahun di kalangan masyarakat Kedayan yang sangat popular dan dapat menarik perhatian. Majlis Makan Tahun ini diadakan setiap tahun di mana kami masyarakat Kedayan akan memberi buah tangan dalam bentuk makanan iaitu kelupis yang dapat dipromosikan sebagai produk makanan yang sedap.

Kalau kita lihat sektor pelancongan di Malaysia ini sangat terikat dengan Melayu, Cina dan India dan Sabah, Sarawak. Adakah kita kena mencari satu *solution* yang terbaik untuk mengadunkan kesemua kaum-kaum dan juga tidak terikat dengan sambutan hanya Melayu, Cina, India dan juga bangsa-bangsa lain pun perlu diperkenalkan terutamanya masyarakat-masyarakat minoriti. Kalau di Sarawak di tempat saya masyarakat Jati Miriek, kalau kita pergi ke Baram bukan hanya orang Ulu, ada orang Berawan, ada masyarakat Kiput yang boleh kita promosikan sebagai produk pelancongan. Masyarakat Penan di Sarawak juga mempunyai potensi untuk dijadikan satu produk pelancongan kepada masyarakat luar terutama masyarakat daripada Eropah.

Selain daripada itu, saya ingin pergi terus kepada Butiran 040500 – Pemerksaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan. Di sini saya ingin mendapatkan perincian sebanyak RM20 juta, apakah perincian untuk perbelanjaan RM20 juta tersebut? Apakah bentuk pemerksaan sektor pelancongan yang dapat dijalankan di negeri Sarawak ataupun di Parlimen Sibuti? Adakah peruntukan ini dapat diagihkan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai potensi pelancongan yang baik?

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh Butiran 040600 – *Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB)*. Saya merasakan salah satu untuk kita mencapai *target* 30 juta pelancong datang ke Malaysia adalah dengan mengadakan pameran dan juga konvensyen-konvensyen yang terbaik di dunia. Dengan mengakses *public domain* MyCEB ini saya melihat kalender yang akan dianjurkan program-program tahun hadapan, saya tidak dapat melihat perkara-perkara yang begitu menarik. Cuma saya melihat ada satu program yang akan diadakan pada hujung tahun ini iaitu konvensyen atau pameran tatu. Ini adalah satu perkara yang baik dan juga saya dapat merasakan ini sesuatu yang unik.

Masyarakat Dayak di Sarawak mempunyai satu ukiran tatu yang menarik. Masyarakat orang Ulu mempunyai ukiran tatu yang menarik. Saya juga berharap agar pameran ataupun *exhibition* yang diadakan Malaysia ini tidak menjadi satu kontroversi kepada masyarakat umum di Malaysia. Saya juga berharap agar lebih banyak *exhibitions* ini dapat dianjurkan dengan membawa masuk pameran-pameran seperti pameran kereta kah ataupun *toys*.

Selain daripada itu, ingin terus menyentuh Butiran 031100 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Sememangnya kalau kita lihat di Sarawak ataupun di Sabah mempunyai kemahiran kraf tangan yang tinggi. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut memperagakan tas tangan hasil daripada anyaman masyarakat Dayak di Sarawak. Kalau kita

lihat masyarakat Penan juga dapat menganyam tas-tas tangan yang menarik dan mereka memerlukan bantuan dari segi modal dan juga penambahbaikan kualiti anyaman mereka.

Saya juga merasakan banyak produk-produk kraf tangan ini tidak dapat dipasarkan secara menyeluruh dan juga mungkin kita gagal untuk meng*viralkan* produk-produk kraf tangan ini di mata dunia.

Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada legenda *skateboard* iaitu Pa'Din Musa, saya baru sahaja melihat di laman *Instagram* beliau akan melelongkan produk kasut Vans dengan reka bentuk anyaman tikar mengkuang. Ini adalah satu kreativiti dan kita— pihak Kementerian Pelancongan perlu mendapatkan ikonik-ikonik artis ataupun ikonik-ikonik yang dapat menjual produk-produk kraf tangan di Malaysia ini.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan tentang Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Sebanyak RM40 juta diperuntukkan. Saya ingin mengetahui apakah perincian perbelanjaan tersebut? Apakah bentuk dana yang dapat diperoleh daripada Tahun Melawat Malaysia ini khususnya di Sarawak?

Untuk menyentuh tahun melawat Malaysia 2020 ini, saya menyokong pelancongan ini sebagai satu misi nasional kita membawa masuk pelancong dan juga meningkatkan pendapatan dan dapat membantu rakyat dengan meningkatkan pendapatan. Apakah bentuk-bentuk program yang akan diadakan? Saya tidak ingin melihat program-program yang *syok* sendiri. Kalau dapat kita membawa masuk konsert-konsert besar, artis-artis besar daripada luar negara...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Seperti siapa?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Ya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Artis seperti siapa?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kalau impian saya, kalau kita dapat membawa kumpulan *Green Day*, *Radiohead*, kumpulan-kumpulan rock besar ataupun membawa semula *Metalica* datang masuk. Apabila konsert ini masuk, artis-artis atau kumpulan-kumpulan tempatan akan dapat membuat *show* sebelum pertunjukan ini. Ini akan membantu menaikkan artis-artis Malaysia.

Selain daripada itu, Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Semalam salah seorang Yang Berhormat daripada Sabah menyebut kerajaan perlu menyediakan satu pelan ataupun idea untuk mewujudkan infrastruktur khusus untuk pelancongan. Sebagai contoh di tempat saya, untuk pergi ke Gua Niah, kita perlu melalui sebatang sungai tetapi sekarang akibat pembangunan yang dapat kita lakukan ada jalan akses untuk menuju ke Gua Niah. Akan tetapi ini akan memakan kos dan juga sekiranya Kementerian Pelancongan dapat menyediakan kos untuk membina jalan ke Gua Niah ini ia akan dapat membantu jalan akses alternatif pergi ke Gua Niah.

Butiran 40600 – Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah. Ini sangat menarik, berkaitan dengan Gua Niah juga. Di Gua Niah pada masa kini, kita telah menjumpai satu lagi peninggalan rangka-rangka manusia yang berusia 65 ribu tahun. Kali pertama kita menjumpai berusia 30 ribu tahun dan kemudian 40 ribu tahun. Semua keluarga-keluarga rangka

ketika ini berada di Nevada USA. Saya juga berharap sekiranya kita dapat membawa balik rangka manusia yang berusia 35 ribu tahun ini balik semula ke tanah asal mereka Gua Niah, saya merasakan misi kita untuk melobi Gua Niah ini sebagai pusat tamadun dunia UNESCO akan berjaya dan juga menjadi tarikan. Saya juga merasakan adalah wajar untuk membawa mereka balik semua daripada Nevada USA.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan tentang Butiran 94000 – Pemasaran dan Promosi. Saya merasakan di Malaysia ini sering berlaku *virality* berkaitan tentang pelancongan tetapi kita gagal untuk meraih keuntungan daripada tersebut. Contohnya yang berlaku di kawasan Parlimen Sibuti, apabila munculnya *blue tears*. Kita mesti bijak untuk mengambil langkah-langkah untuk mempromosikan produk-produk yang berbentuk *viral*.

Selain daripada itu, saya mencadangkan kepada pihak kementerian agar memperbanyakkan lagi ikonik-ikonik *signage* bagi kawasan-kawasan pelancongan, contohnya di kawasan Gua Niah. Saya memohon agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan agar dapat mewujudkan ikonik Gua Niah, *signage* diwujudkan di atas Gunung Subis di Parlimen Sibuti. Itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Sibuti dari Sarawak. Kini kita mendengar suara dari Negeri Sembilan, Yang Berhormat Rasah. Selepas itu, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

2.49 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk saya pada petang ini. Beberapa perkara yang saya sebut – empat perkara semuanya. Pertama, butiran yang saya hendak sebutkan adalah Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM).

■ 1450

Saya nampak seperti tahun sebelumnya RM190 juta diperuntukkan untuk LPPM. Saya anggap ia adalah satu peruntukan yang bersesuaian dan munasabah sebab kebetulan tahun depan kita pun ada Tahun Melawat Malaysia tahun 2020. Jadi, saya mohon supaya LPPM kena melakukan ataupun mengubah daripada cara mekanisme penggalakan sebelumnya dengan menonjolkan kepelbagaian masyarakat majmuk di Malaysia.

Tadi saya cukup tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat Sibuti. saya rasa bukan sahaja di Sarawak, bukan sahaja di Sabah, bahkan di Semenanjung pun kita mempunyai banyak lagi tempat-tempat menarik yang berpotensi, yang mempunyai potensi yang besar. Cuma selama ini tidak mendapat peluang, tidak diberikan peluang, maknanya potensi itu ada. Kita ada banyak potensi yang saya percaya dan dicampurkan dengan kepelbagaian kaum di negara kita, bukan sahaja di Semenanjung tetapi di Sabah dan Sarawak.

Ini kerana kalau RM190 juta ini dapat menarik– dapat memberikan impak yang baik kepada sektor pelancongan yang membolehkan negara kita, nama Malaysia itu sendiri menjadi terkenal di seluruh dunia dan sentiasa menjadi destinasi pelancongan yang menarik, sudah

pastinya RM190 juta yang dibelanjakan ini cukup berbaloi, impaknya cukup positif untuk negara ini.

Bukan setakat untuk pelancong itu masuk ke negara ini, mereka menjadi pengguna ataupun bawa wang dari negara asing masuk ke negara kita, tetapi jauh lebih penting adalah ia adalah satu promosi untuk negara kita kekal sebagai negara yang akan menjadi destinasi pelancongan bukan setakat tahun depan, Tahun Melawat Malaysia tetapi setiap tahun. Itu yang kita hendak.

Jadi, saya hendak tanya macam mana agihan? Berapa banyak daripada RM190 juta ini akan digunakan untuk tarik pelancong daripada luar khususnya daripada negara-negara utama yang mana pelancongnya, penduduknya apabila pergi ke luar negara mempunyai daya kepenggunaan, boleh membelanjakan wang dalam jumlah yang banyak yang boleh bawa aliran wang masuk ke negara kita. Jadi, kita kena fokus kepada *group* ini. Saya percaya negara-negara seperti negara Arab, Eropah, Jepun, China dan India mereka adalah potensi yang perlu diberikan fokus.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 050100 - Tahun Melawat Malaysia 2020. Kita tahu, semua tahu tahun depan, ia adalah Tahun Melawat Malaysia yang pertama di bawah kerajaan baharu, jadi saya mohon mekanisme ataupun perancangan yang berbeza supaya kepelbagaian kaum dalam negara kita dengan budaya, seni, sejarah, latar belakang dan mungkin bahasanya yang berbeza ditonjolkan sebab keunikan itulah yang menjadikan negara Malaysia cukup dinamik, cukup berbeza berbanding dengan negara lain. Itu yang kita hendak tonjolkan.

Ini kerana kadang-kadang kalau kita hendak bandingkan dengan *shopping complex* dan sebagainya tidak banyak beza. Dia pergi ke negara lain dengan datang Malaysia tidak banyak beza. Akan tetapi, kepelbagaian, keunikan setiap suku kaum yang ada di Malaysia, itulah yang saya rasa yang kita ada tetapi orang lain tidak ada. Saya percaya sekiranya caranya betul dengan peruntukkan RM40 juta cukup berbaloi. Ia bukan satu pembaziran tetapi suatu yang dimestikan supaya kita bukan setakat mencapai *target* sasaran RM30 juta tetapi lebih banyak daripada RM30 juta.

Butiran seterusnya adalah di bawah Pembangunan untuk Butiran 41300 - Taman Seni Budaya Negeri-negeri. Saya nampak ada pengurangan peruntukkan untuk tahun depan hanya setakat RM41,000. Terus-terang saya kata RM41,000 ini apa lah yang boleh dilakukan untuk Taman Seni Budaya Negeri-negeri. Saya percaya semua negeri bukan setakat di tempat saya di Negeri Sembilan, tetapi di semua negeri diperlukan peruntukan, dana suntikan, dana daripada Kerajaan Pusat untuk membantu, terutamanya tahun depan Tahun Melawat Malaysia. Jadi, apa yang sedia ada, apa yang sudah ada dalam Taman Seni Budaya itu perlu diperbaiki dan diangkat tarafnya supaya kita dapat menarik lebih ramai pelancong asing. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa berlaku pengurangan ini.

Perkara terakhir saya hendak sebutkan adalah Butiran 01100 - Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Saya nampak ada peruntukkan yang bertambah. Kalau Belanjawan tahun 2019 terdapat RM4.9 juta, kali ini RM 7.6 juta. Saya secara spesifik saya

hendak mengetengahkan satu kawasan di bawah Parlimen Rasah iaitu sebuah tokong yang di namakan Tokong Sam Kow Tong. Saya sebut di sini bukan sebab unsur keagamaan, tokong ini besar dan pengurusan tokong ini sebuah NGO yang berdaftar telah lama bertapak di situ telah baru-baru ini membeli sebidang tanah beberapa ekar dan proses pindah milik telah disempurnakan dan bidang tanah yang bersebelahan dengan tokong ini akan dibangunkan sebagai satu taman rekreasi, ada kolam, ada tempat trek *jogging* dan sebagainya.

Saya percaya dan saya yakin ia akan menjadi satu tempat tarikan pelancong untuk semua rakyat Malaysia tidak kira agama dan dari keturunan apa, tidak perlu hendak pergi sembahyang tetapi kawasan yang baharu yang dibangunkan ini akan menjadi tarikan pelancong dan saya mohon daripada peruntukan itu boleh tidak pihak kementerian memberikan sedikit peruntukkan sebagai tanda sokongan dan galakkan kepada pengurusan NGO tersebut yang mana belanja untuk mengusahakan taman rekreasi tersebut yang mana kalau tidak silap saya dalam tiga hingga empat ekar, berbelas juta untuk pembangunannya.

Saya cuma mohon sedikit sahaja peruntukan sebagai tanda sokongan dan galakan daripada Kerajaan Persekutuan yang menyokong supaya tempat-tempat yang sebelum ini belum diterokai dapat kita mulakan, kita terokai sebagai tempat-tempat pelancongan yang baharu sambil kita menonjolkan semangat kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia sebab kita kaya dengan budaya daripada setiap kaum.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: *Malaysia Truly Asia.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Dan itulah yang kita hendak. Jadi itu sahaja ucapan ringkas saya terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan dari Aulong, Bandar Warisan Taiping, kawasan yang diwakili oleh saya. Sekarang saya menjemput dari bandar warisan kita berhijrah ke bandar diraja. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar, sila.

2.57 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 020400 - Pembangunan Industri. Mohon Yang Berhormat Menteri jelaskan perincian aspek pembangunan industri pelancongan mengikut keutamaan yang perlu disegerakan supaya dapat membantu Tahun Melawat Malaysia tahun 2020 dan signifikannya. Apakah aspek pembangunan industri pelancongan yang akan difokuskan di seluruh negara amnya dan di Kuala Kangsar, Perak khususnya.

Saya pergi kepada soal Dasar Kebudayaan Negara, ia sedang digubal dan saya difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih jawapan setelah saya bertanya di peringkat dasar yang ia akan dibentangkan pada bulan Mac tahun depan. Saya mengharapkan ia meraikan kepelbagaian masyarakat Malaysia, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rasah yang kita harus mengutamakan kepelbagaian itu tetapi dalam masa yang sama

ia harus berteraskan nilai-nilai baik yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Yang Berhormat Menteri.

Saya amat terkesan apakah bentuk imej budaya dan negara yang bakal dipamerkan kepada dunia dalam dasar kebudayaan negara. Mengambil contoh yang sangat *simple* Yang Berhormat Menteri, pemakaian baju, *attire* badan budaya dan artis-artis kita. Ia harus mempunyai ciri-ciri kehalusan dan pemakaian yang betul supaya tidak memberi mesej dan imej yang tersasar.

Misalnya, pemakaian songket harus ada cara yang betul pemakaiannya, pemakaian cheongsam harus ada cara yang betul pemakaiannya, *it should not look garish* dengan izin. Ia harus nampak kehalusan ketimuran dan ketertiban seorang wanita timur dan aksesori seorang wanita dan gerak tarinya bagaimana pula dan apa sahaja bentuknya Yang Berhormat Menteri yang akan dipamerkan kepada dunia.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri meletakkan satu piawaian atau SOP yang tegas dan jelas supaya warisan dan budaya sebenar negara kita dipamerkan kepada dunia. Dari bawah dasar kebudayaan negara, apakah peranan antarabangsa yang akan dimainkan oleh *Islamic Tourism Centre* (ITC). Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan peruntukan untuk pembangunan industri ini sudah berkurang untuk tahun 2020 iaitu tahun penting untuk pelancongan negara, apakah justifikasinya?

Untuk Butiran ini juga, Kuala Kangsar minta perhatian serius Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan sebuah projek yang disebutkan. Saya sebut sekali lagi dan saya bawa ke Dewan ini sekali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai *Royalty/Nature/Scholar* (RNS).

■1500

Iaitu satu *royal and clave river beautification development* yang merupakan *grant* inisiatif dengan izin untuk industri pelancongan di Parlimen Kuala Kangsar. Saya pernah menyatakan di Dewan yang mulia ini dengan begitu *passionate* sekali sebab untuk maklumat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, *Royalty Nature* dan *Scholar* atau *royal and clave river beautification development* yang menggabungkan elemen-elemen *royalty* dengan izin, *nature* dan *scholar* dengan izin yang menjadi elemen-elemen yang sedia ada di Bandar Diraja Kuala Kangsar di mana bersemayamnya Istana Iskandariah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah. Ianya merupakan projek pengindahan pesisir Sungai Perak dan juga Sungai Perak yang mengalir melalui Parlimen saya.

Ia akan menjadikan Kuala Kangsar bandar tumpuan pelancongan sukan air sungai yang terbesar sambil menikmati budaya dan warisan berbentuk institusi agama seperti Masjid Ubudiah, antara 10 masjid tercantik di dunia. Pokok getah yang pertama di Malaysia ada di Kuala Kangsar dan bertemunya para ilmuan dunia saban tahun di atas jemputan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Sultan Perak ke Kuala Kangsar.

Kraf tangan, produk-produk yang terkenal iaitu labu sayong dan tekat emas dan juga serta Air Panas Ara Panjang yang memerlukan pembiayaan juga daripada pihak MPKK. Dengan

adanya projek-projek tersebut, aktiviti riadah dan sukan air sungai terbesar bakal menarik usaha-usaha melalui RNS ini dan pelancong akan berkunjung ke Kuala Kangsar Bandar Diraja sambil menikmati warisan-warisan yang unik.

Memandangkan ianya menjadi antara tarikan terbesar pelancongan Kuala Kangsar, minta agar peruntukan khusus Yang Berhormat Menteri yang sewajarnya dapat diberikan oleh kementerian ini untuk merealisasikan projek tersebut menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020. Saya lihat ada peruntukan sebanyak RM10 juta kepada Think City untuk memelihara budaya dan warisan bandar. Apakah peranan sebenar i-City ini dan kenapa ianya dipilih dan apakah kawal selia berbentuk wakil, badan-badan yang berkaitan seperti Persatuan Arkitek Malaysia dan Wakil Budaya di dalam syarikat ini. Kerajaan juga ada memperuntukkan RM5 juta kepada Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA) untuk menyokong Galeri Seni Visual dan penganjur pameran seni.

Saya beranggapan terlalu sedikit diberi pada CENDANA Yang Berhormat Menteri dan saya berpandangan seharusnya CENDANA diberi peranan yang lebih seperti *talent scouting* dengan izin, bakat-bakat yang berada di seluruh negara supaya ianya dapat meningkatkan kualiti dan diversiti bakat di dalam bidang seni visual dan apa saja bidang seni. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah syarat-syarat kementerian bagi penerima-penerima CENDANA *sponsorship funding programme* dan *mobility funding programme*, dengan izin supaya penerima-penerimaanya menyeluruh, termasuk pelbagai budaya sepatutnya layak menerimanya. Saya juga lihat *website* dan portal CENDANA ini tidak mesra pelanggan sebab bahasa yang digunakan adalah bahasa Inggeris. Sepatutnya...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: CENDANA bawah KPM. *Sorry*, CENDANA bawah KKMM rasanya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Mintalah mencelah, janganlah macam itu. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *Sorry?*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Maaf Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya rasa CENDANA bawah KKMM kalau tidak silap saya.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tidak apalah. *I'll get the confirmation later. I'm not so sure.* Sepatutnya agensi kerajaan mengutamakan bahasa Melayu ataupun lebih baik dan praktikal dwibahasa boleh diamalkan. Yang Berhormat Menteri, dalam apa bentuk promosi dan keghairahan pemasaran. Kita harus pastikan apa yang termaktub dalam Perlembagaan menjadi pegangan kita bersama.

Seterusnya menerusi Dasar Pelancongan Negara, kerajaan akan mewujudkan Zon Pelaburan Pelancongan Khas di seluruh negara. Apakah mekanisme dan bentuk-bentuk dan lokasi-lokasi zon-zon ini. Saya terus ke Butiran 030400 - Muzium. Terdapat banyak lagi muzium

di negeri-negeri lain selain daripada negeri Perak yang sekian lama menjadi pusat pameran kebudayaan asli setempat yang mempunyai nilai-nilai sejarah.

Di Perak kita ada Muzium Darul Ridzuan yang merupakan sebuah muzium geologi dan di negeri Selangor kita ada Muzium Warisan Melayu dan di negeri beradat, Negeri Sembilan. Sudah tentu ada muzium mempamerkan keunikan adat perpatih Negeri Sembilan dan di mana Negeri Sembilan sebenarnya adalah mulanya demokrasi yang pertama di dunia dari segi pemilihan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Muzium Adat terletak di Parlimen Jelevu dan Muzium Diraja di Seri Menanti juga, ada di dalam senarai ini.

Kuala Kangsar minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah dapat dibangunkan dan ditambah baik dengan peruntukan-peruntukan untuk muzium ini dan berapakah jumlah peruntukan untuk pembangunan dan penambahbaikan Muzium Darul Ridzuan di Perak, Muzium Adat dan Muzium Diraja yang terletak di Negeri Sembilan.

Apakah bentuk pembangunan yang akan diusahakan untuk muzium-muzium ini. Seterusnya apakah bentuk promosi yang bersasar muzium-muzium kebudayaan di negara ini kepada pelancong-pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia. Seharusnya ada naratif dan bentuk-bentuk pemasaran yang lebih menarik yang diusahakan kepada muzium-muzium jadi tarikan utama setiap pelancong.

Saya terus ke Butiran 030300 - Pengurusan Acara Butiran, 030600 - Kebudayaan dan Kesenian. Peruntukan untuk kedua-dua butiran ini nampak ada pengurangan Yang Berhormat Menteri tapi ada insentif meningkatkan potongan cukai yang diberi kepada syarikat yang menjana aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan di Malaysia daripada RM700,000 hingga RM1 juta setahun.

Adakah dengan pengurangan peruntukan tersebut, kementerian ingin memberi fokus skala penganjuran yang lebih besar untuk acara-acara kebudayaan atau kesenian tertentu. Untuk butiran pengurusan acara Yang Berhormat Kuala Kangsar minta Yang Berhormat Menteri jelaskan, apakah acara-acara kebudayaan yang dirancang untuk dianjurkan pada tahun 2020 dan adakah keutamaan diberi kepada acara-acara budaya tertentu dan apakah signifikannya dipilih acara-acara tertentu itu kepada industri pelancongan negara.

Manakala untuk peruntukan kesenian dan kebudayaan pula, apakah bentuk galakan yang akan diberikan oleh kementerian seperti berapakah insentif kewangan kepada artis-artis tempatan kita untuk bersama-sama mempromosikan acara-acara seni dan mungkin mengeluarkan produksi-produksi mereka sendiri yang sudah tentu membawa pulangan lumayan berdasarkan populariti mereka. Mungkin melalui bantuan peruntukan di bawah Gamelan kepada penggiat-penggiat industri.

Apakah galakan kementerian mempergiatkan lagi seni teater jalanan dan muzik indie yang dilihat kurang mendapat perhatian berbanding negara-negara jiran. Melalui peruntukan sebanyak RM45 juta lebih, bagaimanakah kementerian dapat menggalakkan pembuat-pembuat filem pendek untuk mempromosikan seni dan kebudayaan yang terdapat di negeri-negeri

Malaysia menerusi *short film* dengan izin yang dihasilkan oleh mereka yang dapat membantu mempromosikan Tahun Melawat Malaysia.

Sebagai cadangan peruntukan khas yang sewajarnya diberikan kepada pembuat-pembuat filem pendek untuk mengeksport filem-filem pendek karya mereka untuk ditayangkan di mana-mana festival filem antarabangsa mahupun di pawagam di negara-negara luar asalkan filem tersebut berunsurkan budaya dan seni Malaysia yang betul-betul menggambarkan nilai-nilai rakyat Malaysia. Akhir sekali Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat sebenarnya.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ya saya. Akhir sekali. Butiran 020100 - Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa sebanyak RM25 juta kepada Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelancongan kesihatan di ASEAN untuk onkologi, kardiologi dan rawatan kesuburan. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah justifikasi mempromosikan hanya bidang rawatan ini sahaja. Tidakkah Yang Berhormat Menteri berpendapat bidang rawatan pembedahan plastik adalah satu cabang rawatan yang amat lumayan yang harus diusahakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ahli Yang Berhormat, seramai 26 orang Ahli Yang Berhormat ingin berbahas dan memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mula menjawab pada pukul 4.30 petang. Saya terpaksa mengehendak masa mulai sekarang kepada 5 minit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu, lepas itu Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat Bagan Serai. Sila.

3.08 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 31, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya di bawah Butiran 020300 - Pelesenan Pelancongan. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan saya terhadap Yang Berhormat Tawau yang semasa dalam perdebatan dasar beliau meminta agar Kerajaan Persekutuan untuk menurunkan kuasa-kuasa pelesenan bagi lima jenis lesen kepada Kerajaan Sabah iaitu:

- (i) lesen masuk dan keluar untuk ejen-ejen pelancongan;
- (ii) lesen untuk pemandu pelancong;
- (iii) lesen untuk kenderaan pelancongan, contohnya pas-pas pelancongan;
- (iv) lesen untuk pengeluaran tiket; dan
- (v) untuk pengurus sekolah atau institusi latihan pelancongan di Sabah.

Pada masa ini semua kawasan ini adalah di bawah Bahagian Pelesenan Pelancongan di bawah Menteri Persekutuan dan di sini saya ingin menyatakan sekali lagi saya menyokong permintaan Yang Berhormat Tawau ini kerana pelancongan walaupun di bawah senarai

Perlembagaan Persekutuan, tetapi saya ingin mengatakan *devolution of power* ataupun *decentralization* kuasa-kuasa seperti mendaftar dan pelesenan.

Kalau boleh, perlulah dipanjangkan kepada kerajaan negeri atau kerajaan tempatan supaya matlamat utama untuk mengawal selia industri pelancongan bagi manfaat negara dan keselamatan pelancong dapat dicapai dan dilaksanakan dengan lebih efisien dan cekap tanpa terlalu banyak birokrasi yang berlebihan.

■1510

Selepas ini saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Pusat Malaysia Rumah Keduaku (MM2H). Berkenaan MM2H pada asasnya MM2H diadakan bagi membenarkan orang asing yang berkelayakan untuk tinggal di Malaysia selama 10 tahun dan boleh keluar masuk *multiple entry* untuk tempoh masa 10 tahun dengan *social visit* pas itu. Sebanyak 43,943 permohonan membabitkan peserta dari 131 negara telah diluluskan sejak program MM2H dilaksanakan pada tahun 2002 sehingga 2018 dengan China tertinggi dengan sebanyak 13,892 kelulusan.

Saya ingin hendak menyatakan bahawa MM2H ini kalau memandangkan anggaran yang begini sepatutnya saya rasa ini akan tidak begitu berjaya kerana anggaran ini terlampau rendah. Adakah ini berkaitan dengan proses permohonan yang tidak begitu. Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya ingin memberi maklum balas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masih terdapat kerenah birokrasi dalam permohonan MM2H. Dalam peraturan iaitu 90 sampai 120 hari bekerja. Akan tetapi, saya dimaklumkan ada terdapat sehinggakan enam bulan pun walaupun diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri, selepas enam bulan baharu keluar surat kelulusan. Jangka masa terlalu panjang untuk kelulusan dan juga surat kelulusan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, saya masukkan ucapan Yang Berhormat Bukit Bendera sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya memang ingin mempersoalkan adakah ini keberkesanan birokrasi ini untuk meluluskan kesemua permohonan ini supaya pelanggan ini di nampak lebih mendapat tinggi pada tahun-tahun depan.

Selepas itu saya masuk untuk Butiran 020200 – Pusat Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) yang berdasarkan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri KPKT mengenai ini, dasar untuk pembelian rumah oleh warga asing yang diturunkan daripada sejumlah RM1 juta kepada RM600,000. Adakah dasar pembelian hartanah oleh warga asing ini berkaitan dengan program MM2H ini? Ini kerana seolah-olah ia saling berkaitan dan apakah rancangan kerajaan untuk mengintegrasikan kedua-dua program tersebut?

Sekarang saya cuma tinggal 41 saat dan *last* sekali untuk Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru supaya semua Ahli Parlimen turut disertai dalam program untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia. Untuk makluman di Dewan ini, saya dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur merupakan

sebahagian daripada ini kumpulan Hungary-Malaysia *Friendship*. So dan selalu saya diingatkan agar diplomasi di peringkat Parlimen.

Minggu depan, hari Rabu depan, kita dijemput untuk makan bersama dengan Kedutaan Hungary ini. Akan tetapi, kita masih tidak ada sebarang *brochure* untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia Tahun 2020 dan di sini saya ingin meminta supaya kementerian boleh lebih mempergiatkan lagi promosi dari segi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kementerian sila aturkan segera untuk buat promosi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai selepas itu Yang Berhormat Bachok. Sila.

3.14 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.31 Butiran 030500 – Warisan Negara. Saya ingin bercakap tentang Sekolah Kebangsaan King Edward VII (1) Taiping, Perak.

Ini yang dahulunya nama Central School pada 1883 ditukarkan kepada Sekolah Kebangsaan King Edward VII (1), bangunan blok A yang wujud sejak 1905 adalah satu bangunan yang bersejarah yang lebih daripada 100 tahun dengan sarat dengan nilai-nilai sejarah dan warisan ini perlu dipelihara dan dipulihara.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan lupa St George's Institution berhampiran sahaja.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Disebabkan Tuan Pengerusi di St. George's saya rasa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan, kedua-dua ini berhampiran. Kedua-dua warisan sejarah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: St. George's Institution tahun 1915 kalau tidak silap saya dan King Edward tahun 1883.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Laporan menunjukkan bumbung bocor, lantai reput, anai-anai makan, siling rosak kritikal dan bangunan ini diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan sebagai warisan negara pada tahun 2015. Ada di antara pelancong-pelancong yang datang ke Taiping hendak melawat ke tempat ini.

Tuan Pengerusi, tahun yang sama Jabatan Kerja Raya (JKR) Larut, Matang dan Selama mengisytiharkan bangunan ini amat tidak selamat, tidak boleh digunakan untuk pelajar-pelajar dan pengajaran. Begitu juga dengan blok Sheffield di Sekolah Menengah King Edward VII (1) ada cikgu pernah jatuh kerana terjerlus sampai ke paha oleh sebab apa? Oleh sebab lantainya yang reput.

Bahaya satu bab. Akan tetapi, kita ini sedang masuk Tahun Melawat Malaysia 2020. Dengan peruntukan sejumlah RM40 juta atau lebih dan mengharapkan seramai 30 juta

pelancong, kalau beginilah warisan negara yang kita hendak tunjukkan kepada pelawat dan pelancong, amat-amat memalukan kita hari ini.

Saya dalam lawatan saya baru-baru ini, saya tidak dibenarkan naik ke bangunan itu. Saya hendak tengok sekolah saya Darjah 1 hingga Darjah 6 di King Edward VII (1). Saya tidak dibenarkan naik kerana bahaya katanya. Sedangkan Taiping ini Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi lebih faham daripada saya juga. Oleh sebab Tuan Pengerusi pernah menjadi Ahli Parlimen Taiping. Ada 33 *verse* saya sebut beberapa perkara.

Pertama, jalan kereta api... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ada 34 bukan 33.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sudah 34 itu. Saya betulkan. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*. Mana datang satu lagi? Jalan kereta api tahun 1815 yang pertama di Malaysia dan berhenti di Sekolah Kebangsaan King Edward VII (1) Taiping. Kemudian ditukarkan.

X-ray yang pertama di Malaysia pertama di Hospital Taiping. Saya buat *housemanship* pada tahun 1986 di Hospital Taiping. Begitu juga dengan *first post office* di dalam Malaysia pada tahun 1877, *first wet market* pada tahun 1884, penjara yang pertama di Malaysia pada tahun 1879, Muzium Perak muzium yang pertama pada tahun 1883, *rest house* yang pertama dan macam-macam lagilah termasuk pejabat telegraf.

Jadi, Sekolah Kebangsaan King Edward VII(1) bangunan yang uzur sedangkan bangunan ini cantik dikelilingi pokok-pokok yang dikatakan *rain tree* cukup indah satu suasana sejarah yang baik. Jadi, kita lihatlah Tahun Melawat Malaysia sudah dekat, bangunan warisan negara uzur.

Saya harap kerajaan buat suatu keputusan untuk meluluskan permintaan ini sekolah-sekolah King Edward VII(1) sudah banyak kali hantar untuk naik taraf dan yang saya katakan tadi pelihara dan pulihara warisan negara Taiping. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Habis? Saya ingat baharu mula sahaja. *[Ketawa]* Sekarang menjemput Yang Berhormat Bachok selepas itu Yang Berhormat Batu Gajah. Sila.

3.17 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertama sekali saya hendak mengalu-alukan kedatangan para pelajar daripada Fakulti Sains UiTM Puncak Alam. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Selamat datang.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Tuan Pengerusi saya terus kepada Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Sektor pelancongan telah menyumbang pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus dalam pendapatan pelancongan kepada sejumlah RM41.7 bilion bagi separuh pertama tahun ini.

Sasaran yang diletakan bagi Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 adalah dengan kehadiran seramai 37 juta pelancong antarabangsa di samping menjana pendapatan sehingga sejumlah RM100 bilion. Bagi saya sasaran ini mungkin akan besar namun masih boleh dicapai dengan komitmen pelancongan yang tinggi oleh kerajaan.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai apakah bentuk program yang akan dilaksanakan oleh Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) kepada penggiat-penggiat industri? Adakah peruntukan sejumlah RM5 juta seperti yang pernah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini akan dibelanjakan sebaiknya? Sejauh mana golongan penggiat-penggiat industri akan terlibat sama dengan mempromosikan lagi aktiviti pelancongan? Berapakah peruntukan akan disalurkan kepada sektor swasta dalam mempromosi dan memasarkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020?

Tambah lagi, saya juga ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan zon pelaburan pelancongan khas. Apakah insentif yang dirangka oleh pihak kementerian bagi membangunkan pelaburan infrastruktur fizikal dan perisian? Berapakah jumlah pelaburan yang telah disalurkan khususnya kepada negeri Kelantan? Saya juga ingin bertanya tentang jumlah peruntukan terhadap pelaburan platform digital dan integrasi media sosial bagi membantu memperhebatkan program promosi pelancongan?

■1520

Butiran 49000 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Saya sedikit hairan mengapa peruntukan kepada Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia dikurangkan ketika negara bersiap sedia menghadapi acara besar-besaran pelancongan tahun hadapan. Sewajarnya Perbadanan ini turut diberikan tumpuan yang tinggi kerana inilah peluang yang perlu diberi perhatian bagi mempromosi Malaysia kepada pelancong luar yang datang ke negara kita.

Justeru, saya memohon kerajaan untuk menjelaskan apakah rancangan yang dirangka bagi mempromosikan produk kraf tangan negara. Berapa peruntukan yang akan disalurkan dan mekanisme mempromosi kraf tangan negara kepada pelancong luar? Saya juga ingin bertanya adakah kerajaan turut melakukan kerjasama bersama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi mempertingkatkan produktiviti kraf tangan Malaysia.

Butiran 01100 – Program Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Saya ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai konsep *accessible tourism*, khususnya tempat pelancongan yang menepati kehendak OKU. Soalan saya, sejauh mana prasarana pelancongan ini turut dilengkapi dengan kemudahan mesra golongan OKU ini.

Selain itu, saya mengucapkan tahniah di atas pengiktirafan yang telah diberikan oleh *International Medical Travel Journal* yang meletakkan Malaysia sebagai salah satu destinasi tumpuan pelancongan kesihatan. Saya sekadar ingin membangkitkan sejauh mana prasarana kesihatan negara juga diberi perhatian bagi menarik dan menampung jumlah pelancong yang lebih tinggi kelak.

Perkara ketiga adalah berkenaan aspek keselamatan pelancong. Kita harus berbangga kerana tindakan pantas dan sistematik pihak polis, bomba dan semua yang terlibat dalam *Search*

and Rescue (SAR) seorang pelancong bernama Nora Anne beberapa bulan yang lalu. Soalan saya, bagaimanakah persediaan kerajaan terhadap keselamatan pelancong?

Adakah ia turut terangkum di bawah butiran yang sama? Apakah perancangan bagi mempertingkatkan prasarana yang berkaitan dengan aspek keselamatan pelancong yang datang melancong ke negara kita pada tahun hadapan? Kita sedia maklum Tuan Pengerusi, bahawa aspek keselamatan adalah faktor yang amat dititikberatkan oleh para pelancong di seluruh dunia. Biarlah negara kita terus dikenali sebagai destinasi pelancongan paling selamat di dunia.

Butiran 40600 – Program Pemuliharaan Pemugaran Tinggalan Sejarah. Saya mohon kerajaan memperincikan perancangan bagi memelihara tempat tinggalan sejarah kerana saya mendapat maklum terdapat sesetengah tempat tinggalan sejarah yang mempunyai artifak tertentu tetapi tidak benar-benar dipelihara dari aspek keselamatan dan sebagainya. Justeru, saya mohon penjelasan pihak kementerian. Harapan saya janganlah tinggalan-tinggalan sejarah dalam negara kita ini hilang disebabkan pengabaian kita sendiri akibat terlalu melihat kepada faktor komersial semata-mata.

Akhir sekali Butiran 50000 – Perpustakaan Negara. Kita sedia maklum Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia bagi tahun 2020. Namun saya tidak melihat sebarang program khusus bagi meningkatkan promosi di peringkat domestik dan antarabangsa mengenai perkara ini. Jadi saya ingin bertanya, di manakah peruntukan mengenai Kuala Lumpur Kota Buku Dunia 2020. Apakah program yang dirancang bagi merancakkan lagi pembacaan di kalangan rakyat dan menjadi tarikan pihak luar. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Bachok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Gajah. Selepas itu Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Sila.

3.23 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Malaysia sangat terkenal dengan pelbagai destinasi pelancongan yang menarik setelah dilanda krisis ekonomi yang teruk pada tahun 1997. Kerajaan Malaysia telah menggalakkan sektor pelancongan berkembang sebagai satu alternatif dalam usaha memulihkan ekonomi yang terjejas teruk.

Pembangunan industri pelancongan di Malaysia kini mencapai tahap yang dapat dibanggakan. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi industri pelancongan. Di kawasan pembangunan pelancongan, peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk penduduk setempat dan dapat membantu menambahkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup.

Dengan ini saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan agar mempertimbangkan potensi Pekan Papan di kawasan Parlimen Batu Gajah diangkat dan dipromosikan sebagai satu lagi destinasi pelancongan yang unik berdasarkan poin-poin berikut.

Pertama, Sybil Kathigasu nama asal Sybil Medan Daly wanita Malaysia pertama dianugerahkan pingat George Medal oleh Kerajaan British atas jasanya merawat ramai yang tercedera ketika Perang Dunia Kedua. Sejarah beliau dan suaminya memang diketahui umum di mana mereka pernah mengusahakan sebuah klinik di Nombor 74, Jalan Besar Papan. Bangunan tersebut masih ada dalam keadaan yang baik dan kini dijadikan klinik memori Sybil.

Kedua, Istana Billah. Raja Billah telah membina sebuah istana yang dikenali sebagai Istana Billah yang cantik berasal daripada Mandaling, Sumatera yang pernah tinggal di Pekan Papan. Seni bina bangunan yang unik ini dapat menarik pelancong dari luar dan terutama dari negara asal Raja Billah sekiranya dipromosikan dengan serius.

Ketiga, Doktor Sun Yat Sen, seorang pemimpin politik dari Revolusi China juga dikatakan pernah tinggal di salah sebuah rumah di Pekan Papan semasa beliau melawat Papan dan pekan perlombongan yang lain seperti Tronoh, Gopeng, Kampar dan Lahat untuk mendapat sokongan dan mengumpul dana bagi perjuangannya. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih mendalam diperlukan untuk kenyataan saya di atas.

Keempat, Taman Herba Papan satu lagi produk pelancongan yang kini menarik terutamanya kepada pelancong luar negara yang rindukan suasana tropika yang dipenuhi dengan flora dan fauna. Terdapat kira-kira 186 jenis spesies tumbuhan herba dengan pelbagai kegunaan dan manfaat yang tersendiri. Ia juga dilengkapi dengan kemudahan berkhemah, dewan terbuka, pusat interpretasi, surau, tandas, pondok rehat, denai hutan, kantin dan tempat penginapan. Harap kerajaan dapat sediakan sejumlah peruntukan yang sesuai untuk menjayakan produk-produk pelancongan dan prasarana di Pekan Papan selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020.

Tuan Pengerusi, Butiran 020400 – Pembangunan Industri. Tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia. Malaysia juga dikenali sebagai *food heaven*. Ini adalah khazanah istimewa yang negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kebudayaan, kepelbagaian makanan menjadi tarikan utama tetapi apabila kita singgah di R&R di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), kita tidak boleh melihat kepelbagaian ini. Kita tidak dapat mencari roti canai, tose, capati, mi kari, laksa, mi sup, kuetiau dan sebagainya. Banyak lagi makanan kita tidak dapat lihat di R&R.

Selain daripada itu, saya juga bangkitkan bahawa saya sebagai seorang vegetarian dan sama juga puluhan ribu orang vegetarian yang singgah di R&R, tidak boleh dapat makanan vegetarian. Saya minta perhatian yang serius daripada pihak kerajaan untuk membantu menyediakan kedai-kedai vegetarian di kawasan R&R di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan.

Tuan Pengerusi, Butiran 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Negara kita terdapat ramai dari kalangan seniman kaum India yang terkemuka dalam pelbagai bidang seperti lilin membakar diri, berkorban masa dan tenaga untuk mengekalkan dan memperkasakan seni budaya India yang mempelbagaikan lagi khazanah kebudayaan Malaysia tetapi seniman-seniman ini tidak pernah mendapat apa-apa pengiktirafan dan penghormatan yang sewajarnya

oleh kerajaan terdahulu. Ramai di antara mereka terpaksa hidup dalam suasana yang cukup sederhana atau dalam kemiskinan.

Tidak ada apa-apa jaminan kebajikan dalam kerjaya mereka. Dalam kata lain masa depan mereka menjadi tanda tanya. Ramai yang kecewa dan telah meninggalkan industri ini. Justeru, kita memberi ruangan *talent dream* daripada kalangan mereka yang benar-benar berbakat yang telah mengharumkan nama negara di dalam dan di luar negara.

Untuk itu, saya cadangkan supaya satu Lembaga Kemajuan Seni Budaya India Malaysia ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang boleh dijadikan sebagai institusi dan instrumen untuk membantu seniman-seniman India seluruh negara dalam pelbagai aspek seperti pembangunan, kebajikan dan pengiktirafan. Ini seharusnya membolehkan seniman-seniman ini menghalusi lagi bakat mereka dan dapat bersaing di arena antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya ada dua lagi isu...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi oleh kerana kesuntukan masa, tidak apa saya berhenti di sini sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah kerana menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Limbang.

3.29 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran P.31 01900 - Pembangunan Ekotourism.

■1530

Di Limbang pada masa ini, Yang Berhormat Menteri, kita telah pun membuat projek *ecotourism* iaitu di mana hutan bakau dan di mana ada produk yang biasa kita dengar monyet belanda dan sebagainya, di sana kita [*Tidak jelas*] telah pun membina sebuah jeti, *long jetty* melalui pokok bakau ini. Jadi, kita berhasrat untuk meneruskan projek ini supaya sampai ke Kuala Limbang, Sungai Limbang. Jadi di sini kita mohon— *this is a good* pembangunan *ecotourism* untuk di Limbang. Jadi saya memohon sekiranya peruntukan dapat disediakan untuk meneruskan lagi pembinaan jeti ini sampai menuju ke Kuala Limbang, Sungai Limbang. Jadi saya berharap— ini saya yakin akan dapat juga, sebagaimana yang kita lihat di tempat lain juga, akan menarik pelancong di Limbang.

Satu lagi ialah Maksud P.31 Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Jadi, saya ingin senaraikan di sini ada beberapa program untuk kemudahan pelancongan iaitu Projek Menara Tinjau di Tasik Mas di Parlimen Limbang dan juga prasarana untuk menaik taraf Lumpur Berbuak. Satu lagi ialah kampung tradisi, kampung di sungai atau di atas air di Limbang iaitu Kampung Seberang Kedai di mana kita hendak membina jeti seperti yang kita lihat di Melaka, membangunkan mural dan sebagainya di sepanjang sungai tersebut.

Semua projek ini yang saya sebutkan tadi iaitu penyambungan projek jeti untuk *ecotourism* tadi di Sungai Sentabak, Limbang ini dan juga projek menara tinjau, naik taraf Lumpur Berbuak ini, prasarana dan juga jeti Kampung Seberang Kedai ini telah pun dipohon kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi, kita memohon agar ianya dapat disediakan peruntukan walaupun kita terpaksa membinanya mengikut fasa.

Seterusnya ialah Maksud B.31 Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Di sini saya ingin menguar-uarkan mengenai apa yang saya sebut tadi iaitu Lumpur Berbuak. Di Limbang ini ada satu jenis kawasan Lumpur Berbuak ini di mana ianya mengeluarkan tanah lumpur yang dipercayai dan juga telah pun dicuba iaitu untuk boleh menjadi rawatan kulit, digunakan untuk rawatan kulit dan pada masa ini, pelancong memang banyak dari luar negara datang, dari China, dari Jepun. Mereka datang mengikut kumpulan untuk datang ke Lumpur Berbuak ini. Setengahnya ingin melihat dan setengahnya untuk berubat.

Jadi, saya minta dalam Tahun Melawat Malaysia ini, bolehlah sekiranya kalau ini sebahagian daripada produk yang kalau dapat ditawarkan, dipromosikan untuk Tahun Melawat Malaysia iaitu Lumpur Berbuak di Kampung Meritam, Limbang. Saya minta kalau boleh kementerian ambil Lumpur Berbuak ini sebagai salah satu produk pelancongan dalam Tahun Melawat Malaysia 2020 ini.

Jadi, saya berharap semua ini akan dapat diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Masjid Tanah. Sila.

3.33 ptg.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran pensyarah dan juga pelajar Sarjana Muda Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran Fakulti Kesihatan UiTM Puncak Alam, Selangor. Eh! Tolonglah *stopkan* jam itu, sebab saya hendak mengalu-alukan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti bagi 10 saat tambahan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bagan Serai dibagi tadi lebih masa dia sebab dia bercakap tentang soal Parlimen Tuan Pengerusi. Dia bagi satu minit dia tadi kepada Masjid Tanah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, 10 saat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pembangunan dan Promosi Pelancongan di bawah Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia sebanyak RM190 juta yang diberikan. Saya hendak bertanya. Saya melihat hari ini negara-negara ASEAN seperti Thailand, Singapura, Indonesia, Vietnam telah pun memberikan pengecualian visa kepada rakyat Myanmar untuk melawat negara Malaysia. Jadi, ini telah pun menambahkan lagi peningkatan pelancongan ke negara mereka.

Jadi persoalannya, Malaysia sahaja yang tak bagi pengecualian visa. Jadi, apakah perancangan untuk kementerian bagi pasaran Myanmar ini supaya kita tidak mahu ketinggalan dengan negara-negara jiran kita yang lain?

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran 020300 – Pelesenan Pelancongan. Saya ingin bertanya, ada penambahan daripada segi emolumen untuk anggota, jadi adakah diwujudkan pegawai-pegawai penguat kuasa pelancongan khusus untuk dalam isu-isu penguatkuasaan daripada segi pelancongan?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, penambahan daripada segi isu umrah yang mana selepas lesen khas umrah dimansuhkan, adakah ini bermakna MKSU juga akan dimansuhkan? Juga, bagaimanakah untuk menangani *do it yourself* umrah yang akan dibuka lebih banyak lagi penipuan? Mencungap saya ini, Tuan Pengerusi, nak kejar.

Seterusnya, untuk industri Airbnb yang hari ini kita tengok semakin berkembang. Saya pergi mana-mana pun saya senang sahaja, saya tengok Airbnb. Hari ini saya percaya banyak juga Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga buat perkara yang sama. Hari ini semakin rancak dan juga banyak mereka yang buat Airbnb ini dengan secara serius dan juga secara baik. Jadi, tahniah saya ucapkan.

Akan tetapi, banyak juga kompelin yang ditinggalkan dalam *review* seperti *TripAdvisor* yang boleh menjejaskan pelancongan negara. Perlu ada pemantauan dan juga undang-undang yang tertentu dibuat segera supaya kerajaan juga dapat pantau dan juga berikan hasil kepada kerajaan dengan kaedah-kaedah yang boleh ditentukan kemudian. Jadi, saya ingin bertanya tentang statusnya kepada pihak kementerian.

Kementerian juga perlu meningkatkan kemudahan-kemudahan kemasukan bas-bas persiaran, kenderaan persendirian termasuk van, motosikal dan sebagainya melalui pintu masuk darat di utara, contohnya di Bukit Kayu Hitam, di Sungai Golok, bagi menarik lebih banyak lagi pelancong Thailand masuk ke Malaysia dan tolonglah bantu kurangkan kesesakan di Tambak Johor dan laluan kedua di selatan.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran 040700 – *Islamic Tourism Centre* (ITC). Tahniah Malaysia, sembilan tahun berturut-turut melalui CrescentRating dan juga MasterCard, Malaysia sebagai destinasi terbaik pelancongan mesra Muslim. Akan tetapi sayang, RM2 juta bagi kepada ITC ini, apa ITC nak buat? Patutnya masa dapat kedudukan terbaik inilah bagi lebih banyak lagi peruntukan kepada ITC supaya lebih banyak lagi hasil-hasil ataupun produk mesra Muslim yang dapat dihasilkan. Jadi saya hendak tanya, ada tak insentif-insentif yang boleh kita berikan kepada mereka?

Seterusnya Butiran 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Peruntukan dikurangkan RM2 juta. Tak cukup! Macam manalah seni dan budaya Malaysia ini nak bernafas? Saya harap lebih banyak lagi diberikan kepada seni dan budaya agar acara dan produk seni dan budaya ini lebih segar dengan isteri— eh! Minta maaf, isteri pula. *[Ketawa]* Pengisiannya yang lebih baik dan juga lebih hebat dan juga peruntukan banyak juga boleh membuatkan lebih banyak *engagement*

yang dapat dibuat serta diskusi yang lebih hebat supaya dapat melibatkan juga pejuang-pejuang seni budaya yang berada di luar sana.

Seterusnya, perlu ada kerjasama dengan negara jiran. Kita hantar *residency* dari Malaysia pergi ke luar negara, hantar dia tiga bulan ke enam bulan duduk situ, ambil ilmu dan bawa balik ke Malaysia. Kos, kementerian tanggung supaya mereka ini dapat kongsi ilmu dengan kita. Seterusnya, kita bagi *investment* kepada *art space* di Malaysia supaya ianya dapat memberikan variasi, nafas baru dalam seni dan budaya negara kita.

Begitu juga saya ucapkan syabas dan tahniah kepada JKKN, cukup baik sekali dalam membawa seni dan budaya Malaysia. Tetapi tak cukup. Tolonglah tambah supaya dapat dikembangkan lagi bakat seni dan budaya ini untuk diberikan kepada sekolah-sekolah supaya anak-anak kita di sekolah juga dapat mewarisi seni dan budaya ini.

Seterusnya saya hendak menyentuh tentang Butiran 030800 – Perpustakaan Negara. Tolonglah bagi duit banyak sikit. Macam mana Perpustakaan Negara nak beli buku kalau tidak diberikan peruntukan yang banyak? Kata tahun 2020 Malaysia dipilih oleh UNESCO sebagai Kota Buku Dunia. Macam manalah kita nak pergi ke status kota buku dunia itu kalau nak beli buku pun Perpustakaan Negara *dok* catu? Jadi, perkara ini saya harap kementerian tolong bagi perhatian.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Peruntukan berapa tahun depan untuk Perpustakaan Negara?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Kejay ya. Saya— dia punya butiran ya? Peruntukkannya tak banyak tapi dikurangkan untuk pembelian buku, *I mean* untuk perbelanjaannya. Saya haraplah kementerian tolong.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Butiran bajet dia sama sahaja, RM42,350,000.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Tak, yang bawah dia. Dia punya butiran bawah dia itu. Okey.

Untuk Butiran 030700 – Istana Budaya, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Istana Budaya kerana banyak bawa persembahan yang baik. Baru-baru ini saya tengok *Phantom of the Opera*. Bukan mudah nak bawa *Phantom of the Opera*. Yang Berhormat Bagan Serai jangan kacau. Dah tiga tahun ke empat tahun dia nak bawa persembahan yang cukup berprestij dan kita perlukan lagi persembahan luar negara seumpama itu. Akan tetapi, berikan juga ruang untuk persembahan dalam negara dengan kemudahan, dengan ruang untuk mereka terus berkarya supaya pengkarya-pengkarya ini tidak dipinggirkan.

■1540

Untuk Masjid Tanah, tolong tengok projek ekopelancongan Paya Lebar bernilai RM2.1 juta. Yang Berhormat Timbalan Menteri nasib baik hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab supaya dapat memberi perhatian kepada setiap butir yang diperhalusi dan diperdengarkan dan juga cadangan menaik taraf pelancongan persisiran pantai di Masjid Tanah bernilai RM5.9 juta. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Budiman, dua minit lebih telah diberi bukan 10 saat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Lepas itu Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Kuala Krai.

3.41 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Huh! Lama tunggu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang penting saya dapat peluang untuk berdiri dan bagi pihak pengundi saya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya promo batik Malaysia hari ini. Sekali lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ada jual di Karyaneka di luar nanti. Tolong sokong ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya. Ya. Tuan Pengerusi.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Batik Terengganu kah itu?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Merujuk kepada Butiran 40600 – Program Pemuliharaan dan Pemugaran Tinggalan Sejarah. Tuan Pengerusi, saya hanya ingin memaklumkan sedikit sahaja. Tadi kalau kita dengar kehebatan Yang Berhormat Taiping dan sebagainya, Kota Tinggi pun bukan calang-calang. Bandar Kota Tinggi ini Tuan Pengerusi, telah pun dibuka pada tahun 1538 dan slogan 1538 bermulanya di sini. Kalau pergi Kota Tinggi akan nampak slogan. Saya ingat Timbalan Menteri lebih maklum. Telah pun diwartakan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai bandar pelancongan bersejarah pada tahun 2004 dan banyak kesan tinggalan sejarah terutama Kesultanan Johor Lama.

Jadi, apa yang saya hendak bangkitkan ini, antara kawasan-kawasan yang perlu diberikan tumpuan. Saya dah pun bangkitkan, kebanyakan perkara ini kita bangkitkan secara berulang. Jadi, kita harap dalam Bajet 2020 ini adalah nampak sedikit imbuhan dari segi peruntukan yang boleh diberikan. Antaranya Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, Makam Kota Tauhid, Makam Bendahara Tun Habab, ini kesemuanya di Kampung Makam di kawasan saya, Kota Seluyut, Makam Kesultanan Johor Lama di Kampung Panchor, Kota Johor Lama di Kampung Johor Lama, ini semua adalah kawasan-kawasan yang perlukan peruntukan pemuliharaan dan pemugaran.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini lah untuk mengucap dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri MOTAC. Hari itu lepas sahaja gulung pada bulan Disember, lat tiga hari Yang Berhormat Menteri pun terus turun. Luar biasa. Saya harap—ha! Ini Menteri Komunikasi ada, Menteri Sumber Manusia ada, lepas ini boleh turun ke Kota Tinggi macam mana Menteri MOTAC buat dan dua Menteri ini pun hebat.

Saya ucapkan terima kasih kerana turun ke kawasan saya. Banyak tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak tempat yang Menteri dah lawati dan saya pun dah hantar

dah semua perkara-perkara Yang Berhormat Menteri minta. Jadi, saya harap semua perkara-perkara yang dah saya hantar kepada Yang Berhormat Menteri akan masuklah dalam senarai Bajet 2020. Mungkin saya tidak payah sebutlah di sini ya apanya.

Antara Yang Berhormat Menteri pergi turun, pergi tengok hari itu pada 17 Disember 2018, termasuklah Teluk Mahkota, Pusat Penetasan Belangkas di Sedili Kechil, *the one and only* di Asia Tenggara, Wetland, Kampung Belukar Durian Sedili Kechil dan lain-lain.

Terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 45100. Apa yang saya sebut tadi Teluk Mahkota, Pusat Penetasan di bawah Butiran 01900 – Pembangunan Ecotourism termasuk Wetland, Kampung Belukar Durian.

Terakhir, Butiran 45100, ada RM5 juta. Cukup agaknya kalau hendak bantu, memang cukup. Ubah suai dan naik taraf muzium. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dekat kawasan saya ini di Kota Johor Lama ini ada satu muzium, dia di bawah penyelenggaraan Jabatan Muzium Malaysia. Makna di bawah Kementerian MOTAC. Jadi, muzium ini mempamerkan sejarah-sejarah tinggalan sejarah Johor Lama.

Saya minta Yang Berhormat Tuan Pengerusi supaya muzium ini, tadi kat Taiping ada muzium, dekat Kuala Kangsar ada muzium, *the one and only* 1538 tahunnya supaya muzium ini dapat dinaiktarafkan kerana muzium ini Tuan Pengerusi, dia berstruktur kan bangunan kayu. Mudah-mudahan tempat *parking* dan sebagainya akan dapat dinaiktarafkan. Ini satu sahaja muzium yang saya minta. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.45 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam perbahasan ini. Saya rujuk Maksud Bekalan 31, Butiran 030100 – Dasar dan Perancangan Strategik. Saya di maklumkan dalam satu jawapan bertulis bahawa pihak kementerian berniat untuk menubuhkan sebuah Majlis Kebudayaan dan Kesenian Negara. Saya ingin bertanya, apakah perancangan pihak kementerian untuk merealisasikan, menzahirkan Majlis Kebudayaan dan Kesenian ini? Adakah ia akan melibatkan cabang-cabang seni seperti filem dan juga sastera, filem seperti agensi FINAS terletak bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, sama seperti CENDANA.

Manakala sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka terletak di bawah Kementerian Pendidikan. Adakah Majlis Kebudayaan dan Kesenian Negara ini akan melibatkan agensi-agensi tersebut agar tidak kita lihat hanya kepada bentuk yang dijaga oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya? Saya ingin bertanya juga adakah wujud sebarang dana untuk mana-mana badan bukan kerajaan untuk melaksanakan proses *engagement* dengan artis-artis, seniman-seniman untuk kemudahan dan bantuan mendapatkan maklum balas untuk kementerian, khusus berkaitan dengan perkara-perkara seperti Majlis Kebudayaan dan Kesenian Negara serta dasar

kebudayaan negara? Ini penting kerana ramai penggiat seni yang inginkan bantuan daripada pihak kerajaan, untuk ditubuhkan atau diwujudkan satu hubungan.

Saya ingin menyentuh 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu dan kita sedar banyak daripada acara kesenian seperti *Georgetown Art Fest*, seperti *Rock The World*, seperti *Urbanscapes*, banyak daripada acara-acara ini menarik ramai pengunjung daripada negara luar. Bukankah pihak kementerian boleh melalui LPPM dan agensi-agensi lain menyediakan sedikit dana, agar mereka boleh mempromosikan program-program, konsert-konsert mereka di luar negara agar menjadi tarikan kepada pelancong yang akan datang untuk menonton konsert-konsert datang melihat *exhibition*, pameran-pameran dan sebagainya.

Sebagai contoh, Singapura sering kali mengadakan pameran lukisan dan membawa artis-artis daripada Jepun dan banyak tempat yang lain dan menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong. Mereka juga mempromosikan melalui *Facebook* contohnya, kepada rakyat Malaysia. Jadi, saya lihat ada keupayaan untuk kita salurkan sedikit dana daripada RM190 juta ini untuk tujuan itu.

Berkenaan dengan 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa serta 030200 – Hubungan Antarabangsa Kebudayaan. Saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian boleh mempertimbangkan sedikit dana untuk diusahakan satu hubungan di antara negara-negara ASEAN dari segi seni dan budaya memandangkan kita tidak hanya mahu mewujudkan satu *Economic Community* dengan izin tetapi juga *Cultural Community* bagi ASEAN itu sendiri. Adakah ini boleh digunakan ke arah itu? Serta, apakah yang boleh diusahakan untuk merapatkan lagi persefahaman di antara pelbagai budaya di negara ASEAN?

Saya ingin bertanya ataupun menyentuh 030700 – Istana Budaya. Adakah masalah *hydraulic stage* telah diselesaikan? Dulu pernah dibangkitkan, adakah telah selesai ataupun adakah masih lagi tidak boleh digunakan pada hari ini?

030800 – Perpustakaan Negara. Apakah program yang akan dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara menjelang tempoh Kuala Lumpur menjadi Ibu kota Buku pada tahun 2020? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyatakan?

Saya ingin menyentuh Butiran 031000 – Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara khusus berkaitan dengan Balai Seni Visual. Adakah kita akan melihat seorang Pengarah yang baharu? Adakah Pengarah yang baharu itu, boleh kita tetapkan dari segi kriteria dia, mesti mempunyai pengalaman dalam bidang seni visual? Oleh kerana banyak daripada harta yang terkandung ataupun ada dalam Balai itu perlu difahami dan boleh difahami oleh mereka yang mempunyai pengalaman dan latar belakang dalam seni visual.

Saya ingin menyentuh 040300 – Program Penggalakan Pemasaran, Promosi dan Acara-acara Pelancongan Seni dan Budaya, khusus membina *audience* ataupun penonton di kalangan sekolah.

■1810

Apakah program-program yang boleh dilakukan di sekolah-sekolah termasuk dengan

membawa masuk seniman termasuklah seniman negara. Apakah perancangan pihak kementerian untuk membolehkan lebih ramai penggiat seni untuk masuk ke sekolah-sekolah dan merapatkan anak muda dan generasi akan datang dengan seni di negara kita? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Kota Melaka. Sila.

3.50 ptg.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan sebuah pantun.

'Ikan kelah, patin dan ikan krai;

Dimasak gulai tempoyak dan pijat amat enak;

Selamat datang ke Kuala Krai;

Tempat menarik lagi terkenal.

Saya merujuk Butiran 040700 – *Islamic Tourism Centre* (ITC). ITC mendefinisikan pelancongan Islam sebagai apa juga aktiviti, acara, pengalaman atau kelonggaran yang dijalankan dalam keadaan menjalankan yang patuh dengan ajaran Islam. Ia bertujuan untuk mengalami pengalaman cara kehidupan Islam dan mengeksplorasikan sejarah, seni budaya dan warisan Islam.

Di dalam al-Quran Karim, Allah berfirman... *[Membaca ayat Al-Quran] "Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu. Maka berjalanlah di segenap penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezekinya dan kepada Allah jualah dibangkitkan hidup semula."*

Saya tertarik dengan butiran ini kerana Kuala Krai merupakan sebuah tempat yang mempunyai ciri-ciri yang sangat bertepatan dengan butiran ini. Pondok Sungai Durian dan Pondok Sungai Kenerong merupakan antara dua pondok utama yang terdapat di Kelantan. Ia sangat terkenal di seluruh pelosok Kelantan dan Malaysia bahkan di Asia.

Pondok Sungai Durian sudah berusia lebih 61 tahun. Pondok yang diasaskan oleh Almarhum Tuan Guru Haji Abdul Rahman ini telah mengalami beberapa fasa perubahan semenjak ia ditubuhkan. Ia terletak di Kampung Sungai Durian sekitar empat kilometer dari Bandar Kuala Krai. Kini pondok ini telah diambil alih pengurusannya oleh anaknya iaitu Datuk Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman.

Pengajian pondok ini boleh diikuti oleh sesiapa sahaja. Ini termasuk orang awam selain pelajar yang berjumlah hampir 700 orang juga warga emas. Di sini terdapat pelbagai kemudahan termasuk asrama dan rumah tumpangan. Jadual pengajian agama yang penuh sangat bersesuaian untuk keluarga terutama di musim cuti sekolah.

Tuan Pengerusi, buat masa ini pun hampir setiap minggu lawatan-lawatan pelancong domestik dari seluruh negara dan juga dari Kelantan sendiri yang bertandang ke pondok ini untuk melihat dari dekat dan juga mendengar kuliah serta mengikuti kursus-kursus pendek sempena Maulidur Rasul dan lain-lain lagi melalui bedah buku dan bacaan kitab-kitab berkaitan sirah Nabi

SAW, fiqah, hadis dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, manakala Pondok Sungai Kenerong pula terletak di Daerah Dabong. Pondok ini terletak betul-betul di kaki Gunung Stong dan kedudukannya di tepi Sungai Kenerong yang sangat jernih serta nyaman dan amat sejuk selain pemandangan yang sangat memukau dengan kehijauan alam sekeliling.

Saya mencadangkan kerajaan mengambil peluang ini dengan mewujudkan pondok-*stay* sebagaimana program *homestay* yang telah diwujudkan. Saya yakin kedua-dua pondok di atas mempunyai elemen yang mencukupi untuk diangkat ke program tersebut dan dijadikan antara produk pelancongan berteraskan pengajian Islam.

Pihak Yang Berhormat Menteri boleh menghantar pegawai kementerian untuk melihat sendiri kewujudannya dan apakah bantuan infrastruktur yang pihak kementerian boleh sumbangkan selain daripada promosi dan sebagainya. Saya bersedia menjadi orang tengah untuk tujuan ini.

Melalui butiran ini, kementerian hanya mendapat RM2 juta. Itulah yang menyedihkan saya. Sama dengan tahun 2019, sedangkan pada pandangan saya jika benar pihak kementerian serius untuk memajukan dan menaikkan produk pelancongan Islam ini, maka RM2 juta ini sememangnya tidak mencukupi dan saya cadangkan diperuntukkan dengan jumlah yang lebih besar khususnya selepas pihak Yang Berhormat mengenal pasti keperluan sebenar.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 040500 iaitu pemerksaan sektor pelancongan, kebudayaan dan warisan. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian kerana mendapat RM20 juta untuk tahun 2020, daripada RM0 pada tahun 2019.

Tuan Pengerusi, di Kuala Krai mempunyai beberapa tempat menarik yang perlu diperkasakan khususnya air terjun yang sangat cantik dan terbaik di Malaysia. Ada sebahagiannya masih dalam keadaan dara dan tidak diterokai sepenuhnya. Antaranya Latar Berangin, Lata Beringin, Lata Yang, Lata Mak Long dan lain-lain lagi. Airnya amat jernih kehijauan, nyaman dan amat sejuk sekali. Saya yakin jika tempat-tempat ini dimajukan dan akan menjadi tempat pelancongan yang sangat ternama serta akan dikunjungi oleh pelancong.

Tuan Pengerusi, jika Bukit Bendera mendapat RM100 juta untuk hanya menaik taraf *cable car*, saya dengan ini mencadangkan Gunung Stong yang merupakan air terjun tertinggi di Asia Tenggara mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kementerian dan dibangunkan dengan infrastruktur bertaraf antarabangsa.

Tuan Pengerusi, di Kuala Krai terdapat sebuah jambatan berusia hampir 90 tahun berada di laluan utama Kota Bharu, Kuala Krai. Jambatan yang dinamakan sebagai Jambatan Sultan Ismail Petra yang merentasi Sungai Nal, strukturnya masih kukuh dan baik. Namun ia perlu dipelihara serta pembaikan. Jambatan ini kini menjadi tumpuan untuk foto *wedding* dan sebagainya. Walaupun terbiar tetapi tetap menjadi tumpuan kerana nilainya yang cukup tinggi pada pandangan masyarakat.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin berkongsi di dalam Dewan yang mulia ini tentang satu masakan yang hanya terdapat di Kuala Krai sebagai salah satu produk pelancongan. Ia

tentu sangat sedap dan menarik iaitu masakan gulai patin masak tempoyak pijat. Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi untuk turun ke Kuala Krai untuk melihat cadangan saya ini dan saya berjanji *insya-Allah* masakan terbaik ini untuk dihidangkan kepada Tuan Pengerusi. Ini janji saya. Terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai atas undangan makan ikan patin. Terima kasih. Sekarang dari Kelantan kita berhijrah ke bandar bersejarah. Dengar suara dari Yang Berhormat Kota Melaka. Sila.

3.56 ptg.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Perkara 05100 - peruntukan *One-Off* untuk Tahun Melawat Malaysia 2020. Sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan.

Jadi ingin tanya, bagaimanakah kementerian bercadang untuk menggunakan peruntukan *one-off* ini? Saya berharap agar ia tidak digunakan untuk program-program promosi sahaja kerana dari segi promosi memang sudah ada banyak peruntukan.

Seperti contoh Butiran 020600 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM190 juta untuk promosi. Jadi kita perlu penerangan daripada kementerian.

Butiran yang seterusnya, 020000 - Pembangunan dan Promosi Pelancongan. Hendak membangkitkan isu mengenai Dasar Zon Pelaburan Pelancongan Khas. Menurut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa perbahasan belanjawan peringkat dasar, empat projek perintis telah dikenal pasti iaitu Tuaran-Kota Belud, Putrajaya-Sepang, Port Dickson dan Langkawi.

Saya ingin merakamkan kekecewaan saya kerana negeri Melaka tidak terlibat dalam projek perintis ini. Kami faham Langkawi dipilih kerana itu kawasan Perdana Menteri. Kami juga faham Port Dickson dipilih kerana itu merupakan kawasan bakal Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Melaka bakal?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Saya juga faham, Kota Melaka bukan lagi Menteri tetapi jangan kerana bukan kawasan Menteri, ia ketinggalan. Jangan tinggalkan Kota Melaka.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bakal Menteri.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kenapa saya kata begitu Yang Berhormat Menteri? Oleh sebab mengikut statistik daripada *Tourism Malaysia* mengatakan negeri yang paling banyak dilawat oleh pelancong yang pertama ialah Kuala Lumpur dan Selangor. Kedua ialah Melaka. Melaka merupakan negeri yang kedua yang paling ramai pelancong melawat tetapi tidak dipilih sebagai negeri perintis.

Jadi saya minta supaya penjelasan daripada kementerian, apakah kriteria pemilihan lokasi projek perintis dan bolehkah supaya dipertimbangkan negeri Melaka menjadi salah satu lokasi perintis. Untuk pengetahuan pihak kementerian, infrastruktur dan ekosistem pelancongan di Melaka kini amat tertekan khasnya di kawasan bandar.

Ini memandangkan jumlah pelancong yang datang ke Melaka ialah sebanyak 17 juta pelancong. Oleh itu sudah pasti zon pelaburan pelancongan khas ini perlu di Melaka supaya lebih banyak kluster kawasan pelancongan boleh berkembang khasnya di kawasan-kawasan selain daripada bandar Melaka seperti di Masjid Tanah, di Alor Gajah dan di Jasin.

Saya merujuk kepada Butiran 020100 - Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Saya hendak membangkitkan mengenai bekalan ataupun *supply hotel* yang telah meningkat secara mendadak, secara khususnya di negeri Melaka.

■1600

Menurut statistik pada tahun 2010, bilangan hotel di Melaka sebanyak 122 buah telah meningkat kepada 305 buah hotel pada tahun 2018. Jumlah bilik telah meningkat daripada 2,367 bilik pada tahun 2010 kepada 4,750 bilik pada tahun 2018. Ini belum lagi termasuk penginapan *homestay online* seperti Airbnb lagi, yang dijangkakan terdapat melebihi 1,000 unit di Melaka. Maka, menurut maklum balas yang saya terima daripada pihak industri di Melaka, perniagaan mereka telah menurun dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini terjadi bukan kerana jumlah pelancong yang telah berkurang, tetapi terdapat *over-supply* dalam bilangan hotel atau unit penginapan.

Oleh itu, saya menyeru supaya kementerian di bawah Bahagian Dasar Pelancongan pihak kementerian boleh mengambil berat mengenai isu ini dan merangka suatu dasar ataupun *guidelines* supaya semua pihak dalam industri pelancongan tidak terjejas oleh masalah ini. Butiran yang saya hendak sentuh satu lagi ialah Butiran 020300 – Pelesenan Pelancongan. Ini di mana saya berharap satu kajian semula dasar-dasar berkaitan dengan pelesenan aktiviti pelancongan dijalankan. Ini kerana saya ada menerima pelbagai aduan bahawa proses dan kriteria pelesenan amat membebankan. Contohnya, di Melaka, pernah terdapat sekumpulan sukarelawan yang mengadakan Program *Free Heritage Walking Tour* untuk pelancong-pelancong.

Ini dilakukan oleh orang awam secara sukarela tanpa bayaran, Tuan Pengerusi. Ini kerana mereka mahu menyumbangkan kepada *hometown* bandar mereka. Di negara-negara lain, Program *Free Walking Tour* sedemikian memang popular dan dapat meningkatkan penglibatan orang awam dan pihak swasta dalam industri pelancongan. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa pihak kerajaan telah datang dan melarang mereka daripada mengadakan aktiviti-aktiviti sukarelawan sedemikian.

Maka, saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian dan diharap keperluan pelesenan dapat dikurangkan dan diberikan kelonggaran kepada mereka. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

4.02 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak terus kepada Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, sektor pelancongan menyumbang RM84.1 bilion pada KDNK negara pada tahun 2018. Jadi, pelancong daripada negara ASEAN lebih kurang RM48.5 bilion disumbangkan. Akan tetapi, ada pengurangan hendak dibandingkan dengan tahun 2017. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah status terkini tahun 2019, jumlah pelancong yang datang ke Malaysia dan berapakah sumbangan kepada KDNK negara?

Ini kerana apa, saya mengharapkan sangat supaya dalam butiran ini terdapat satu kajian yang dibuat, Tuan Pengerusi, agar kita mencari ruang dan peluang yang baharu berkaitan sektor pelancongan. Ini supaya, sektor-sektor inilah yang akan menarik ramai orang datang ke Malaysia. Butiran 020200 – Pusat Malaysia Rumah Keduaku. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah nilai ambang RM1 juta juga dapat digunakan dalam kaedah dasar ini? Adakah pengumuman Bajet 2020 mengambil kira juga supaya Malaysia My Second Home (MM2H) ini dibenarkan membeli rumah dengan harga RM600,000? Apakah usaha kerajaan terkini supaya mereka yang menyertai program ini memberikan kesan betul-betul kepada ekonomi negara.

Bukan sekadar hanya duduk di Malaysia, tetapi mereka memberikan kesan kepada sumbangan kepada GDP negara. Saya hendak menyentuh tentang Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dakwaan menyatakan jumlah pelancong asing datang ke Malaysia berkurangan dari tahun ke tahun? Pada tahun 2017 seramai 25.9 juta, tahun 2018 seramai 25.8 juta. Walaupun terdapat pengurangan di antara tahun 2017 sehingga tahun 2018 sebanyak 0.4 peratus, saya hendak tahu sehingga hari ini, berapa ramai jumlah pelancong yang datang ke Malaysia?

Saya juga agak kecewa kerana tidak ada peningkatan jumlah saluran kewangan diberikan di bawah Butiran ini, hanya sebanyak RM190 juta. Kalau RM190 juta ditukarkan dengan *currency* sekarang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih kurang USD45.4 juta. Oleh sebab apa, kita bercakap tentang penggalakan pelancongan, kita hendak buat promosi.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kita membuat pengiklanan di luar negara, kita bukan sahaja bersaing dengan negara-negara jiran, kita juga bersaing dengan negara-negara dalam ASEAN. Jadi, adakah kita mampu untuk membiayai kos promosi di luar negara? Sebagai contoh, MSNBC untuk tiga puluh saat, lebih kurang USD13,550, CNN sebanyak USD9,000 lebih, All Fox sebanyak USD10,000 lebih.

Adakah kita mampu dengan jumlah— walaupun sama, tetapi nilai dagangan kita untuk membeli promosi-promosi luar negara, kita bukan berniaga menggunakan Ringgit Malaysia. Kita menggunakan USD. Saya mengharapkan sangat bagaimana peruntukan yang diberikan dapat meramaikan orang datang ke Paya Besar? Khususnya untuk menginap di Mangala Spa and Resort kerana apa, Mangala Spa and Resort adalah bertaraf enam bintang dan memenangi pelbagai *award* peringkat negara, peringkat ASEAN dan peringkat dunia.

Saya juga ingin menyentuh kepada perkara yang banyak disentuh oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat berkaitan Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia. Ini kerana saya melihat Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kita membuat Tahun Melawat Malaysia, sudah pastinya kita bukan sahaja kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri terlibat dalam memastikan Visit Malaysia 2020 ini berjaya, ia melibatkan banyak kementerian.

Jadi, apabila melibatkan banyak kementerian, saya mengharapkan sangat *airport* kita, imigresen kita, harus meramaikan jumlah staf yang menguruskan untuk masuk. Ini kerana apa, apabila berlaku *jammed* 30 juta jangkakan daripada kementerian untuk menarik mereka datang ke Malaysia, apabila *jammed* di *airport*, ia tidak akan memberikan satu *first impression* kepada rakyat luar dan akhirnya mereka akan rasa boring untuk berada dan berbelanja di Malaysia. Saya hendak minta sikit satu minit, Tuan Pengerusi untuk menyentuh kepada kawasan saya iaitu kawasan Parlimen Paya Besar.

Saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri kena faham Paya Besar punya sempadan. Jangan masukkan apa sahaja yang berlaku di Bandar Kuantan ataupun Parlimen Kuantan dalam Paya Besar. Saya menerima jawapan dalam Kamar Khas amat mengecewakan hati saya. Walaupun kita tidak boleh berbahas di Kamar Khas dan saya menggunakan peluang ini Tuan Pengerusi untuk menyatakan ketidakpuasan hati saya berkaitan kenapa tidak memahami bahawasanya kawasan Paya Besar merupakan kawasan ekopelancongan luar bandar yang patut dibangunkan.

Kalau bercerita tentang Cherating. Cherating ini jauh daripada kawasan Paya Besar. Saya mengharapkan sangat MOTAC Pahang harus memastikan bahawasanya ada peruntukan-peruntukan diberikan kepada kawasan Parlimen Paya Besar. Kita ada lebih 15 kawasan pelancongan yang perlu dibangunkan.

Tuan Pengerusi, kawasan Sungai Lembing dahulu dikenali sebagai *El Dorado of the East* pada tahun 1988. Kitalah hospital pertama di Pahang, kitalah panggung wayang yang pertama di Asia Tenggara. Jadi, kalau perkara ini kita tidak ambil kira, saya risau Tuan Pengerusi, masyarakat di Paya Besar akan hilang punca pendapatan kerana apa? Mereka ada sumber tetapi tidak dibangunkan, nak mengharapkan orang Paya Besar mempunyai modal yang besar untuk bangunkan ekopelancongan di Paya Besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa lambat lagilah.

Saya mengharapkan sangat supaya Visit Malaysia 2020 ini juga peruntukan yang diberikan kepada Parlimen Paya Besar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sandakan. Silakan.

4.09 ptg.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada muka surat 327, Butiran 05100 – di mana satu peruntukan berjumlah RM40 juta bagi bekalan Tahun Melawat Malaysia 2020. Soalan saya kepada kementerian adalah bolehkah kementerian memberikan keterangan mengenai perbelanjaan peruntukan ini?

Apakah perkhidmatan tambahan atau bekalan yang memerlukan RM40 juta bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020? Jika peruntukan ini bertujuan untuk promosi tambahan bagi VM 2020, mengapa ini bukan sebahagian daripada Bajet Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang berada di bawah Butiran 020600, di mana mempunyai peruntukan sebanyak RM190 juta?

Mengapakah kerja promosi untuk VM 2020 hanya dijalankan pada tahun 2020 sendiri? Promosi pelancongan mengambil masa yang agak lama memandangkan kebanyakan pelawat-pelawat perlu merancang untuk mengatur perjalanan mereka seperti enam bulan atau seawal sembilan bulan?

■1610

Soalan saya adakah kementerian melakukan promosi VM2020 pada tahun ini? Jika tidak mengapa dan adakah kami bersedia untuk VM2020 yang akan datang pada 1 Januari 2020 iaitu kurang daripada dua bulan dari sekarang.

Kedua, saya merujuk kepada muka surat 328, Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan dan Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Diminta kementerian memberikan maklumat lebih lanjut pelan pembangunan butiran ini kerana Sabah mempunyai banyak tawaran destinasi dari segi *ecotourism*. Sandakan sentiasa dikenali sebagai *gateway to Borneo wildlife* dengan izin dan dianggap sebagai destinasi utama *ecotourism* di rantau ini.

Saya ingin menggesa kementerian untuk menubuhkan sebuah muzium sejarah alam, *Natural History Museum* dengan izin di Sandakan untuk terus memajukan sektor *ecotourism* dan membawanya ke peringkat seterusnya.

Ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran 94000 – Pemasaran dan Promosi. Syabas kepada kementerian di mana peruntukan di bawah ini telah meningkat daripada sejumlah RM67.5 juta pada tahun ini sehingga sejumlah RM87.5 juta pada tahun 2020. Soalan saya, apakah pelan kementerian untuk memastikan mendapat impak maksimum dalam sektor pelancongan melalui kenaikan peruntukan ini.

Berdasarkan data daripada laman web rasmi *Tourism Malaysia*, ketibaan para pelancong kami telah menurun sejak tahun 2016, adakah strategi promosi atau pemasaran kami yang berbeza sekarang bagi kementerian untuk meramalkan peningkatan kepada 30 juta ketibaan

pelancong pada tahun 2020. Diminta juga status *national tourism policy* dengan izin yang telah digubal oleh kementerian. Apakah pasaran utama yang ditumpukan oleh kementerian untuk membaiki penurunan bilangan ketibaan pelancong seperti dari China, Korea, UK, Arab Saudi atau Singapura.

Adakah kementerian mempunyai kempen pemasaran yang berbeza atau pemasaran kerana kami menyedari bahawa pasaran yang berbeza mempunyai keutamaan dan permintaan yang berbeza tetapi setakat ini apa yang kita dengar dan lihat adalah dengan izin *Truly Asia Malaysia 2020* dengan izin yang tidak ada perbezaan. Bagaimanakah ini akan membantu industri untuk mempromosikan pasaran yang berbeza?

Malaysia adalah sebuah negara yang *diverse* dengan izin. Setiap negeri atau bandar adalah berbeza. Usaha mempromosikan produk sebagai contoh di luar negara mestilah mengkhususkan *true color*, dengan izin negara kita. Pemasaran umum atau luas bagi *overall* Malaysia, dengan izin tidak akan berlaku adil terhadap produk yang boleh setiap negeri tawarkan kepada pelancong di seluruh dunia. Kita memerlukan dunia yang bukan sahaja untuk mengenali Malaysia tetapi untuk mengetahui Langkawi, Pulau Pinang, Sandakan atau Lahad Datu seperti semua orang tahu Phuket, Koh Samui atau Chiang Mai. Itu sahaja soalan dari saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sekarang giliran Yang Berhormat Pendang.

4.13 ptg.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Saya minta penjelasan peruntukan ini pada tahun 2019 sebanyak RM6.9 juta dan pada tahun 2020 dinaikkan kepada sejumlah RM7.5, hampir kepada sebanyak RM7.5 juta. Jadi saya menyokong peruntukan ini.

Seterusnya, saya hendak meminta penjelasan daripada kementerian berhubung Dasar Pelancongan Negara dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dikatakan bakal dilaksanakan pada tahun hadapan. Apakah tonggak utama dalam kedua-dua dasar kerajaan berkenaan?

Seperti mana sedia maklum subsektor pelancongan antara pemacu utama sektor perkhidmatan dalam pertumbuhan KDNK negara. Ia telah menyumbang lebih sejumlah RM80 bilion menerusi ketibaan seramai 25.8 juta pelancong antarabangsa pada tahun 2018. Namun begitu, perbelanjaan pelancong dari ASEAN menurun sebanyak 12.8 peratus pada tahun 2018 berbanding pada tahun 2017. Mohon penjelasan mengapa ia berlaku dan apakah langkah pemulihan yang telah diambil.

Berdasarkan kepada statistik laporan pelancongan negara pada tahun 2018, perbelanjaan pelancong lebih tertumpu kepada segmen beli-belah sebanyak 33.4 peratus. Diikuti oleh penginapan sebanyak 25.7 peratus, makanan serta minuman sebanyak 13.4 peratus dan item popular pembelian pelancong adalah produk kraf tangan negara. Jadi, sangat setuju dengan

cadangan Tuan Pengerusi tentang kita memperkasakan batik kita itu sebab menjadi tumpuan kepada para pelancongan. Diucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Bukan hendak *jack*.

Tuan Pengerusi: Tidak pakai baju hari ini? *Tie* batik tidak ada hari ini?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, ya, ada di sini. Jadi batik ini merupakan salah satu daripada produk pelancongan negara.

Seorang Ahli: Tidak pakai *tie* batik hari ini?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Hari ini tidak pakai. Hari ini tidak sihat, demam. [*Ketawa*] Saya ingin meminta perincian daripada kementerian, apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk merencanakan pengeluaran produk kraftangan. Berapa jumlah peruntukan yang telah dikhususkan untuk membangun, mempromosikan dan meningkatkan produktiviti untuk produk kraftangan ini?

Adakah kementerian juga telah mengenal pasti jenis dan sumber produk kraf tangan tersebut? Itu dalam Butiran 020100. Saya hendak terus, saya ada masa lagi. Saya hendak terus kepada Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Tuan Pengerusi, fungsi utama Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terbaik dunia dan meningkatkan sumbangan kepada ekonomi negara.

Namun begitu, sekiranya disemak dalam *Travel & Tourism Competitiveness Index 2019* (TTCI) yang diterbitkan oleh *World Economic Forum*, Malaysia berada di kedudukan ke-29, jatuh tiga anak tangga berbanding pada tahun 2018. Dalam *outcome* satu iaitu muka surat 316 dalam buku bajet, kementerian telah meletakkan sasaran pada tahun 2019 ialah di kedudukan 25 dan sasaran pada tahun 2020 juga di kedudukan 25.

Jadi, tidak ada *not make change*, tidak ada perubahan. Jadi, kita minta yang ini supaya kita letak *target* yang tinggi supaya kita boleh *achieve* sekurang-kurangnya kalau kita tidak sampai ke *target*, kita *50 percent, 10 percent, 20 percent, 30 percent*. Ini apabila sama, tidak ada *target*. Jadi, kita minta yang ini kerajaan kaji balik semula *target* ini.

Oleh itu, saya ingin minta penjelasan bagaimanakah jumlah peruntukan sejumlah RM190 juta setahun boleh dimanfaatkan untuk menaikkan indeks dan perbelanjaan yang akan digunakan oleh kementerian akan berada pada tahap yang optimum. Maknanya kerajaan pun tidak ada sasaran. Tidak ada fokus. Macam mana hendak meningkatkan penggalakan pelancongan ini.

Selain daripada peruntukan LPPM, saya juga dapati tersebut beberapa butiran lain yang telah diperuntukkan hampir sama dengan tujuan penggalakan pelancongan contohnya Butiran 040300 – Program Penggalakan Pemasaran, Promosi dan Acara-acara Pelancongan Seni dan Budaya dengan jumlah peruntukan sebanyak RM155 juta. Butiran 040500 – Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta. Semua ini diperuntukkan di bawah program khusus kementerian. Jumlah ini tidak termasuk peruntukan “*One-Off*” di bawah Butiran 050100.

Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM40 juta. Begitu dalam bahagian perbelanjaan pembangunan Butiran 94000 – Pemasaran dan Promosi sejumlah RM87.5 juta. Sedikit lagi Tuan Pengerusi, hendak habis sudah— telah diperuntukkan. Selain itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah mengatakan pada 24 Ogos 2019 yang lalu kerajaan telah melancarkan bantuan peruntukan, Galakan Melancong Malaysia iaitu dipanggil GAMELAN sebanyak RM5 juta. Saya minta penjelasan apakah perbezaan semua peruntukan tersebut dan bolehkah pihak kementerian menyelaraskan semua perkara tersebut iaitu semua peruntukan-peruntukan tersebut. Tuan Pengerusi, terima kasih di atas cadangan batik itu.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Gerik tidak ada ya? Yang Berhormat Tebrau? Silakan.

4.19 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bekalan 31. Saya hendak terus masuk menyentuh Butiran 030400 – Muzium. Saya suka melawat muzium dan ia adalah sebuah tempat utama untuk saya ketika saya melawat sebuah tempat kerana di situ banyak ilmu saya boleh dapat serta memperoleh seperti sejarah, budaya dan juga flora dan fauna, binatang-binatang dan sebagainya mengenai sesebuah negara.

■1620

Akan tetapi di Malaysia, muzium bukanlah satu tempat yang saya akan memperkenalkan kepada pelawat-pelawat atau kawan-kawan yang datang dari negara luar. Jadi saya minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil atau sedang diambil untuk menjadikan muzium-muzium kita lebih menarik kepada pelawat-pelawat menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020.

Mengenai Butiran 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Saya memohon Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memilih kampung-kampung termasuk bangunan-bangunan Melayu, Cina, Orang Asli, orang asal dan juga kaum lain seperti Siam dan India untuk diwartakan sebagai kampung atau bangunan warisan. Dalam hal ini, apakah langkah-langkah untuk memantapkan lagi budaya-budaya semua kaum untuk menarik pelancong-pelancong yang biasanya datang ke Malaysia atas sebab kebudayaan yang banyak jenis.

Seterusnya, yang saya akan sentuh adalah Butiran 040400 – Perpustakaan Desa. Saya ingin memohon Menteri menyatakan tahap penggunaan perpustakaan desa. Adakah kajian telah dibuat untuk memastikan matlamat asal telah dicapai? Jika tidak, apa langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah baik kelemahan memandangkan rakyat Malaysia kurang membaca buku tetapi lebih berminat untuk berinteraksi dalam laman web.

Butiran yang terakhir yang akan saya sentuh adalah Butiran 050100 - Tahun Melawat Malaysia 2020. Saya memohon Menteri untuk memastikan sasaran kedatangan pelancong-

pelancong ke Malaysia dicapai tapi adakah kerajaan sudi untuk memberi kelonggaran kepada warga daripada China supaya kos dan kaedah pemprosesan visa dikurangkan serta dipermudahkan supaya lebih ramai pelawat-pelawat boleh datang dari negara China.

Terakhir, apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap paya bakau yang merupakan satu ekosistem yang amat menarik kepada pelancong-pelancong dari negara asing khususnya dari Eropah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertahankan paya bakau kita daripada pembangunan dan dirizabkan untuk tujuan pelancongan sahaja? Itulah perbincangan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Kuala Krau, silakan.

4.23 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030800 – Perpustakaan Negara. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Masjid Tanah, kenapakah peruntukan yang sebenarnya RM46,784,000 pada tahun 2019 diturunkan kepada RM44,830,000 pada tahun 2020. Bagaimanakah kita hendak menjadikan pada tahun 2020 ini ibu kota kita menjadi Ibu Buku Dunia?

Saya ingin merujuk kepada Butiran 040400 – Perpustakaan Desa. Saya pelik juga kerana pada tahun 2019, peruntukannya adalah sama juga dengan tahun 2020. Saya mohon Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat kepada prasarana perpustakaan desa yang sangat uzur, tiada ruang yang selesa untuk pengunjung-pengunjung atau peminat-peminat atau ulat-ulat buku di desa-desa. Kita hendak supaya penduduk desa juga celik minda dan juga mempunyai pendidikan yang sempurna.

Saya juga ingin minta kepada kementerian melihat kepada elaun atau gaji tetap kepada pengurus atau pembantu perpustakaan desa ini, juga ingin supaya kementerian melihat juga buku-buku yang begitu lapuk dan tiada kemudahan ICT di dalam perpustakaan desa.

Saya juga ingin merujuk kepada 040700 – *Islamic Tourism Centre* (ITC) yang hanya berjumlah RM2 juta. Bagaimanakah peranan *Islamic Tourism Centre* ini kalau hanya peruntukan RM2 juta bagi tahun 2020?

Butiran yang seterusnya mengenai 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Pada tahun 2019, RM500 juta, pada tahun 2020 diturunkan kepada RM473,700,000. Saya ingin menyatakan bahawa program *homestay* ini adalah satu program yang cukup baik bagi memberikan pendapatan tambahan kepada masyarakat luar bandar kerana 100 peratus pengusaha dan pekerja *homestay* ini adalah golongan B40 dan juga warga atau rakyat tempatan.

Saya juga ingin nyatakan bahawa limpahan kepada *homestay* di kawasan luar bandar ini bukan sahaja menguntungkan, mempunyai pendapatan kepada pengusaha tetapi juga kepada komuniti setempat, termasuklah untuk menjana pendapatan IKS bagi pengusaha-pengusaha yang berada di sekitar *homestay* tersebut. Contohnya di kawasan saya, ada

Homestay Desa Murni. Pada 10 tahun yang lepas sudah berusaha mempertingkatkan dan mempromosi *Homestay* Desa Murni ini dapat menarik pelancong dari Jepun, Korea, China dan negara-negara yang lain.

Cuma apabila difahamkan bahawa tiada lagi dana ataupun peruntukan untuk membantu *homestay-homestay* di seluruh negara untuk mempromosi ke luar negara mahupun di dalam negara supaya *homestay* mereka ini dapat dikenali oleh pengunjung atau pelancong-pelancong. Juga saya mohon supaya kementerian melihat di mana juga terdapat *homestay-homestay* yang haram, yang tidak diberikan lesen hendaklah diambil tindakan.

Selain daripada itu, janganlah hendak mengenakan syarat-syarat ke atas pengusaha *homestay* ini begitu ketat sekali seperti mana hotel yang ada di dalam negara kita. Jadi saya juga mencadangkan supaya *homestay* ini ada *website* di peringkat kementerian kerana sekarang ini tidak ada *website* lagi.

Akhirnya Tuan Pengerusi, 02500 – Pusat Pelancongan Malaysia. Di kawasan Parlimen saya ada Hutan Lipur Gunung Senyum yang ada 21 gua di dalam Gunung Senyum tersebut. Saya telah mendapatkan kelulusan peruntukan RM3 juta sebelum PRU-15 dan telah diperakui oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi tetapi mohon supaya dapat diperakukan oleh kementerian ini untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang saya minta..

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Segamat dulu.

4.28 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya merujuk kepada Butiran 02000 – Penggalakan, Pemasaran, Promosi Acara-acara Pelancongan Seni, Butiran 020100 dan Butiran 02500. Pembangunan dan promosi, saya mendapati bahawa wang yang diperuntukkannya adalah hampir sama berbanding dengan tahun lepas, malah dikurangkan lebih kurang RM200 ribu.

Memandangkan masa yang diberikan kepada saya tidak banyak, saya ingin terus tanya beberapa soalan di mana, apakah cara pengiklanan yang kementerian akan lakukan? Oleh sebab kita hendak tahu untuk membawa pelancong-pelancong daripada luar negara khususnya kita perlukan *communication strategy* dengan izin. Maka kita perlu juga tahu apakah kos untuk membawa satu pelancong daripada luar negara ke Malaysia.

Jika kita ingin membawa pelancong, khususnya contohnya daripada India, dia ada kos yang berbeza kerana kita ada medium komunikasi yang berbeza. Begitu juga dengan pelancong daripada negara China mempunyai satu medium komunikasi yang berbeza.

■1630

Maka, saya hendak tahu, apakah cara-cara pengiklanan ataupun promosi iaitu melibatkan, dengan izin, *above the line* (ATL) berbanding dengan *below the line* (BTL) ataupun mengikut pemetaan pasaran yang dipilih? Maka, apakah pasaran-pasaran yang menjadi

tumpuan utama kepada kementerian untuk membawa mereka masuk? Adakah daripada negara India, China dan sebagainya mengikut hierarki kepentingan pasaran?

Pada masa yang sama, saya juga mendapati bahawa Perdana Menteri telah menyatakan bahawa *unique selling point* untuk Malaysia adalah kecantikan, keamanan dan keindahan negara dan kita harus mempromosikannya bersama-sama. Maka, pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah 'carrot' dengan izin, untuk menarik pelancong ke Malaysia?

Ini kerana kita mendapati banyak negara mula memasarkan produk-produk pelancongan. Maka kalau kita hendak bawa ke Malaysia, kita perlu adakan satu produk. Contohnya untuk yang beragama Islam, masjid bersejarah. Ini *market*-nya boleh jadi Pakistan, India, Bangladesh dan negara-negara Arab. Untuk warganegara India beragama Hindu, Batu Caves dan juga kuil-kuil yang terbesar seperti di Pulau Pinang, Ipoh dan Maran boleh dijadikan itu. Manakala untuk masyarakat Kristian pula, Saint Anne di *Penang* ataupun Saint Jude di Gopeng akan merayakan 100 tahun, maka ia boleh digunakan sebagai produk untuk membawa pelancong. Begitu juga kalau untuk yang beragama Buddha, pemetaan pasarannya daripada Myanmar, India dan juga Sri Lanka.

Maka saya ingin tanya, memandangkan pada tahun 2018 terdapat 25.8 juta orang dan dianggarkan sebanyak RM60.2 juta— ini diambil daripada buku— dan pada tahun 2020 kita anggar sebanyak 30 juta orang untuk melawat Malaysia, maka saya hendak tahu, berapakah kos perbelanjaan keseluruhan kementerian untuk mendapatkan seorang pelawat? Itu adalah satu kos yang amat penting.

Pada masa yang sama juga, merujuk kepada Butiran 040500 – Pemeriksaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan, saya ingin bertanya, apakah pengiklanan ini akan diadakan sebanyak dua hala? Ini kerana kita perlu gunakan konsep AIDA. Apabila mereka mendapati mereka ada *awareness*, *interest*, maka kita perlu *create desire and action*, dengan izin. Maka kita hendak tahu, bagaimana promosi yang akan dijalankan ini akan berbentuk dua hala di mana kita dapat menarik perhatian mereka, maka seterusnya mereka membuat keputusan mengambil *desire and action* untuk datang ke Malaysia berbanding dengan negara lain?

Akan tetapi pada masa yang sama, saya ingin juga bertanya kerana kebiasaannya orang akan merancang untuk melawat negara enam bulan terlebih dahulu kerana membeli tiket-tiket penerbangan yang murah dan sebagainya. Ini merupakan satu kekangan yang mungkin dihadapi oleh kementerian. Bagaimana kementerian akan bekerjasama dengan *airlines carrier*, dengan izin, penerbangan Air Asia, Malindo dan sebagainya? Memandangkan kita memberikan lesen kepada mereka, maka tanggungjawab mereka juga untuk bekerjasama dengan kita. Adakah kementerian akan bekerjasama dengan mereka memberikan kuota dan sebagainya?

Seandainya mereka dapat penerbangan yang banyak membawa mereka, kita sebenarnya memberikan *tax incentive* kepada penerbangan-penerbangan ini. Adakah kementerian sanggup berfikir ke arah itu? Kalau begitu, maka kita boleh mendapatkan mereka

menjadi *partner*, dengan izin, untuk membawa pelancong ke Malaysia dan juga memperkasakan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia. Ini kerana pada tahun 2020, kita perlu dapatkan sebanyak 30 juta pelancong dan untuk mendapatkan hampir RM100 bilion pendapatan berbanding dengan tahun 2007, kita telah pun dapat hampir 20 juta.

Maka, ingin saya katakan untuk dapatkan 30 juta bukanlah sesuatu yang mustahil, memang kita boleh dapatkan, tetapi adalah memerlukan satu strategi dan juga peringkat taktikal yang penting. Ini merupakan soalan daripada saya dan saya harap kementerian dapat menjawabnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Jerai.

4.34 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia 2020. Persoalan saya dalam ucapan pembentangan Belanjawan 2020 oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan, mengumumkan peruntukan sebanyak RM90 juta untuk tujuan promosi, kempen dan program Tahun Melawat Malaysia 2020. Akan tetapi, hakikat yang tercatat dalam Buku Anggaran Perbelanjaan menunjukkan peruntukan kurang daripada separuh iaitu RM40 juta sahaja.

Saya mohon Menteri nyatakan, apakah kaedah agihan peruntukan *one-off* ini? Nyatakan juga, kini berapa peratuskah tahap persediaan kerajaan bagi menyambut 30 juta pelancong ke Malaysia pada tahun 2020 yang bakal tiba tidak lama lagi? Seterusnya, bagaimana pula dengan kerjasama yang dibuat antara kementerian dengan kerajaan negeri bagi menambah baik infrastruktur, fasiliti dan kemudahan awam di tempat yang menjadi destinasi utama pelancongan?

Seterusnya Butiran 040700 – *Islamic Tourism Center (ITC)* yang mendapat peruntukan sebanyak RM2 juta. Saya mohon penjelasan lanjut Menteri berkenaan bagaimanakah ITC ini beroperasi dalam mempromosi *Islamic tourism* ini? Ke manakah destinasi pelancongan Islamik yang dipromosikan oleh kementerian?

Saya ada membaca kenyataan Menteri pada 11 Julai 2019 yang menyebut, “*Untuk menjadikan sekolah pondok sebagai produk indotourism*”. Saya menyambut baik cadangan Menteri kerana secara tidak langsung ia dapat menambah baik imej institusi sekolah pondok agar tidak terus dipandang serong oleh pihak tertentu.

Saya juga ingin tahu berkenaan status pengiktirafan *Muslim-friendly hotel* yang dikatakan akan dilancarkan oleh ITC. Apakah ciri dan syarat yang membolehkan sesebuah hotel itu mendapat pengiktirafan tersebut?

Seterusnya Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Saya mohon Menteri nyatakan, apakah usaha kementerian bagi menjadikan Gunung Jerai yang, *insya-Allah*, disetujui oleh Yang Berhormat Sungai Petani, tentang pelancongan berasaskan alam semula jadi? Gunung Jerai yang setinggi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Jack* bakal MB ya?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Insyah-Allah, insyiah-Allah.* Gunung Jerai merupakan lambang kemegahan negeri Kedah yang kaya dengan flora, fauna, khazanah geologi, air terjun dan pemandangan yang cukup indah. Dalam sesi yang lepas, Tuan Pengerusi, saya ada sebut berkenaan dengan Gunung Jerai dan Menteri sendiri akan turun tetapi sekarang ini masih lagi belum tercapai hasrat saya untuk bertemu dengan beliau di Gunung Jerai.

Seorang Ahli: Dengan Yang Berhormat Sungai Petani?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Insyah-Allah,* kita akan jumpa selepas ini.

Butiran 030500 – Warisan Negara, Butiran 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Akhir sekali, saya ingin mendapat penjelasan Menteri berkenaan usaha pemeliharaan tulisan jawi sebagai khazanah dan kesenian negara. Berapakah peruntukan yang disalurkan bagi tujuan ini? Apakah bentuk dasar dan program yang dibuat bagi memartabatkan tulisan jawi supaya ianya tidak berkubur?

Saya mohon mencadangkan agar pihak kementerian turut meletakkan papan tanda destinasi pelancongan dan informasi penerangan menggunakan tulisan jawi agar para pelancong yang datang akan tahu bahawa tulisan jawi merupakan identiti sejarah yang tidak dapat dipisahkan daripada Malaysia. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar. Silakan.

4.38 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Puan Angela Chan Mei Ngor, aktres Malaysia ke Parlimen Malaysia. [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi, saya akan memulakan perbahasan saya ini dengan menyentuh Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa bersekali dengan Butiran 050100 – Tahun Melawat Malaysia. Saya fikir dalam perbahasan ini, kita kena ingat bahawa ia mestilah menjurus kepada kerangka yang lebih besar iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama yang akan kita laksanakan bermula pada tahun 2021. Jadi, Menteri kena bawa pemikiran baharu dan bukan hanya bergantung pada cara lama.

Kalau mengikut daripada perbelanjaan kita dan juga hasil daripada pelancongan, kita menjana lebih kurang dalam RM84 bilion hasil tahunan dan kita berbelanja lebih kurang dalam RM1 bilion. Jadi, setiap RM1 yang kita belanjakan, kita akan mendapat pulangan sekitar RM84. Jadi, kita berharap pada masa akan datang, kita akan dapat menjana lebih banyak daripada setiap perbelanjaan kita dalam bidang pelancongan.

Merujuk kepada *Global Peace Index* yang kita bahaskan semasa perbahasan dasar Kementerian Dalam Negeri, kita menunjukkan Malaysia sekarang berada di tangga 16 dunia. Jadi, saya percaya dari segi imej, Malaysia cukup baik untuk kita tarik pelancong. Juga, kita berada di kalangan negara yang terbaik juga meningkat dalam *best place to do business in the*

world, tempat yang terbaik untuk berniaga daripada tangga 15 ke 12. Jadi bagi saya, ekosistemnya sudah cukup subur untuk kita memanggil orang datang ke negara kita.

Jadi saya berharap promosi yang saksama akan diberikan kepada semua negerilah. Oleh kerana dalam ekosistem rekreasi ini, kita ada tiga iaitu: pertama, kita ada pelancong ataupun pengguna; kedua, kita ada sumber yang dilawati ataupun digunakan; dan ketiga, kita ada pengurusan yang menguruskan segala sumber dan juga pengalaman pengguna semasa mereka melancong ke negara kita.

■1640

Jadi oleh kerana negeri Perlis secara khususnya kita ini dari segi kemudahsampaian, kita paling dekat pun dengan Thailand. Jadi pelancong-pelancong luar akan tiba di mana negeri-negeri yang ada lapangan terbang antarabangsa. Jadi kita selalu mendapat hanya tempias-tempias kecil. Jadi kita berharap dalam agenda yang lebih besar yang saya sebutkan tadi Wawasan Kemakmuran Bersama, negeri-negeri yang agak terpisah daripada pusat pembangunan akan diberi lebih perhatian.

Jadi saya fikir perlu ada pendedahan kepada masyarakat luar tentang tarikan yang ada dalam radius berbeza. Saya ini bekas pelajar dalam jurusan taman rekreasi dari segi pengkhususan. Bila kita merancang pembangunan kawasan rekreasi ini kita mengambil kira jenis-jenis pelancong. Kita ada pelancong *day-trippers* yang hanya melawat balik hari. Ada pelancong yang kita kata datang untuk menginap satu hari. Ada pelancong yang datang untuk menginap dengan lebih lama. Ada pelancong yang setia, dia datang berulang. Ada pelancong yang datang dengan lebih kerap dan ada pelancong yang datang *one-off*.

Jadi ini semua perlu dipertimbangkan dan Perlis mungkin berpotensi untuk mendapatkan limpahan daripada Langkawi, Bukit Kayu Hitam, Pulau Pinang dan Perak, yang paling dekat. Itu kalau kita hendak cakap dari segi pelancongan luar. Dari segi sumber, kita ada banyak sumber alam, makan minum, orang ataupun hubungan masyarakat, kita ada sejarah, seni budaya, acara, lokasi dan sebagainya. Akan tetapi jangan kita lupa bahawa sekarang ini sudah popular apa yang disebut sebagai *medical tourism*. Ini juga salah satu aspek yang tidak boleh disampingkan oleh Kementerian Pelancongan.

Dalam aspek pengurusan Butiran 020300 – Pelesenan Pelancongan. Saya fikir dalam aspek *urban tourism*, pelancongan di bandar, kita perlu meramaikan lagi jurupandu tempatan ataupun *local guide*. Saya fikir dalam dunia semakin maju sekarang perlu Kementerian Pelancongan melihat pembangunan *apps* atau aplikasi supaya orang-orang kita ini boleh juga menjana ekonomi mereka apabila mereka menyediakan perkhidmatan untuk membawa pelancong. Sudah tentulah mereka yang menjadi jurupandu ini perlu diberi kursus, latihan dan diberi sijil kelayakan serta lesen, bukan sahaja di kawasan *urban tourism* tetapi juga di kawasan-kawasan misalnya hutan lipur dan sebagainya.

Butiran 020400 – Pembangunan Industri. Saya hendak tahu apakah spesifik industri yang hendak dibangunkan? Kita sudah banyak dan sudah lama bercakap tentang batik. Saya mencadangkan supaya motif batik ini dipelbagaikan. Kalau boleh kita adakan batik di setiap

negeri supaya bila kita mempromosikan batik di luar negara, orang tahu Malaysia ini ada berapa banyak negeri, ada berapa banyak kawasan. Kalau di Indonesia kita kenal yang paling popular Mega Mendung daripada Cirebon. Kita pernah kenal juga batik Keraton. Kita kenal batik Pekalongan. Kita kenal juga batik Priangan dari Tasikmalaya, banyak. Memberikan satu tarikan dan juga promosi secara tidak langsung kepada negeri-negeri yang kita katakan mungkin tidak dikenali oleh orang ramai.

Saya juga hendak menyentuh pengalaman saya melawat Artisans Angkor di *Cambodia* yang mana dibangunkan satu industri untuk golongan kurang upaya. Jadi pemandu-pemandu pelancong, bas-bas pelancongan akan bawa pelancong-pelancong untuk melihat kraf tangan dan pelbagai yang dibuat oleh orang-orang kurang upaya. Jadi ini saya tidak nampak ia lebih tersusun. Sebenarnya kita banyak, tadi Yang Berhormat Sibuti bercakap dan ramai orang bercakap tentang banyak hasil-hasil kraf tangan tetapi ia tidak pernah disusun dengan baik. Jadi saya berharap ini dapat dimajukan pada masa akan datang. Satu peruntukan yang ada kecil, hanya ada RM7 juta tetapi sebenarnya dari segi aspek pembangunan usahawan ini kita ada banyak institusi di pelbagai kementerian yang boleh kita bawa untuk kerjasama.

Saya ada lagi dua, tiga perkara hendak habis dalam masa satu atau dua minit. Mengenai *street art*, saya fikir juga kita boleh mengambil pelajaran daripada *Book Street* di Ho Chi Minh, Vietnam yang mana mereka menutup satu jalan untuk menyediakan satu pusat seni budaya dan juga buku. Jadi ini juga perkara yang saya fikir patut ada di setiap negeri, kita patut ada jalan seni budaya di setiap negeri yang mana kita khususkan untuk aktiviti, mungkin orang hendak baca puisi, orang hendak jual buku dan sebagainya.

Butiran 040700 – *Islamic Tourism Centre* (ITC). Walaupun ini hanya program khusus, saya juga ingin menyentuh sebab sebelum ini saya telah berpeluang ke Melbourne Australia untuk melihat sendiri muzium Islam di sana. Saya fikir Perlis satu negeri yang unik kerana satu-satunya negeri yang menerima semua mazhab dalam Islam. Jadi mungkin patut dibangunkan sebuah muzium Islam untuk memperkenalkan sebagai satu tarikan kerana di Perlis sekarang sudah ada perkampungan sunah yang berjaya menarik...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Mazhab apa itu? Mazhab apa?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kita terima semua mazhab. Jadi Perlis sudah ada perkampungan sunah yang berjaya menarik pelancong daripada banyak negara. Jadi apa salahnya sekiranya Kementerian Pelancongan melihat ini sebagai satu negeri model untuk kita membangunkan sebuah muzium Islam yang dapat mendedahkan Islam dari segi pelbagai mazhab kerana Perlis ia menerima pelbagai mazhab. Itu sahaja perbincangan saya untuk butiran belanjawan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kangar. Seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang dan akhir sekali Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Rantau Panjang dulu.

4.45 ptg.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk berbahas dalam Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ini di peringkat Jawatankuasa, menyentuh Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa.

Saya ingin mohon penjelasan, sejauh mana hubungan yang telah dibuat terutama dalam memastikan pertumbuhan industri pelancongan dengan negara jiran seperti negara Thailand? Ini kerana dengan berjirannya kita, berdekatnya kita dengan negara jiran ini seharusnya manfaat kita dapat ambil sebaiknya terutama dari sudut pelancongan, ekonomi. Jadi sejauh mana saya ingin tahu peruntukan yang telah diberi terutama dalam meningkatkan lagi pertumbuhan industri di Rantau Panjang sendiri, di bandar yang sempadan dengan negara Thailand?

Begitu juga, saya memohon supaya pihak kementerian mempertimbangkan untuk mewujudkan *food court* ataupun tempat khas untuk promosi makanan sebab di Kelantan ini adalah negeri yang kaya dengan pelbagai menu yang sangat lazat. Jadi ini boleh mengambil peluang untuk menarik pelancong-pelancong datang. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian menyediakan peruntukan khusus untuk kita mengadakan tempat yang lebih sesuai untuk menarik sama ada dalam dan luar negara.

Saya ingin tahu juga iaitu berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh pihak kementerian untuk Tahun Melawat Malaysia untuk diagihkan kepada negeri Kelantan? Ini kerana Kelantan adalah destinasi pelancongan. Jadi saya ingin tahu apakah program-program yang sedang dirancang di bawah kementerian untuk membangunkan pelancongan di negeri Kelantan? Begitu juga program-program sambutan yang dibuat di seluruh negara termasuk di *airport* dan sebagainya.

Ada saya dapat makluman bagaimana *banner* atau promosi ataupun sambutan yang telah dibuat di tempat-tempat tertentu hanya menggunakan satu tulisan sahaja, contoh dalam bentuk tulisan Cina. Seolah-olah kita menggalakkan pelancong daripada China, tidak ada identiti dengan pelbagai bahasa. Jadi ini sudah tentu tidak menggambarkan identiti kita sebuah masyarakat majmuk.

Jadi saya mencadangkan supaya semua *banner* ataupun *billboard* ataupun tempat promosi pelancongan ini ditulis dengan pelbagai bahasa untuk kemudahan pelancong. Jadi sejauh mana program ini telah dibuat oleh pihak kementerian?

Begitu juga saya ingin tahu tentang pembangunan iaitu peruntukan Butiran 020400 – Pembangunan Industri pelancongan ini terutama di pekan Rantau Panjang sebab di pekan Rantau Panjang ini ada beberapa tempat yang boleh kita gilapkan untuk kita menarik pelancongan. Seperti kita lihat di antaranya ialah Danau Tok Uban, Bukit Kwong, begitu juga termasuk stesen kereta api lama yang sejarah ini adalah di antara tempat yang bersejarah, yang telah dibuka stesen ini sejak tahun 1921, hampir 100 tahun.

Jadi kita melihat perkara ini, sepatutnya dimanfaatkan untuk menarik pelancongan. Sedangkan kita lihat apa yang ada pada hari ini stesen ini hanya tinggal rumah usang yang tidak terurus. Jadi seharusnya pihak kementerian mengambil tanggungjawab. Kita melihat apa yang dilakukan di negara Thailand, stesen kereta api mereka diusahakan. Malah gerabak-gerabak yang lama diusahakan untuk jadi tarikan pelancong. Jadi saya harap kementerian mengambil perhatian terhadap isu ini supaya ia dapat dimanfaatkan untuk manfaat masyarakat setempat. Begitu juga Masjid Beijing, masjid yang selalu menjadi pelancong datang ke Rantau Panjang. Seharusnya, dijadikan tempat promosi untuk tarikan pelancong dalam dan luar negara.

Jadi saya ingin tahu juga sejauh mana usaha kerajaan untuk membantu promosi tempat-tempat seperti ini? Termasuk juga Bukit Panau. Bukit Panau ini adalah sempadan antara Pasir Mas, daerah Parlimen Rantau Panjang dengan Tanah Merah. Jadi di sini juga menjadi pusat pelancongan baru terutamanya dalam pendakian bukit. Bukit Panau ini juga menjadi tempat yang sangat bersejarah.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana pihak pelancongan mengambil inisiatif untuk memastikan tempat-tempat yang berharga, yang bernilai ini dapat kita promosikan untuk mendapat pulangan yang baik terutama pada penduduk tempatan?

Saya ingin tahu juga berkaitan dengan projek iaitu program *Islamic Tourism Center* (ITC) di bawah Butiran 040700. Apakah program yang telah dilaksanakan di bawah projek ini?

■1650

Apakah program ini termasuk di negeri-negeri termasuk di negeri Kelantan? Apakah ciri-ciri utama yang diusahakan untuk memastikan projek ini dapat memberi tarikan terutama daripada pelancong-pelancong di timur tengah?

Jadi, saya juga ingin tahu satu lagi iaitu berkaitan dengan pembangunan perpustakaan. Di antara perkara yang penting kita lihat ialah perlunya mewujudkan suasana yang dapat mendidik rakyat negara kita supaya minat membaca. Jadi, saya ingin tahu dari peruntukkan yang disediakan di bawah perpustakaan ini, apakah program-program yang ditanamkan ataupun program yang telah dilaksanakan untuk melahirkan perpustakaan ini pusat untuk melahirkan keluarga yang minat membaca?

Bagaimana untuk kita memastikan supaya perpustakaan termasuk perpustakaan desa dan perpustakaan yang sedia ada ini lebih mesra supaya kanak-kanak, keluarga dan orang ramai lebih minat membaca dan mudah untuk mendapat perkhidmatan daripada perpustakaan ini. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Seterusnya Yang Berhormat Padang Serai.

4.51 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. / terus pergi kepada Butiran 030400 – Muzium. Pertama, apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi pengunjung harian terutamanya pengunjung tempatan kepada muzium-muzium

tersebut? Kedua, apakah tindakan Kerajaan Persekutuan bagi menaik taraf dan mengembangkan lagi pemasangan dan pengiklanan tentang muzium kita bagi menarik lagi ramai pengunjung ke muzium. Ketiga, pameran yang bagaimanakah yang akan menjadi tarikan utama pengunjung bagi tahun 2020?

Seterusnya, Butiran 031100 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan bagi memastikan kraf tangan negara kekal maju dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa?

Kedua, apakah saluran yang akan dipakai untuk memastikan penjualan produk kraf tangan kekal mampan?

Ketiga, apakah strategik pengiklanan dan pemasaran digital yang akan dipakai untuk mempamerkan produk kraf tangan?

Seterusnya Butiran 031200 - Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pelajar-pelajar yang lulus daripada ASWARA mendapatkan jaminan pekerjaan setelah tamat pembelajaran?

Kedua, apakah tindakan intervensi Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pelajar lulusan ASWARA mampu menceburi industri seni seperingkat industri seni di negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura? Itu sahaja daripada saya, dengan ini Padang Serai menyokong, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Ada Yang Berhormat Kuala Nerus ingin berbahas tidak? Nama ada dalam ini. Silakan.

4.53 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus pergi kepada Butiran 020000 – Pembangunan dan Promosi Pelancongan. Berhubung dengan Butiran 020200 - Pusat Malaysia Rumah Keduaku. Projek ini projek yang mempromosikan Malaysia sebagai rumah kedua dan menjadikan pas lawatan sosial diberikan tempoh sehingga 10 tahun dengan cara yang berbilang kemasukan.

Persoalan yang saya ingin timbulkan ialah sejauh manakah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya memantau projek ini supaya pas lawatan sosial yang diberikan tidak disalahgunakan dan dimanipulasikan sehingga akhirnya boleh memudaratkan agenda keselamatan negara kita sendiri. Ini kerana kita tahu ada negara yang kita lihat kadar kemasukan paling tinggi maka saya mahu tahu bagaimanakah statistik negara yang paling tinggi dan negara yang paling rendah dan jumlah permohonan yang ditolak dalam tempoh sejak ia dilancarkan. Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 030400 – Muzium. Muzium ini merupakan satu kaedah untuk kita mengumpul dan melihat sejarah negara kita sendiri. Cuma, sejauh manakah sambutan para pelancong terhadap muzium ini? Dan adakah ada kaitan dengan jumlah ataupun nilai tiket yang dikenakan? Ini kerana apa yang saya dapat maklumat tiket yang dikenakan antara yang

termurah. Maka adakah dengan murah itu masih belum mampu menarik semaksimum mungkin para pelancong untuk datang ke muzium kita bukan hanya pelancong luar negara bahkan jurang negara kita sendiri.

Yang ketiga, berhubung dengan Butiran 040700 - *Islamic Tourism Centre* (ITC). Kalau kita lihat Malaysia telah diberi satu penarafan yang baik hingga berada pada tangga teratas selama sembilan tahun berturut-turut dalam Indeks Pelancongan Muslim Global yang dibuat oleh *CrescentRating*. Kita juga menyediakan satu akreditasi untuk mengiktiraf penginapan mesra Muslim.

Maka, saya ingin tahu daripada kementerian adakah kementerian berhasrat untuk meningkatkan lagi konsep akreditasi ini sehingga ia menjadi satu SOP yang lebih besar lagi kerana kita mahu lihat bahawa hotel-hotel mesra syariah ataupun hotel patuh syariah menjadi satu produk yang besar bagi negara kita. Ini kerana *market* sangat besar kerana kita di Malaysia sendiri rakyat Muslimnya 60 *percent* dan negara Arab yang datang ke negara kita daripada Saudi, Lubnan, Syria, dan sebagainya begitu tinggi maka kita melihat ruang-ruang dan peluang ini boleh kita perkasakan lagi untuk kita tambah baik lagi penarafan dari sudut SOP bagi patuh syariah dari sudut hotel ini.

Kemudian, Butiran 050100 - Tahun Melawat Malaysia 2020. Baru-baru ini timbul isu berkaitan dengan pameran lukisan kartun animasi daripada Jepun- *Doraemon* dan juga artifak Firaun Mesir. Adakah kementerian sendiri berhasrat untuk menonjolkan sebagai satu produk pelancongan kita animasi negara kita sendiri seperti '*Kampung Boy*', '*Upin dan Ipin*' dan bagaimana insentif yang diberikan oleh kerajaan untuk menjadikan ia sebagai satu produk yang besar sehingga menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke negara kita.

Kemudian saya hendak pergi kepada Butiran 020400 - Pembangunan Industri. Di tempat saya di Seberang Takir ada bot penambang Seberang Takir yang membawa masyarakat, rakyat daripada Seberang Takir ke bandar dan ulang-alik. Bila mana ada *drawbridge* sekarang, dan juga sudah ada Jambatan Sultan Mahmud, maka keperluannya agak kecil untuk mengangkut penumpang antara dua tempat ini. Maka, adakah Kementerian Pelancongan boleh menyediakan geran untuk *upgrade* atau meningkatkan lagi keupayaan mereka untuk menukar daripada hanya menjadi bot penumpang kepada bot pelancong yang boleh membawa masyarakat dan pelancong keluar untuk ronda-ronda di kawasan sungai negeri Terengganu. Kita ada sekarang ini 20 orang pengusaha bot sekarang.

Kemudian juga kami sedang usahakan untuk membina Pasar Terapung di Sungai Terengganu di Kampung Seberang Takir kerana ada satu tempat *mangrove* di situ. Maka saya mohon untuk kerajaan melihat dan kementerian melihat peluang untuk membantu dari sudut geran dan juga dana bagi projek ini.

Kemudian yang terakhir tentang keropok lekor yang juga menjadi satu tarikan pelancongan di Kampung Seberang Takir dan juga di Kuala Nerus. Adakah ada peruntukkan baharu disediakan untuk khususnya dari sudut *packaging* yang boleh memberi ruang untuk para

pelancong luar negara membawa produk ini keluar negara untuk tempoh yang panjang penggunaannya? Itu sahaja daripada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Mekar sejambak bunga gubahan;
Bunga karangan cantik tersemat;
Janganlah keluar dari Dewan;
Tunggulah sehingga saya tamat.*

Baru buat tadi pantun. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa seramai 31 Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas hampir empat jam yang mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2020 Peringkat Jawatankuasa di Dewan ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Kementerian telah diluluskan peruntukkan sejumlah RM1.1 bilion kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada tahun 2020 yang meliputi peruntukan mengurus OE berjumlah RM921,990,700 di mana satu peruntukkan khusus sejumlah RM90 juta adalah dikhaskan bagi meningkatkan kesedaran promosi dan program sempena kempen VM 2020 dan peruntukan pembangunan ataupun DE berjumlah RM187,900,200.

■1700

Yang Berhormat Beaufort yang pertama membangkitkan dalam perbahasan mencadangkan Galeri Kebudayaan dan Kesenian di Beaufort dan galeri kecil sejarah warisan Membakut bagi memperkenalkan seni budaya masyarakat tempatan. Kementerian amat mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Beaufort bagi mewujudkan Galeri Kebudayaan dan Kesenian dan kementerian sedia memberi kerjasama melalui jabatan-jabatan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Perpustakaan Negara dan Arkib Negara dalam memberi khidmat nasihat dan kepakaran serta bahan-bahan pameran.

MOTAC melalui JKKN telah pun melaksanakan Program *Outreach Gallery* bagi tempoh April hingga Oktober 2019 di Hyatt Hotel Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, perkarangan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, kompleks membeli belah seperti Suria Sabah, *Palm Square*, *Centre Point* dan Imago Sabah yang bertujuan untuk mempamerkan produk-produk seni budaya negeri Sabah. Program juga memberi ruang dan peluang usahawan seni budaya menjana pendapatan melalui jualan produk-produk berkaitan seni budaya.

Ketika ini JKKN telah pun mewujudkan galeri seni budaya di Kompleks JKKN Sabah yang mempamerkan keunikan dan kepelbagaian suku kaum yang terdapat di negeri Sabah

termasuklah seni budaya dan adat resam masyarakat Beaufort. Galeri ini berfungsi sebagai ruang perkongsian dan penyebaran maklumat mengenai seni budaya negeri yang boleh di kunjung dan diakses oleh pengunjung domestik dan luar negara.

Antara perkara yang dibangkitkan ialah...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, sila.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Apa yang saya inginkan bagi pihak rakyat di Beaufort ialah berada di Beaufort itu sendiri supaya pelancong datang ke Beaufort bukan ke Kota Kinabalu seperti mana yang Yang Berhormat Menteri bagi tahu dalam jawapan. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya menyatakan bahawa tadi bahawa – memang saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Beaufort dan apa-apa cadangan Yang Berhormat Beaufort akan diberi pertimbangan oleh kementerian kami. Saya mendengar setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas, setiap tempat memohon untuk diberi perhatian. Jadi, kalau seramai 222 orang Ahli Parlimen yang memohon untuk diberi perhatian jadi, bayangkan bagaimana pegawai-pegawai kami dan saya sendiri terpaksa bertungkus-lumus untuk melayan ataupun memberi fokus kepada setiap permintaan.

Yang Berhormat juga membangkitkan untuk penubuhan Muzium Negeri Sabah iaitu penubuhan Galeri Kebudayaan dan Kesenian Beaufort dan Kuala Penyu. Penubuhan muzium negeri Sabah tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Muzium Negeri Sabah. Secara dasarnya, Jabatan Muzium Negeri Sabah bersedia memberi khidmat nasihat sekiranya ada keperluan, namun begitu, penubuhan sebuah galeri atau muzium perlu mengambil kos operasi sumber manusia, promosi dan sebagainya. Dari semasa ke semasa, mana-mana pihak boleh menubuhkan galeri berkaitan kebudayaan melalui Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) ataupun secara persendirian.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Beaufort yang mencadangkan promosi acara kebudayaan etnik tempatan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 diadakan. Salah satu strategi promosi pelancongan adalah penganjuran acara-acara kebudayaan termasuklah suku kaum dari Sabah dan Sarawak. Acara-acara pelancongan budaya utama disenaraikan dalam risalah kalender pelancongan negara yang merupakan bahan publisiti yang diadakan kepada umum dan secara digital. Kumpulan-kumpulan kebudayaan dari negeri Sabah ada dibawa keluar negara untuk promosi pelancongan di pameran pelancongan antarabangsa seperti di ITB Berlin, *World Tourism London* dan di samping itu Bahagian Komunikasi Korporat *Tourism* sentiasa menerbitkan artikel-artikel editorial, hebahan media di peringkat domestik dan antarabangsa yang mengetengahkan keindahan dan keunikan kaum etnik di Sabah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jikalau ada *signature event* ataupun *event* yang berprestij yang boleh diangkatkan, kami mengalu-alukan untuk Yang Berhormat memberi tahu

secara *detail* tentang program *event* tersebut dan kami akan masukkan dalam kalender pelancongan negara ataupun *calendar of event*. Di sini kita akan uar-uarkan kepada seluruh pelancong-pelancong asing di beberapa pejabat pelancongan yang terdapat di luar negara.

Yang Berhormat juga membantu mempromosikan program seni budaya sempena VM 2020 khususnya di daerah Beaufort. Mulai tahun ini Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah telah bekerjasama dengan Badan Bahasa dan Sastera Sabah, DBP Sabah dan Pejabat Daerah Beaufort menganjurkan Festival Seni Budaya, Puisi dan Kulintang Nusantara. Program ini akan diangkat sebagai acara tahunan daerah Beaufort untuk mempromosikan seni budaya dan pelancongan di daerah Beaufort.

Selain itu, JKKN sentiasa bekerjasama dengan pihak tersebut dalam pengisian persembahan sempena Festival Bagandang yang diadakan di Beaufort setiap tahun mulai tahun 2012. Festival ini di jenamakan semula pada tahun 2019 sebagai Festival Beaufort. JKKN juga mewujudkan portal pemetaan budaya yang akan memberikan informasi mengenai perincian seni budaya dan adat resam di seluruh Malaysia termasuk seni budaya di kawasan Beaufort seperti adat resam dan budaya masyarakat Bisaya, Beaufort Kepercayaan Mistik, Tarian Alai Bubu dan pautan tersebut boleh dilayari melalui www.pemetaanbudaya.my JKKN turut melaksanakan...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Saya ingin menyatakan bahawa Festival Bagandang itu kita akan kembalikan tahun hadapan namanya kembali. Festival Bagandang Beaufort.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang disebutkan Festival Beaufort itu? Yang Berhormat sebut Festival Beaufort yang saya sebut tadi, yang dijenamakan semula?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya, kembali semula Bagandang Beaufort.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Bagandang ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bagandang.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya ambil perhatian dalam perkara tersebut. JKKN turut melaksanakan program Perantisan Negeri Sabah 2019 yang bertujuan untuk melahirkan kumpulan pelapis dalam usaha melestarikan seni budaya negeri Sabah termasuk daerah Beaufort. Bagi tahun 2019, JKKN telah pun bekerjasama dengan Persatuan Etnik Beaufort dan Pejabat Daerah Beaufort dalam – telah mengangkat Tarian Anak Kuda dan Muzik Kulintang Etnik Bisaya sebagai program perantisan negeri. Program ini disertai oleh seramai 30 orang perantis yang terdiri daripada golongan remaja dan belia dari Kampung Lupak dan Kampung Rajau Beaufort yang telah dilaksanakan dalam tempoh Julai sehingga Oktober 2019.

Kementerian ini juga berharap agar sokongan daripada pihak untuk membantu merealisasikan usaha-usaha kementerian ke arah melestarikan kesenian dan kebudayaan negeri Sabah terutamanya di daerah Beaufort.

Yang Berhormat Beaufort juga membangkitkan mengenai usaha kementerian dalam membangunkan usahawan desa agar terus *sustainable* (mampan) dalam perusahaan kraf. MOTAC menerusi Kraftangan Malaysia sentiasa berusaha untuk membangunkan usahawan desa agar terus *sustainable* dalam perusahaan kraf melalui pelaksanaan Projek Kraf Komuniti Ku (KKK). KKK ini bertujuan untuk membangunkan komuniti setempat di bawah Program Satu Daerah, Satu Industri. Produk kraf yang dapat memberi pendapatan secara berterusan dan ia dilaksanakan menerusi inisiatif penyelidikan dan pembangunan produk, pembangunan komuniti kraf, pasaran dan promosi serta komunikasi pasaran bersepadu.

Sehingga kini, sebanyak 10 buah projek KKK telah dilaksanakan iaitu KKK Kuala Kangsar, KKK Keningau, Lawas, Pekan, Besut Terengganu, Ulu Baram, Lahat Datu, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Putrajaya. Projek KKK ini akan terus dilaksanakan dengan lebih menyeluruh ke negeri-negeri lain dalam membantu usahawan desa menjana pendapatan.

Apakah rekaan produk baru yang dihasilkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beaufort. Kraftangan Malaysia telah pun menyasarkan sebanyak 1,400 produk baru untuk ditawarkan kepada pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Produk yang ditawarkan adalah dalam segmen hadiah dan cenderamata, pelancongan serta fesyen dan aksesori seperti produk anyaman, manik, songket dasar yang dihasilkan dalam bentuk *miniature* dan kegunaan sebenar.

Produk ini akan melibatkan usahawan dan komuniti kraf termasuk daerah Beaufort. Sesi *preview* produk kepada ejen pelancongan dan pihak media telah pun diadakan pada 8 November 2019 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur serta seterusnya akan dilaksanakan semasa Festival Kraf Johor pada bulan Disember 2019.

■1710

Yang Berhormat Beaufort juga membangkitkan tentang sumbangan geran setiap tahun bagi penganjuran acara-acara kebudayaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada beri bantuan kepada pertubuhan seni budaya pelbagai kaum di bawah bantuan kepada badan bukan kerajaan berkaitan kebudayaan dan penggiat seni. Untuk tahun 2019 sahaja sehingga November sebanyak 83 pertubuhan seni telah pun menerima bantuan dengan jumlah keseluruhan sejumlah RM2,020,000.

Selain daripada bantuan tersebut, insentif potongan cukai bagi penajaan acara-acara kebudayaan juga telah pun dinaikkan daripada had maksimum sebanyak RM700 ribu kepada RM1 juta bagi menggalakkan penajaan sektor swasta dalam program-program acara kebudayaan. Jadi, kita menggalakkan sektor-sektor swasta untuk menaja program yang berkaitan dengan seni dan budaya serta warisan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan daripada sejumlah RM700 ribu dan dinaikkan kepada sebanyak RM1 juta untuk potongan cukai.

Saya terus kepada Yang Berhormat Keningau. Yang Berhormat Keningau ada sini?

Tuan Pengerusi: Tidak ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Oh, Yang Berhormat Keningau tidak ada. Jadi, saya boleh bagi jawapan bertulis?

Tuan Pengerusi: Bertulis.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, jawapan bertulis Yang Berhormat Keningau. Yang Berhormat Pengkalan Chepa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Tidak ada juga eh?

Tuan Pengerusi: Oh, mana dia? Tadi ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Pengkalan Chepa pun tidak ada dalam Dewan. Saya beri jawapan secara bertulis. Boleh habis awal ini. Yang Berhormat Kalabakan? Oh, ada. Ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kalabakan ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Kalabakan mengatakan perlunya diadakan promosi ke atas produk-produk pelancongan di Tawau termasuk Tawau *Hills Park* bagi menarik lebih ramai pelancong antarabangsa di Tawau. Kementerian mengambil maklum akan kepentingan menjadikan Tawau sebagai destinasi pelancongan pilihan khususnya untuk para pelancong asing. Sehubungan itu, kementerian melalui Tourism Malaysia (TM) dan agensi kerajaan negeri telah pun giat mengadakan beberapa program promosi di Pantai Timur Sabah pada tahun 2019 yang turut melibatkan penggiat-penggiat industri pelancongan di Pantai Timur Sabah termasuklah dari Tawau. Antara program yang telah dijalankan adalah *Tourism Malaysia Travel Fair*, Rumah Terbuka Hari Raya di Lahad Datu dan *Muslim Travel Fair*.

Yang Berhormat Kalabakan juga bertanya tentang kerjasama kementerian dengan Jabatan Imigresen Malaysia dalam memudahkan kemasukan pelancong asing ke Malaysia melalui sempadan Tawau. Kementerian telah pun bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan usaha mempermudah proses kemudahan visa dalam menggalakkan kemasukan pelancong asing terutamanya melalui pintu masuk sempadan Malaysia dan baru-baru ini KDN telah pun meluluskan kemudahan visa semasa ketibaan ataupun *Visa on Arrival (VOA)* di enam pintu masuk negara bagi menggalakkan kemasukan pelancong China dan India bersempena VM 2020. Antara enam pintu masuk negara yang baharu ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kompleks Kastam Imigresen di Bukit Kayu Hitam, Lapangan Terbang Antarabangsa Miri, Sarawak, ICQS Sungai Tujuh, Terminal Feri Labuan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah iaitu *Skypark* Subang.

Yang Berhormat Kalabakan juga mohon kementerian untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi mengenal pasti produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangun dan memastikan kelestarian produk pelancongan negara menerusi pelan ekopelancongan kebangsaan atau NEP 2016/2025. Pelan ini bukan sahaja memfokuskan kepada produk-produk ekopelancongan malah juga menonjolkan budaya dan adat warisan destinasi yang telah dikenal pasti. Mengikut NEP, daerah Kalabakan

tidak tersenarai dalam kluster ekopelancongan namun ia boleh diambil kira dalam kluster paling *over scene* dan *Imbak Canyon*.

Yang Berhormat Kalabakan juga mohon pembelian kostum dan penghantaran jurulatih untuk memberi peluang kepada penduduk luar negara mempelajari tarian Malaysia. Saya alu-alukan syor Yang Berhormat Kalabakan. Cadangan ini walaupun hanya dapat direalisasikan sekiranya MOTAC atau Kementerian Luar Negeri diberi peruntukan khusus bagi tujuan pembelian kostum dan penghantaran jurulatih seperti yang disyorkan. Perbelanjaan kostum dan penghantaran jurulatih akan melibatkan kos yang agak besar. Habis Yang Berhormat Kalabakan. Kita terus ke Yang Berhormat Jelebu.

Yang Berhormat Jelebu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelebu, tidak ada. Bertulis.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Tidak ada. Saya bagi jawapan bertulis. Kadang-kadang dia bertindih. Yang Berhormat Hulu Selangor?

Tuan Pengerusi: Ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Hulu Selangor masih ada. Setia di sini. Yang Berhormat Hulu Selangor yang bertanya apakah yang dimaksudkan dalam pemerksaan sektor pelancongan, kebudayaan dan warisan ini iaitu Butiran 040500 iaitu di bawah butiran Program Kursus Pemerksaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan. Diperuntukkan sejumlah RM20 juta pada tahun 2020 bagi tujuan penyelenggaraan kemudahan pelancongan termasuk pemuliharaan dan pemeliharaan tapak *conservation and preservation* tapak pembangunan warisan.

Kedua, rancangan pemuliharaan dan pemeliharaan Carcosa Seri Negara. Nombor tiga, data dan statistik. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dalam peringkat akhir menyediakan garis panduan bagi penyelenggaraan kemudahan pelancongan termasuk pemuliharaan dan pemeliharaan tapak pembangunan warisan. Oleh itu, kementerian ini akan mengedarkan kepada semua kerajaan negeri untuk tujuan permohonan.

Yang Berhormat Hulu Selangor juga bertanyakan, adakah sasaran ketibaan pelancong pada tahun 2020 iaitu sebanyak 30 juta dapat dicapai? Yang Berhormat Hulu Selangor juga mencadangkan supaya kementerian untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara ASEAN untuk mencapai sasaran tersebut. Sehingga separuh tahun pertama, tempoh di antara Januari hingga Jun 2019, pencapaian ketibaan pelancong di Malaysia merekodkan ketibaan positif iaitu sebanyak 4.9 peratus dari sejumlah 12.7 juta dalam tahun 2018 kepada 13.35 juta pelancong. Mengikut trend ketibaan pelancong yang menggalakkan sepanjang tahun 2019 ini, kementerian ini berharap supaya trend ini berterusan sehingga tahun 2020 dan seterusnya dapat mencapai sasaran ketibaan yang telah ditetapkan pada tahun 2020 kelak.

Antara langkah kerjasama yang terjalin dengan industri pelancongan sekitar ASEAN, kita bekerjasama dengan syarikat penerbangan seperti AirAsia, Malaysia Airlines, Malindo Air, Philippines Airlines dan sebagainya dengan mengadakan promosi tambangan murah khusus bagi penerbangan dari pasaran ASEAN.

Kedua, menjalankan aktiviti-aktiviti promosi di bawah peruntukan khas EPU MKAA bagi pasaran-pasaran terpilih seperti Indonesia, Thailand, Vietnam dengan membangunkan pakej pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong dari pasaran-pasaran tersebut.

Tentang bagaimana ia diagihkan Butiran 040300 iaitu Program Penggalakan Pemasaran, Promosi dan Acara-acara Pelancongan, Seni dan Budaya. Peruntukan di bawah butiran ini berjumlah RM155 juta dan diagihkan seperti perincian berikut iaitu: -

- (i) Pengiklanan Tourism Malaysia. Saya dah jawab soalan ini di sesi soal jawab tadi, RM50 juta iaitu pengiklanan Tourism Malaysia;
- (ii) Tahun Melawat Malaysia 2020, RM50 juta;
- (iii) Acara seni dan budaya, RM35 juta; dan
- (iv) Acara dan promosi sektor pelancongan, RM20 juta.

Jadi, keseluruhannya ialah RM155 juta. Jadi, itu pecahan RM155 *million* yang ditanya tadi. Yang Berhormat Hulu Selangor juga bertanya tentang apakah perkembangan terkini Kuala Kubu Bharu. Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah pun menjalin kerjasama dengan PLANMalaysia dan pihak kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain dalam menjalankan kajian untuk memelihara dan melindungi tapak Kuala Kubu Bharu sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan, 645.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat bangunan yang telah diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 termasuklah Masjid Ampang Pecah ataupun Masjid Lama Al-Hidayah dan bekas bangunan gereja dan sekarang ini pejabat polis cawangan trafik. Sehingga kini berdasarkan kajian yang dijalankan telah didapati bahawa ia tidak memenuhi kriteria untuk diangkat sebagai tapak warisan dunia (UNESCO). Namun begitu, Jabatan Warisan Negara akan terus membantu melaksanakan kajian bagi mengenal pasti kepentingan dan signifikan bandar tersebut sebelum dipertimbangkan pencalonan sebagai tapak warisan dunia (UNESCO) pada masa akan datang.

Untuk pembangunan *ecotourism*, Hulu Selangor masih mempunyai 20 kawasan tumpuan pelancongan. Adakah sebarang peruntukan bagi Hulu Selangor? Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan *ecotourism* berjumlah RM13,707,000 adalah komitmen bagi 14 projek pembangunan tetapi malangnya tidak meliputi Hulu Selangor.

■1720

Namun kementerian sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk-produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Hulu Selangor untuk dikemukakan di bawah RMK-12 melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor yang bertanggungjawab menyelaras pembangunan kawasan-kawasan pelancongan negeri Selangor.

Sukacita saya maklumkan kepada Dewan bahawa kalau Yang Berhormat sekalian ingin ada apa-apa cadangan tentang produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan Yang Berhormat sekalian bolehlah membuat permohonan itu melalui kerajaan negeri, melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri dan bagi kawasan wilayah boleh terus melalui Kementerian Wilayah.

Prospek pelancongan di Hulu Selangor. Yang Berhormat Hulu Selangor memaklumkan di bawah iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2016, kementerian telah mengenal pasti kluster ekopelancongan Selangor *State Heritage Park* menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini aktiviti ekopelancongan di Hulu Selangor dan kawasan sekitarnya akan dapat dibangunkan secara holistik dan ia juga meliputi inisiatif *community based tourism* dalam kluster tersebut. Ini seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi komuniti setempat. Habis Hulu Selangor kita ke Sibuti ada di sini ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ada. Yang Berhormat Sibuti mohon kementerian menyediakan jalan akses ke Gua Niah. Pembinaan jalan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Serawak. Namun untuk makluman Yang Berhormat di bawah RMK-11 kementerian ini telah pun melaksanakan peningkatan kemudahan pelancongan Projek Pembangunan di Taman Negara Niah, Miri, Sarawak dengan kos RM3.4 juta yang melibatkan komponen membina titian papan ataupun *elevated plank walk* dengan izin sejauh satu kilometer, kedai cenderamata, tandas awam, kaunter tiket, dan pusat interpretasi yang telah siap pada tahun Belanjawan 2018.

Tentang rangka manusia Gua Niah, Miri, Sarawak, kementerian melalui Jabatan Warisan Negara telah pun menjalinkan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencalonkan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Untuk makluman beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan perkara ini termasuk mesyuarat bersama pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak pada 20 Jun 2019 bagi cadanganewartakan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk memenuhi salah satu keperluan pencalonannya sebagai tapak warisan dunia.

JWN dengan kerjasama pihak Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah pun mengadakan satu bengkel bagi mengenal pasti signifikan Taman Negara Niah di peringkat dunia sebelum pernyataan *Outstanding Universal Value* (OUV) boleh disediakan seperti mana lain-lain pencalonan bagi Tapak Warisan Dunia UNESCO. Untuk makluman, kementerian ini telah pun dimaklumkan oleh JMS mereka dalam proses membawa balik ataupun *skeleton* Niah itu sebenarnya bukan Niah Men akan tetapi ia beberapa rangka manusia sekumpulan. Sekiranya proses berjalan lancar, kita jangka dapat bawa balik daripada Nevada pada bulan Februari pada tahun 2020. Namun begitu, kementerian sentiasa bersedia memberi bantuan khidmat nasihat berkaitan dengan cadangan untuk membawa balik rangka-rangka manusia Niah tersebut.

Yang Berhormat Sibuti juga membangkitkan tentang pemasaran produk kraf dan kementerian perlu melantik ikon-ikon untuk mempromosikan produk kraf. Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia, mereka mempromosikan produk di peringkat domestik dan antarabangsa. Usaha pemasaran telah dilaksanakan menerusi *outlet* fizikal dan platform digital. Kraf tangan Malaysia telah pun menjadikan produk-produk kraf seperti beg anyaman yang dihasilkan oleh

komuniti Penan sebagai hadiah cenderamata semasa majlis persidangan bertaraf antarabangsa iaitu IFLA 2018 dan 'IFAKA' pada tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong juga telah diiktiraf sebagai *Craft Icon of the Year* sempena Third International Craft Award tahun 2019 di India. Penganugerahan ini akan memberi impak yang positif kepada industri kraf dan dalam membantu meningkatkan promosi serta imej produk kraf negara di persada dunia.

Yang Berhormat Sibuti juga mencadangkan selain mengangkat seni budaya masyarakat utama di Malaysia seperti Melayu, China, India, Sabah dan Sarawak apakah usaha kerajaan untuk mempromosikan masyarakat minoriti seperti suku kaum Penan di Sarawak bagi mengangkat dan memulihara seni budaya dan adat resam. JKKN telah pun melaksanakan program penyelidikan di peringkat negeri-negeri. Contohnya, bagi tahun 2019, penyelidikan di negeri Sarawak difokuskan kepada kajian mengenai adat berbayuh iaitu seni perubatan tradisional masyarakat Melanau. Hasil penyelidikan ini akan didokumentasikan sebagai bahan rujukan dalam usaha untuk memastikan kelestarian adat resam tersebut.

JKKN juga mewujudkan portal pemetaan budaya yang memberikan informasi mengenai perincian seni budaya dan adat resam di seluruh Malaysia termasuk seni budaya di Sarawak seperti adat resam dan budaya masyarakat Orang Ulu, Kelabit, Adat Menyambut Tetamu, Palawan, suku kaum Selaku iaitu adat ngoncong dan suku kaum Kedayan iaitu adat makan tahun. Pautan tersebut boleh dilayari melalui www.pemetaanbudaya.my.

Habis Yang Berhormat Sibuti, saya ke Yang Berhormat Rasah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah tidak ada. Bertulis.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Rasah tidak ada? Yang Berhormat Rasah pergi minum. Okey yang paling banyak ialah Yang Berhormat Kuala Kangsar, tebal ini. Yang Berhormat Kuala Kangsar okey. Mohon kementerian menyatakan mekanisme bilangan insentif dan lokasi bagi Zon Khas Pelaburan Pelancongan (STIZ). Ini juga ditanya oleh Yang Berhormat Bachok dan juga Yang Berhormat Kota Melaka tidak silap saya tentang STIZ.

Ini di mana STIZ ini bawah Dasar Pelancongan Negara 2020-2030. Ia merupakan satu usaha menarik pelaburan asing dan domestik bagi meningkatkan daya tarikan destinasi dan produk pelancongan di samping ia juga dapat menambah baik perancangan dan pengurusan destinasi tersebut. Pada masa ini MOTAC telah pun mengenal pasti empat projek rintis iaitu;

- (i) Port Dickson,
- (ii) Tuaran Kota Belud,
- (iii) Putrajaya Sepang; dan
- (iv) Langkawi.

Apakah justifikasi apabila Yang Berhormat Kota Melaka membangkitkan kenapa dipilih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bakal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kita tidak ada *related* dengan siapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Port Dickson ia satu kawasan yang terlibat dalam Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0). Manakala Langkawi pula telah diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark dan mempunyai pelan pembangunan menyeluruh iaitu Langkawi Tourism Blueprint. So, Port Dickson ialah kawasan pantai, Langkawi ialah pulau manakala Capital City Putrajaya Sepang iaitu lokasi yang strategik untuk dijadikan kawasan pelancongan bernilai tinggi kerana berhampiran dengan KLIA dan merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan.

Manakala Tuaran Kota Belud iaitu memperkembangkan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk melaksanakan pelan pembangunan pelancongan sedia ada bagi menjadikan zon tersebut sebagai *premier ecotourism destination*.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Walaupun – ya, sila.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berharap kalau ada projek perintis yang kelima, boleh memberi keutamaan kepada negeri Melaka? Ini memandangkan Melaka juga merupakan ia telah diiktiraf sebagai warisan UNESCO juga.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya baharu hendak jawab. Projek perintis ini terhad kepada empat zon tersebut dan pada masa yang sama MOTEC sedang memperincikan pelan strategik STIZ bersama pelbagai agensi berkaitan termasuklah Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan pihak berkuasa koridor. Jika ada cadangan daripada Yang Berhormat tentang Melaka, saya akan bangkitkan ini di kementerian...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya lihat di dalam senarai itu tidak ada elemen-elemen seperti Bandar Diraja dan juga sungai besar yang melalui kawasan itu. Kuala Kangsar saya rasa tepat kalau dipilih yang kelima atau keenam. Terima kasih.

■1730

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat Kuala Kangsar tersebut, *insya-Allah* Bandar Diraja ya. Okey, peruntukan RM10 juta kepada *Think City* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Untuk makluman, *Think City* merupakan anak syarikat Khazanah Nasional dan peruntukan yang telah diberikan iaitu RM10 juta ialah bertujuan untuk pemeliharaan bandar. Kementerian ini berharap bajet itu akan dapat menyelesaikan isu perancangan dan pembangunan bandar *contemporary* melalui pendidikan dan pembangunan R&D sebagaimana dirancang dalam memartabatkan warisan negara.

GWN sentiasa melibatkan diri dalam pemuliharaan dan pembangunan warisan bandar berdasarkan Pelan Pengurusan Pemuliharaan ataupun *Conservation Management Plan (CMP)*, dengan izin dan Rancangan Kawasan Khas (RKK). Garis panduan pemuliharaan dan peraturan-peraturan telah ditetapkan selaras prinsip pemuliharaan antarabangsa yang ditetapkan dalam menjamin integriti dan keaslian warisan bandar kekal terpelihara termasuk bandar-bandar warisan dunia UNESCO seperti Melaka dan Georgetown.

Pada masa sekarang, pihak MOTAC tidak terlibat dalam mekanisme penggunaan dana yang disalurkan kepada *Think City*. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan ke atas tapak atau bangunan di bandar-bandar yang memiliki *significance* serta kepentingan warisan perlu merujuk kepada kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara khususnya yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan, Akta 645 untuk kebenaran merancang di tapak atau bangunan warisan selaras seksyen 40 di bawah akta yang sama.

Yang Berhormat Kuala Kangsar juga bertanyakan pengurangan peruntukan pengurusan acara di bawah Butiran 030300 disebabkan insentif potongan cukai dinaikkan daripada RM700 ribu kepada RM1 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, had maksimum potongan cukai bagi penajaan program seni budaya pun telah dinaikkan seperti yang saya sebut tadi kepada RM700 ribu kepada RM1 juta. Ianya bertujuan untuk menarik lebih banyak lagi syarikat swasta dan badan korporat untuk menaja program-program seni budaya dan ia tiada kaitan langsung dengan pengurangan peruntukan di bawah Butiran 030300 – Pengurusan Acara.

Yang Berhormat Kuala Kangsar juga memohon apakah kriteria bantuan di bawah CENDANA, mengapa CENDANA menggunakan bahasa Inggeris. CENDANA ataupun *The Cultural Economy Development Agency* sudah Inggeris pun adalah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), saya mohon supaya kementerian di bawah KKMM yang menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, hanya saya mohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat mengadakan satu usaha sama yang rapat atau NBOS dengan Kementerian Komunikasi untuk CENDANA ini sebab ia berkait rapat dengan usaha-usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam usaha-usaha seni visual dan juga kesenian rakyat, terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, sememang pun Yang Berhormat Kuala Kangsar, walaupun CENDANA di bawah KKMM, CENDANA juga bekerjasama dengan JKKN, Balai Seni untuk mengadakan ataupun menganjurkan program-program yang berkait dengan seni dan budaya walaupun berlainan kementerian tetapi kita bekerjasama dan berkolaborasi sekali. So, tidak ada masalah.

Apakah acara kebudayaan pada tahun 2020 dan apakah terdapat keutamaan acara tertentu? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini lebih daripada 300 acara-acara kebudayaan telah dirancang oleh kementerian termasuklah kerjasama yang akan diadakan dengan NGO. Antara program utama yang dicadangkan untuk tahun hadapan seperti Citrawarna, *Magic of the Night*, *KL Biennale*, Festival Kraf Johor, Hari Kraf Kebangsaan dan Festival Seni Malaysia Titih Pusaka Seni. Program-program ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia. Ini antara program, kita ada banyak lagi program ini antara *signature events* yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Kuala Kangsar juga mencadangkan penyelesaian untuk pembangunan dan tambah baik muzium-muzium iaitu Muzium Darul Ridzuan, Muzium Adat, Muzium Seri

Menanti dan apakah bentuk promosi untuk muzium dan naratif pemasaran tarikan pelancong ke muzium tersebut. Peruntukan muzium-muzium di bawah Kerajaan Negeri seperti Muzium Darul Ridzuan, Perak dan lain-lain negeri di salur melalui Bantuan Kerajaan Persekutuan Muzium-muzium Negeri. Pada tahun 2019 sebanyak RM42 juta telah diagihkan kepada semua negeri di Malaysia. Muzium Geologi adalah di bawah Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli manakala Muzium Adat di Jelebu di bawah Jabatan Muzium Malaysia.

Pada tahun 2020, Kementerian Kewangan akan menetapkan jumlah berdasarkan laporan kewangan negeri-negeri berkaitan berdasarkan formula 50-50 setelah ditolak hasil pendapatan muzium-muzium tersebut. Setiap negeri mempunyai peruntukan di bawah Kerajaan Negeri manakala MOTAC hanya menyalurkan peruntukan tambahan. Jabatan Muzium Malaysia sentiasa bekerjasama dengan muzium-muzium di bawah Kerajaan Negeri seluruh Malaysia bagi mempromosi dan memasarkan muzium sepanjang tahun. Setiap tahun sambutan Muzium Antarabangsa diadakan di negeri-negeri mengikut giliran dan ini juga sebagai salah satu untuk mempromosikan muzium.

Yang Berhormat Kuala Kangsar untuk seterusnya bertanya tentang perincian mengikut keutamaan yang difokuskan untuk *Visit Malaysia* dalam industri pembangunan. Kementerian berterusan membangunkan industri pelancongan dengan cara melaksanakan program-program pembangunan industri pelancongan selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 melalui:

- (i) memperluaskan Program Pengalaman *Homestay* Malaysia serta latihan kepada pengusaha *homestay* terutamanya berkaitan promosi secara digital dan melalui *online*;
- (ii) pemerksaan budaya kepada *frontliners* industri pelancongan melalui Program Mesra Malaysia dalam memartabatkan kebudayaan Malaysia;
- (iii) acara-acara pelancongan yang berimpak negeri di seluruh negara termasuklah program Citrawarna, *Magic of the Night* di Putrajaya dan persembahan dron serta Majlis Rumah Terbuka Nasional; dan
- (iv) bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan dalam memperkasakan industri spa dengan menggerakkan urutan Malaysia sebagai produk pelancongan negara serta pembangunan industri pelancongan domestik.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon] **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Okey. Yang Berhormat Kuala Kangsar juga memohon supaya membangunkan muzium-muzium di Malaysia contohnya Muzium Seri Menanti. Untuk makluman Yang Berhormat, pada awal tahun ini kementerian telah pun menyiapkan Projek Pemuliharaan dan Naik Taraf Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti Kuala Pilah dengan kos RM5 juta. Malahan, untuk tahun 2020, kementerian ini telah pun diluluskan peruntukan untuk membangunkan Fasa 2 dengan kos RM3 juta. Itu untuk Muzium Seri Menanti.

Okey, habis Yang Berhormat Kuala Kangsar saya ke Yang Berhormat Kota Kinabalu. Yang Berhormat Kota Kinabalu bertanya tentang dasar pembelian hartanah tentang MM2H- *Malaysia My Second Home*. Permohonan yang melebihi 90 hari menyebabkan jumlah permohonan yang rendah dasar pembelian hartanah oleh warga asing dan Yang Berhormat Paya Besar juga bertanya soalan yang sama. Jadi, saya akan jawab dengan bersamaan dengan Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Paya Besar juga bertanya tentang sumbangan peserta MM2H kepada ekonomi negara.

Permohonan warga asing untuk menyertai MM2H untuk tiga tahun terkini adalah 6,249 untuk tahun 2017, 6,279 untuk tahun 2018 dan 6,078 untuk tahun 2019 sehingga 13 November 2019. Permohonan untuk menyertai program MM2H juga telah menunjukkan peningkatan bagi tiga bulan terkini iaitu sejumlah 687 untuk Ogos 2019, 794 untuk September 2019 dan 991 untuk Disember 2019.

Bermula pada 5 September 2018 Jemaah Menteri telah memutuskan supaya permohonan untuk menyertai Program MM2H akan diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Susulan daripada keputusan tersebut program MM2H diselaraskan secara bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri termasuklah agensi-agensi keselamatan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi memastikan MM2H diberi pada warga asing yang berkualiti setiap permohonan untuk menyertai MM2H perlu memenuhi syarat kewangan yang ditetapkan, tidak mempunyai bantahan keselamatan daripada pihak Polis Diraja Malaysia dan diperakukan dalam mesyuarat Jawatankuasa Peraku MM2H dan diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

■1740

Tempoh pemprosesan adalah 120 hari bekerja, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan tersebut. Daripada segi pembelian hartanah oleh peserta MM2H, syarat semasa menetapkan bahawa peserta MM2H dibenarkan untuk mengeluarkan sebahagian simpanan daripada akaun simpanan tetap- *fixed deposit* yang mandatori untuk tujuan pembelian hartanah bermula pada tahun kedua penyertaan peserta dalam Program MM2H.

Dalam hal ini, nilai pembelian hartanah untuk warga asing berjumlah RM600,000 seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa Bajet 2020 adalah tidak berkaitan dengan syarat-syarat utama Program MM2H dan dasar pembelian hartanah tersebut adalah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Program MM2H juga telah pun memberi banyak manfaat dan sumbangan kepada ekonomi negara dengan anggaran RM19.9 bilion termasuklah kutipan hasil fi visa, pembukaan simpanan tetap di Malaysia, pembelian hartanah kediaman dan untuk tahun 2019 sahaja, sejumlah RM9.9 juta kutipan hasil fi visa telah pun dikutip melalui peserta MM2H. Anggaran sumbangan tersebut tidak mengambil kira perbelanjaan isi rumah bulanan yang bergantung kepada bilangan ahli keluarga serta perbelanjaan pendidikan bagi anak-anak mereka dan kos perubatan di samping pembelian kereta pemasangan tempatan ataupun CKD.

Yang Berhormat Kota Kinabalu juga membangkitkan isu tentang mempergiatkan usaha promosi berkaitan VM 2020 dengan kerjasama Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin juga sukacita menyatakan bahawa kita telah pun menghantar jemputan kepada setiap Ahli Parlimen untuk mengikuti Majlis Taklimat Khas Tahun Melawat Malaysia 2020 yang akan diadakan pada hari Selasa depan, 19 November 2019 di Parlimen bermula jam 1 petang hingga 2.30 petang.

Jadi saya juga menjemput semua Yang Berhormat untuk hadir dan mendengar sendiri perincian Kempen VM 2020 tersebut dan bagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian boleh membantu dalam mempertingkatkan industri pelancongan negara. Yang Berhormat-Yang Berhormat juga boleh mendapatkan pelbagai bahan-bahan promosi yang diperlukan daripada para pegawai kementerian dan *Tourism Malaysia* semasa program tersebut diadakan. So, diminta hadir pada taklimat yang akan datang. Saya ingin maklumkan tidak ada *lucky draw* ya. Ada yang tanya, ada *lucky draw* tak?

Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan tentang Sekolah Kebangsaan King Edward. Yang Berhormat Bagan Serai tak ada? Oh...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bagan Serai ada?

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Bagan Serai kita bagi bertulis ya. Okey, soalan Yang Berhormat Bagan Serai kita bagi secara bertulis.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta jawab sebab Sekolah Kebangsaan King Edward itu dalam kawasan Taiping tetapi Yang Berhormat Bagan Serai yang tanya tadi.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Oh. Boleh, boleh. Tak ada masalah. Okey. MOTAC mengatakan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan King Edward telah pun diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan sebagai Warisan Negara. MOTAC telah dimaklumkan bahawa JKR Perak sedang membuat penyelarasan skop kerja bagi penyediaan dokumen tender dan perancangan projek pemuliharaan ini dijangka bermula pada April tahun 2020 dan projek pemuliharaan ini difahamkan menggunakan bajet Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan akan dilaksanakan oleh JKR Perak.

Pihak MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara akan bekerjasama dengan pihak JKR dan KPM dalam melaksanakan projek ini bagi memastikan kerja-kerja pemuliharaan ini dilaksanakan mengikut garis panduan pemuliharaan Bangunan Warisan.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, sama-sama. Yang Berhormat Bachok? Dah balik?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bachok tak ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Batu Gajah?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Oh, ada sini. Yang Berhormat Batu Gajah mencadangkan lebih banyak pengiktirafan diberikan kepada penggiat seni berbangsa India dan mencadangkan penubuhan Lembaga Kemajuan Seni Budaya India dan untuk makluman Yang

Berhormat, kementerian ini daripada semasa ke semasa memberi pengiktirafan kepada penggiat seni pelbagai kaum termasuklah daripada kaum India.

Jabatan Warisan Negara telah punewartakan dua orang penggiat seni berbangsa India sebagai Tokoh Warisan Orang Hidup di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645 iaitu Puan Vatsala A/P G.R. Kurup dalam bidang Tarian Bharatsanatan dan Katakali pada 19 Februari 2009 dan Encik Kumaresan Karthigesu dalam bidang Seni Muzik Sitar pada 9 September 2014. Kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat berhubung dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Seni Budaya India.

Yang Berhormat Masjid Tanah? Masih ada lagi. Saya jawab Yang Berhormat Masjid Tanah yang merupakan mantan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Yang Berhormat Masjid Tanah menyatakan bahawa mohon kementerian mempertimbangkan permohonan projek ekotourism dengan kos RM2.1 juta dan projek pesisiran Masjid Tanah dengan kos RM5.6 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengalukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk-produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Masjid Tanah untuk dikemukakan di bawah RMKe-12 melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka yang bertanggungjawab menyelaras pembangunan kawasan-kawasan pelancongan di negeri Melaka.

Untuk makluman Yang Berhormat, bulan Februari merupakan tarikh akhir untuk mengemukakan cadangan untuk RMKe-12 bagi tahun 2021...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Yang ini telah pun dihantar oleh kerajaan negeri bawah UPENMlah, untuk makluman.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, saya ambil maklum tentang ini. Mohon kementerian mengkaji kesesuaian untuk pengecualian visa bagi pelancong Myanmar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Masjid Tanah, perkara-perkara berkaitan visa bukan di bawah kementerian kita tetapi di bawah kawal selia Kementerian Dalam Negeri dan perlu mengambil kira juga Dasar Luar Negara. Walau bagaimanapun, MOTAC mengambil maklumlah cadangan Yang Berhormat.

Pengawalseliaan dan kutipan cukai ke atas Airbnb. Pada masa ini, kerajaan melalui *Working Group on Home Sharing Economy* ataupun WGHSC telah pun membangunkan draf garis panduan *Short-Term Residential Accommodation* (STRA) yang merangkumi perkara-perkara berkaitan pendaftaran, keselamatan, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan dan draf ini telah pun disiarkan untuk pandangan umum – *public comments* selama sebulan bermula 30 September 2019 sehingga 30 November 2019 secara dalam talian melalui portal *Unified Public Consultation* di alamat <http://upc.mpc.gov.my>. Isu berkaitan kutipan cukai sedang juga dikaji oleh MOF.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Menteri, Limbang sini.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ha, Yang Berhormat Limbang. Saya tak nampak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tadi selepas Yang Berhormat Batu Gajah itu, kalau susunan bahas tadi, Limbang. Nak dengar sesuatulah jawapan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, ya. Saya pergi satu-satulah ya. Yang Berhormat Limbang ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Will come back* kalau jumpa jawapan untuk Limbang, dengan izin.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, payah nak jumpa sebab saya banyak kertas di sini. Kalau boleh saya mohon seorang bantu saya, pegawai untuk bantu susun ya. Cari jawapan untuk Yang Berhormat Limbang *sat.. [Bentara membantu YB Timbalan Menteri]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, teruskan dahulu.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, terima kasih kerana memakai batik Malaysia. Setiap hari pakai batik ya?

Yang Berhormat Kota Tinggi memohon untuk menaiktarafkan Muzium Kota Johor Lama yang strukturnya diperbuat daripada kayu. Muzium Kota Johor Lama merupakan muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan daripada semasa ke semasa, JMM sentiasa memastikan penyelenggaraan muzium ini dilakukan. Antaranya adalah penyelenggaraan landskap, *pest control*, pendawaian semula, membaiki bumbung dan naik taraf pameran. Kerja-kerja awam, elektrik dan mekanikal telah pun dilaksanakan dan di antaranya pada tahun berikut iaitu pada tahun 2016 sebanyak RM10,900. Pada tahun 2017, sebanyak RM28,770. Pada tahun 2018, sebanyak RM42,043 dan pada tahun 2019 sebanyak RM54,050.

■1750

Muzium ini juga sentiasa mengadakan aktiviti seperti *in reach*, seminar dan program-program pendidikan bagi menarik pengunjung. Kehadiran pengunjung di muzium ini ialah seramai 34,284 orang pada tahun 2017, tahun 2018 seramai 39,972 orang dan sehingga Oktober 2019 seramai 24,264 pengunjung dan muzium ini ditadbir dan diurus dengan baik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya maklum kerana muzium itu dalam kawasan saya. Saya ada dua muzium dalam kawasan saya yang antaranya yang ini di Johor Lama. Saya minta supaya tempat *parking* itu, *inter locking* itu semua sudah tidak berapa molek Yang Berhormat Menteri. Kalau dapat tolong tambahkan sikit untuk tahun 2020 kerana yang *last* itu ialah 2018. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ambil maklum cadangan Yang Berhormat Kota Tinggi untuk pembaikan *inter locking* untuk *parking* di muzium ini dan saya akan mohon supaya pegawai ataupun KP Muzium mengambil perhatian dalam kes ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Yang Berhormat, yang Yang Berhormat Masjid Tanah punya isu sudah selesai sudah, sudah habis sudah.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya rasa.....

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Oleh sebab saya hendak keluar, hendak pergi *toilet*. Kena tahan ini tunggu.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *Toilet* jangan tunggu, bahaya. Pergi dulu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Okey. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pergi dulu.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Nanti Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Masjid Tanah. *Toilet* mana boleh tunggu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Masjid Tanah, dalam *toilet* pun ada *sound system* itu.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ada.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Boleh dengar tahu.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Boleh dengar.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *You* boleh buat apa.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Dia hendak kaitkan dengan *medical tourism* itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tapi jangan bercakap dalam *toilet* ya.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya teruskan ya Tuan Pengerusi, saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Pemulihan tapak-tapak bersejarah di Kota Tinggi, kementerian mengambil maklum akan kepentingan Kota Tinggi sebagai tapak bersejarah termasuklah makam-makam dan kota-kota lama di kawasan ini. Kerja-kerja pemulihan tinggalan di kawasan tersebut dalam tindakan susulan kementerian ini melalui JWN berdasarkan kepada kedudukan kewangan sedia ada.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya minta tolong dengan Yang Berhormat Menteri termasuklah dengan semua Yang Berhormat Menteri-menteri. Sekiranya mana-mana perkara yang kita bangkitkan dalam perbahasan terutama bajet, jadi kalau ada gerak kerja yang hendak dilakukan oleh kementerian,

tolong maklumkan kepada kita Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kita tahu yang telah ada tindakan oleh pihak kementerian. Terima kasih banyak.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, saya ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Kota Tinggi bertanya tentang tandas-tandas awam. Saya rasa tandas awam ini di bawah tanggungjawab Kementerian KPKT serta pihak berkuasa tempatan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya Yang Berhormat Menteri yang berjanji, sudah pergi ke Teluk Mahkota itu dan tandas di Teluk Mahkota itu dibuat dan dibina oleh MOTAC. Jadi Yang Berhormat Menteri janji itu akan naik taraf. Itu Kementerian Pelancongan yang buat.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Menteri janji mulut ataupun janji....

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Eh! Mana janji mulut. Sudah tentu Yang Berhormat Menteri turun pergi tengok. Dia yang masuk dalam tandas itu. Saya bawa.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *[Ketawa]*. Cerita tandas pula ya.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Macam mana? Mahu masuk tandas sekali.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya yang bawa dia masuk.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bawa pergi tandas?

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Kota Tinggi, okey saya ambil maklum dan saya akan minta pembangunan prasarana untuk melihat cadangan yang dikemukakan melalui Yang Berhormat Menteri ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lima minit setengah lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya setuju kerana tandas itu dibina oleh kementerian MOTAC.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, ya, ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Bukan oleh PBT, MOTAC.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya ambil maklum ya Yang Berhormat Kota Tinggi. Ini sudah jawab. Yang Berhormat Kota Tinggi juga bertanya tentang status permohonan projek Kota Tinggi. Itu ya, projek tadi sudah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Begini saja Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak hendak Yang Berhormat umumkan tentang status projek saya. Nanti ramai yang sakit hati di sini.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Jadi, jawab sajalah dengan saya secara bertulis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, secara bertulis. Baik. Terima kasih, okey.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, *all right*. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kadang-kadang yang sakit hati ini kawan-kawan yang dekat ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Alang-alang mai sumbang sinilah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kami tidak pernah sakit hati dengan Yang Berhormat Kota Tinggi lah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Baik tidak kerajaan.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya akan jawab Yang Berhormat Limbang ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Okey. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Limbang minta supaya tentang membina jeti melalui pokok bakau. Mohon kementerian meneruskan projek pembinaan jeti melalui pokok bakau hingga ke Kuala Sungai Limbang serta dengan beberapa cadangan projek peningkatan kemudahan pelancongan di kawasan sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat, kita alu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk-produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Limbang, dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak yang bertanggungjawab menyelaras pembangunan kawasan-kawasan pelancongan negeri Sarawak.

Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Limbang mengemukakan cadangan pembinaan jeti ini melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dan melalui kementerian itu, akan terus kepada kementerian kami. Kalau hendak cepat sebelum Februari 2020 hendaklah dikemukakan.

Yang Berhormat Limbang juga mahu maklumat berkenaan usaha promosi produk pelancongan di kawasan Limbang seperti Lumpur Bebuak di Kampung Meritam. Kementerian melalui *Tourism Malaysia* sentiasa mempromosikan produk ini terutamanya pelancong domestik. Antara contoh usaha yang telah dibuat adalah seperti dengan menyenaraikan produk ini dalam risalah terbitan *Tourism Malaysia* serta promosi berterusan oleh pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* Wilayah dan 21 buah Pusat Informasi Pelancongan (*TIC- Tourism Information Center*).

Selain itu produk pelancongan ini juga turut dipromosikan bersama-sama dengan acara Pesta Babulung ataupun kerbau ya yang diadakan pada setiap bulan Jun setiap tahun. Ada lagi Yang Berhormat Limbang, tidak ada ya. Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Kalau dapat Yang Berhormat Menteri, tadi hajat itu kalau boleh yang Bebuak ini juga dipromosikan dalam *Tourism Malaysia 2020* ini. Itu yang permintaan kita dimasukkan.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, kita boleh masukkan dalam *calender of events* dalam tahun 2020.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yes.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *Calender of events.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Kota Tinggi pernah melawat masa Timbalan Menteri sana. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya tengok dia lumpur membuak-buak itu. Memang patut dimasukkan dalam *calender of events* MOTAC.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya ambil perhatian dan *insya-Allah* saya masukkan dalam *calender of events* untuk 2020 dan cuma dapatkan *detail* dari segi program ini. Yang Berhormat boleh jumpa dengan saya sendiri untuk memberi penerangan ataupun *details* tentang program ini. Saya sokong program ini.

Okey, Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Lembah Pantai ya, Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai membangkitkan program pembacaan sempena Kuala Lumpur sebagai Ibu kota Dunia, KLWBC 2020. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai program dan aktiviti pembacaan serta pembukuan yang menarik telah dirancang sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa sempena KL sebagai Ibu kota Dunia 2020, KLWBC 2020.

Program ini melibatkan pelbagai jabatan, agensi dan NGO di sekitar Kuala Lumpur. Bagi sektor perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Kuala Lumpur akan melaksanakan 68 program dan antaranya ialah *International Story Telling Festival*, Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu, Jom Baca Bersama 10 minit dan perkhidmatan perpustakaan digital, Kembara dan Baca LRT dan MRT.

Adakah Majlis Kebudayaan dan Kesenian yang akan ditubuhkan hanya merangkumi bidang-bidang di bawah MOTAC sahaja atau bidang-bidang lain di bawah kementerian lain.? Buat masa ini kementerian hanya memberi perhatian kepada bidang-bidang seni budaya di bawah kementerian ini sahaja. Walau bagaimanapun, perluasan bidang-bidang lain akan diperincikan setelah Majlis Kebudayaan dan Kesenian dibentuk nanti. Itu soalan berkenaan dengan Majlis Kebudayaan dan Kesenian.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga menyatakan usaha kementerian untuk membawa penggiat-penggiat seni untuk melaksanakan aktiviti kesenian dan kebudayaan di sekolah-sekolah. MOTAC sebenarnya melalui JKKN melaksanakan program Bimbingan Seni Budaya di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah yang bertujuan untuk memberi bimbingan dan asuhan kepada pelajar mengenai seni budaya mengikut bidang-bidang yang telah dipilih oleh sekolah berkenaan seperti tari muzik, teater, seni berbahasa, silat dan permainan tradisi.

Tenaga pengajar adalah terdiri daripada jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) yang ditauliahkan sebagai jurulatih berdasarkan pencapaian dan kursus jurulatih seni budaya merangkumi aspek teori dan praktikal. JKKN mengalu-alukan cadangan untuk membawa penggiat seni budaya ke sekolah-sekolah untuk berkongsi mengenai ilmu, pengalaman dan kepakaran mengenai seni budaya kepada para pelajar serta mengadakan persembahan sebagai pendedahan secara langsung.

■1800

Yang Berhormat Lembah Pantai juga membangkitkan tentang jawatan Ketua Pengarah Balai Seni Negara dan bertanya tentang kriteria pelantikan Ketua Pengarah yang baharu bagi memastikan calon yang bakal dilantik itu memahami berkenaan koleksi negara dan seni visual.

Calon yang mempunyai latar belakang seni visual dan memahami koleksi khazanah seni visual Balai Seni Negara adalah di kalangan pegawai dalaman Balai Seni Negara yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan amat memahami selok-belok koleksi seni visual, pelukis dan penggiat seni visual negara. Pegawai dalaman juga telah mahir dalam dasar yang dibawa oleh Balai Seni Negara dan MOTAC seperti kemakmuran bersama, memperkasakan pelukis muda, penjana ekonomi melalui '*art-entrepreneur*'.

Di samping itu, kemahiran membangunkan *art hospital* yang bakal memberikan perkhidmatan bukan sahaja koleksi negara tetapi juga industri seni visual yang berpotensi memberikan penjana pendapatan dan mengembangkan ekosistem industri seni visual iaitu bagi meneruskan momentum yang diusahakan sebelum ini oleh mantan ketua pengarah dan selari dengan Pelan Strategik Jangka Panjang (PSJP) Balai Seni Negara.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga membangkitkan masalah *stage* di Istana Budaya, adakah telah diselesaikan. Kerja-kerja naik taraf pentas Istana Budaya sedang dalam fasa akhir dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2020. Ia mengambil tempoh hingga pertengahan tahun hadapan disebabkan kerja tersebut harus dilaksanakan secara berperingkat untuk memberi laluan kepada persembahan sempena VM 2020 yang telah dirancang daripada Januari hingga Disember 2020.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, tentang Segamat tadi, Yang Berhormat Menteri. Maaf.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Pasal Segamat ada. Tuan Pengerusi, saya masa sudah tamat tetapi ada banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat. Boleh buat jawapan bertulis.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Boleh saya bagi jawapan kepada mereka yang ada di sini seperti Yang Berhormat Segamat— Yang Berhormat Tebrau ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bertulis ya.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Bertulis?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai, Jerai.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Jerai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kalau hendak jawapan...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tuan Pengerusi, kita kena bagi motivasi untuk kita yang tunggu lama-lama macam ini kan. *Must be fair to us*. Kalau boleh secara ringkas.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang pun tidak jawab lagi.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang pun

belum lagi.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ramai lagi. Saya ada dalam 15 Ahli Yang Berhormat masih belum dijawab.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai, Kuala Krai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau belum lagi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi ...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat berucap pun tidak. *[Ketawa]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab secara bertulis, saya hendak minta tambah sedikit boleh? Berkaitan ASWARA. Boleh? Sedikit sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: ASWARA ini merupakan satu institusi di bawah kementerian Yang Berhormat tetapi masih sampai sekarang ini kenapa mereka yang belajar di ASWARA tidak mendapat pinjaman PTPTN? Saya yakin pelatih-pelatih atau penuntut di ASWARA merupakan pelatih yang terbaik dan mereka mendapat pengiktirafan bukan sahaja dalam negara tetapi luar negara. Saya mengharapkan sangat supaya jawapan dapat diberi kenapa tidak dapat pinjaman PTPTN. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya boleh jawab soalan itu. Sebenarnya ASWARA bukan di bawah Akta Universiti. Jadi, ia tidak tertakluk sebagai satu universiti.

Walau bagaimanapun, kita telah berusaha untuk berbincang dengan KPM supaya ASWARA ini dapat diiktiraf sebagai sebuah universiti supaya para pelajarinya, walau tidak diiktiraf sebagai sebuah universiti pun dalam Akta Universiti, pelajar-pelajarnya juga akan dapat PTPTN dalam membantu mereka dalam pelajaran.

Memang *graduate* ASWARA mempunyai *employability* yang tinggi iaitu lebih *80 percent most of them will get a job right away after graduation*. Jadi tentang kerisauan tentang PTPTN ini, kita akan bagi jawapan secara bertulislah dari segi kenapa mereka tidak diberi PTPTN.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya faham, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ASWARA ini bukan dianggap sebagai Akta Universiti atau Akta 55 di bawah IPTS. Akan tetapi, memandangkan ia termaktub di bawah badan berkanun dan sepatutnya ia hampir sama dengan Universiti Kuala Lumpur. Kalau Universiti Kuala Lumpur dapat peruntukan daripada MARA, sudah pastinya ASWARA juga perlu mendapat pembelaan yang seadil dan sewajarnya.

Saya cuma minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu saya, bila mereka akan dapat? Adakah lima tahun lagi atau 10 tahun? Mesti ada jangka masa supaya kita dapat merancang bagaimana untuk menghantar anak-anak ke peringkat ASWARA ini. Ini kerana banyak program— saya dapat maklum, ada ijazah kedoktoran yang pertama di Malaysia. Ini satu kebanggaan di bawah kementerian Yang Berhormat. Yang Berhormat kena berusaha supaya mereka dapat pinjaman atau bantuan daripada kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat

Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya ambil maklum, Yang Berhormat Paya Besar. Boleh saya teruskan? Ataupun...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jawab mana yang...

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Banyak lagi, Tuan Pengerusi ...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri, walaupun saya duduk sini, Yang Berhormat Menteri *skip* saya dengan Yang Berhormat Tebrau terus ke Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya bagi Yang Berhormat Tebrau dengan Yang Berhormat Segamat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, silakan. Yang Berhormat Tebrau dengan Yang Berhormat Segamat, sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau bagi Yang Berhormat Tebrau dengan Yang Berhormat Segamat, Kuala Krau pun hendak juga.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai pun hendak juga.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kami tunggu lama juga.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai dan Kuala Krau.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya boleh jawab semua. Tak ada masalah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, kalau kita...

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya tidak ada masalah. Saya boleh jawab semua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, hari ini hari Khamis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Betul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau kita tamatkan di bawah kementerian ini sahaja, boleh kita dengar jawapan dan kementerian yang berikutnya kita sambung minggu depan pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak. Tidak boleh. Kita telah ada usul tadi. Telah diterima usul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau kami keluar balik ini, tidak cukup kuorum ini sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak. Saya sudah fikir ...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Jadi, kami bertolak ansur, bagi jawapan yang ada dalam perbahasan di peringkat kementerian ini, selepas itu kita

tanggulah untuk kementerian yang berikutnya. Itu cadangan sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Menteri jawab secara ringkasnya dengan jawapan.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Segamat bertanya apakah strategi *above the line and below the line* dalam mempromosikan *unique selling point* Malaysia kepada pelancong.

Sebenarnya, Yang Berhormat, pelbagai usaha diambil oleh kementerian dalam mempromosikan pelancongan Malaysia termasuk penggunaan kaedah-kaedah terkini seperti memfokuskan penggunaan pengiklanan medium digital sebagai elemen utama mempromosikan elemen pelancongan negara.

Kedua, melaksanakan kempen pengiklanan digital yang menyasarkan kumpulan mengikut profil segmen pasaran ataupun *targeted approach* melalui platform enjin pencarian maklumat seperti *Google* dan sosial media seperti *Facebook* dan *Instagram*.

Ketiga, kempen-kempen pengiklanan yang dirancang berdasarkan *call for action* bagi memastikan *actual visitation*. Di antara langkah-langkah yang diambil ke arah ini adalah seperti berikut iaitu:-

- (i) melaksanakan kempen pengiklanan taktikal secara digital melalui kerjasama dengan *online travel agent* (OTA);
- (ii) bekerjasama dengan agensi portal perjalanan dan portal enjin pencarian seperti *Expedia* dan *Traveloka* dalam mempromosikan pakej-pakej pelancongan yang menarik dalam memberikan pulangan dari segi penjualan pakej;
- (iii) memperkukuhkan lagi kempen pemasaran digital secara bekerjasama dalam perkongsian pintar (*smart partnership*) dengan syarikat penerbangan antarabangsa dan tempatan;
- (iv) mempromosikan produk-produk pelancongan di platform sosial media; dan
- (v) bekerjasama dengan *key social media influencers* yang aktif dalam pasaran antarabangsa bagi mempromosikan Malaysia melalui laman media sosial mereka.

Yang Berhormat Segamat ada bertanya tentang kos untuk membawa seorang pelancong ke Malaysia, kos untuk membawa seorang pelancong dari pasaran China dan India ke Malaysia. Jadi, soalan ini memerlukan beberapa analisa daripada kami yang melibatkan kos promosi, pengiklanan, kos operasi setiap pasaran. *So, it is quite complicated for me to answer it now. Then, we probably get back to you on this* soalan. Terima kasih.

Yang Berhormat Tebrau bertanya tentang pemeliharaan warisan pelbagai kaum. Warisan pelbagai kaum sentiasa dipelihara dan dilindungi di bawah Akta Warisan Kebangsaan. Perlindungan di bawah akta ini juga secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada butiran-butiran itu sendiri serta boleh dipromosikan untuk tarikan pelancong.

Yang Berhormat Tebrau juga membangkitkan tentang VOA ataupun *visa on arrival*, mengurangkan kadar visa untuk VOA ini untuk pelancong China. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tebrau, bagi meningkatkan ketibaan pelancong China, kerajaan telah pun menurunkan kadar *fee* VOA bagi pelancong China daripada RM330 kepada RM200 dan pemilikan jumlah wang iaitu *show money* telah pun dikurangkan daripada USD1,000 kepada USD500 yang boleh dikemukakan sama ada dalam bentuk tunai, cek kembara, kad kredit, kad debit ataupun wang elektronik yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia dan pemanjangan tempoh tinggal daripada tujuh hari kepada 15 hari. Pada masa yang sama, kerajaan juga telah pun meluluskan penambahan enam pintu masuk yang saya sebut tadi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada celahan. Yang Berhormat Sungai Petani. Sila.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana ramai yang terpaksa balik kawasan, Tuan Pengerusi, malam ini. Ada yang sudah *book flight*. Takut-takut— kita ada satu kementerian lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada satu lagi kementerian.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi saya cadangkan Tuan Pengerusi buat keputusan tegas supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah bagi jawapan bertulis, kemudian kita sambung dengan kementerian dan kita aturkan supaya kawan-kawan dapat balik tidak *miss flight*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya ada beza sedikit pandangan dengan Yang Berhormat Sungai Petani. Saya minta jawapan ini diteruskan sehingga habis tetapi kementerian selepas ini kita tangguhkan bawa ke hari Isnin. Itu. Pasal nanti di kementerian ini pun ramai juga yang hendak berbahas.

■1810

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Cumanya peraturan mesyuarat tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Peraturan mesyuarat telah...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Satu usul kena...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Peraturan mesyuarat kita boleh ubah, boleh pinda tanpa menghiraukan peraturan mesyuarat sebelum ini, usul sebelum ini. Itu biasa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Timbalan Menteri menjawab mana yang ada di dalam Dewan ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, boleh saya akan jawab...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: ...Semua yang ada di sini. So, Yang Berhormat Tebrau habis.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Jawab ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jawab ringkas sahaja, jangan baca semua sekali.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Peraturan 12(1).

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan tentang pelancongan Islam yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sebenarnya pelancongan masjid, ITC telah pun mengenal pasti 80 buah masjid di seluruh negara yang telah dan berpotensi untuk diketengahkan sebagai masjid pelancongan. Ia terbuka kepada pelancong-pelancong Muslim dan bukan Muslim. ITC dengan kerjasama JAKIM telah pun menganjurkan Persidangan Imam Kebangsaan pada tahun 2016 dan 2017 untuk memberi informasi kepada masjid-masjid bagi menjadikan masjid sebagai destinasi pelancongan.

Kedua, *Islamic Tourism Centre* telah pun juga melancarkan Pengiktirafan Premis Penginapan Pelancongan Mesra Muslim atau *Muslim Friendly Accommodation Recognition* pada 24 Julai 2019 yang lalu yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Inisiatif ini bertujuan menaik taraf mutu perkhidmatan premis penginapan serta sektor pelancongan negara khususnya dalam segmen pelancongan mesra Muslim.

Untuk makluman, pelaksanaan ini adalah berbentuk sukarela dan telah pun mendapat persetujuan daripada MOTAC serta persatuan-persatuan industri perhotelan iaitu Persatuan Hotel-hotel Malaysia, Persatuan Pemilik Hotel Malaysia dan Persatuan Bajet Hotel Malaysia. Sebanyak 12 buah hotel telah mendapat pengiktirafan MFAR di antaranya ialah Adya Hotel Langkawi, Hotel Movenpick di Sepang, Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu dan PNB Perdana Hotel & Suites On The Park di Kuala Lumpur. ITC juga telah mendapat banyak permohonan untuk diiktiraf.

Ketiga, pemandu pelancong mesra Muslim ataupun *Muslim friendly tourist guide*, seramai 64 orang pemandu pelancong telah pun mendapat *badge* MFTG bagi memberi informasi tentang pelancongan mesra Muslim dan mempersiapkan mereka berkaitan pelancongan mesra Muslim.

Keempat, pelancongan sekolah pondok, ITC sedang dalam kajian untuk menjadikan sekolah-sekolah pondok di Malaysia sebagai produk pelancongan yang terbaru dalam segmen pelancongan mesra Muslim. Ia juga bagi memberi peluang kepada pelancong untuk mempelajari agama sambil melancong. Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang ini *last...*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Ada, ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ada?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Rantau Panjang menimbulkan tentang program yang dilaksanakan untuk menarik minat membaca di perpustakaan desa. Usaha dan inisiatif...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat, ada Kuala Krai tentang isu Gunung Stong tadi. Kita buat *cable car* sebagaimana Bukit Bendera tadi.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Sebab pegawai tadi tidak ikut – Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jawab yang mana ada dahululah.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, mana dahulu ya. Saya pergi kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang memohon dinyatakan usaha untuk mempromosikan produk pelancongan di kawasan Rantau Panjang yang berpotensi, sebagai contoh Masjid Beijing dan Bukit Panau terletak di sempadan Rantau Panjang dan Tanah Merah.

Kita ada dua program di sini iaitu penganjuran Program Ihya Ramadan FAM Trip Kelantan yang telah diadakan 20 hingga 23 Mei 2019 bertujuan untuk mempromosikan keunikan produk pelancongan yang berpotensi dan berunsurkan kerohanian di Kelantan sepanjang bulan Ramadan. Seramai 58 orang peserta termasuk yang bukan beragama Islam terdiri daripada wakil-wakil media dan agensi pelancongan telah dibawa menyertai program ini. Para peserta juga turut dibawa melawat ke Masjid Beijing di Pasir Mas dan Zon Bebas Cukai di Rantau Panjang. Masjid Beijing di Rantau Panjang, bukan di Pasir Mas.

Bekerjasama dengan syarikat penerbangan Firefly dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan melaksanakan program *Fly Rail* Kelantan dari 19 hingga 22 Ogos 2019. Seramai 40 orang wakil ejen pelancongan dan media tempatan dan antarabangsa termasuk dari Indonesia dan Thailand diterbangkan ke Kelantan melalui Kota Bharu dan dibawa menaiki kereta api hingga ke Dabong di Kuala Krai. Ini adalah bagi memberikan pengalaman unik kepada peserta dalam merasai pengalaman menaiki kereta api dan melawat produk-produk pelancongan yang berpotensi yang terdapat di sekitar Kota Bharu termasuk Rantau Panjang dan Kuala Krai.

Ketiga, penganjuran program *FAM Trip Train East Coast* dari 23 hingga 26 Oktober 2019 yang bermula di Bukit Gambang, Pahang dan berakhir di Kota Bharu, Kelantan. Seramai 68 orang wakil ejen pelancongan dari Indonesia, Filipina dan Thailand telah pun membeli pakej untuk mengikuti program ini melalui syarikat pelancongan E&B Group yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Keempat, satu sesi penggambaran *photo and video shoot assignment* juga telah diadakan oleh Tourism Malaysia pada 25 Ogos hingga 2 September di seluruh negeri Kelantan termasuk Zon Bebas Cukai Rantau Panjang bagi dimuat naik dalam galeri imej untuk produk-produk pelancongan di laman sesawang Tourism Malaysia.

Kelima, penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan di setiap negeri termasuk produk pelancongan di Rantau Panjang kepada para pelancong dilaksanakan secara terus

melalui pejabat-pejabat TM wilayah dan 21 buah pusat penerangan pelancong *Tourism Information Centre* serta laman-laman media sosial seperti *Instagram, Facebook* dan *Twitter*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi tempoh masa sehingga 6.30.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit sahaja...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Selepas daripada 6.30, kita minta jawapan bertulis. Sila.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, sedikit sahaja berkaitan Rantau Panjang. Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma apa yang saya sebutkan tadi juga ialah kita perlukan kemudahan infrastruktur untuk memudahkan lagi kemudahan-kemudahan terutama kemudahan awam bagi pelancong-pelancong tempatan dan luar negara yang datang terutama di kawasan sempadan termasuk kawasan *food court* yang mungkin memerlukan dana yang banyak yang boleh membantu untuk kita mempromosikan.

Sekarang ini pihak Kementerian Pelancongan sudah pindah market tetapi belum lagi mencukupi dengan keperluan yang ada. Banyak lagi infrastruktur yang diperlukan. Jadi saya ingin komitmen daripada pihak kementerian untuk menyediakan infrastruktur yang sesuai untuk memajukan promosi dan kawasan pelancongan di Rantau Panjang.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya ambil maklum Yang Berhormat. Seterusnya saya terus kepada isu yang dibangkitkan tentang peruntukan Tahun Melawat Malaysia iaitu input Unit Khas VM2020. Untuk tahun 2020 Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan isu ini. MOTAC akan memperuntukkan sejumlah RM976,000 kepada Kelantan melalui pejabat MOTAC Kelantan bagi pelaksanaan cadangan enam program dengan kriteria ditetapkan sekurang-kurangnya 30 *percent* kehadiran pelancong asing. Hanya program pelancongan sahaja tidak termasuk sektor kebudayaan.

Program-program tersebut adalah pertandingan larian antara tapak pesta RM121,000. Perlumbaan perahu panjang 2020, pesta makanan antarabangsa di Kelantan 2020, Merdeka Raya dan *Visit Truly Asia Malaysia 2020, UCI Asia Mountain Bike series* dan pesta pelancongan Kelantan – Narathiwat 2020. Saya terus kepada Yang Berhormat Sandakan, ada di sini? Tidak ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sandakan tidak ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Sandakan tidak ada. Yang Berhormat Kuala Nerus?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai, Jerai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Mana Kuala Krau ini? Awal daripada Yang Berhormat Kuala Nerus lagi.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Sebelum Yang Berhormat Kuala Krau, Paya Besar.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Dia orang ikut ini. Yang Berhormat Pendang ya. Yang Berhormat Pendang ada di sini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Pendang membangkitkan tentang mengkaji semula sasaran *Travel and Tourism Competitiveness Report*. Kementerian mengambil maklum perkara ini dan dalam proses mengkaji semula sasaran tersebut. Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Kangar juga bertanya tentang apakah tonggak Dasar Pelancongan Negara, adakah pelancongan yang dilakukan selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Kementerian telah pun menggubal Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 dan merupakan satu rangka galakan utama yang mempunyai agenda transformasi dan memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan usaha kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat dan mengukuhkan daya tahan serta keamanan industri pelancongan negara.

Oleh itu, dasar ini adalah jelas selari dengan matlamat WKB dan pelaksanaan DPN ini terdiri daripada enam teras strategi utama iaitu:-

- (i) transformasi tadbir urus;
- (ii) mewujudkan zon pelaburan pelancongan;
- (iii) digitalisasi pelancongan;
- (iv) meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelancong;
- (v) memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari; dan
- (vi) meningkatkan kapasiti modal insan.

■1820

Yang Berhormat Pendang juga bertanya tentang apakah perbezaan peruntukan berikut iaitu status beberapa butiran. Butiran 020600 berjumlah RM190 juta merupakan peruntukan operasi iaitu *Tourism Malaysia*, LPPM itu *Tourism Malaysia*. Butiran 040300 berjumlah RM195 juta dengan pecahan seperti berikut iaitu pertama, Pengiklanan TM RM50 juta, Tahun Melawat Malaysia 2020 RM50 juta, Acara Seni dan Budaya RM35 juta, Acara Promosi Sektor Pelancongan RM20 juta.

Butiran 040500 berjumlah RM20 juta untuk program pelancongan dan acara di bawah sektor pelancongan di seluruh negara. Butiran 050100 berjumlah RM40 juta untuk Tahun Melawat Malaysia 2020 dan gamelan peruntukan untuk menggalakkan pihak industri melaksanakan promosi pelancongan dengan lebih agresif khususnya menjelang tahun 2020. Okey, sudah jawab.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bentara Azhar, tolonglah tunjukkan skrip jawapan Kuala Krau itu. Kolonel susun macam mana? *[Ketawa]*

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar mana? Paya Besar.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Bertanya tentang perpustakaan desa iaitu tahap penggunaan dan langkah penambahbaikan Yang Berhormat Kuala Krau. Pada tahun 2018 sebanyak 4.8 juta orang mengunjungi 1,102 perpustakaan desa di seluruh negara. Bagi menambah baik perkhidmatan perpustakaan desa PNM antara langkah-langkah yang diambil ialah menaik taraf peralatan ICT dan rangkaian Internet.

Kedua, peruntukan penyelenggaraan tahunan secara berkala. Ketiga, perolehan koleksi secara tahunan dan keempat lantikan staf perpustakaan desa adalah secara *contract of service* di mana gaji dan elaun diberikan secara tetap dan mendapat kenaikan tahunan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekiranya ada di kawasan saya perpustakaan desa yang memerlukan bantuan untuk prasarana dan sebagainya, boleh saya menghantar surat permohonan untuk kebajikan orang ramai di dalam kawasan?

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Untuk apa? Prasarana ataupun untuk kebajikan?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Prasarana untuk perpustakaan desa ini dapat diguna pakai dengan cara baik.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *Insyallah*, boleh kita kemukakan kepada Perpustakaan Negara Malaysia melalui kementerian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh, terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Paya Besar dan ...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Homestay*. Kuala Krau ada fasal *homestay* dulu. Azhar ini, you susun macam mana? Susunlah Kuala Krau habis lepas itu baru Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Ketawa]*

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Homestay, homestay* bagi Kuala Krau.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, okey. Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat Kuala Krau kah Yang Berhormat Kuala Krai? Yang Berhormat Kuala Krau, kementerian membantu *homestay* melalui dana yang disediakan bagi mempromosikan *homestay* di luar negara. *Website* khas untuk *homestay* di dalam laman khas MOTAC. Kementerian

memberi bantuan menaik taraf kemudahan guna sama infrastruktur asas di perkampungan *homestay* yang berdaftar serta mengadakan usaha berterusan meningkatkan pembangunan keupayaan pengusaha *homestay* melalui kursus dan latihan dalam menawarkan pakej-pakej *homestay* yang menarik.

Homestays yang berdaftar juga terlibat melalui pelaksanaan Program Mega Fam dengan mempelawa wakil-wakil media dan pengusaha pelancongan antarabangsa untuk menyertai acara-acara dan program pelancongan *homestay* supaya ia dapat dipromosikan di luar negara. Segmen khusus *homestay* secara digital akan boleh diakses secara atas talian oleh pelancong *homestay* yang datang secara *frequent individual traveller* (FIT) dan kementerian juga komited untuk menyediakan platform melalui media cetak dan elektronik.

Sebenarnya dari *homestay* ini ada satu platform yang telah dihasilkan oleh syarikat swasta yang kita minta supaya mempromosikan *homestay* melalui atas talian dan 4,000 lebih pengusaha ini akan mendapat liputan yang lebih luas dengan adanya platform tersebut.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi *last* soalan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dahulu ada dana untuk memberikan bantuan kepada *homestay* khusus untuk mempromosikan *homestay* masing-masing. Jadi, saya ingin tahu adakah dana tersebut masih wujud atau sudah tidak wujud?

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Dana yang..

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sikit fasal *homestay*.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita setuju semua yang dibangkitkan berkenaan dengan *homestay* ini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita rangsangkan, kita murnikan *homestay* dan kita galakkan *backpackers tourist* ini. Baru ia ada *synchronize* di antara perancangan kerajaan dalam pelancongan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya mengambil maklum tentang cadangan-cadangan Yang Berhormat. Sebenarnya ada peruntukan khas dalam *homestay* iaitu untuk prasarana bukan kepada individu, rumah-rumah individu tetapi lebih kepada prasarana seperti *parking*, seperti dewan orang ramai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak maksud saya promosi. Dana untuk mempromosikan *homestay* masing-masing, dahulu ada dana.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya akan minta pegawai untuk ...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dan *last* sekali tentang peruntukan RM3 juta yang telah diluluskan untuk Hutan Lipur Gunung Senyum yang telah diluluskan dan telah diperakui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Cuma saya minta diperakui oleh kementerian Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya saya ambil maklum. Seterusnya saya hendak jawab Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Empat minit lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *I think* ini jawapan terakhir. Yang Berhormat Paya Besar ada? Yang Berhormat Paya Besar paling *last* ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya sila.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Paya Besar mohon projek-projek pembangunan pelancongan diberikan perhatian di Paya Besar dan tidak khusus kepada Kuantan secara keseluruhannya. Untuk makluman Yang Berhormat, saya dalam Kamar Khas juga mengatakan bahawa kita mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk. Produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Paya Besar.

Oleh itu saya mohon supaya Yang Berhormat mengemukakan di bawah Rancangan Malaysia ke-12, melalui Bahagian Perancangan Ekonomi di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang bertanggungjawab menyelaraskan pembangunan kawasan-kawasan pelancongan di negeri Pahang. Tuan Pengerusi saya ingin habis di sini.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yang Paya Besar itu tidak apa saya bincang dengan UPEN, cumanya saya hendak tanya apakah dasar kementerian untuk *Visit Malaysia Year 2020* dengan izin berkaitan dengan *exit tax*.

Adakah *exit tax* untuk tahun 2020 ditangguhkan kerana apa apabila pelancong datang ke Malaysia dia hendak balik itu kita kenakan dia *exit tax*. Sepatutnya *exit tax* itu digunakan untuk rakyat Malaysia hendak pergi melancong ke luar negara untuk tingkatkan domestik punya pelancongan dan bagaimana pendirian kementerian? Hal ini kerana kalau kita biarkan *exit tax* ini dikenakan kepada pelancong saya takut hasrat RM30 juta itu tidak akan tercapai.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Untuk maklumat Yang Berhormat, *exit tax* ataupun *departure levy* itu telah pun dilaksanakan bermula 1 September 2019 dan setakat ini kita pun monitor, mengawasi perkembangan jika ada mana-mana syarikat yang membatalkan disebabkan *departure levy* itu. Setakat ini kita tidak ada mereka yang membatalkan tersebut kerana jumlahnya *very minimal* yang kita *charge* RM190 itu ialah untuk kelas perniagaan.

Jadi itu saja saya rasa Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Bajet 2020. Jadi saya dengan ini mengucapkan sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM921,990,700 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM921,990,700 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM187,901,200 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM187,901,200 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**Maksud B.25 [Jadual] -
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahaskan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada *list* lah kita.

■1830

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ada senarai dan saya akan sebut tapi kita mulakan dulu dengan Yang Berhormat Ledang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Mulakan dengan yang terpendang terlebih dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, jangan lupa Kota Tinggi ya. Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, kita mulakan dengan 10 minit, kemudian akan kita kurangkan masa tersebut. Silakan Yang Berhormat Ledang.

6.30 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan ambil masa yang lama kerana hendak menghormati semua. Saya terus pergi kepada Butiran 020300 – Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan.

Di dalam perbahasan saya di peringkat dasar, saya telah menyentuh tentang Laporan Kaji Selidik UNICEF bertajuk Kanak-kanak Pinggiran yang diterbitkan pada 2016. Kanak-kanak yang terbantut dilaporkan kerana kekurangan nutrisi dan zat makanan. Saya melihat Program

Food Bank di bawah kementerian sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan nutrisi ini. Justeru saya ingin mencadangkan agar Program *Food Bank* juga menumpukan kepada tempat-tempat dan lokasi yang dilaporkan mempunyai kadar peratus kanak-kanak terbantut yang tinggi. Saya percaya ini banyak boleh benar-benar selari dengan apa yang disebutkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, Kerajaan Malaysia Baharu untuk memberikan penekanan kepada membantu mereka yang betul-betul memerlukan.

Kedua Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup. Saya melihat peruntukan sebanyak RM10 juta diberikan pada tahun 2020 dan tiada peruntukan diberikan sebelum ini. Saya difahamkan ianya ialah suatu program baru yang akan dilaksanakan oleh kementerian pada tahun 2020. Justeru, saya ingin mencadangkan agar kementerian dapat membantu keluarga yang kategori di bawah B40 yang sangat memerlukan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, garam dan sebagainya diberikan secara bulanan kepada keluarga yang memerlukan ini.

Kedua, saya ingin mencadangkan untuk diberikan kad diskaun yang boleh digunakan di pasar raya-pasar raya kepada mereka yang layak bagi keluarga kategori B40 dan M40 yang memerlukan untuk membeli barangan keperluan asas secara bulanan bagi menampung harga barangan yang akan terkesan kerana harga minyak petrol akan diapungkan bermula Januari 2020 ini.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh Tuan Pengerusi ialah Butiran 050300 – Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP). Saya percaya kementerian perlu mengkaji dan belajar daripada kesilapan dan kelemahan Kedai Rakyat 1Malaysia yang diwujudkan oleh kerajaan terdahulu. Kementerian juga tidak perlu mewujudkan produk baru jenama i-KeeP. Sebagai contoh seperti mana dahulu ada jenama susu 1Malaysia, gula 1Malaysia dan sebagainya. Kementerian perlu pada pendapat saya, menyelaraskan harga kedai ekonomi pengguna i-KeeP agar sama di seluruh Malaysia. Mungkin kementerian boleh mengkaji dan meneliti kos operasi dan margin keuntungan kedai seperti Eco RM2.10 yang kini telah menjual barangan makanan seperti bawang dan sebagainya untuk diaplikasikan terhadap kedai ekonomi pengguna i-KeeP ini.

Seterusnya perkara yang terakhir yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Kad95 di bawah Butiran, hilang sekejap, sekejap ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: 020100.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Betul, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. 020100 – Pengawalseliaan Barang Kawalan dan Subsidi yang secara khususnya ialah berkaitan dengan Program Subsidi Petrol Bersasar (PSP). Saya ingin sentuh berkenaan dengan Kad95 yang telah disebutkan oleh Menteri Kewangan dalam belanjawan baru-baru ini, pelaksanaan Kad95 untuk M40. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah yang telah dilakukan bagi kita menjayakan pelaksanaan Skim Subsidi Petrol ini dan bagaimanakah misalnya pelaksanaan ini dapat dilakukan dengan secara berkesan supaya Kad95 ini benar-benar dapat

memberi manfaat kepada kumpulan M40. Itu sahaja daripada saya Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sebelum saya jemput Yang Berhormat Paya Besar, saya hendak tanya di sebelah sini siapa yang hendak berbahas? Saya hendak ambil nama, satu, dua, tiga, empat. Baik, saya jemput Yang Berhormat Paya Besar, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Segamat. Kemudian Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Bintulu. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

6.36 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang saya nampak daripada tadi menunggu giliran untuk menyediakan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan. Saya ucapkan terima kasih.

Saya, Tuan Pengerusi ingin menyentuh Butiran 01400 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) kerana apa Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, inilah merupakan salah satu cara dan formula untuk Malaysia bergerak lebih maju dari segi ekonomi jika ekonomi itu berasaskan kepada inovasi. Saya yakin kalau kita hendak menarik lebih ramai pelabur-pelabur daripada luar negara, hendak mewujudkan pekerjaan dan memudahkan akses kepada teknologi canggih, kita mesti selesai dahulu dari segi *intellectual property* dengan izin.

Itu sebabnya Tuan Pengerusi, laporan antarabangsa jelas menunjukkan bahawasanya IP kita makin hari seolah-olahnya tidak ada perubahan yang ke arah positif. Seperti mana yang dilaporkan di dalam *Global Competitive Report 2019*, melihatkan penurunan dari tangga yang menjadikan 2019 kita hanya berada tangga ke-25 daripada 141 buah negara. Kalau kita melihat pula kepada *US Commerce Chamber* dalam laporan *Intellectual Property Index 2019* juga menunjukkan ada penurunan kepada tahun yang lalu kecuali YPO sahaja yang tidak ada perubahan dari segi *intellectual property* dari segi ranking.

Kenapa saya sebutkan ini, kerana Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri, kita mesti berasaskan kepada ekonomi inovasi dan *intellectual property*lah merupakan garis panduan sebagai satu asas untuk melonjakkan ekonomi kita kepada suatu kerangka yang lebih dewasa dan kerangka ekonomi yang lebih matang. Saya yakin kalau kita berasaskan kepada *intellectual property* Tuan Pengerusi, kita dapat 26 peratus *more competitive* dengan izin dari segi ekonomi kita. Kita juga dapat menarik 39 peratus *private sector* dan *private funding* untuk melabur dalam negara kita. Yang paling pentingnya ialah ia menyelamatkan anak-anak muda Tuan Pengerusi, dalam keadaan ekonomi digital pada hari ini banyak sangat pencurian harta intelek.

Saya ada pengalaman Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila untuk mendaftarkan *design* tudung, apabila hendak pergi MyIPO prosesnya agak panjang. Saya

akui ia adalah satu proses yang harus ada *due diligent* tetapi bagaimana kaedah kementerian dan MyIPO, adakah kita masih lagi nak mengikut kaedah yang lama iaitu *outreach*? Adakah kita hendak berubah kepada *reach out*? Kita pergi tengok produk-produk anak muda yang kita rasa ia berpotensi dan kita tanya kepada mereka, adakah mereka sudah melaporkan ataupun mendaftar dengan MyIPO. Itu yang paling penting.

Saya juga hendak melihat bagaimana negara kita hari ini mempunyai satu hasil yang cukup baik sekali. Hasil yang sudah pasti menjadi kebanggaan negara kita dan mereka ini berada di luar bandar Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimana masyarakat di kampung-kampung, reka bentuk, *design* mereka dicuri oleh sesetengah pihak dan mungkin ini juga akan melibatkan kerugian. Saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah langkah kementerian untuk membetulkan ranking ini, itu yang pertama.

Kedua, bagaimana golongan luar bandar mendapat pengetahuan tentang *intellectual property*? Bagaimana keupayaan ekonomi berasaskan inovasi dapat diasaskan dengan MyIPO? Saya yakin RM500,000 ini bukan satu jumlah yang kecil tetapi MyIPO ini mempunyai kewangan mereka yang tersendiri.

■1840

Saya yakin dengan adanya bangunan yang baru MyIPO dan Allahyarham Yang Berhormat Paya Besar pernah menjadi Pengerusi MyIPO satu ketika dahulu. Saya yakin MyIPO mempunyai kepimpinan yang baik dan saya harap *ranking* ini harus dibetulkan kerana *ranking* inilah tingkap-tingkap yang akan dilihat oleh pelabur luar untuk melihat keupayaan negara kita berasaskan kepada inovasi.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri. Melibatkan hal ehwal kos sara hidup dan penyelidikan. Pemantauan harga, saya hendak tahu berapa ramai *Friends of KPDNHEP* telah didaftarkan. Saya hendak tahu juga, apakah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Apakah *latest update* berkaitan Majlis Tindakan Ekonomi Negara?

Saya hendak sentuh Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup. Saya yakin OECD Julai 2019 Yang Berhormat Timbalan Menteri telah nyatakan begitu jelas sebanyak 35.1 peratus isi rumah mengalami defisit perbelanjaan pendapatan bulanan hanya sebanyak 66.3 peratus isi rumah yang mempunyai lebih kurang lebih lima peratus daripada pendapatan rumah. Mereka gunakan perbelanjaan atau mereka gunakan pendapatan bulanan mereka untuk membuat perbelanjaan harian mereka. Saya harap butiran sebanyak RM10 juta yang diwujudkan dalam Program Tindakan Sara Hidup ini, walaupun tahun lepas tidak ada, apakah langkah untuk menyelesaikan perkara ini seperti mana yang dilaporkan oleh OECD.

Saya hendak pergi kepada i-KeeP seperti mana Yang Berhormat Ledang sebutkan tadi. Saya memandang tinggi usaha ini dan saya meneliti ketika Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab Tuan Pengerusi di Dewan Rakyat pada 2 April 2019. Jelas menyatakan bahawasanya i-KeeP ini tidak menggunakan dana kerajaan. Akan tetapi dalam butiran yang ada pada hari ini menggunakan dana kerajaan sebanyak RM5 juta. Tidak mengapalah sebanyak RM5 juta sahaja. Akan tetapi, bagaimana i-KeeP ini harus memainkan peranan, bagaimana syarikat Visi Anugerah

anak syarikat kepada PNS ini memainkan peranan supaya modal ini, pembelian pembekalan dipanggil *Stock Keeping Unit (SKU)* ini harus dilaksanakan lebih meluas. Bagaimana pemilihan lokasi-lokasi i-KeeP ini dan bagaimana peningkatan untuk menuju sebanyak 500 premis yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari.

Saya juga hendak menyentuh Butiran 020200 – Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan. Saya yakin Tuan Pengerusi, peniaga ada yang baik, ada yang kurang baik, ada yang 50/50. Ini kerana mereka suka-suka untuk menaikkan harga kerana dalam perniagaan ini mesti ada penjual dan pembeli. Sudah pastinya pembeli ini mengharapkan penjual yang begitu beretika dan apakah peranan kementerian untuk memastikan peniaga kita di Malaysia ini mempunyai nilai etika yang cukup tinggi. Saya juga harap sangat di waktu-waktu perayaan supaya tidak ada lagi perkara-perkara yang mendukacitakan kepada pembeli. Saya hendak tahu bagaimana kerajaan hari ini bergerak kepada Kerajaan Tanpa Tunai? Bagaimana *e-Wallet* ini dapat difahami kepada golongan luar bandar.

Saya hendak pergi kepada Butiran 020400 – Penguatkuasaan. Saya hendak tahu bagaimana status terkini Badan Stok Penimbal Negara (BSPN). Adakah masih digunakan oleh kerajaan untuk mengawal dan memastikan stok ini mencukupi dan stabil?

Saya juga hendak sentuh kepada Butiran 040300 – Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS). Berapa syarikat yang terlibat Yang Berhormat Menteri untuk peruntukan tahun 2020? Memandangkan subsidi telah dikurangkan sebanyak RM40 juta dan apakah tindakan yang telah diambil dengan penubuhan pelan tindakan membanteras barang kawalan bersubsidi di sempadan?

Saya hendak sentuh kepada dua yang terakhir Tuan Pengerusi berkaitan dengan Butiran 040400 – Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*. Saya yakin kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM45 juta untuk *Community Drumming*. Bagaimana *Community Drumming* ini sampai ke perkampungan Orang Asli? Bagaimana kerajaan memantau kontraktor-kontraktor ini yang telah dilantik untuk mengelakkan ketirisan agar jumlah barang dapat sampai dengan harga yang telah diseragamkan. Adakah bilangan pegawai di kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mencukupi untuk melihat dan memantau perkara-perkara yang berada di luar bandar.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 040500 – Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am. Saya yakin Akta Kawalan 1961 Seksyen 5 Jadual 1, Peraturan Kawalan Bekalan 1974 jelas menunjukkan bahawasanya tepung gandum dan minyak masak ini merupakan satu barang kawalan. Akan tetapi, bagaimana kita mengawal perkara ini walaupun sudah ada akta, sudah ada peraturan dan undang-undang yang mencukupi saya kira, tetapi masih ada berlaku. Itu sebabnya saya yakin baru-baru ini berlaku pengedaran di sempadan Thailand.

Tuan Pengerusi, tepung gandum keluaran Thailand berharga lebih kurang RM7.00, tepung gandum kita berharga RM2.00 hingga RM3.00. Bagaimana lambakan jualan ini berlaku di sempadan dan bagaimana pihak KPDNHEP mengawal perkara ini. Saya yakin kalau inilah kita

dapat selesaikan untuk menjaga masalah hal ehwal pengguna dan kita yakin inilah yang akan memberikan satu pulangan yang baik kepada pihak rakyat. Rakyat juga mengharapkan sangat pemantauan dan penaziran harus dilakukan oleh pihak kerajaan. Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar sekarang saya jemput Yang Berhormat Segamat dan saya menurunkan masa perbahasan kepada lima minit.

6.46 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Bekalan 25, Butiran 020100 – Pengawalseliaan Barang Kawalan dan Subsidi. Saya mendapati ada pertambahan sedikit tetapi saya hendak bertanya adakah ia mencukupi? Ini kerana walaupun dengan kawalan subsidi dan juga syarikat-syarikat diberikan, harga barang masih naik dan juga sebagainya. Maka, berapa banyak syarikat ataupun skop barangan yang akan termasuk dalam bajet yang diberikan ini?

Kedua merujuk kepada Butiran 020300 – Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan. Hampir sejumlah RM1.2 juta, saya hendak tahu adakah secara dalaman ataupun diberikan kepada syarikat luar? Jika diberikan kepada syarikat ataupun konsultan negeri luar, maka persoalannya adakah mereka mempunyai pengalaman? Apakah kredibiliti-kredibiliti mereka yang lepas? Adakah mereka ini mempunyai pentakrifan antarabangsa ataupun sebagainya. Ini merupakan amat penting kerana apabila kita membuat penyelidikan, data itu adalah amat penting iaitu *data reliability and validity* itu amat penting dengan izin.

Mengenai Butiran 050100 – Menaik Taraf Pangkalan Data dan Rangkaian ICT. Iaitu bekalan sebanyak RM4.4 juta pada tahun 2020 untuk *big data* untuk IT. Saya hendak tanya kerana kementerian ini akan menjadi *custodian* kepada data-data kerana ia akan melaksanakan bantuan hidup dan juga bantuan petrol dan juga sebagainya melalui kad dan juga B40 dan juga sebagainya. Jika begitu, maka perlukan satu *big data* kerana *big data* ini merupakan satu gabungan. Saya yakin bahawa kementerian ini akan menjadi kementerian berpusat untuk memastikan ia mempunyai data-data. Agar dengan mempunyai data yang lebih lengkap dan juga sebagainya, maka kementerian dapat menyasarkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Contohnya, kalau mereka yang hendak berikan bantuan ini mempunyai kereta yang berdaftar atas nama mereka tetapi kita mendapati kalau orang kampung ada juga di antara yang telah *blacklist* dan juga sebagainya, mereka tidak mempunyai kenderaan motor di bawah nama mereka. Kadang-kadang mereka sambung bayar dan juga sebagainya. Maka data-data seperti ini haruslah diambil daripada pelbagai kementerian di satukan, dikaji secara teliti maka untuk itu saya yakin RM4.4 juta ini tidak memadai.

Saya tahu ia merupakan satu kos yang amat mahal dan juga sebagainya. Mungkin sebagai permulaan yang bagus, saya yakin bahawa kementerian akan terus meminta daripada

Kementerian Kewangan pada tahun hadapan untuk pastikan bahawa peruntukan dinaikkan. Saya rasa itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau, kemudian Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Selayang. Kemudian Yang Berhormat Kuala Kangsar.

6.49 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik yang berkaitan dengan pengguna bijak. Saya ingin tahu kenapakah diletakkan sasaran hanya sebanyak 70 peratus pada tahun 2020 berbanding dengan sebanyak 75 peratus pada tahun 2019. Jadi, sasaran indeks kesedaran ini nampaknya semakin menurun. Kenapa justifikasi ini dibuat?

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Termasuk juga dengan dasar dan perancangan strategik, termasuk juga dengan harta intelek. Saya ingin tahu sejauh mana usaha yang telah dibuat untuk memastikan terutama dari sudut pembangunan perdagangan dalam negeri dan perlindungan pengguna dapat diselaraskan dengan dasar yang bijak. Terutama dalam berdepan dengan kos hidup yang semakin mahal.

■1850

Jadi, setakat ini sejauh manakah kerajaan berusaha untuk memastikan kos hidup harian rakyat supaya tidak terus meningkat akibat daripada penurunan harga nilai ringgit yang semakin rendah begitu juga dengan kebergantungan tinggi kita kepada barangan import. Jadi sejauh mana perkara ini dapat diselesaikan? Begitu juga saya ingin tahu perkembangan program *food bank* yang telah dilancarkan. Apakah program yang telah dibuat terutama dalam Parlimen Rantau Panjang? Saya ingin minta kementerian apakah usaha yang telah dibuat untuk memastikan supaya perkara ini dapat dilaksanakan di Parlimen di seluruh negara.

Saya juga ingin tahu, berkaitan dengan harta intelek iaitu sejauh mana setakat ini kempen yang telah dibuat untuk memastikan supaya pendaftaran harta intelek ini dapat direbat lagi. Sejauh mana usaha untuk mengatasi masalah monopoli pendaftaran oleh syarikat-syarikat besar. Setakat ini, apakah cabaran yang dihadapi? Berapakah jenama daripada harta intelek kita yang telah memasuki pasaran antarabangsa yang telah boleh berasing daripada produk-produk di peringkat antarabangsa?

Saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan Butiran 020100 – Pengawalseliaan Barang Kawalan dan Subsidi dan juga berkaitan dengan masalah penyeludupan. Saya ingin tahu sejauh mana kawalan ini terutama sempadan sebagaimana yang telah disebut oleh rakan-rakan yang lain isu berkaitan dengan penyeludupan barang bersubsidi ini menjadi isu yang sangat besar. Jadi sejauh mana perkara ini dapat diatasi?

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan masalah kes penipuan yang berkaitan dengan transaksi e-dagang di bawah Butiran 020000. Di mana kita dapati banyak penipuan berlaku. Jadi kalau kita lihat tahun lepas sahaja lebih daripada RM360 juta yang melibatkan lebih daripada 54,000 aduan yang telah diterima. Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapakah kes yang telah diambil tindakan, berapakah kerugian yang didapati dan berapakah syarikat-syarikat yang telah diambil tindakan dan nama-nama mereka didedahkan supaya penipuan ini tidak terus berlaku dalam transaksi e-dagang.

Saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan Butiran 020400 berkaitan dengan Penguatkuasaan. Jadi, saya ingin tahu apakah program-program yang telah dicapai dari sudut penguatkuasaan sama ada dari sudut untuk mengatasi masalah kenaikan kos sara hidup berkaitan dengan perlindungan hak intelek, penguatkuasaan berkaitan dengan melindungi hak pengguna termasuk juga untuk membanteras penyelewengan barang-barang yang bersubsidi. Jadi, berapa kes yang telah difailkan dan berapa kes yang telah diambil tindakan?

Saya juga ingin tahu iaitu berkaitan dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Setakat ini apakah tindakan yang telah diambil terhadap isu *Grab* yang sebelum ini ada disebutkan di mana cadangan untuk menyaman syarikat *Grab* ini dengan nilai RM86 juta. Sejauh manakah kejayaannya sehingga tahap ini? Apakah program akan dibuat untuk mengatasi supaya tidak berlaku isu-isu seumpama ini?

Saya juga ingin tahu yang berkaitan dengan Butiran 030400 – Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Jadi, saya ingin tahu berapakah kes yang telah difailkan setakat ini? Berapa kes yang telah berjaya diselesaikan? Setakat ini, apakah cabaran-cabaran yang telah dihadapi untuk mengatasi isu-isu seumpama ini?

Begitu juga yang berkaitan dengan monopoli yang berkaitan dengan pendatang asing ataupun pendatang asing yang menguasai perniagaan runcit dan begitu juga cabaran apabila banyaknya *supermarkets* yang dibina di pedalaman yang menjadi saingan terutama kepada peruncit-peruncit tempatan. Jadi, bagaimana kerajaan dan kementerian menilai isu ini untuk memastikan supaya peniaga-peniaga asing ini tidak menjadi saingan terutama kepada peniaga runcit tempatan dan juga penubuhan *supermarkets* ini tidak menjadi satu ancaman hingga menyebabkan kedai-kedai runcit yang kecil terpaksa ditutup. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau.

6.54 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan Bekalan 25. Butiran yang saya akan sentuh adalah hanya Butiran 020100 mengenai Pengawalseliaan Barang Kawalan dan Subsidi. Tadi sesetengah dari pembahas-pembahas sebelum ini masing-masing ada sentuh atas kelemahan kawalan selia. Ini adalah satu isu yang saya hendak tekankan juga kepada kementerian. Mengikut laporan Ketua Audit Negara, saya dapati restoran-restoran serta topi-topi pun

menikmati subsidi gas yang sepatutnya diberi kepada kegunaan setiap isi rumah. Jadi saya hendak tanya kementerian apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan hanya isi rumah yang layak untuk mendapatkan subsidi gas.

Begitu juga ini kerana saya berasal daripada negeri Johor yang berjiran dengan Singapura. Jadi, ada banyak kereta berdaftar di Singapura masuk ke Johor dan mereka pun menikmati subsidi petrol walaupun ada notis dipaparkan kios petrol bahawa RON95 hanya untuk warga Malaysia atau kereta yang berdaftar dengan Malaysia sahaja tetapi masih kelihatan banyak kereta yang berdaftar di Singapura mengisi minyak RON95. Isu ini bukan baharu, isu ini sudah berlaku lama. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah kaedah yang lebih berkesan untuk memastikan hanya kenderaan yang berdaftar di Malaysia boleh menikmati subsidi petrol yang diberikan oleh kerajaan? Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bintulu.

6.57 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang saya berbahas dalam kementerian ini. Saya hendak sentuh Butiran 020100, Butiran 020200 dan Butiran 040400, sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya cukup sedih, hari itu dalam dasar saya berbahas mengenai isu masalah subsidi, barang-barangan, LPG, diesel ataupun petrol tidak sampai ke luar kawasan. Akan tetapi, saya hairan sekarang pegawai dalam kementerian ini boleh jawab *on behalf of the Minister* ataupun *on behalf of the ministry*. Bukan saya seorang kena, Yang Berhormat Kanowit pun kena. Dia persoalkan isu ini kenapa kejadian ini boleh berlaku, dalam surat khabar ini keluar. Saya cakap dalam Dewan, kenapa pegawai boleh jawab? Pegawai tanya sama saya, "*Hei, mana itu tempat?*" Tempat banyak. Kenapa sebelum saya berbahas, barang-barangan ini tiada. Sekarang pegawai saya beritahu sekarang barang-barangan ada, dia beritahu pos-pos sekarang mesti mahu ada barang nanti takut MyCC datang siasat daripada pusat MyCC. Kenapa kejadian boleh jadi begitu?

Kenapa MyCC Sarawak tidak pergi siasat? Apa masalahnya? Saya sekarang hendak minta Dewan yang mulia ini, minta senarai-senarai, *list* keluar barang-barangan yang dihantar ke pos-pos. Siapa dia? *Contract and transporter*. Saya mahu daripada bulan Januari hingga sekarang. Semua pos, senarai ini saya ada, okey. Saya cukup sedih, pegawai mahu cabar saya. Saya tidak dapat, saya boleh baca kah?

■1900

"*Saya punya auntie selalu bagi tahu sama saya, lama sudah supplier daripada KPDNKK*", dia masih cakap KPDNKK. "*Tidak hantar barang ke rumah panjang. Sebelum ini KPDNKK memang hantar banyak barang di sini, harga sama tetapi sekarang kita terpaksa — itu kedai runcit mahu pergi Bintulu beli dan supply pergi kedai rumah panjang*".

Kenapa ini boleh berlaku? *Please* kementerian daripada KPDNHEP jangan cabar sama saya. Kalau mahu cabar minta *you* minta pengarah di Kuching mari berdepan sama saya, saya bawa dia turun ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ikut sekali. Saya boleh bagi tahu mana rumah panjang saya bawa tapi kita mesti tanda tangan dulu. Kalau ada pegawai mesti mahu kena buang. Ini pegawai daripada pemerintahan yang lepas memang ini perkara ada berlaku. Kita pun ada tiba ini perkara dalam Dewan yang mulia ini.

Ini rakyat sengsara. Rakyat hari-hari ini hendak menunggu tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah umum banyak. Saya nampak ada tempat, tidak usah cerita panjang lebar, *supply* itu gula pergi luar bandar. Saya nampak itu berapa kilo sampai itu kawasan. Situ kawasan bukan besar. Saya rasa kalau tiap-tiap bulan minum begitu banyak ratus kilo, saya rasa banyak sudah orang masuk kencing manis. Semua dimasukkan di hospital sudah.

Kalau mahu cabar, bagi tahu kementerian, minta *you* punya jawatan di Bintulu atau Kuching boleh mari, kita cabar sama-sama. Saya bawa turun padang, tengok berapa orang mahu gula satu bulan sana. Jangan temberang, jangan tipu, jangan cakap sembarangan.

Isu kedua, saya mahu tanya, ini rakyat suruh saya tanya juga, ini gula...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Elok rujuk butiran mana? Ini sebab ini peringkat jawatankuasa.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya sudah cerita ini Butiran 020100, 020200, 020400 – sekali gus, tadi saya sudah cakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, baik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya minta dia orang kata ini subsidi juga. Ini gula subsidi tapi ada kuota tapi rakyat minta saya tanya siapa dapat di Sarawak? Tolong bagi tahu senarai. Ratus dan juga —tolong bagi tahu. Ini rakyat suruh saya sampaikan fasal banyak orang lagi rasa banyak orang belum dapat dielakkan keadilan.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas ini saya hendak pergi naik *flight* harap boleh sampai, sempat. Saya harap jawab baik-baik. Jangan itu hari macam Yang Berhormat Menteri jawab *overall*. Tidak apa, saya bagi *you trust, you* jawab saya boleh baca *Hansard*. Kalau *you* tidak mahu, jawab boleh, bagi saya jawapan bertulis. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Selayang.

7.03 mlm.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara yang pertama ialah Butiran 020200 - Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan. Saya meminta penjelasan tentang berapa aduan pendaftaran perniagaan palsu diterima oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kerana pada tahun 2013 sampai ke tahun 2014 ada satu kelemahan

yang di bawah pendaftaran boleh dibuat mengikut rantaian *online registration* tanpa tandatangan, cap jari atau biometrik.

Apa yang telah berlaku ialah ada yang mendaftar dengan menggunakan nombor IC pengenalan orang lain, *identity theft*. Mereka menggunakan perniagaan ini untuk penipuan orang awam. Baru-baru ini, ada seorang penduduk di Selayang menjadi mangsa *identity theft* dan ada 55 aduan telah diterima dan akhirnya orang ini dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999, jumlah 55 tahun. So, ini adalah satu perkara yang penting kita hendak tahu, berapa ramai pendaftaran palsu ini telah dilakukan?

Kedua ialah dengan SSM bahawa baru-baru ini kita mendapat bahawa bekas CEO telah didakwa, ada 33 dakwaan dengan jumlah RM5.7 juta. Saya tidak minta untuk bincang perkara ini tetapi apakah tindakan yang akan diambil untuk mengetatkan pemantauan bahawa ini tidak berulang?

Perkara yang ketiga, ialah tentang Butiran 020200 dan juga Butiran 020600 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). PLUS ini memang adalah monopoli dan baru-baru ini telah membuat keputusan untuk tutup lorong untuk menambah *Touch n' Go*. Ini akhirnya memberikan satu kesan kesusahan kepada mereka kerana ramai tidak sedar, tidak cukup *Touch n' Go* dan tidak ada tempat untuk menambah *Touch n' Go* dan akhirnya lagi kesesakan itu ada — sebenarnya PLUS hendak memberikan satu lokasi untuk menambah *Touch n' Go* di mana ada akses mudah.

Perkara yang keempat ialah tentang Butiran 020300 - Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan. Ada laporan bahawa sebenarnya beberapa barang harga makanan sudah turun tetapi nampaknya orang ramai tidak tahu. Adakah ini benar? Mengikut laporan yang ada daripada 900 barangan, 512 telah menunjukkan bahawa harga telah turun antara 0.06 peratus sehingga 45.7 peratus. Antaranya ialah ikan parang, ikan pari, ketam bunga dan bawang kecil merah yang diimport. Kalau ini yang benar, berita ini perlu diberikan dan disampaikan kepada rakyat kerana kita mendengar bahawa kos sara hidup masih tinggi dan kalau ini adalah benar apa sebab kita mendapat berita ini disampaikan kepada rakyat. Ini sahaja, sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Selayang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Diikuti oleh Yang Berhormat Batu Kawan dan diikuti oleh Yang Berhormat Sik. Sila.

7.08 mlm.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 030400 – Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Kuala Kangsar bersetuju dengan peningkatan peruntukan untuk tribunal tuntutan pengguna ini memandangkan fungsi tribunal ini sangat penting untuk menyelesaikan isu-isu ketidakpuasan hati pengguna di negara ini.

Soalan saya, bagaimanakah sesuatu kes yang berkaitan *consumerism*, dengan izin, yang dikendalikan tribunal ini dapat menemui penyelesaian untuk kedua-dua pihak, *win-win situation* untuk pengguna dan juga penjual? Mungkin satu cara adalah cara mediasi Yang Berhormat Menteri.

Dari aspek apakah kenaikan peruntukan untuk tribunal di lihat penting? Seperti isu hal-hal *freelance services provider*, dengan izin seperti *photographer*, ataupun jurugambar majlis perkahwinan. Banyak kes dilaporkan yang melibatkan golongan *freelance photographer* ini di mana gambar-gambar kahwin tidak sampai ke tangan pelanggan-pelanggan seperti yang dijanjikan dan ada yang dapat gambar kahwin selepas dua tahun berkahwin. Ada banyak kes di mana pengguna tidak menandatangani sebarang perjanjian dan segala urusan dilakukan atas dasar percaya-percaya.

Jadi terdapat banyak kes yang telah dibawa seperti ini ke tribunal iaitu kes-kes jurugambar perkahwinan ini. Apakah bentuk Yang Berhormat Menteri pemantauan dan penguatkuasaan kementerian terhadap *freelancers* ini yang menjalankan servis niaga tanpa syarikat dan juga apa sahaja jenis perkhidmatan yang berbentuk *freelancers*.

Saya terus kepada Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup. Bagaimanakah peruntukan sebanyak RM10 juta untuk program ini benar-benar bermanfaat untuk pengawalan harga barang yang dilihat semakin meningkat sejak pelaksanaan SST? Apakah program-program yang terlibat dan sebutkan perincian perbelanjaan untuk setiap program dan signifikannya dan sasarannya Yang Berhormat Menteri?

■1910

Adakah peruntukan ini akan dibelanjakan untuk mengaktifkan semula Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang berperanan untuk memantau impak sistem percukaian SST kepada harga barang? Jika ya, berapakah anggaran peruntukan untuk tujuan tersebut?

Saya terus kepada Butiran 020600 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Bagaimanakah peruntukan untuk MyCC ini dapat menjadikan suruhanjaya ini benar-benar berkesan pada tahun 2020 dalam mengendalikan masalah-masalah persaingan? Untuk kempen Bebas Kartel yang dilaksanakan oleh kementerian, apakah pendekatan serta mekanisme yang lebih serius yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk menghalang kewujudan kartel dalam satu-satu rangkaian pasaran dan rangkaian pengeluaran selain membuka ruang aduan di laman web kementerian?

Saya juga bersama dengan Yang Berhormat Rantau Panjang, berkenaan dengan isu cadangan saman sebanyak RM86 juta lebih terhadap *Grab*. Apakah lanjutan daripada cadangan saman tersebut? Menerusi peruntukan untuk MyCC untuk tahun 2020, apakah bentuk atau kaedah yang boleh diwujudkan oleh MyCC melalui cadangan kementerian dalam aspek pengendalian kes-kes pelanggaran etika atau Undang-undang Persaingan? Berdasarkan kajian semula pasaran sektor makanan di bawah Akta Persaingan 2010 yang dijalankan oleh kementerian terhadap lima jenis makanan iaitu daging, ikan kembung, rumusan bayi, sawi dan kubis bulat, apakah dapatan khusus yang diperoleh daripada kajian tersebut?

Apakah rumusan terbaik yang boleh dirangka oleh kementerian berkenaan dengan hubungan antara kenaikan harga barang dengan anti persaingan yang wujud dalam pasaran untuk kelima-lima produk makanan tersebut ataupun kelima-lima makanan tersebut? Apakah dapatan dan perkembangan industri simen, pemantauan ke atas industri simen yang dilaporkan 85 *percent* bekalan simen itu dikuasai oleh satu syarikat sahaja? Saya mohon satu laporan ataupun laporan ringkas daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Apa lagi industri-industri yang dipantau oleh MyCC untuk tahun 2020? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

7.12 mlm.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk Batu Kawan membahas Kementerian KPDHEP. Saya mulakan dengan butiran satu sahaja. 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Saya ingin tahu apakah keputusan daripada Kementerian KPDNHEP dalam mengimplementasikan dasar baharu nisbah satu kepada tiga pekerja warganegara kepada pekerja asing dalam pengambilan pekerja terutama sekali dalam industri-industri F&B (restoran), untuk industri pengayaan rambut dengan izin *barber* atau masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kedai jahitan (*tailors*) dan juga tukang emas yang terutama sekali bekerja dalam industri di antara kaum India dengan izin *patel*

Hari ini, dasar-dasar baharu ini saya faham ditetapkan oleh tiga kementerian. Kementerian Dalam Negeri, Kementerian KPDNHEP dan juga Kementerian Sumber Manusia. Untuk mengurangkan kebergantungan kerajaan dan juga majikan dan pengusaha terhadap pekerja asing dan ini merupakan satu saranan yang baik, kami semua menyokong tetapi di sebaliknya kita lihat banyak industri-industri kecil, pengusaha-pengusaha restoran, kedai-kedai pengayaan rambut, kedai-kedai jahit, (*tailor*), semua gulung tikar sebab mereka tidak dapat membayar gaji yang setimpal untuk pekerja-pekerja tempatan atas sebab-sebab yang munasabah. Sebab pekerja-pekerja tempatan mempunyai keluarga yang perlu mereka jaga, mereka mempunyai bayaran-bayaran untuk rumah, kereta, pengangkutan dan sebagainya. Barangkali mereka ada keluarga juga untuk mereka jaga, ibu bapa yang ada dengan mereka, sanak saudara yang tinggal dengan mereka berbanding dengan pekerja asing yang tidak mempunyai apa-apa *overhead* yang perlu mereka bayar selain daripada sewa rumah ataupun sedikit untuk makan minum dan sebagainya.

Maka, dengan itu pengusaha lebih berminat juga untuk mengambil pekerja asing dalam industri-industri ini. Akan tetapi kita lihat tidak ada *check demand and supply* yang baik untuk memastikan pengusaha-pengusaha restoran terutama sekali restoran India Muslim, Mamak ataupun restoran India yang hari ini menghadapi masalah untuk mengambil pekerja asing. Saya tahu kerajaan juga mencari jalan untuk membantu mereka tetapi itu tidak cukup dan tidak memadai. Jadi, atas butiran ini saya harap dasar-dasar yang ditetapkan oleh kementerian-

kementerian yang lain bersama dengan KPDNHEP akan mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha. Sekiranya ianya tidak dibenarkan secara rasmi, secara halal maka dengan izin Tuan Pengerusi, *we leave them no choice* daripada mereka mengambil tenaga kerja asing daripada tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Mungkin daripada *refugee*, pelarian-pelarian yang tidak berdaftar, daripada orang-orang yang tanpa kewarganegaraan dan di situlah eksploitasi pekerja-pekerja akan berlaku.

Maka, untuk kita *strike a balance*, saya harap di bawah butiran ini, dasar-dasar yang lebih baik yang menyeluruh, yang holistik, yang mengambil kira isu yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha yang betul-betul ingin membantu menyuntik kembali ke dalam ekonomi negara dari segi kemaslahatan ekonomi mereka ini berbanding dengan dasar-dasar yang dibuat dengan tujuan untuk mengurangkan *dependency* ke atas pekerja asing. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sik.

7.16 mlm.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terus ke Butiran 020400 – Penguatkuasaan. Persoalan saya pertama, berapakah jumlah pegawai penguat kuasa pemantau harga barang dan jumlah itu sama ada yang berjawatan tetap dan kontrak? Begitu juga berapa pula jumlah penguat kuasa bagi setiap negeri dan juga jumlah pegawai penguat kuasa di Daerah Sik sendiri?

Kedua, Butiran 020100 – Pengawalseliaan Barang Kawalan dan Subsidi. Saya ingin bertanya sama ada cadangan subsidi bersasar petrol yang diumumkan oleh kerajaan termasuk di bawah peruntukan ini? Apakah pihak kementerian telah mempunyai satu mekanisme bagi memastikan pengagihan subsidi bersasar ini mencapai kepada sasaran yang diharapkan?

Selain itu juga, saya ingin mendapat maklumat mengenai isu peningkatan harga barangan kawalan. Sejauh mana pemantauan yang terperinci dilaksanakan bagi memastikan tiada pihak yang memanipulasi harga? Saya juga ingin mendapat jawapan, apakah kerajaan melakukan kajian bagi mengukur peningkatan sebenar harga barangan di peringkat pengguna khususnya melibatkan barangan kawalan.

Ketiga, Butiran 030100 – Gerakan Kepenggunaan. Saya menyentuh mengenai peruntukan yang telah diberikan kepada persatuan-persatuan pengguna di sekolah-sekolah iaitu kelab-kelab pengguna begitu juga di IPTA ataupun IPTS di seluruh negara. Perincian terhadap bajet kepada persatuan pengguna ini termasuklah juga kepada persatuan-persatuan pengguna yang berada di desa-desa.

Saya juga ingin memohon maklumat butiran berkenaan dengan Majlis Pengguna Negara. Apakah fungsi majlis ini dan adakah bajet khusus untuk menggerakkan majlis ini supaya

ia berperanan dengan lebih aktif membantu pihak kerajaan khususnya dalam soal pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat.

Saya ingin bertanya satu program oleh kementerian pada 2017 yang lalu, *Friends Of KPDNKK* pada nama yang lalu iaitu FOK. Adakah program ini akan terus dilaksanakan ataupun status sama ada ia telah pun diberhentikan atau bagaimana keadaannya ketika ini. Begitu juga dalam soal hak kepenggunaan ini sangat penting untuk pihak kementerian melihat soal pendidikan kepada generasi baharu, kepada anak-anak kita di sekolah. Di waktu yang kita melihat bagaimana sikap ataupun gaya hidup *consumerism* moden, gaya hidup mewah, gaya hidup yang *elitism*, pembaziran, *decadency* iaitu kemerosotan moral hidup semakin berkembang dalam masyarakat kita. Budaya *materialism* yang menyebabkan masyarakat ataupun generasi muda hari ini lebih mengejar status dan ketika itulah mereka berbelanja dengan berboros dan sebagainya.

■1920

Ini berkait rapat dengan masalah rasuah yang semakin merebak. Begitu juga masalah ataupun kedudukan ramainya anak-anak muda yang mufli dalam negara kita ini. Dalam rekod Jabatan Insolvensi, seramai 64 ribu yang telah mufli dalam tempoh lima tahun ini. Ini adalah kesan daripada gaya hidup yang disebut *moden consumerism*. Ia lebih berpunca daripada ketidakfahaman mereka dalam soal menguruskan cara hidup dan gaya yang menyebabkan mereka banyak berhutang dan sebagainya.

Terakhir, Tuan Pengerusi Butiran 040300 – Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Saya melihat pengurangan peruntukan ini daripada RM600 juta kepada RM400 juta. Mengapa peruntukan tersebut dikurangkan oleh kerajaan? Apakah kesannya pengurangan ini kepada harga runcit minyak masak pada ketika ini?

Selain itu juga ingin saya bertanya mengenai langkah yang dilaksanakan pihak kementerian bagi mengawal penyeludupan minyak masak ke negara-negara asing terutama ke negara jiran iaitu Thailand. Itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krau. Silakan Yang Berhormat.

7.21 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 106000 – Pengurusan Sumber Manusia. Peruntukan bagi tahun 2019 sejumlah RM6.86 juta akan tetapi diturunkan kepada tahun 2020 sekitar RM6.6 juta. Kenapakah penurunan ini berlaku sedangkan penguatkuasaan tentang kawalan harga barang adalah sangat penting bagi memastikan supaya peniaga tidak menaikkan harga sesuka hati?i.

Seterusnya Butiran 040200 – Pegawai Pemantau Harga. Peruntukan tahun 2019 sebanyak RM45 juta, pada tahun 2020 juga RM45 juta. Soalan saya adakah termasuk pembantu

hal ehwal pengguna di peringkat daerah iaitu dahulu setiap Parlimen ada pegawai-pegawai pembantu hal ehwal pengguna bagi menjadi mata dan telinga kepada pegawai penguat kuasa di peringkat daerah. Adakah jawatan ini masih juga diwujudkan? Jika masih diwujudkan berapakah bilangan yang telah disediakan oleh pihak kementerian dan saya mohon juga tahu adakah di kawasan Parlimen Kuala Krau juga telah dilantik pembantu hal ehwal pengguna bagi menjadi mata dan telinga kepada pihak kerajaan?

Ketiga, Butiran 030400 – Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Nampaknya peruntukan pada tahun 2020 ini meningkat. Tahniah kepada kementerian, cuma saya ingin tahu apakah peranan tribunal ini? Adakah banyak kes yang telah dirujuk kepada tribunal? Jika banyak apakah kes-kes tertentu dan apakah bentuk tindakan undang-undang yang telah diputuskan oleh tribunal ini? Adakah kes-kes ini juga telah dirujuk kepada mahkamah bagi proses rayuan dan sebagainya?.

Keempat, Butiran 050200 – Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) . Adakah program ini menggantikan Kedai Rakyat 1 Malaysia ketika Barisan Nasional? Kalau dahulu Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) ini ada sejumlah 185 buah di seluruh negara yang telah dibuka dan 250 barangan runcit dijual di Kedai Rakyat 1 Malaysia ini. Adakah sasaran i-KeeP ini sama dengan sasaran KR1M ini? Berapakah jumlah i-KeeP telah dibuka dan apakah syarat-syarat tertentu bagi membolehkan pengusaha di peringkat luar bandar untuk menjadi pengusaha bagi Program i-KeeP ini?

Terakhir, Tuan Pengerusi Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup. Program ini program khusus iaitu peruntukan RM10 juta bagi tahun 2020. Apakah jenis program yang dirancang oleh pihak kementerian? Apakah golongan sasar yang akan diberi perhatian di bawah program ini dan saya juga mohon supaya program ini dilakukan juga di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat.

7.24 mlm.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang yang diberikan ini.

Saya ingin sentuh Butiran 02011 – Pengawalseliaan Barangan Kawalan dan Subsidi. Berkenaan dengan Program Subsidi Bersasar ataupun (PSP) yang dirancang bermula Januari 2020 yang menyasarkan penerima BSH dengan RM30 sebulan bagi pemilik kereta dan RM12 sebulan bagi pemilik motosikal. Manakala pemberian Kad 95 dengan subsidi RM0.30 per liter kepada 100 liter sebulan bagi kereta dan RM0.40 sebulan 40 liter sebulan bagi motosikal. Maknanya balik-balik RM30 dengan RM12.

Apa yang menjadi perhatian saya adalah meskipun PSP adalah satu bentuk program subsidi yang dikatakan bersasar, namun hakikatnya ia masih tidak menyasarkan pemberian subsidi kepada kelompok yang benar-benar memerlukan dan yang sepatutnya. Ini kerana

Program Subsidi Bersasar ini ataupun PSP ini tidak mengambil kira kumpulan pengguna yang banyak menggunakan kenderaan ataupun petrol untuk urusan kerja yang mereka lakukan kerana semuanya dihadkan kepada RM30 dan RM12 sahaja.

Mereka ini seperti pekerja-pekerja perkhidmatan *gig economy*, *MyCar* atau Bungkusit yang beralih daripada *Food Panda*. Mereka juga golongan yang tepat dan golongan yang terpaksa berulang alik ke tempat kerja yang jauh oleh kerana subsidi hanya dihadkan kepada RM30 dan RM12 sahaja sebulan tanpa mengira mereka itu B40 ataupun penerima BSH.

Saya berpandangan sewajarnya golongan sebegini diberi tumpuan yang utama dalam pemberian subsidi kerana ia adalah sasaran yang sepatutnya kita ambil kira. Justeru apa yang saya ingin tekankan adalah bagaimana subsidi yang hendak disalurkan ini benar-benar menjadi subsidi bersasar bukannya program subsidi yang tersasar.

Seterusnya pada butiran yang sama, saya ingin meneruskan perbincangan saya berkenaan dengan penyelewengan barangan kawalan bersubsidi. Saya melihat berlaku pengurangan bahagian emolumen dalam peruntukan ini, dalam masa yang sama peningkatan bagi bahagian perkhidmatan dan bekalan. Justeru bagaimana pengurangan bahagian emolumen ini akan memenuhi keperluan penambahan anggota penguat kuasa bagi mengatasi masalah penyelewengan dan penyeludupan barangan kawalan bersubsidi.

Saya juga ingin mengetahui jumlah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan dengan aktiviti penyelewengan barangan kawalan. Berapakah nilai rampasan sepanjang tahun ini dan berapa kertas siasatan yang telah dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961?. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan jumlah hukuman di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 sebagai suatu bentuk *deterrent* terhadap isu penyelewengan yang berlaku?

Tuan Pengerusi seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 030100 – Gerakan Kepenggunaan. Saya meneliti peningkatan peruntukan kira-kira RM1 juta dalam butiran ini. Saya ingin memohon penjelasan kementerian mengenai Majlis Gerakan Pengguna Kebangsaan. Apakah bentuk program yang telah dilaksanakan oleh Majlis Gerakan Pengguna Kebangsaan dan apakah isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Majlis ini untuk diberi perhatian di peringkat kementerian ketika ini?

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri sebelum ini ada mencadangkan bahawa Kempen Beli Barangan Malaysia akan dipertingkatkan. Saya menyokong usaha ini kerana ia diharapkan dapat mengurangkan aliran keluaran wang negara. Di luar sana satu kempen yang dikenali *Buy Muslim First* (BMF). Dalam masa kerajaan menghadapi masalah untuk menurunkan harga barangan, tiba-tiba dengan kempen BMF ini, tanpa perlu peruntukan kerajaan, tanpa perlu menggunakan pegawai-pegawai dan jentera kerajaan, harga barangan khususnya barangan asas, turun dengan ketara. Mansuh GST, ganti SST, harga barangan bukan sahaja tidak turun akan tetapi terus menaik.

■1930

BMF berjaya menurunkan harga barangan walaupun ia bukan program yang dirancang atau terancang. Ia hanyalah tindakan spontan sebagai respons kepada satu pihak yang khianat mengotorkan makanan, melanggar peraturan halal dan sebagainya seperti membiarkan anjing berkeliaran di atas makanan, memasukkan darah babi ke dalam kuah laksa, menjual ayam yang tidak disembelih sebagai ayam halal, penemuan DNA babi dalam pelbagai makanan yang dikatakan halal dan banyak lagi.

Memandangkan program spontan rakyat ini sangat membawa kebaikan, saya mencadangkan kepada kementerian memasukkan program BMF ini ke dalam Program Beli Produk Malaysia. Ia membantu menurunkan harga, menjamin makanan lebih bersih dan menambahkan keyakinan termasuk kepada pelancong dari segi jaminan halal.

Sehubungan itu juga, saya mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap pengusaha-pengusaha yang khianat yang mengotorkan makanan ini. Semua pemimpin yang ada sedikit *sense of humor*, baik di pihak pembangkang mahupun di pihak kerajaan akan menentang tindakan yang sangat bertentangan dengan nilai kemanusiaan ini.

Malangnya, kita dapati ada pimpinan bahkan kerajaan negeri yang menghalang tindakan rakyat yang mahu memastikan barangan makanan yang bersih. Sepatutnya mereka mengambil tindakan tegas terhadap pengkhianat-pengkhianat ini.

Soalan saya, apakah tindakan kerajaan ke atas mereka ini bagi mengharmonikan kehidupan kita yang berbilang kaum, pelbagai agama ini dihormati dan tidak dikhianati?

Tuan Pengerusi, butiran terakhir saya iaitu Butiran 020300 – Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan. Saya meneliti peningkatan peruntukan daripada RM553,000 pada tahun 2019 kepada RM1.2 juta pada tahun 2020.

Saya mohon kerajaan memperincikan, ke mana peruntukan tersebut akan disalurkan dan apakah bentuk penyelidikan yang sedang dibangunkan bagi mengatasi isu kos sara hidup ketika ini? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian, apakah terdapat kajian kos sara hidup berdasarkan kawasan tertentu melihat kepada pendapatan sebenar penduduk di kawasan tersebut dan kuasa beli supaya pendekatan yang dirangka lebih tepat mengenai realiti di bawah?

Selain itu, saya juga membaca penulisan rencana yang diterbitkan Bank Negara Malaysia pada tahun 2017. Apa yang menarik untuk diketengahkan di sini adalah suatu kayu ukur yang lebih realistik berbanding semata-mata bergantung kepada indeks harga pengguna.

Indeks harga pengguna mengukur bakul barangan yang menyeluruh dan ia tidak boleh menjadi satu-satunya indikator bagi mengukur kadar kos sara hidup. Ini kerana variasi IHP itu sendiri berbeza berdasarkan tempat, bandar dan luar bandar, kategori golongan pendapatan dan jenis barangan.

Sebagai contoh, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang antaranya yang terkesan dengan inflasi berbanding negeri lain, manakala kedudukan paras inflasi bagi item makanan dan minuman

bukan beralkohol lebih tinggi di Kuala Lumpur berbanding item di tempat lain. Justeru, ini juga perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan.

Antara alternatif lain terhadap IHP yang diutarakan dalam rencana tersebut adalah menggunakan indeks harga harian dan indeks harga anggapan. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah kementerian akan mengambil kira ukuran-ukuran alternatif bagi mendapat pengukuran yang lebih tepat?

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. Empat hari daripada hari Isnin saya tunggu sampai habis empat kementerian, saya tidak diberi peluang. *Alhamdulillah*, yang terakhir ini saya mendapat peluang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Silakan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tuan Pengerusi, Sibuti, Tuan Pengerusi. Kita hendak balik Sarawak hari ini, pukul 9...

Tuan Pengerusi: Selepas Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey, selepas Kota Tinggi lah.

Tuan Pengerusi: Selepas Yang Berhormat Kota Tinggi. Lima minit sahaja. Sabar, sabar, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kakak ini, kakak. Bagi kakak dahulu ya.

Tuan Pengerusi: Ya.

7.34 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara sahaja, pendek sahaja.

Pertama, saya hendak mencadangkan kepada kementerian inilah. Ini Yang Berhormat Stampin ada dekat situ. Ini nama kementerian dahulu cantik sahaja KPDNKK, senang lidah hendak sebut, KPDNKK. Fungsi sama, segala-galanya untuk rakyat. Ini ditukar, Tuan Pengerusi- "K-P-D-N-H-E-P". Hendak sebut pun terbalik-balik lidah ini.

Jadi, saya minta kepada kementerian, tolonglah kalau tidak boleh hendak ikut macam dahulu, carilah akronim apa-apa. Tengok itu Yang Berhormat Timbalan Menteri MOTAC, nama- "MOTAC" ! Senang sahaja. Tidak payah menyusahkan rakyat hendak sebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020400 – Penguatkuasaan. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa perancangan strategik yang akan dilakukan bagi memastikan supaya harga barangan tidak naik, tidak dinaikkan sesuka hati? Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 020300 – Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan. Apa fokus penyelidikan yang dirancang ini? Apa agaknya fokusnya? Saya hendak tahu. Dan adakah terdapat program khusus ataupun apa-apa kaedah khusus yang akan dilaksanakan di antara

kawasan bandar dan juga luar bandar ataupun kawasan mana agaknya ataupun mana-mana kawasan yang terdapat jumlah B40 yang ramai?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup. Saya pun hendak tahu agaknya kerana rakyat Kota Tinggi pun hendak tahu. Ini amat penting untuk rakyat kawasan saya juga. Apakah Program Tindakan Sara Hidup? Apa programnya? Nama pun Program Tindakan Sara Hidup. Apa programnya? Adakah terdapat program khusus, kaedah khusus yang akan dilaksanakan termasuk di kawasan bandar dan sebagainya? Ini kerana B40 ini sekarang, Yang Berhormat Timbalan Menteri, amat sengsara dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan. Jadi, kita perlukan maklumat yang berkaitan dengan butiran ini.

Seterusnya Butiran 050200 – Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP). Pertama kali dengar. Seperti yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Ledang— ah, sudah balik pula si Ledang ini. Apakah strategi KPDNHEP. Hah, kan susah hendak sebut! *[Ketawa]* Untuk memperluaskan program ini?

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 04004 – Pembangunan Keusahawanan: Pembangunan Francais. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, apakah strategi KPDNHEP dalam memastikan jenama francais tempatan dapat menembusi pasaran global ini?

Terakhir, Tuan Pengerusi, Butiran 01400 – Implementasi Undang-undang Persaingan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong maklumkan sektor mana agaknya yang bakal dikaji semula untuk memastikan supaya pertumbuhan perniagaan yang mampan pada masa yang sama dapat menangani kos sara hidup pada hari ini? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Akhir sekali, Yang Berhormat Sibuti.

7.37 mlm.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sebelum saya mulakan, Tuan Pengerusi, saya hendak minta satu permintaanlah. Kalau untuk perbahasan hari Khamis itu, *rotation* untuk Sarawak tidak kira dia GPS ataupun PH itu, bagi awal sedikit, Tuan Pengerusi. Ataupun kalau Menteri Pengangkutan dapat atur sedikit jadual untuk balik Sarawak jam 10 kah, sebab saya hendak *catch-up flight* pukul 9 nanti. Ini pun saya ambil risiko, saya hendak *testing* tertinggal belon atau tidak. “Belon” itu *flight* lah, okey.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang Butiran 040200 – Emolumen Pegawai Pemantau Harga (PPH). Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mengetahui, berapakah jumlah pemantau harga? Saya difahamkan pihak kementerian dalam proses untuk melantik penggerak kepenggunaan di setiap kawasan Parlimen. Mengapa tidak guna pakai pegawai pemantau harga dan juga menambah fungsi pemantau harga? Saya juga ingin mengetahui, adakah pemantau-pemantau harga ini dibekalkan dengan *gadget* untuk memantau harga mencukupi dan juga apakah data-data yang diperoleh ini diguna pakai?

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Segamat dan juga sepanjang perbincangan dan juga perbahasan kita di dalam Dewan ini sentiasa mengaitkan tentang data.

Saya juga berharap agar maklumat-maklumat tentang harga ini dapat dijadikan sebagai *big data* supaya kerajaan dapat memastikan harga yang dibekalkan kepada pengguna adalah harga yang terbaik dan juga stabil.

Saya juga menganggap bahawa masalah terbesar pemantau harga di Sarawak adalah pengangkutan ataupun kenderaan. Adakah pihak kementerian menyediakan pengangkutan yang mencukupi kepada pemantau-pemantau harga? Ini kerana saya tidak ingin melihat pemantau harga ini menjalankan kerja berdasarkan pemantauan mereka melalui laman sosial ataupun melalui atas meja sahaja. Ini perlu dipantau kerana kita membelanjakan sejumlah wang yang besar. Juga, sampai bilakah pemantau harga ini dikekalkan? Adakah mereka akan diserapkan kepada jawatan tetap ataupun dikekalkan sebagai perjawatan kontrak?

■1940

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 040300, Butiran 040400, Butiran 040500 dan juga Butiran 040600. Ini berkenaan tentang kawalan penyeludupan, dan juga baru-baru ini, Ketua Pengarah KPDNHEP telah mengeluarkan kenyataan bahawa banyak kes penyeludupan yang berlaku di Sarawak dan jumlah lebih kurang 106 kes. Bagi saya, ini adalah jumlah kes yang hanya diketahui, belum lagi jumlah kes yang belum diketahui. Kebanyakan tangki-tangki gas ini dibawa keluar ke sempadan Sarawak dan dijual dengan harga yang tinggi. Mereka mendapat harga murah di Sarawak dengan harga lebih kurang RM30 satu tangki dan dijual di sempadan seperti Serikin dan Tebedu. Di tempat kampung Yang Berhormat Menteri KKR kita sendiri di Ba'kelalan, dibawa keluar tepung dan juga gula. Ini adalah merupakan bahan-bahan penyeludupan yang sangat popular di Sarawak dan juga di sempadan Indonesia.

Saya berharap agar pihak Yang Berhormat Menteri dapat menilai dan juga dapat memantau dengan serius ataupun adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengkaji semula akta-akta? Contohnya kalau kita tangkap penyeludup itu, terus dakwa dan juga menaikkan kompaun ataupun saman kepada penyeludup-penyeludup ini kerana di Sarawak ini masalahnya adalah ada banyak jalan tikus.

Maka saya berharap agar pihak Kementerian KPDNHEP ini dapat juga berbincang dengan Menteri Pertahanan, bagaimana untuk mengawal jalan-jalan tikus untuk menyeludup tong-tong gas dan juga tepung-tepung gandum dan juga yang paling banyak sekali adalah minyak masak kita. Ini adalah yang sangat penting.

Kemudian, saya ingin menyentuh berkenaan tentang Butiran 13006 berkaitan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Saya sangat bersetuju bahawa kita perlu mengkaji secara mendalam tentang produk-produk ataupun *intellectual property* ini. Saya juga berharap agar Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri dapat membudayakan *registered IP* ini terutamanya *trademark* ataupun hasil-hasil keluaran yang berbentuk *geographical*. Produk-produk makanan contohnya seperti belacan ataupun produk-produk buah-buahan supaya produk-produk *intellectual property* ini tidak dicuri oleh negara-negara lain terutamanya negara-negara maju.

Selain daripada itu, saya ingin mengetahui berkenaan tentang Butiran 030100 – Gerakan Kepenggunaan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu NGO-NGO yang menjalankan aktiviti kepenggunaan secara sukarela? Apakah bentuk bantuan yang dapat disalurkan kepada pihak NGO tersebut kerana mereka banyak membantu dan adakah pihak kerajaan mempunyai cara untuk membawa *influencers* sosial media ini yang dapat menarik dan juga mereka lebih mengetahui keadaan pasaran dan juga harga barang di kalangan masyarakat.

Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yang Berhormat Kota Melaka.

7.43 mlm.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Pengawalseliaan Barang Kawalan dan Subsidi dan juga Butiran 020400 – Penguatkuasaan.

Saya nak tanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian ada kuasa untuk memantau harga yang dikenakan oleh hospital swasta? Beberapa hari ini saya menekankan tentang harga yang dikenakan oleh hospital swasta. Kita sudah dimaklumkan bahawa roti yang harganya RM1.20 dijual dengan harga RM1.50 dengan kenaikan 30 sen sahaja. Empat jenis roti dengan kenaikan 30 sen telah didenda sebanyak RM110 ribu oleh mahkamah.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian mengenai penguatkuasaan. Adakah anda juga mempunyai kuasa untuk pergi pantau harga yang dikenakan oleh hospital swasta kerana kita lihat harga ubat yang dikenakan oleh hospital swasta, mereka *markup* 100 peratus hingga 200 peratus. Ada yang lebih daripada 200 peratus. Saya minta penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Kepong nak bahas ya? Sila.

7.45 mlm.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sikit sahaja. Butiran 010300 – Integriti. Amaun ini meningkat berbanding dengan tahun lepas, RM1.5 juta berbanding dengan tahun lepas, RM1.1 juta. Saya nak tanya kerajaan, apa benda integriti ini? Memandangkan kita sudah ada SPRM, kita pun ada Jabatan Audit Negara. Di Parlimen, kita ada PAC. Jadi mengapa kita perlu bazir RM1.5 juta untuk integriti? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan.

7.46 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas peruntukan untuk kementerian saya.

Untuk menjawab Yang Berhormat Ledang...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ledang tak ada, jawab secara bertulislah Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: Bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen: Walaupun beliau tak ada tetapi isu yang disebutkan, *food bank* itu telah ditanya dan disebutkan oleh beberapa orang Yang Berhormat. Oleh itu, saya rasa lebih baik saya jawab atas isu *food bank* ini. Yang Berhormat Ledang telah mencadangkan supaya *food bank* ini akan diperluaskan. Mengenai program *food bank* ini, setakat September 2019, seramai 418,000 ahli isi rumah telah berjaya mendapat manfaat daripada program ini secara tidak langsung.

Program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak 1,893 metrik tan lebih makanan dan di samping itu juga, di bawah program *food bank*, kita juga ada melancarkan satu *Food Bank* Siswa di mana lebih daripada 6,000 siswa yang telah menerima manfaat daripada program ini. Saya percaya bahawa tahun depan kita akan memperluaskan program *food bank* ini kerana sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program *food bank* ini.

KPDNHEP Yang Berhormat Kota Tinggi, K-P-D-N-H-E-P ini, tak berapa - agak susah nak sebut...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tengok Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri nak sebut pun terpeleot lidah dia. Apa lah! Tukar sahajalah - KPDNKK.

Tuan Chong Chieng Jen: [Ketawa] Tidaklah. Kita akan memperluaskan program ini ke semua kawasan Parlimen termasuklah Kota Tinggi walaupun beliau susah nak sebut kementerian saya. Isu kedua yang hampir semua Ahli Yang Berhormat sebut adalah mengenai Program Tindakan Kos Sara Hidup.

Ahli-ahli Yang Berhormat mempersoalkan apakah program yang akan dilaksanakan oleh kementerian pada tahun depan. Pada masa ini tiada sebarang program atau inisiatif khusus yang telah dimuktamadkan bagi tahun 2020. Sebarang cadangan program perlulah dibentangkan dan dibincangkan untuk mendapat kelulusan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Kementerian amat mengalu-alukan sebarang pandangan atau cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memanfaatkan peruntukan ini untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini kementerian telah melaksanakan program khusus untuk membantu golongan di luar bandar.

Isu ketiga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ledang yang juga disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat adalah program i-KeeP yang dilaksanakan atau dijalankan oleh kementerian saya. Apakah perbezaannya i-KeeP dengan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)?

■1950

Secara amnya untuk menjawab soalan itu, i-KeeP itu di bawah program i-KeeP . Kita melantik VC Anugerah Sdn. Berhad, satu anak syarikat PNS di mana syarikat itu akan berunding dan berbincang dengan kilang-kilang PKS, kilang yang mengeluarkan SKU yang akan dijual di bawah program itu. Di bawah program i-KeeP kita telah meng-*identify* 10 kategori barangan yang akan dijual dan kita setakat ini terdapat 400 lebih mini market atau kedai serbaneka yang telah menyertai program i-KeeP ini di mana sebahagian daripada kedai mereka, mereka akan menjualkan kedai i-KeeP, barangan yang di bawah program ini.

Kita tidak bercadang untuk mewujudkan satu *brand* i-KeeP, *brand* barangan, *brand*-nya i-KeeP tetapi terpulang kepada peniaga-peniaga dengan berunding dengan pekilang-pekilang melalui VC Anugerah Sdn. Berhad kerana melalui ejen itu, VC Anugerah ada *economic of scale* di atas rundingan dengan pengilang.... [Seorang Ahli bangun] Ya.

Tuan Pengerusi: Ya silakan.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Memang saya bangkitkan isu i-KeeP ini. Cuma bagaimanakah pengguna hendak mengetahui di manakah tempat-tempat *supermarket* yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi supaya pengguna dapat mendapatkan barangan tersebut dengan harga yang murah dan saya mohon jika tidak dapat hari ini, dapat jawapan bertulis senarai *supermarket* dan juga senarai barang-barang yang dikenal pasti sebagai barang di bawah i-KeeP ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya harap siapa-siapa yang bangkit fasal i-KeeP ini, maklumat yang dipohon Yang Berhormat Kuala Krau tadi dapat dipanjangkan termasuklah saya. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, saya akan bekalkan senarai i-KeeP itu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Di dalam, minta maaf Tuan Pengerusi. Di dalam *website* kementerian ada tidak senarai i-KeeP ini?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak ada.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau tidak ada minta dibangunkan dalam *website* kementerian.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya ambil, menerima cadangan. Di sini ada. Ya, rakan-rakan strategik yang menyertai adalah *outlet* yang mengenai program i-KeeP ini adalah KK Mart, KK Supermart, dan Super Store Sdn. Berhad, Tunas Manja Group, Segi Value Holding Sdn. Berhad, Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak (SCOM), Big Supermarket Sdn. Berhad, Koperasi Permodalan FELDA, D Mart, Masli Ekspres, Pasaraya Ekonomi Rakyat Sdn. Berhad, C-Care Enterprise Sdn. Berhad, Chua Kah Seng Supermarket Sdn. Berhad.

Di sesetengah *outlet* mereka ada program i-KeeP itu dan dari pemantauan kita melalui program i-KeeP ini penjimatan sehingga 30 peratus akan dinikmati oleh pelanggan-pelanggan yang membeli barangan daripada, melalui program i-KeeP ini...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagaimana pengguna hendak kenal pasti barangan-barangan ini di bawah program i-KeeP? Adakah disenaraikan di setiap *outlet-outlet* atau seperti mana KR1M dulu disebut ini adalah barangan daripada Kedai Rakyat 1Malaysia atau cop 1Malaysia. Jadi adakah kementerian...

Tuan Chong Chieng Jen: Ada satu sudut di dalam kedai itu yang di mana barangan i-KeeP, di bawah program i-KeeP akan dijual, ada di sebahagian kedai itu. Umpamanya kalau pergi KK Mart yang ada menyertai program i-KeeP, sebahagian daripada kedainya ada menjual barangan yang di bawah program kedai IKIP.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Saya tahu sebagaimana yang saya sebutkan dalam penghujahan saya tadi masa Yang Berhormat Menteri menjawab pada 2 April 2019, dia beritahu tidak ada penggunaan dalam kerajaan tapi ada peruntukan RM5 juta, tidak apalah fasal RM5 juta itu. Cumanya daripada 197 barang yang telah diletak dalam stok SKU, *stock keeping unit*, adakah di setiap, soalan saya yang pertama, adakah di setiap senarai rakan strategik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, 197 produk itu semua ada di tempat-tempat yang pasar raya itu? Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat Menteri sebut, katakan tadi menikmati sehingga 30 peratus. Saya mengharapkan sangat supaya model yang dibuat oleh VC Anugerah Sdn. Berhad ini dengan KPNDHEP ini, model yang baik kerana dapat mengurangkan 197 item daripada 2 peratus kepada 30 peratus dan bagaimana model ini harus dilakukan kepada semua syarikat-syarikat supaya- saya yakin kementerian bukan lakukan perniagaan. Akan tetapi bagaimana model ini dapat dipastikan sampai ke akar umbi supaya semua barang dapat dikurangkan kepada 30 peratus. Itu yang kedua.

Ketiganya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana bekalan ini? Kalau sudah barang murah Yang Berhormat Timbalan Menteri, pasti akan ramai orang datang. Akan tetapi bagaimana bekalan ini, bagaimana kementerian dan VC Anugerah dapat memastikan bekalan mencukupi supaya jangan esok ada IKIP, pergi barang tidak ada. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Chong Chieng Jen: Kita menumpu kepada kategori barangan dan bukan SKU yang spesifik untuk menjalankan i-KeeP, program i-KeeP itu. Kategorinya adalah- kebanyakan adalah barang keperluan dan barang harian. Saya rasa kalau hendak meluaskan program ini kepada semua barangan, saya rasa ini ada sikit mustahillah untuk menjalankan. So, pada amnya....

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan kepada semua barangan tetapi model ini dapat dibuat di seluruh negara supaya bukan hanya kawasan-kawasan tertentu dapat manfaat daripada i-KeeP ini sebab proses ialah proses untuk rakyat keseluruhan.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya Yang Berhormat, ini adalah satu program yang kita tidak akan meng-*exert* itu paksaan kepada peniaga. Kita terpulang kepada peniaga masing-masing untuk sama ada hendak menyertai program ini.

Oleh itu, untuk mereka yang menyertai program ini kalau secara amnya *volume of business* ada naik, mungkin dia akan menarik lebih lagi rakan strategik untuk menyertai program ini. So, tidak ada paksaan dan saya rasa pun secara polisi kita tidak harus memaksa peniaga-peniaga untuk menyertai program ini. Kita terpulang kepada budi bicara masing-masing. Sekianlah untuk menjawab program i-KeeP yang telah disebutkan.

Untuk menjawab Yang Berhormat Paya Besar atas apakah langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ke atas proses pengesahan hak milik harta intelek terutamanya cap dagangan agar ianya dapat dipercepatkan. Pendaftaran hak intelek terutamanya hak dagangan adalah penting bagi setiap pemilik harta intelek mendapatkan hak eksklusif terhadap hak intelek mereka. Proses pendaftaran yang cekap dan efisien adalah penting bagi membantu pemilih harta intelek tersebut mendapatkan sijil pendaftaran mereka dalam masa yang ditetapkan.

■2000

Menyedari hakikat ini, kementerian saya melalui agensi MyIPO telah melaksanakan beberapa insentif bagi memastikan proses bermula dari pemfailan sehingga ke proses pengeluaran sijil pendaftaran harta intelek dapat dijalankan dengan cepat dan teratur.

Sebelum ini MyIPO telah memperkenalkan prosedur pendaftaran cap dagangan yang dipercepatkan di mana melalui prosedur ini sijil cap dagangan dapat dikeluarkan enam bulan daripada tarikh pemfailan. Pemberian sijil ini adalah tertakluk kepada permohonan yang tiada bantahan. Kalau ada bantahan memang proses bantahan itu mesti diuruskan sebelum kita boleh mengeluarkan sijil.

Tempoh ini adalah setanding dengan tempoh pengeluaran sijil bagi negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Eropah. Untuk akta baru yang digubal ini, segala proses berkaitan urusan bermula dari pemfailan sehingga pensijilan akan ditambah baik dan menepati standard amalan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita kebelakangan ini telah meluluskan akta *Trademarks Act* yang baru itu di mana ada beberapa pembaharuan tentang undang-undang mengenai *trademark* di mana salah satunya kita akan menyertai Protokol Madrid di mana kita boleh mendaftarkan *trademark* kita di negara lain melalui sistem *Madrid Protocol* di negara kita.

Selain daripada itu, satu *registry* yang akan diwujudkan di mana harta intelek dapat dijaga atau dijual untuk mendapatkan pulangan kewangan. Itu adalah *monetization and securitization of trademark* dan *intellectual property*. So, inilah antara langkah-langkah yang telah dijalankan dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mempromosikan industri *intellectual property* itu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tidak ada masalah berkaitan

SOP yang panjang sebab saya yakin atas pengalaman saya kementerian perlu membuat *due diligence* untuk memastikan kesahihan supaya ia tidak bertindan dengan hak orang lain.

Cuma saya punya penghujahan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah adakah MyIPO melihat laporan-laporan yang telah saya nyatakan tadi, laporan-laporan yang menunjukkan bahawasanya *Intellectual Property Index* negara kita makin menurun. Maknanya kita sudah ada MyIPO dengan kepimpinan yang sangat baik pada hemat saya tetapi bagaimana kita menyalurkan usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian dengan *trademark* undang-undang yang kita gubal tetapi orang akan melihat, masyarakat luar atau *foreign investment* akan melihat kepada *intellectual property* kita.

Adakah kita betul-betul meletakkan ekonomi berasaskan inovasi sebagai kita punya *moving forward*. Kalau kita tidak letakkan perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya takut orang akan melihat negara kita ini adalah negara yang bukan berasaskan kepada hak cipta sebagai *business* mereka.

Oleh sebab mereka hendak melabur di negara kita. Contohnya IC Design yang dibuat oleh Motorola. Kalau IC Design ini akan di ciplak oleh syarikat-syarikat yang lain, sudah pastinya pelaburan berbilion ringgit akan hilang sekiranya negara kita tidak menunjukkan. Saya hendak bagi contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak payah pergi jauh. Global Competitiveness Index 2019 Tuan Pengerusi, Singapura nombor dua *Intellectual Property Index 2019* oleh U.S. Chamber of Commerce, Singapura nombor 10 dan kita lihat WIPO atau *World Intellectual Property Index Organization*, Singapura nombor lapan.

Kita jauh. Maknanya apa negara kita buat? Saya yakin, itu sebab saya beritahu tadi Allahyarham Yang Berhormat Paya Besar Datuk Seri Abdul Manan pernah duduk di MyIPO. Dia tahu MyIPO buat apa tetapi kita ini tidak salurkan maklumat apa yang kita buat seolah-olahnya ia memberi tingkap yang berbeza terhadap apa yang kita buat dengan pandangan masyarakat antarabangsa.

Saya harap sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri harus betulkan perkara ini supaya kita tidak boleh menyaingi negara ASEAN tidak apa tetapi jangan orang hendak datang ke Malaysia, dia melencong ke Singapura. Rugi negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar atas cadangannya. Salah satu langkah yang kita buat adalah menggubal akta-akta yang baru dan juga untuk memudahkan proses pendaftaran dan juga kita akan meningkatkan penguatkuasaan kita untuk memberi perlindungan kepada harta intelek.

Juga mengenai penguatkuasaan untuk memberi perlindungan kepada pemilik harta intelek, ia juga diperuntukkan oleh akta-akta yang baru itu. *So, we are moving towards direction. We hope we can work together to promotekan* usaha-usaha kerajaan untuk menuju kepada industri harta intelek yang lebih maju.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, sedikit Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada lagi?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Cuma satu sahaja. Saya ada bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkaitan konsep kita. Selama hari ini adakah MyIPO melalui kementerian Yang Berhormat melakukan kaedah *outreach*. Maknanya kita duduk di pejabat, tunggu orang datang kepada kita atau kita berubah keadaan supaya *reach out*, kita pergi kepada syarikat-syarikat yang kita rasa produk mereka ini harus *dipatternkan* dan produk inilah yang harus kita nasihat kepada mereka.

Ini kerana orang di kampung Yang Berhormat tidak faham *Intellectual Property* ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah pandai tetapi orang kampung saya ini mereka masih hendak memahami berapa banyak yuran yang hendak dibayar sampai beribu. Itu menjadi ketakutan kepada mereka Yang Berhormat. Tambahan pula prosesnya yang panjang. Akan tetapi pemahaman ini harus diberikan. Ini kerana dunia tanpa sempadan, dunia digital hari ini kita sudah tidak boleh hendak biarkan berkaitan IP ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, kita ada untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan *intellectual property* ini kita ada melaksanakan beberapa inisiatif salah satunya adalah:

- (i) Kempen Kesedaran Harta Intelek yang berterusan sepanjang tahun;
- (ii) *IP Easy* iaitu taklimat dan bantuan pendaftaran kepada usahawan PKS;
- (iii) *IP Mobile* sebagai medium pameran harta intelek;
- (iv) Program IP Fantastic yang memberi fokus kepada guru dan pelajar;
- (v) Program IP *Summer Camp* menyasarkan pelajar sekolah menengah; dan
- (vi) penggunaan media sosial dalam menyebarkan maklumat mengenai harta intelek.

Setakat inilah mengenai harta intelek. Yang Berhormat Paya Besar juga ada menimbulkan isu mengenai *Community Drumming* dan juga pelan tindakan untuk membanteras barang subsidi diseludupkan di sempadan. Mengenai *Community Drumming* dan juga Program Pengedaran Barang Perlu (LPG) dan *Community Drumming* di bawah Butiran 04000.

Saya juga meneliti bahawa ramai juga Yang Berhormat yang menimbulkan perkara ini dan khususnya Yang Berhormat Bintulu walaupun Yang Berhormat Bintulu itu tidak ada di sini saya ingin *to place of record*. Ini kerana beliau telah buat tuduhan yang menyeluruh dan tidak berasas kepada kementerian dan pegawai-pegawai kita.

■2010

Yang Berhormat Bintulu telah menyebutkan bahawa beliau bangkit perkara ini di Dewan ini dan dua hari selepas itu pegawai kementerian telah menjawab tuduhan-tuduhannya di dalam surat khabar. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bintulu di Dewan ini dilaporkan di surat khabar tempatan di Sarawak iaitu *Borneo Post*. Oleh itu, saya telah mengarahkan pegawai kementerian untuk membuat siasatan supaya melawat pejabat beliau untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut.

Hal ini kerana satu tuduhan yang mengelirukan itu kita susah hendak membuat siasatan. Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, kawasan Bintulu sahaja kita ada 128 *point of sale* di

mana kementerian melantik *transporter* dan membiayai kos *transport* untuk menghantar tujuh barangan iaitu tepung, minyak masak, beras, gula, LPG dan juga RON95 dan ketujuh-tujuh diesel. Bekalan ini akan dihantar dijual ke *point of sale* dan *point of sale* itu akan menjual barangan itu kepada penduduk-penduduk berdekatan dengan harga yang lebih kurang sama dengan apa yang dijual di bandar ataupun pekan.

Untuk Yang Berhormat Bintulu membuat satu tuduhan yang mengelirukan bakal semua tidak ada, tidak sampai ini pun tidak mustahil juga. Tidak akan semua *transporter* yang dilantik itu tidak buat kerja. Oleh itu, pegawai kita melawat pejabat beliau untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut supaya kita boleh mengambil tindakan ke atas *transporters* berkenaan. Kalau perlu kita akan tamatkan kontrak mereka yang tidak menjalankan tugas di bawah kontrak pelantikan mereka.

Akan tetapi mengikut maklum balas daripada pegawai saya, pegawai di Pusat Khidmat di Bintulu itu mereka pun tidak tahu yang kawasan mana atau *point of sale* mana yang tidak terima itu barangan yang seharusnya dihantar oleh *transporters* itu. Tanpa maklumat yang lanjut yang terperinci kita tidak dapat ambil tindakan atas yang mana-mana itu kontraktor *transporter* yang kita *appoint*, kita lantikan. Oleh itu, satu kenyataan dikeluarkan supaya Yang Berhormat Bintulu boleh bekerjasama dengan kementerian dengan membekalkan maklumat yang lebih lanjut tentang mana *point of sale* yang tidak terima ketujuh-tujuh barang itu.

Ini bukan saja *limited to*, terhad kepada Yang Berhormat Bintulu sahaja yang mana-mana Yang Berhormat kawasan yang ada itu program penyeragaman harga, Yang Berhormat pun boleh menyampaikan kepada kementerian kami sekiranya ada aduan bahawa *transporter* itu tidak menjalankan tugas mereka dan tidak menjalankan kerja mereka. Kita janji akan mengambil tindakan. Hari itu Yang Berhormat Menteri, kementerian saya juga telah memberi jawapan di Dewan ini dan malangnya Yang Berhormat Bintulu tidak ada di sini sekarang saya jawab pun dia tidak ada di sini. Ini susahlah kalau tidak memberi maklumat yang terperinci susahlah untuk kita menguruskan atau menolong, membantu rakyat di akar umbi.

Isu yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar adalah...

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Paya Besar ada?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, semua Yang Berhormat Paya Besar banyak isu. Banyak isu dia [*Ketawa*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat tidak apa yang lain Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab secara bertulis. Saya cuma hendak tahu fasal ini sahaja.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab saya berkaitan OECD. OECD Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup...

Tuan Chong Chieng Jen: Butiran 04...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: ...Butiran 040900.

Tuan Chong Chieng Jen: Mula 04 atau 09?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Butiran 040900 [*Ketawa*]

Tuan Chong Chieng Jen: Okey- 0409...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sambung- 00.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey. Program...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang lain tidak apa secara bertulis-tetapi esok ya hantar.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya janji akan bekalkan jawapan bertulis- memang akan bekal lah Yang Berhormat [*Ketawa*] Butiran 040900 – Program Tindakan Sara Hidup, ya kah?

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu jawabannya... [*Disampuk*]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya pun ada bangkitkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan lupa. Asyik Yang Berhormat Paya Besar sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, giliran Yang Berhormat nombor 13. Saya ada catat. Belum sampai sana lagi. Sabar sedikit.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat jawablah secara bersama. Yang Berhormat Paya Besar bangkit, saya pun bangkit.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang pun belum jawab. Saya rasa awal daripada Yang Berhormat Paya Besar.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kalau tidak *last* nanti kita orang punya semua tidak ada.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kota Tinggi dengan Yang Berhormat Rantau Panjang hendak balik awal, malam Jumaat [*Ketawa*]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik pun hendak balik jauh lagi ini. Sik pun hendak balik jauh lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Berkenaan dengan Program Tindakan Sara Hidup iaitu tadi saya telah jawab iaitu memang merupakan suatu usaha yang berterusan dan untuk tahun depan belum ada satu keputusan atau langkah-langkah yang muktamad yang akan dilaksanakan. Kita mengalu-alukan supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau ada cadangan biarlah menyampaikan kepada kami untuk dipertimbangkan.

Program ini akan platform untuk melancarkan menggunakan peruntukan yang diberi di bawah Butiran 040900 ini adalah Majlis Tindakan Kos Sara Hidup atau *National Action on Cost of Living* (NACCOL) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Setakat inilah saya boleh memberikan jawapan di atas butiran itu. So, yang lain bolehlah... [*Disampuk*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan Program Tindakan Sara Hidup dengan NACCOL yang disebutkan tadi. Saya harap sangat supaya yang sejumlah RM10 juta diperuntukkan ini harus dijelaskan supaya kita Ahli Yang Berhormat dapat mengetahui sebab kita yakin *Consumer Price Index* (CPI) ini indeks kepenggunaan ini harus dilihat walaupun ia agak sebanyak 100 peratus tetapi kesan dekat bawah

ini, dekat akar umbi ini mereka dapat rasa kos ini tidak seperti mana yang kita bincang di Dewan ini.

Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri lakukan sampai ke peringkat akar umbi supaya rakyat tahu. Jangan lihat secara makro sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mesti melihat secara mikro dan rakyat dapat tahu harga ini memang harga yang berpatutan mengikut indeks yang telah ditentukan oleh pihak kementerian.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat. Ada apa-apa cadangan yang baik, silalah Yang Berhormat panjangkan kepada kami untuk dilaksanakan. So, yang lain-lain... *[Memandang kepada YB Paya Besar berjalan keluar Dewan]* Eh, Yang Berhormat Paya Besar, hendak balik kah? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Bertulislah. Bertulislah yang lain-lain.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bukan, saya hendak jumpa *student* dekat luar.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Semua hendak ambil gambar dengan saya *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Yang tadi Yang Berhormat sebut itu semua tidak payah... *[Disampuk]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, patutnya Yang Berhormat suka lah bila dia keluar. Jadi, kita orang boleh dengar jawapan kita. Apa lah!

■2020

Tuan Chong Chieng Jen: Saya fikir, *you* kawan baik dengan Yang Berhormat Paya Besar, kenapa hendak dia keluar?

Tuan Pengerusi: Jawab Yang Berhormat Kota Tinggi dulu *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat dulu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya kasihan dengan Yang Berhormat Stampin.

Saya hendak mencadangkan Yang Berhormat tidak payahlah jawab saya punya, jawab secara bertulis ya. Saya kasihan dengan Yang Berhormat, jawab saya punya secara bertulis. Saya bagi *chance* jawab Yang Berhormat Lanang dengan Yang Berhormat Batu Kawan. Saya punya jawab secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen: Semua jawab secara bertulis?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya, ya saya bagi *chance* ini kali jawab secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini adalah atas permintaan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi supaya saya jawab semua secara bertulis, bolehkah Tuan Pengerusi?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta jawab sekarang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Untuk Yang Berhormat Kota Tinggi sajalah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Eh boleh sebab saya yang minta Yang Berhormat Menteri, saya yang minta.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang lain jawab sekaranglah, ada lagi 23 minit itu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Jawab secara bertulis saya punya ya tapi pastikan lengkap, pastikan lengkap.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak apalah. Yang Berhormat Rantau Panjang ada sebut tentang kawalan persaingan syarikat asing dengan peniaga asing atau peniaga asing terhadap peniaga tempatan, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Kementerian mengawal selia penyertaan syarikat asing dalam Industri Peruncitan Malaysia melalui garis panduan penyertaan asing dalam sektor perdagangan dan pengedaran di Malaysia.

Penyertaan asing hanya dibenarkan untuk terlibat dalam format *hypermarket*, *superstore*, *departmental store* manakala kedai runcit yang kebanyakan diusahakan oleh peniaga tempatan adalah terjatuh di bawah senarai negatif di mana syarikat asing tidak dibenarkan untuk beroperasi kedai runcit.

Begitu juga dengan sektor restoran di mana penyertaan asing hanya dibenarkan bagi restoran bertaraf eksklusif sahaja. Oleh itu, tiada isu yang akan dibangkitkan di mana syarikat asing membuka satu kedai runcit di kampung-kampung atau pekan kecil.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat isu ini banyak berlaku di kawasan pedalaman termasuk super-super market, pasar raya. Kesan daripada begitu banyak tumbuhnya pasar raya dan *supermarket* ini menyebabkan banyak kedai runcit terpaksa gulung tikar.

Begitu juga kita tengok ramai peniaga runcit yang melibatkan seperti warga asing, seperti ada daripada Pakistan dan Bangladesh yang mereka menguasai kedai-kedai runcit dengan modal yang begitu besar. Akhirnya kedai runcit orang-orang tempatan, kampung ini akhirnya gulung tikar kerana perbandingan harga sebab modal mereka, mereka boleh beli barang secara banyak, harganya lebih murah berbanding dengan kedai kecil. Ini yang saya maksudkan. Perkara ini banyak berlaku di pedalaman. Jadi sejauh mana peranan kementerian untuk memastikan pemantauan supaya isu-isu sebegini tidak merugikan rakyat tempatan, itu maksud saya.

Tuan Chong Chieng Jen: Kementerian saya ada satu garis panduan di mana syarikat asing tidak boleh membuka kedai runcit di merata-rata tempat. Hanya syarikat asing yang boleh beroperasi dalam sektor pengedaran adalah yang saya sebut itu *supermarket*, *hypermarket*. Oleh itu, di dalam pedalaman memang saya rasa tidak ada syarikat asing yang telah buka buat *business* atau buka *departmental store* yang besar, mungkin di bandar-bandar yang berdekatan.

Akan tetapi kita juga nak mengimbangkan *interests* yang di mana penduduk di bandar, mereka pun hendak menikmati ada satu pilihan untuk membeli barang di *departmental store*. So, *it is a balancing of interest, it's a very conflicting interest, issue*. Jadi kita akan mengambil apa

yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Kalau ada apa-apa spesifik kawasan yang telah menghadapi masalah ini, biarlah kita bekerjasama untuk mengatasi masalah ini.

Selanjutnya, Yang Berhormat Rantau Panjang sebut tentang Program *Food Bank*, telah dijawab. Meningkatkan pendaftaran harta intelek, juga telah dijawab.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tentang e-dagang belum jawab.

Tuan Chong Chieng Jen: E-dagang, penipuan ya, ini di sini, penipuan e-dagang. Berapa kes kerugian dan apa yang diambil tindakan. Jumlah kes adalah daripada tahun 2015 sampai tahun 2019 ada 19 kes yang dikaitkan dengan kesalahan e-dagang yang diambil tindakan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Begitu juga ada soalan tentang apakah tindakan yang telah diambil ke atas syarikat *Grab* dan apa tindakan yang diambil untuk mengelak daripada berlaku isu yang sama iaitu *Grab* yang memonopoli *e-hailing*.

Seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah pun mengeluarkan keputusan cadangan yang dikenakan terhadap *Grab* sebanyak RM87 juta. Proses seterusnya adalah untuk menjalankan representasi lisan bagi memberi peluang kepada *Grab* untuk mengemukakan pembelaan mereka. Selepas sesi representasi lisan, MyCC akan mengeluarkan keputusan akhir sama ada terdapat pelanggaran Akta Persaingan 2010 atau tidak. Jadi setakat ini dapatan MyCC adalah ada kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Persaingan di mana ada penyalahgunaan kuasa dominan oleh *Grab* di dalam industri *e-hailing*. Oleh itu satu *propose* iaitu keputusan cadangan telah disampaikan dan jumlahnya adalah RM87 juta. Itulah setakat untuk *Grab*.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Subsidi bersasar.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Subsidi bersasar, Tumpat.

Tuan Chong Chieng Jen: Subsidi bersasar, Yang Berhormat Tumpat ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik pun ada tanya juga tu soalan yang sama.

Tuan Chong Chieng Jen: Untuk melaksanakan subsidi bersasar ini, saya berikan satu ulasan yang lebih am tentang subsidi bersasar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kalau lebih spesifik Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila disebut subsidi bersasar kepada golongan B40 dan juga kepada penerima bantuan sara hidup RM30 dengan RM12. Jadi dari segi sasarannya, ia tidak menepati sasaran di mana ramai pengguna yang memang betul-betul menggunakan petrol ini untuk urusan kerja mereka, menggunakan kenderaan yang banyak seperti yang saya sebut dalam ucapan saya tadi, berapa bidang pekerjaan, *Food Panda* dan sebagainya yang menggunakan kenderaan yang banyak.

■2030

Mereka ini hanya terhad kepada RM12. Jadi, maknanya tidak memadai untuk subsidi kepada mereka ini. Sedangkan sepatutnya subsidi ini turut juga memberi motivasi kepada mereka yang bekerja benar-benar menggunakan kenderaan dan memang sangat-sangat

memerlukan bantuan tersebut. Mungkin bagi mereka yang tinggal di kampung sekadar untuk pergi hantar dan mengambil anak sekolah dan sebagainya mungkin cukup. Akan tetapi, bagi mereka yang benar-benar menggunakan kenderaan untuk urusan kerja mereka.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu subsidi bersasar. Di samping subsidi-subsidi bersasar, kita juga ada memperuntukkan subsidi kepada beberapa kategori yang menggunakan kenderaan seperti bas sekolah dan juga bas berhenti-henti dan beberapa kategori yang juga diperuntukkan. Subsidi bersasar ini secara amnya adalah untuk meringankan mereka yang mempunyai kereta di mana selepas kita mengapungkan harga RON95, kalau harga naik untuk meringankan beban mereka. Juga untuk...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri beban mereka itu diringankan hanya sebanyak RM30 ataupun RM20 bagi kenderaan motosikal. Sedangkan golongan seperti yang bekerja perkhidmatan *gig economy*, MyCar atau Bungkusit dan golongan yang bekerja di tempat yang jauh. Mereka ini memerlukan kalau sebelum ini maknanya subsidi ini diberikan mengikut jumlah penggunaan petrol itu sendiri. Sekarang ini, cuma terhad kepada RM12. Jadi, sasaran itu agak tersasar.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya rasa ini untuk permulaannyalah. Jikalau di masa hadapan, kalau ada keperluan mungkin akan diperhalusi lagilah. Akan tetapi secara permulaan dan secara amnya, saya rasa untuk mereka yang memakai motosikal sebanyak RM12 satu bulan dan juga untuk mereka yang memandu kereta untuk satu kereta sebanyak RM30, sebanyak RM30 untuk satu bulan iaitu akan di-*translate* kepada 30 sen subsidi untuk 100 liter sebulan. Kalau kita ikut harga pasaran hari ini, RON95 itu harga pasarannya lebih kurang RM2.39 iaitu lebih kurang 21 sen lebih daripada RM2.08.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya tidak persoalkan dari segi jumlah 30 sen kepada satu liter. Cuma, saya minta supaya kementerian mempertimbangkan bagi mereka yang betul-betul menggunakan kenderaan untuk kerja. Berulang daripada tempat yang jauh dan sebagainya dengan kadar RM12 sebulan ataupun 40 liter sebulan ini adalah merupakan satu jumlah cukup kecil. Bagi yang guna motosikal, pergi masjid ataupun pergi ambil anak sekolah, mungkin agak mencukupi. Akan tetapi, bagi mereka yang benar-benar dan sepatutnya kerajaan mesti juga beri perhatian kepada golongan ini kerana mereka ini menjanakan perkembangan ekonomi kepada negara.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, untuk golongan ini yang juga betul-betul perlu bantuan daripada kerajaan kita ada BSH juga, kita ada *food bank program*. Ada beberapa inisiatif *food program* yang akan menjaga kebajikan mereka dan juga untuk meringankan kos sara hidup mereka. Bukan sahaja ini satu-satunya- itu subsidi bersasar, itu bukan satu-satunya inisiatif untuk menolong golongan yang miskin itu. *So, Yang Berhormat...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya. Sekarang ini kita berbincang mengenai subsidi petroleum untuk

membantu rakyat yang menggunakan petrol, menggunakan kenderaan untuk bekerja dengan banyak.

Jadi, sepatutnya mereka ini diberi perkiraan bukan hanya sekadar RM20 sebulan ataupun RM30 sebulan. Bantuan-bantuan lain itu mungkin orang lain pun turut sama dan sebagainya. Jadi, kita berbincang soal subsidi yang bersasar ini. Jadi, saya rasa tidak menyasarkan kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan subsidi ini iaitu mereka yang menggunakan petrol yang banyak. Itu yang saya sebut tadi, saya mengharapkan supaya kerajaan mempertimbangkan perkara ini supaya subsidi yang bersasar itu benar-benar menjadi subsidi yang bersasar bukan subsidi yang tersasar.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, ini memang subsidi yang bersasar dan juga program ini juga akan mengelakkan masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat lain yang di mana ada penyeludupan RON95 di sempadan negara kita dan juga warga asing yang menggunakan atau menikmati subsidi secara pukal ini.

Oleh itu, selepas kita melaksanakan subsidi bersasar ini, harga RON95 akan diapungkan. Hanya warga Malaysia yang akan menikmati subsidi- Yang Berhormat, biarlah saya habiskan apa yang saya hendak...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya memang setuju dengan apa masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu saya bersetuju. Akan tetapi...

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, memang...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Kementerian mesti memikirkan untuk memberikan bantuan kepada pihak yang benar-benar perlu kepada bantuan ini.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya rasa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Sudah dijawab tadi. Diulang-ulang balik, ya.

Tuan Chong Chieng Jen: ...Telah dicatatkan oleh pegawai-pegawai kementerian...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Akan tetapi, walaupun tidak akan dilaksanakan sekarang, tetapi dia bukanlah subsidi tersasar. Ia memang ada sasarannya dan ia akan sampai matlamatnya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya antara yang awal berbahas tapi saya tertinggal. Saya harap jangan tinggalkanlah. Oleh sebab saya masih setia dengan kementerian. Terima kasih [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tinggal tujuh minit lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, Yang Berhormat Segamat sebut *big data analysis* dan juga ada cadangan bahawa itu peruntukan RM4 juta lebih itu mungkin tidak mencukupi. Setakat ini, apa yang akan kita buat adalah supaya- kita ada *database* yang dari beberapa bahagian kita juga dan juga daripada kementerian lain. Apa yang kita akan buat dengan peruntukan sebanyak RM4 juta lebih ialah untuk mewujudkan satu program di mana untuk *consolidate*-kan *big data* itu supaya dia diproses. Jikalau tidak mencukupi, mungkin kita akan meminta lebih melalui *Supplementary Budget* dan harap Yang Berhormat akan sokong pada masa itu.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya sentiasa setia dan sentiasa akan sokong apa yang baik untuk kementerian dan rakyat. Yang Berhormat, hanya sedikit pencerahan. Ini kerana apabila melibatkan data daripada pelbagai kementerian. Kadang-kadang data ini dalam format yang berbeza dan juga sebagainya. Maksudnya akan ada satu kekangan daripada segi teknikal-*technical*.

Kedua, kekangan dari segi masa dan yang ketiganya adalah kekangan implementasi. Saya hendak tahu, berapa lama kah ia akan diambil untuk kementerian ini akan mempunyai semua data? Ada datanya dekat Kementerian Kewangan dan ada datanya di JPJ. Mereka dari jabatan itu pegang data. Juga ada daripada *databases* daripada jabatan kebajikannya.

So, berapa lama dijangka bahawa kementerian akan mempunyai satu *database* secara menyeluruh yang boleh berfungsi. Perkara-perkara ini juga akan mengelakkan masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat Tumpat tadi. Apabila kita ada *database* ini maka mereka yang menggunakan lebih itu kita boleh kenal pasti. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Soalan ini adalah sedikit susah untuk jawab secara menyeluruh. Akan tetapi, untuk satu contoh, sebagai satu contohlah yang saya boleh sebut di sini iaitu itu program petrol subsidi bersasar itu. Kita ambil data daripada Kementerian Kewangan iaitu BSH dan juga kita ambil itu data daripada JPJ iaitu di bawah Kementerian Pengangkutan.

■2040

Untuk menggabungkan kedua-dua itu dan *cross referencing* kedua-dua data itu dari dua *database* yang di-*supply*, di bekal oleh kedua kementerian ini tidak lama. Memang hanya dua minggu, tiga minggu sahaja boleh kita buat satu *cross referencing* untuk kedua-dua *database* itu.

So, ia terpulang kepada program yang digunakan oleh kementerian-kementerian yang lain atau *how to integrate between different programs*. So, itu yang akan kita buat dengan peruntukan ini.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri satu lagi. Ini adalah untuk mengenal pasti kos yang sebenar kerana bila saya duduk syarikat kita pun kita kena pastikan kos sebenar. Kadang-kadang kita *subsidize cost* itu. Contohnya, lepas ini ramai juga wakil-wakil rakyat yang dulu melawat kawasan dan juga sebagainya. Contohnya, kadang-kadang kita sekali pergi ke kawasan, contohnya macam Segamat, kadang-kadang 300, 400 kilometer dalam itu pusing untuk tiga, empat hari.

Sekarang ini bila, harga petrol ini tidak diberikan subsidi dan juga sebagainya maksudnya dengan elaun yang diberikan tidak dinaikkan itu. Maksudnya kita akan *subsidize more on and so on*, so, juga diminta untuk buat kajian kepada jabatan kerajaan yang mereka yang diberi kerana mereka juga akan menghadapi masalah. Ini kerana dulunya dia lawat lima kali. Kalau sekarang tidak dibagikan mungkin dia akan lawat kurang dan juga dan sebagainya.

You know, this is a reality. Isunya adalah kerajaan harus kenal pasti kos yang sebenarnya diperlukan untuk menjalankan tugas, terima kasih- setakat boleh diberikan secara bertulis tapi mohon dibincangkan, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: *Thank you*, Yang Berhormat. So, bolehkah saya pergi ke Yang Berhormat Rantau Panjang lagi. Untuk menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang tentang TTPM, tribunal pengguna. Yang Berhormat bertanya tentang berapa kes yang difailkan dan jumlah yang diselesaikan dan apa cabaran yang dihadapi.

Jumlah kes yang telah difailkan dalam tahun ini sejak Januari hingga Oktober ialah 4431 kes dan jumlah nilai tuntutan difailkan adalah RM23,499,000 dan manakala jumlah award yang diberi adalah RM7,591,240. Cabaran yang dihadapi secara umumnya ialah perniagaan yang tidak beretika di dalam urusan jual beli dengan pengguna. Ada di antara mereka yang tidak ada alamat untuk di-serve-kan, disampaikan itu tuntutan.

Yang Berhormat Tebrau tanya tentang subsidi gas LPG untuk kegunaan isi rumah digunakan oleh industri- apa yang dibuat isu ini? Kementerian bersama Kementerian Kewangan sedang meneliti semula kaedah pengawalan subsidi LPG bagi memastikan penyampaian subsidi LPG yang lebih efektif. Setelah dasar baharu ini dimuktamadkan, ia akan diumumkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kita telah belanja lebih kurang lebih daripada RM1 bilion untuk subsidi LPG. Tanpa subsidi LPG ini satu tong harganya lebih kurang RM56. Oleh kerana ada subsidi harganya dijual di peringkat runcit adalah RM26.60. Untuk mereka yang hendak tong itu dihantar ke rumah masing-masing itu kos *transport*-nya terpulang kepada kontraktor-kontraktor masing-masing untuk caj pelanggan mereka. So, mungkin tanpa RM3 atau RM5. So, ya...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri, akan tetapi masalah yang saya faham adalah restoran-restoran dan termasuk hotel-hotel kerana mereka pun ada restoran menggunakan LPG dan juga dobi-dobi pun menggunakan LPG dan mereka pun beli tong yang sama seperti yang digunakan oleh isi rumah. Jadi mereka yang tidak sepatutnya dapat subsidi tapi dapatkan subsidi. Itu akan merugikan negara kita.

Tuan Chong Chieng Jen: Untuk hotel-hotel yang besar, kebanyakan mereka membeli menggunakan LPG yang tidak bersubsidi tetapi yang banyak pakai LPG yang bersubsidi ini adalah kedai-kedai makan umpamanya kedai mamak, Hailam Kopitiam dan juga penjaja yang jual makanan di pasar malam atau di pusat penjaja.

Ia juga adalah di dalam pertimbangan kita bahawa kalau kita tidak benarkan mereka menggunakan gas LPG yang bersubsidi maka harga tong gas itu akan melambung tinggi dan *expenses*-nya perbelanjaan mereka, perbelanjaan perniagaan mereka akan melambung tinggi. Akhirnya akan di-*translate* kepada peningkatan harga barangan dan harga makanan.

Oleh itu, ia bukan satu- saya rasa ini adalah bukan satu keputusan yang senang untuk kita buat dan kita selalunya hendak mengimbangkan kedudukan kewangan negara dan juga kepentingan rakyat dan juga untuk supaya harga barangan dan kos bisnes khususnya mereka *small businesses* itu janganlah kita menambahkan kos operasi mereka. Oleh itu, semua ini adalah di masih dalam pertimbangan kementerian dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, yang lain itu- isu-isu yang utama itu mengenai program subsidi bersasar, i-KeeP, *food bank* dan juga kos sara hidup ini merupakan isu-isu yang utama yang ramai...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Gerakan Kepenggunaan satu lagi yang besar, banyak disebut.

Tuan Chong Chieng Jen: Gerakan Kepenggunaan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Butiran 030100.

Tuan Chong Chieng Jen: Apa- 03?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Butiran 030100 yang saya bahas agak panjang.

Tuan Chong Chieng Jen: Butiran 030100. Okey Gerakan Kepenggunaan. Ia memang adalah satu polisi dan tugas utama untuk kementerian saya untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran pengguna tentang hak mereka sebagai pengguna untuk menjalankan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri respons hujah-hujah saya tadi? Cadangan saya pun ada.

Tuan Chong Chieng Jen: Bolehkah Yang Berhormat mengulangi poin kerana banyak di sini. Saya hendak cari pun susah.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya sentuh tadi kempen Beli Barangan Malaysia dan saya kaitkan dengan BMF yang menurunkan harga barangan dan menjamin makanan bersih di negara kita. Itu yang saya sentuh.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya seperti Yang Berhormat Kota Tinggi, jawablah bertulis juga tidak payahlah lama-lama. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi: Semua jawab bertulislah hari ini.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Timbalan Menteri...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Okeylah, jawab bertulislah- Sik pun hendak boleh sudah.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang kawalan harga hospital swasta?

Tuan Chong Chieng Jen: Ah?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kawalan harga hospital swasta.

Tuan Chong Chieng Jen: Kawalan harga hospital swasta itu, saya rasa tadi Menteri Kesihatan ada di sini. Adalah satu cadangan daripada kerajaan adalah untuk *external pricing* dan sekarang masih dalam perbincangan di antara kerajaan dengan *stakeholder*. Ia juga melibatkan

kementerian saya untuk menentukan itu harga ubat yang akan dijual di klinik atau hospital swasta.

Setakat ini tidak ada apa-apa kawalan atas itu ubat-ubat tetapi selepas satu perbincangan di antara kerajaan dengan *stakeholders* dan *pharmaceutical company*, kita akan wujudkan satu mekanisme untuk sedikit sebanyak untuk mengawalkan itu *margin of profit* yang akan dikaut oleh hospital-hospital swasta dan klinik-klinik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang lain jawapan bertulis. Semua setuju?

Beberapa Ahli: Setuju.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,019,962,600 untuk Maksud B.25, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,019,962,600 untuk Maksud B.25, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM78,498,800 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM78,498,800 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 18 November 2019.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat malam dan selamat beristirahat.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.53 malam]